05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

CITRA DAN STATUS DALAM NOVEL-NOVEL TERPILIH M. RAMAIAH

MAGASWARI ELIYARNI A/P SUBRAMANIAM

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANAH SASTERA (KESUSASTERAAN TAMIL)
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKLUTI BAHASA & KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti jenis citra wanita, kedudukan citra wanita dan menganalisis citra perjuangan watak wanita dalam tujuh buah novel terpilih M.Ramaiah. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks dan kaedah kepustakaan. Jenis citra wanita dikenal pasti mengikut teori A. Wahab Ali dan Ungku Maimunah Mohd Tahir. Kedudukan dan perjuangan wanita dikenal pasti mengikut teori femenisme Naomi Wolf. Kajian berasaskan A. Wahab Ali, mendapati 20 peratus watak wanita moden, 32.73 peratus watak wanita transisi dan 47.27 peratus watak wanita tradisi. Disambing itu, kajian berasaskan Ungku Maimunah Mohd Tahir menunjukkan 47.27 peratus watak wanita positif, 18.18 peratus watak wanita negatif, 23.64 peratus wanita tragis dan 10.91 peratus watak wanita tidak jelas dalam novel-novel tersebut. Dapatan kedua menunjukkan bahawa 8 peratus wanita adalah mangsa feminisme, 58 peratus wanita adalah feminis yang berkuasa, 30 peratus wanita adalah mempunyai kedua-dua ciri tersebut dan 4 peratus tidak mempunyai kedua-dua ciri tersebut. Dapatan ketiga kajian ini menunjukkan bahawa M. Ramaiah menonjolkan watak wanita dalam novel-novelnya sebagai tidak berupaya untuk mengubah nasib malang mereka. Beliau berjaya mencerminkan citra, kedudukan dan perjuangan wanita India dalam novel-novelnya. Kesimpulannya, kajian ini mendedahkan pelbagai dilema dan isu yang berlaku dalam masyarakat India di Malaysia. Penonjolan watak wanita dalam novel yang akan dihasilkan perlulah menonjolkan imej yang lebih positif terhadap watak-watak wanita India di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

IMAGE AND STATUS OF WOMEN IN THE SELECTED NOVELS OF M.RAMAIAH

ABSTRACT

This study aims to review women image, status and emancipation in the selected novels of M.Ramaiah. Three objectives of this study are to identify the type of women image, identify the status of women's image and analyzing the emancipation of the women in the selected novels of M.Ramaiah. This study uses textual analysis and library research. Feminist theory proposed by Showalter and Naomi Wolf was used to study these selected novels. The image of a woman is identified by scholars A.Wahab Ali and and Ungku Maimunah Mohd Tahir. The findings was based on A.Wahab Ali in selected novels of M.Ramaiah found reveal that, there were 20 percent of modern female characters, 32.73 percent of transition female characters and 47.27 percent of tradition female characters. The findings based on Ungku Maimunah Mohd Tahir, there were 47.27 percent of positive female characters, 18.18 percent negative female characters, 23.64 percent tragic female characters and 10.91 percent ambiguous female characters. The status of womens image was identified by using Naomi Wolf theory. The second objective findings show that 8 percent of women were feminist victims, 58 percent were power feminists. 30 percent of women have both features and 4 percent do not have both features. The third findings of the study found that M. Ramaiah was highlighting the female characters in his novels incapable of changing their pathetic conditions. M.Ramaiah managed to reflect the image, status and emancipation of Indian women in the selected novels. This study reveals various dilemmas and women's issues in the society with the hope of changing the status of Indian women in Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Muka Surat

PERAKUAN **ii**

PENGHARGAAN **iii**

ABSTRAK **iv**

ABSTRACT **v**

KANDUNGAN **vi**

SENARAI JADUAL **x**

SENARAI RAJAH **xii**

SENARAI SINGKATAN **xiii**

TRANSLITERASI **xiv**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 3

1..3 Permasalahan Kajian 9

1.4 Objektif Kajian 18

1.5 Soalan Kajian 18

1.6 Kepentingan Kajian 19

1.7 Batasan Kajian 20

1.8 Sumber Kajian 22

1.9 Definisi Konsep 22

1.9.1 Feminisme 23

1.9.2 Pemikiran 24

1.9.3 Citra 24

1.10 Kesimpulan 25

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2 SOROTAN LITERATURE

2.1 Pengenalan 26

2.2 Pemikiran, Feminisme Dan Pemikiran Tentang Feminisme 27

2.2.1 Pemikiran 27

2.2.2 Feminisme 30

2.2.3 Pemikiran Tentang Feminisme 31

2.3 Kajian-Kajian Terdahulu 35

2.3.1 Kajian Pemikiran Novel Tamil Di Malaysia 36

2.3.2 Kajian Novel Malaysia Dari Luar Negara 40

2.3.3 Kajian Feminisme Malaysia 45

2.3.4 Kajian Feminisme Dalam Kesusateraan Tamil Malaysia 50

2.4 Kesimpulan 56

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan 58

3.2 Reka Bentuk Kajian 58

3.3 Kerangka Kajian 61

3.4 Kaedah Kajian 62

3.4.1 Kajian Perpustakaan 62

3.4.2 Kajian Teks 64

3.5 Kaedah Pengumpulan Data 64

3.5.1 Pembacaan Data 65

3.5.2 Pemilihan Data-Data Yang Berkaitan Dengan Feminisime 65

3.5.3 Pembahagian Mengikut Skop Feminisme 66

3.5.4 Penganalisisan Makna Kandungan 66

3.5.5 Pembentukan Ciri Citra Umum 67

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Teori Kajian 68
3.6.1 Teori Kritik Feminisme Showalter 69
3.6.2 Teori Naom Wolf 73
3.7 Kerangka Kajian Citrai Feminisme 76
3.7.1 Kajian Citra Wanita 77
3.7.2 Jenis Watak Wanita 77
3.8 Kesimpulan 82

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan 83
4.1 Analisis Jenis Watak 84
4.1.1 Jenis Wanita Mengikut A. Wahab Ali 84
4.1.2 Watak Wanita Moden 85
4.1.3 Wanita Transisi 94
4.1.4 Wanita Tradisi 103
4.1.5 Rumusan Jenis Watak 113
4.1.6 Mengikut Jenis Wanita Ungku Maimunah Mohd Tahir 117
4.1.6.1 Jenis Watak Positif Mengikut Ungku Maimunah Mohd Tahir 118
4.1.6.2 Jenis Watak Negatif Mengikut Ungku Maimunah Mohd Tahir 129
4.1.7 Jenis Watak Tragis 134
4.1.8 Rumusan Jenis Watak Positif, Negatif dan Tragis 139
4.2 Analisis Kedudukan Wanita 143
4.3 Analisis Citra Perjuangan Wanita 189
4.4 Kesimpulan 233

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5 RUMUSAN

5.0 Pengenalan 236

5.1 Citra Wanita dalam Novel-Novel M. Ramiah 236

5.1.1 Rumusan Analisis Jenis Watak Wanita dalam Novel-Novel Terpilih M. Ramaiah 237

5.1.2 Rumusan Analisis Kedudukan wanita dalam novel-Novel Terpilih M. Ramaiah 239

5.1.3 Rumusan Perjuangan Wanita dalam Novel-Novel Terpilih M. Ramaiah 241

5.2 Cadangan Kajian Selanjutnya 245

5.3 Kesimpulan 246

RUJUKAN 247

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No.Jadual		Muka Surat
3.1	Kerangka Kajian	61
3.2	Rumusan Ciri-ciri Tentang Citra Wanita	79
3.2	Jenis Watak	81
4.1	Jenis Watak Wanita Dalam Setiap Novel	114
4.2	Perincian Jenis Watak Wanita Dalam Setiap Novel	117
4.3	Jenis Watak Positif, Negatif Dan Tragis Wanita Dalam Setiap Novel	140
4.4	Perincian Jenis Watak Positif, Negatif Dan Tragis Wanita Dalam Setiap Novel	142
4. 5	Perincian Jenis Watak Wanita. Dalam Novel Al:Akin A:Rathanai	144
4.6	Rumusan Perwatakan Watak Wanita , Novel Al:Akin A:Rathanai	146
4.7	Perincian Jenis Watak Wanita Dalam Novel Nheruppu Cunai	150
4.8	Perincian Jenis Watak Wanita Dalam Novel Nheruppu Cunai	152

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.9	Feminisme Mangsa dan Feminisme Kekuasaan Dalam Novel Cankamam	156
4.10	Perincian Jenis Watak Wanita Dalam Novel Cangkamam	157
4.11	Feminisme Mangsa dan Feminisme Kekuasaan Dalam Novel Ethir Vi:t:u	160
4.12	Perincian Jenis Watak Wanita Dalam Novel Ethir Vi:t:u	163
4.13	Feminisme Mangsa dan Feminisme Kekuasaan Vil-Alum Nhirum	170
4.14	Perincian Watak Wanita Dalam Novel Dalam Novel Vil-Alum Nhirum	174
4.15	Feminisme Mangsa dan Feminisme Kekuasaan Mana U:Nangal	178
4.16	Perincian Jenis Watak Wanita Dalam Novel Mana U:Nangal	179
4.17	Feminisme Mangsa dan Feminisme Kekuasaan Payan:angkal: Mut:ivathillai	183
4.18	Perincian Jenis Watak Wanita Dalam Novel Payan:angkal: Mut:ivathillai	184
4.19	Peratus Feminisme Mangsa dan Feminisme Kekuasaan daripada keseluruh Novel	186
4.20	Ciri –Ciri Golongan Wanita Dalam Keseluruhan Novel	187

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
3.1	Reka bentuk Kajian	60
3.2	Aliran Methodologi Kajian	68
4.1	Peratusan Jenis Watak Wanita Dalam Tujuh Buah Novel	116
4.2	Peratusan Jenis Watak Positif, Negatif Dan Tragis Wanita Dalam 7 Buah Novel	143
4.3	Kedudukan Wanita Dalam Novel-Novel Terpilih M. Ramaiah	188

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
NGO	*Non Goverment Organisastion*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TRANSLITERASI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penggunaan transliterasi nama-nama dan istilah-istilah Tamil melalui transliterasi Bahasa Melayu adalah berdasarkan kepada Sistem Transliterasi yang digunakan dalam Tamil Culture. Berikut adalah dasar-dasar kepada transliterasi huruf-huruf bahasa Tamil yang digunakan.

உயிரெழுத்துகள் / Huruf-huruf Vokal

அ	-	a	எ	-	e
ஆ	-	a:	ஏ	-	e:
இ	-	i	ஐ	-	ai
ஈ	-	i:	ஒ	-	o
உ	-	u	ஓ	-	o:
ஊ	-	u:	ஔ	-	au
			ஃ	-	x

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

மெய்யெழுத்துகள் / Huruf-huruf Konsonen

க்	-	k	த்	-	th	ல்	-	l
ங்	-	ng	ந்	-	nh	வ்	-	v
ச்	-	c	ப்	-	p	ழ்	-	l-
ஞ்	-	nj	ம்	-	m	ள்	-	l:
ட்	-	t:	ய்	-	y	ற்	-	t
ண்	-	n:	ர்	-	r	ன்	-	n

சமஸ்கிருத எழுத்துகள் / Huruf-huruf Sanskrit

ஜ்	-	j	ஹ்	-	h
ஷ்	-	sh	க்ஷ்	-	ks
ஸ்	-	s	ஸ்ரீ	-	sri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Sesuatu karya sastera sebenarnya lahir di tengah-tengah sesebuah masyarakat sebagai hasil imaginasi seseorang penulis berdasarkan refleksinya terhadap peristiwa-peristiwa yang berlaku di persekitarannya. Para penulis menulis cerita tersebut berdasarkan imaginasi dan kehendak yang ada dalam diri mereka. Imaginasi mereka ini pula dipengaruhi oleh faktor dalaman jiwa mereka, kepentingan diri dan tuntutan persekitaran. Lantaran itu boleh dikatakan bahawa dalam karya seni tersebut sebenarnya wujud dua elemen iaitu khayalan dan realiti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, seseorang pengarang juga akan melakarkan pandangan dunianya melalui peristiwa-peristiwa dalam karya tersebut. Watak-watak khayalan yang diwujudkan dalam ceritanya itu merupakan satu hiburan dan ruang untuk kita menjenguk sudut pandangan penulis tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana wujud penggabungjalinan antara imaginasi penulis sebagai individu dalam masyarakatnya serta rujukan realiti sosial yang ada di persekitarannya. Seiring dengan ini, karya sastera akan membuka ruang kepada pembaca untuk melihat masyarakatnya kerana semasa penulis berkarya wujud kecenderungan yang jelas dalam karyanya itu yang berpaksi kepada akar budaya masyarakat persekitarannya.

Ringkasnya, sastera ialah rakaman kehidupan yang mengali dan menyelongkar kehidupan manusia daripada pelbagai dimensi dan sudut pandang yang berbeza-beza. Sesebuah karya sastera sebenarnya tidak dihasilkan dalam kekosongan atau tanpa sebab dan hal ini telah dijelaskan oleh Mohamad Mokhtar Hassan (2005) dengan menarik. Menurutnya, teks atau karya sastera ialah rakaman imaginasi pengarang yang di dalamnya sarat dengan maklumat dan isian sama ada bersifat keintelektualan mahupun kerohanian.

Dari prespektif yang berbeza pula, sesuatu yang digarap dalam sastera ialah sesuatu yang berlaku dan terjadi dalam realiti kehidupan manusia. Usman Awang, A.Samad Said dan Dharmawijaya pernah menegaskan bahawa sastera ialah gambaran kehidupan manusia. Asraf (1954) pula berpendapat bahawa sastera berperanan untuk memberi suluh pada seseorang pembaca. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa dan kesusasteraan adalah juga alat untuk memajukan fikiran rakyat (Keris Mas, 1962). Rentetan itu, boleh dikatakan bahawa seluruh kejadian dalam sesebuah karya sastera

sebenarnya berkisar kepada kejadian yang pernah dan mungkin terjadi dalam kehidupan sehari-hari. Lantaran itu, karya sastera dianggap sebagai representasi kolektif yang secara umum berfungsi sebagai sarana untuk memperjuangkan aspirasi dan kencenderungan masyarakat yang berkaitan dengannya. Manakala Horace yang dipetik oleh Mohd. Yusof Hasan (1995) pula berpendapat bahawa kesusasteraan, mempunyai unsur *dulce* dan *utile* iaitu keindahan dan manfaatnya. Tambahan pula sastera dan masyarakat merupakan dua entiti yang saling berhubungan dan tidak dapat dipisahkan (Sohaimi Abdul Aziz, 1992). Tanpa sastera, masyarakat tidak dapat mengenali kehidupannya dan tanpa masyarakat, sastera pula tidak dapat menemui bentuknya. Hujah-hujah ini menunjukkan bahawa karya sastera mampu dianggap sebagai dokumen sosial.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Latar Belakang Kajian

Jelas kelihatan kepada kita bahawa sastera secara ringkasnya berkisar tentang kehidupan manusia dan di dalamnya terselit rakaman yang berkaitan dengan moral, situasi sosial dan sejarah masyarakatnya. Salah satu genre sastera yang popular ialah novel. Novel dikatakan salah satu bentuk rakaman tulisan yang menyentuh tentang perwatakan yang sering kita temui dalam kehidupan harian kita (Manonmani Devi, 2008). Novel merupakan salah sebuah genre sastera moden yang paling popular sejak abad ke-20**.** Bermula dari abad ke-20 ini, genre novel telah berkembang dengan begitu pesat dan mewarnai dunia kesusasteraan**.** Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa novel merupakan salah satu bentuk kesusasteraan yang begitu menonjol dalam era ini (Sababathy, 1999).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perkataan novel ini sebenarnya berasal dari perkataan Latin '*novellas*' (Dhandayudham, R. 1980). Kata akar bagi perkataan ini ialah kata *novus* yang membawa makna baharu dalam bahasa Inggeris (Baktavatsalam, 1977). Dalam bahasa Sepanyol pula dikenali sebagai '*novela*' dan dalam bahasa Perancis pula '*nouvelle*' yang bermaksud 'sebuah kisah' atau 'sepotong berita'. Novel bukanlah karangan yang berbentuk fakta. Penulis novel pula dikenali sebagai novelis (Siti Hajar, 2009).

Dalam konteks kesusasteraan Tamil pula cerita rekaan baharu ini dikenali sebagai *putinam, naval, navinam, dan navinakam* (Visvanathan, 1976). Seperti yang telah ditegaskan perkataan 'novel' dalam istilah bahasa Inggeris bermaksud baharu dan lantaran itu dalam bahasa Tamil istilah yang sesuai ialah *putinam* (*Tamil Lexicon*, 1976).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dilihat dari sudut definisinya, novel boleh diertikan sebagai karya fiksyen yang panjang (Hashim Awang, 1984). Di dalamnya terdapat watak, latar, plot dan unsur-unsur fiksyen yang lain. Ceritanya mengandungi konflik, percubaan menyelesaikan konflik, puncak dan peleraian. Selain itu, novel juga merupakan karangan berbentuk fiksyen atau cereka, iaitu cerita rekaan. Novel ialah cerita panjang yang ditulis dan dikarang dalam bentuk prosa. Novel dikategorikan sebagai prosa naratif (Rahman Shaari, 2001).

Shahnon Ahmad yang dipetik oleh Kamarudin Hj. Husin dan Siti Hajar Hj. Abdul Aziz (1998) pula melihat novel sebagai satu bentuk pentafsiran rencaman hidup manusia yang ditulis dalam bentuk sastera cereka. Dalam konteks ini, novel

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merangkumi tiga faktor utama yang saling berkait antara satu sama lain, iaitu pengalaman peribadi, realiti rencaman hidup dan imaginasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala Arba'ie (2008) menyatakan bahawa novel yang terhasil daripada cetusan gabungan daya rasa, kepekaan dan keprihatinannya terhadap apa yang diamati dan dialami oleh masyarakat. Tegasnya, novel bukan sahaja satu bentuk ilmu yang berseni tetapi turut merangkumi segala aktiviti manusia secara kreatif. Sesebuah karya novel juga merupakan cerminan realiti kehidupan. Persoalan-persoalan yang dipaparkan dalam sesebuah karya novel merupakan rakaman realiti dalam masyarakatnya. Ringkasnya, novel merupakan renungan serta pengamatan pengarangnya dan diterjemahkan secara halus dan berhemah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan tiga definisi ini boleh dirumuskan bahawa novel merujuk kepada bentuk sastera yang merupakan karya panjang dan kompleks sifatnya yang terbina dengan unsur-unsur utamanya seperti plot, perwatakan, latar dan sudut pandangan. Ringkasnya, novel merupakan karya sastera yang bersifat realis. Lebih terperinci lagi novel ialah sebuah roman yang lebih panjang dari cerita pendek dan menceritakan kehidupan seseorang dengan lebih mendalam dengan menggunakan bahasa sehari-hari serta banyak menyentuh aspek kehidupan manusia. Di dalam novel ini tersuguh atau termuat sebahagian daripada sebuah kehidupan masyarakatnya. Secara umumnya, novel merupakan tanggapan pengarang terhadap lingkungan sosial budaya sekelilingnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seiring dengan ini, novel boleh dikategorikan sebagai karya sastera yang berfungsi sebagai tempat menuangkan pemikiran pengarangnya sebagai reaksi dirinya

terhadap keadaan sekitarnya. Sebuhungan dengan ini, kita boleh rumuskan bahawa novel juga mampu menjadi cermin pantulan kepada sesebuah masyarakat dan dokumen yang merakamkan perkembangan sesebuah masyarakat. Lantaran itu, kita dapat melihat adanya hubungan erat antara karya kreatif dengan konteks zamannya. Dalam setiap novel terselit hasil pengaruh yang rumit dari faktor-faktor sosial dan budayanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Salah satu masyarakat yang menjadi warga Malaysia ialah masyarakat India. Sehubungan dengan itu, seperti yang telah dikupaskan di atas, hasil kesusasteraan yang dihasilkan oleh mereka turut merakamkan kehidupan masyarakat India di negara kita. Sebelum kita melihat kesusasteraan mereka, kita perlu melihat sejarah masyarakat India itu sendiri di negara kita.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sejarah masyarakat India di Semenanjung Tanah Melayu dikatakan wujud sejak pada abad kedua sebelum Masihi dengan kerajaan Langkasuka (Purcell, 1965). Menurut Arasaratnam (1964) kaum India merupakan masyarakat ketiga terbesar di Malaysia. Kedatangan masyarakat India ke Tanah Melayu dikatakan oleh Mohamad Idris Saleh, Che Su Mustafa dan Fauziah Shaffie (1994) bermula sejak abad pertama dan dipercayai didorong oleh keinginan untuk menyebarkan kepercayaan Hindu dan Buddha di Kepulauan Melayu. Namun demikian semasa Zaman Kesultanan Melayu Melaka pula, mereka terlibat dalam bidang perniagaan (Asmiaty Amat, 2000). Pada akhir abad ke-19 British menguasai dan menjajah India sebelum mereka tiba ke Tanah Melayu. Akibat desakan ekonomi kaum India mula dibawa oleh British ke Malaya untuk menjayakan dasar-dasar ekonominya (Mills, 1966). Sebenarnya hal ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dipengaruhi oleh hakikat penguasaan British yang menjadi penjajah yang sama di India dan Tanah Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kehadiran masyarakat India untuk memenuhi tuntutan ekonomi ini dikatakan bermula pada abad ke-18 apabila British membawa orang India untuk bekerja di ladang kopi dan tebu di Tanah Melayu di Pulau Pinang (Anbalakan, 2008). Golongan imgiran ini mula membanjiri ladang-ladang getah di Tanah Melayu sebagai kuli (Asmiaty Amat, 2000) kerana pihak British memerlukan tenaga buruh untuk tujuan dasar ekonomi terutamanya pertanian di Tanah Melayu. Menurut Stenson (1980) orang Tamil memenuhi kehendak ini kerana mereka bersedia untuk bekerja seperti hamba dalam keadaan yang paling teruk untuk upah yang sangat rendah. Di negara kita bolehlah dikatakan bahawa sejarah kedatangan orang India wajar dikaitkan dengan perkembangan industri getah (Ummadevi Suppiah, 2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kehadiran golongan ini ke Malaysia turut mengheret pelbagai aspek kehidupan mereka ke negara kita. Salah satu daripadanya ialah tradisi penulisan mereka. Seperti yang kita sedia maklum, masyarakat India di Malaysia kebanyakannya terdiri daripada golongan etnik Tamil. Hasilnya bersama kehadiran mereka, sistem pendidikan Tamil turut berkembang di nusa kita. Seiring dengan ini, kesusasteraan Tamil mula berakar umbi di negara kita (Manisegaran, 1988). Salah satunya ialah novel Tamil Malaysia.

Menurut Sababathy (1992) pengenalan novel dalam kesusasteraan Tamil berkait rapat dengan kehadiran British di India sebagai penjajah. Kedatangan mereka telah merintis jalan kepada pengenalan novel di India. Malah pada akhir abad ke-20

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengaruh genre novel ini mula mendapat tempat dan berkembang dengan pesat di India dan seterusnya di negara kita.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kesusasteraan India, genre novel yang pertama sebenarnya diterbitkan dalam bahasa Tamil pada tahun 1876 oleh Mayuram Vethanayagam Pillai yang berjudul *Piratha:pa muthaliya:r cariththiram*. Novel ini turut diangkat sebagai novel yang pertama dalam bahasa Tamil (Manonmani Devi, 2008). Lantaran itu, menurut Sauriraj (1997) Mayuram Vethanayagam Pillai diiktiraf sebagai 'Bapa Novel Tamil'.

Dalam dunia penulisan kesusasteraan Tamil, novel mula mendapat momentum selepas itu dan berkembang dengan pesat serta bertapak dengan kukuh. Ramai novelis yang tersohor mula menempa nama dalam bidang penulisan novel Tamil. Antaranya ialah Kalki, Mu.Varatharasan, Agilan Jayakanthan, Asokamithran, Jaya Mohan dan lain-lain lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengaruh perkembangan novel di India turut memberi tempiasan kepada masyarakat imigran Tamil untuk berjinak-jinak dalam penulisan novel ini. Novel *Karun:a:karan allathu ka:thalin ma:t:ci* yang diterbitkan pada tahun 1917 karya Vekatarettinam (Loganayagi, 1971) yang merupakan karya sulung dalam konteks penulisan novel tempatan kita dalam bahasa Tamil. Sedikit demi sedikit genre novel ini mula mendapat tempat dalam konteks negara kita.

Pa:lacunhtharam ataupun *Canma:rkka Jeyam* pula merupakan novel kedua di negara kita hasil nukilan Supramaniam pada tahun 1918 (Mathialagan, 1988). Novel awal ini menggunakan Tamil Nadu sebagai latar tempat dan masyarakatnya serta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ditulis dalam dua bahagian masing-masing (Sababathy, 1992). Penghasilan novel Tamil di Malaysia mula terbantut dan hanya selepas tahun 1930-an sahaja muncul semula dalam tradisi penulisan tempatan (Mathialagan, 1988). Banyak faktor seperti Perang Dunia Pertama menjadi punca kepada keadaan ini (Manonmani Devi, 2008). Dalam tempoh ini terdapat 13 buah novel yang diterbitkan. Manakala dalam tempoh antara tahun 1940-an dan 1950-an hanya sebuah novel sahaja yang telah diterbitkan iaitu *Mo:va:thamullai* yang ditulis oleh Narasimmaraj yang diterbitkan pada tahun 1949 (Sababathy, 1992).

Era 1960-an merupakan dekad peningkatan dalam sejarah kesusasteraan novel Tamil Malaysia. Dekad 1970-an pula merupakan zaman yang cukup bermakna kepada perkembangan novel Tamil di Malaysia (Sababathy, 1996). Sebanyak 23 buah novel telah diterbitkan dalam bentuk buku pada era ini. Dekad 1980-an memperlihatkan era yang membanggakan novel-novel Tamil Malaysia. Sebanyak 25 buah novel telah diterbitkan pada tempoh ini (Manonmani Devi, 2008) Tahun 1990-an hingga hari ini perkembangan novel di Malaysia agak perlahan. Cuma terdapat beberapa orang penulis sahaja yang masih berminat untuk menghasilkan novel.

1.3 Permasalahan Kajian

Williams (1977) berpendapat bahawa kesusasteraan merupakan salah satu daripada pelbagai institusi yang mampu menyampaikan secara domiman bagi mentafsirkan pengalaman manusia berdasarkan beberapa skrip ideologikal yang berfungsi. Pendapat yang hampir sama diajukan oleh Eagleton. Bagi beliau hasil kesusasteraan

> *Literary works are not mysteriously inspired, or explicable simply in term their author's psychology. They are forms of perception, particular ways seeing the world; and as such they have a relation to that dominant way of seeing the world which is the social mentality or ideology of an age.*
>
> *(Eagleton, 1976: 6)*

Hal ini dihuraikan dengan jelas oleh Hashim Awang (1997) yang menegaskan bahawa pemikiran dalam kesusasteraan termasuk novel terbahagi kepada dua. Aspek pertama ialah pemikiran yang ditimbulkan oleh pelbagai watak dalam sesuatu cerita, lakonan dan sajak. Kedua pula ialah pemikiran yang membangunkan tema atau makna daripada keseluruhan karya tersebut. Ringkasnya, kedua-dua pemikiran disebutkan itu berasal daripada penulis. Apabila pemikiran dinyatakan melalui watak tertentu dalam sesebuah karya, pembaca harus berhati-hati untuk tidak menjadikannya sebagai satu nilai yang benar. Hal ini dikatakan demikian kerana pemikiran sewajarnya dipertimbangkan dalam konteks dan hubungannya dengan keseluruhan karya.

S.Othrnan Kelantan (1997) pula berpendapat bahawa pemikiran dalam karya kesusasteraan merujuk kepada idea yang wujud daripada golongan intelektual yang menggunakan fakulti kritikal dalam mindanya untuk memikirkan sesuatu masalah dalam masyarakatnya. Seterusnya pemikiran tersebut disebarluaskan ke dalam lingkungan masyarakatnya atau ke luar daripada masyarakatnya. Hal ini mungkin timbul kerana golongan penulis merakamkan ketidaksenangan dan kegelisahannya dalam bentuk novel mengikut ancaman yang muncul pada zamannya. Lantaran itu adalah afdal untuk dikaji pemikiran yang tersembunyi ataupun tersirat dalam sesebuah novel untuk melihat keupayaan dan keunggulan pengarang meluahkan perasaan mereka yang beragam dan kompleks itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kita perlu mengakui bahawa penulisan kreatif merupakan bidang ilmu yang sentiasa berkembang dari semasa ke semasa, sesuai dengan perubahan pemikiran manusia, teknologi dan gaya kreativiti manusia. Walau apapun perubahan yang berlaku dalam bidang penulisan kreatif, sama ada dari segi teori dan praktik, hanya golongan penulis yang cekal, beriltizam dan serius sahaja yang akan kekal terlibat sebagai penulis.

Dari perspektif yang berbeza pula, salah satu aspek pemikiran dalam novel ialah citra dan pemikiran mampu digali melalui watak-watak yang beraneka ragam dalam urutan plot cerita tersebut. Dalam kajian ini, pengkaji akan mengkaji tentang pemikiran kreatif penulis dalam membangunkan watak dan sahsiah wanita. Kenapakah kita perlu mengkaji watak wanita? Wanita merupakan golongan yang wujud dalam masyarakat kita. Kehadiran wanita agak menonjol dalam masyarakat Malaysia. Tidak keterlaluan juga dikatakan bahawa wanita merupakan seseorang yang menjadi tonggak kepada pembangunan seorang lelaki. Lantaran itu, kewujudan watak wanita dalam sesuatu karya adalah suatu pelengkap bagi karya tersebut. Masyarakat Barat menyedari akan peranan kaum golongan wanita dalam waktu-waktu peperangan sekitar 1970-an. Sebaliknya, masyarakat India juga telah lama menyedari kepentingan dan peranan yang dimainkan oleh golongan wanita. Malahan sejarah masyarakat India yang mengalami perubahan yang mendadak sejak penghujung tahun-tahun 70-an meletakkan kedudukan golongan wanita dalam situasi yang baharu. Perkembanagn peluang untuk menimba pendidikan telah membawa perubahan dalam kehidupan wanita. Malahan perkembangan ekonomi juga turut mengheret golongan ini untuk terlibat secara langsung dan sektor ekonomi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tambahan pula kebanyakan novel penulis ini didasari oleh watak wanita. Tentulah pencitraan watak wanita agak menonjol dalam karya-karya seumpama ini kerana perkembangan cerita digerakkan oleh watak-watak wanita. Memandangkan watak wanita agak menonjol dalam karya-karya penulis ini, maka pendekatan kritikan feminsime telah dijadikan landasan untuk membaca karya-karya ini. Memandangkan hal ini pengkaji telah mengambil keputusan untuk mengkaji watak wanita menggunakan pendekatan feminisme dalam novel karya M**.** Ramaiah.

Hal yang sama juga boleh dikatakan tentang dunia kesusasteraan Tamil Malaysia. Kehadiran M**.**Ramaiah dalam dunia penulisan novel Tamil Malaysia memang sangat dirasakan pentingnya. Hal ini demikian kerana M.Ramaiah merupakan seorang penulis yang prolifik kerana telah menghasilkan banyak karya. Sehingga hari ini M.Ramaiah dikatakan telah menghasilkan lebih 500 cerpen, 100 esei, 50 sajak, 14 novel dan 3 novel bersiri. Malahan pengarang kelahiran Tangkak ini yang mula berkecimpung dalam dunia penulisan sejak 1940-an *(Mimpi dan Impian*, 2014).

Selain itu, M.Ramaiah ini juga adalah antara penulis veteran Tamil Malaysia yang masih lagi aktif menulis. Pada tahun 1975 Ramaiah telah diberi jolokan ‘Sirukathai Mannan’ yang bermaksud Raja Cerpen Tamil Malaysia. M. Ramaiah juga telah dikatakan sebagai sasterawan Tamil yang ulung di Malaysia. Malahan A.Thevarajan seperti yang terakam dalam buku *Mimpi dan Impian* (2014) berpendapat bahawa Ramaiah ialah penulis prolifik yang tidak asing lagi di persada seni kreatif tanah air, khususnya dalam kalangan pencinta kesusasteraan Tamil Malaysia. Malah apa yang lebih menarik ialah Ramaiah merupakan individu

pertama yang berjaya menerbitkan antologi cerpennya pada tahun 1953 dalam dunia kesusasteraan Tamil di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

A.Thevarajan turut menegaskan bahawa M.Ramaiah bukan calang-calang orangnya kerana ketajaman tulisan beliau bagaikan seorang doktor sastera yang mengubati pergolakan sukma masyarakat. Malahan Presiden Persatuan Penulis-penulis Tamil Malaysia, P. Rajendran, berpendapat bahawa jika seorang pengkaji luar negara yang ingin menghayati liku-liku hidup masyarakat Tamil di Malaysia, maka perlu mendalami karya-karya hasil Ramaiah Memandangkan tafsiran pendapat Rajendran dan Thevarajan, M. Ramaiah sebagai seorang penulis banyak menyumbang kepada dunia kesusasteraan Tamil. Lebih-lebih lagi, ketokohan penulis ini telah diiktiraf dalam dunia kesusasteraan Tamil Malaysia**.** Tentulah karya-karyanya mempunyai kedudukan yang tersendiri. Memandangkan hakikat ini, M Ramaiah telah dipilih untuk kajian tentang masyarakat India ini. Tambahan pula, ketokohan penulis ini terbukti melalui pelbagai hadiah yang pernah digondolnya sejak tahun 1950-an lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kualiti yang telah ditegaskan oleh Thevarajan ini perlu diberi perhatian dan menjadi asas kepada pemilihan penulis ini untuk dibuat kajian pemikiran dan citra wanita ini. Hal ini demikian kerana pengarang yang menghasilkan sesuatu karya dikatakan bahawa sememangnya seseorang yang arif tentang persekitaran dan kehidupan masyarakatnya sama ada yang menjadi khalayak pembacanya ataupun yang menjadi sumber penulisannya itu. Malahan dalam memperkatakan tentang tugas seseorang penulis, dapat dirumuskan bahawa penulisan atau karya yang dihasilkan oleh mereka bertujuan untuk mendidik, menghibur dan memaklumkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada khalayak pembacanya. Oleh hal yang demikian, dalam karya mereka terdapat berbagai-bagai ilmu dan maklumat, termasuk pemikiran dan citra masyarakatnya. Bertitik tolak daripada andaian inilah, karya-karya M. Ramaiah telah dipilih untuk kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tambahan pula, zaman penulis ini berkarya juga menjadikannya seorang penulis yang wajar diberi perhatian dalam dunia kesusasteraan Tamil. Hal ini demikina kerana tahun 1970-an dan 1980-an merupakan zaman yang penting kepada masyarakat India Malaysia kerana banyak perubahan sosial yang berlaku. Penghijarhan dari ladang ke bandar, perkembangan ekonomi dan perubahan landskap politik telah memberi kesan yang mendalam kepada golongan masyarakat India di negara kita. Lantaran itu, karya-karya yang dihasilkan pada era ini mampu memberikan citra sebenar masyarakat India.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun demikian timbul satu lagi masalah kerana penulis yang dipilih ini seorang penulis lelaki. Hal ini dikatakan demikian kerana karya-karya lelaki sering mengungkapkan ciri-ciri *malecentredness.* Berdasarkan hasil-hasil kajian, pengarang lelaki dikatakan cenderung untuk memberikan gambaran yang tidak tepat mengenai wanita, (Norhayati Binti Ab. Rahman, 2005). Keadaan ini disebabkan oleh perbezaan biologi dan psikologi, di samping pengaruh pengalaman sosiobudaya yang berbeza. Patricia Meyer Spacks dalam The Female Imagination (1975) dan Elaine Showalter dalam A Literature of Their Own (1977) pernah menulis tentang perbezaan gaya mengarang wanita dengan lelaki. Pembicaraan tentang citra wanita dalam dunia kesusasteraan sering kali menjurus kepada persepsi wanita sebagai bahan penceritaan, sama ada dalam hasil karya pengarang lelaki ataupun wanita. Pemerian watak wanita

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam karya sastera oleh pengarang lelaki dan wanita, dikatakan berbeza. Kajian ini sebenarnya bertitik tolak daripada andaian bahawa bahawa karya-karya tulisan pengarang lelaki mempunyai kelainan berbanding dengan gaya penulisan pengarang wanita.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini bertitik tolak daripada kesedaran bahawa wujud permasalahan dalam novel karya pengarang lelaki sering menggambarkan wanita dengan imej yang stereotaip, pengalaman wanita dipinggirkan, suara wanita dibisukan dan bentuk-bentuk paparan yang hanya menyerlahkan *malecentredness*. Oleh itu, penelitian ini cuba melihat sejauh mana M. Ramaiah mencitrakan watak wanitanya dalam novel-novel nukilannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tambahan pula, sesebuah novel boleh digunakan sebagai bahan kajian wacana masyarakat yang digunakan untuk mengekalkan nilai-nilai dominan yang mengawal perkembangan dan peranan wanita dalam mana-mana masyarakat (Wong Soak Koon, 2002). Menurutnya lagi, keberkesanan genre novel sebagai wahana untuk menyuarakan pengalaman hidup para wanita telah diperdebatkan sejak abad ke-19 lagi. Secara umumnya, wanita dipandang rendah kerana mereka tidak berdaya dan berani seperti lelaki**.** Memandangkan realiti ini penulis novel cuba memaparkan hal-hal sedemikian dalam penulisannya. Kita sering melihat bahawa pembicaraan citra wanita dalam sastera Tamil seringkali menjurus ke arah usaha untuk melihat wanita sebagai bahan penceritaan. Lakaran tentang watak wanita dalam sesebuah karya sastera dikatakan berbeza mengikut pengarangnya. Permasalahan mengenai citra pemikiran yang diungkapkan dalam novel adalah menarik untuk dikaji. Hal ini kerana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemikiran merupakan pusat utama dapat dilihat gagasan seseorang penulis memperlihatkan perjuangan mereka menerusi hasil-hasil seninya (Baha Zain,1991).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan dengan itu, secara ringkasnya, kajian ini cuba untuk melihat pemikiran citra wanita dalam novel seorang penulis lelaki Tamil dari Malaysia. Penyelidikan ini ialah suatu kajian yang berkaitan dengan feminisme seperti yang dipaparkan dalam novel M**.**Ramaiah**.** Walaupun sudah ramai pengkaji telah mengkaji tentang feminisme**,** tetapi setakat ini tiada pengkaji yang mengkaji penggunaan pemikiran feminisme dalam novel karya M**.**Ramaiah di Malaysia**.** Lebih-lebih lagi, kebanyakan novelnya membicarakan watak wanita, pendekatan seumpama ini kelihatan lebih sesuai untuk digunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Meneliti novel-novel yang telah dihasilkan oleh Ramaiah jelas bahawa persoalan berkaitan dengan aspek citra dan pemikiran yang diungkapkan masyarakat jelas tergambar. Hal ini kerana M.Ramaiah merupakan seorang novelis yang produktif dalam menghasilkan karya dalam dunia kesusasteraan Tamil, Malaysia. Pada pendapat pengkaji terdapat pelbagai aspek dalam karya M.Ramaiah perlu diberi penekanan sewajarnya terutama sekali aspek pemikiran. Melihatkan hal-hal ini, pengkaji menjalankan kajian ini untuk menilai citra pemikiran dan pandangan penulis serta kedudukan wanita seperti yang terlakar dalam latar novel tersebut**.**

Walaupun penulis mempunyai kebebasan dalam menyatakan pemikiran namun timbul persoalan sama ada pemikiran yang diungkapkan itu dipengaruhi atau tidak oleh faktor-faktor tertentu. Tambahan pula, pembicaraan tentang citra wanita dalam dunia kesusasteraan sering kali menjurus kepada persepsi wanita sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahan penceritaan, sama ada dalam hasil karya pengarang lelaki ataupun wanita. Pemerian watak wanita dalam karya sastera oleh pengarang lelaki dan wanita, dikatakan berbeza. Oleh hal yang demikian, kajian perlu membongkar anggapan serta pemikiran golongan patriarki yang tersirat dalam hasil penulisan mereka. Dengan ini diharapkan bahawa kesedaran serta pemikiran yang tertindas oleh sistem sosial patriarki dan memihak kepada pandangan patriarki difahami dengan lebih mendalam lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada alaf ini, tidak ada banyak kajian tentang novel Tamil di Malaysia, terutama sekali yang menggunakan pendekatan feminisme dan perwatakan wanita di samping minda penulis terhadap diri wanita**.** Kajian tentang citra wanita dalam novel-novel Tamil agak terbatas dalam dunia kritikan kesusasteraan Tamil Malaysia (Manonmani Devi, 2008). Lantaran itu, kajian ini dilakukan untuk meneliti aspek citra pemikiran wanita yang ditonjolkan oleh M.Ramaiah dalam bidang penulisan novel berdasarkan beberapa permasalahan yang telah dinyatakan di atas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini yang bertajuk Citra dan Kedudukan Wanita Dalam Novel-Novel Terpilih M. Ramaiah bertujuan untuk meninjau novel-novel hasil nukilan M.Ramaiah.

Objektif kajian adalah**:**

1. Mengenal pasti jenis citra wanita dalam novel karya M.Ramaiah**.**
2. Mengenal pasti kedudukan citra wanita dalam novel karya M.Ramaiah**.**
3. Menganalisis citra perjuangan watak wanita dalam novel karya M.Ramaiah**.**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Soalan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini berfokus kepada tiga soalan kajian yang berikut**:**

1. Bagaimanakah citra jenis watak wanita digambarkan dalam novel karya M.Ramaiah?
2. Bagaimanakah citra kedudukan watak wanita dalam novel karya M.Ramaiah**?**
3. Bagaimanakah citra perjuangan watak wanita digambarkan dalam novel karya M.Ramaiah ?

1.6 Kepentingan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara umumnya wujud satu tanggapan bahawa kajian tentang wanita dan sastera yang menggunakan pendekatan feminis, khususnya dalam penulisan penulis lelaki di Malaysia terutamanya dalam sastera Tamil tidak begitu memberangsangkan (Manonmani Devi, 2008). Lebih-lebih lagi, kajian yang bersandarkan kepada pemikiran feminisme agak terbatas dalam dunia penelitian dan kritikan sastera Tamil di Malaysia. Lantaran itu, kajian ini memberi ruang kepada peneliti melihat dunia novel Tamil mengikut kaca mata baharu memandangkan kemunculan penulis lelaki yang ramai dalam dunia penulisan novel Tamil Malaysia. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa pendekatan feminisme ini menyediakan platform alternatif bagi membaca dan menelusuri citra wanita, kedudukan wanita dan perjuangan wanita dalam dunia penulisan kesusasteraan Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini cuba mengupas penggunaan aspek feminisme yang terdapat dalam beberapa buah novel terpilih karya M.Ramaiah. Oleh yang demikian**,** kajian ini juga diharapkan dapat melihat lakaran perwatakan kaum wanita dari segala segi**.** Ringkasnya, kajian yang dianalisis oleh pengkaji ini adalah bermatlamat untuk membugar gambaran yang jelas kepada pembaca tentang kehidupan wanita dalam masyarakat Tamil di Malaysia seperti yang tersuguh dalam novel M.Ramaiah. Hal ini demikian kerana dalam novel-novel ini M.Ramaiah terdapat banyak paparkan tentang kehidupan dan kesusahan; pengorbanan dan halangan atau cabaran yang perlu dilalui serta masalah yang berlaku dalam kehidupan seseorang wanita India Malaysia**.** Dengan ini kita dapat mengetahui kedudukan wanita Tamil di Maaysia dalam era M Ramaiah berkarya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini diharapkan dapat mempelbagaikan corak kajian terhadap sastera Tamil dalam menyingkap pemikiran dan kreativiti pengarang lelaki. Selain itu, kajian ini juga akan dapat meneliti sejauhmana pengarang ini berjaya membawa kesedaran daripada cerminan latar kehidupan dan permasalahan masyarakat di luar dalam bentuk novel untuk tatapan khalayak. Di samping itu, kajian ini diharapkan dapat membantu pengkaji-pengkaji lain yang ingin melihat citra pemikiran yang diungkapkan tentang pemikiran wanita dalam penulisan golongan lelaki. Kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan landasan kepada pengkritik-pengkritik lain dalam menambah lagi khazanah kesusasteraan Tamil untuk membuat kajian perbandingan dengan novelis wanita.

Kajian ini yang berkisar tentang novel Tamil di Malaysia juga diharapkan akan menjadi rujukan kepada para siswazah dan juga pengkaji-pengkaji lain untuk membuat kajian susulan di samping mencipta dan menampilkan novel-novel yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memaparkan tentang aspek feminisme**.** Kajian ini memberi kesedaran serta mendorong kepada para peminat kesusasteraan untuk mengenali pengarang**.** Melalui kajian ini juga diharapkan kita dapat sekaligus menikmati**,** mempelajari, dan meneladani pemikiran serta falsafah hidup pengarang novel seperti M.Ramaiah**.**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Batasan Kajian

Kajian tentang pemikiran feminisme dalam novel-novel M.Ramiah ini mempunyai beberapa batasan. Batasan pertama ialah kajian ini tertumpu kepada novel-novel yang dikaji sahaja dan bukannya melihat keseluruhan karya yang pernah dihasilkan oleh penulis M.Ramiah. Di samping itu kajian ini sebenarnya akan mengambil kira sebanyak tujuh nashkah novel yang telah diterbitkan sahaja. Senarai novel-novel M.Ramaiah tersebut ang digunakan untuk kajian adalah seperti berikut **:**

1. *Vil-alum Nhi:rum*
2. *Ethir Vi: t:u*
3. *Cangkamam*
4. *Payan:angkal: Mut:ivathillai*
5. *Nheruppu Cunai*
6. *Mana U:nangkal*
7. *Al-akin A:ra:thanai*

Novel-novel ini dipilih kerana beberapa alasan. Yang pertama kesemua novel ini digerakkan oleh watak wanita sebagai watak utamanya. Lantaran itu agak menarik jika citra wanita dikupaskan berdasarkan watak-watak tersebut. Selain itu, novel-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

novel ini dihasilakn pada era 1970-an dan 1980-an. Zaman ini merupakan zaman penting kerana golongan wanita Tamil di Malaysia mula mendapat pendidikan serta mula merasai kebebasan ekonomi. Oleh hal yang demikian, kajian ini tidak akan menilai keseluruhan karya yang pernah dihasilkan oleh penulis ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, citra pemikiran feminisme yang akan diteliti pula hanya akan dilihat dalam genre novel semata-mata. Skop pemikiran yang akan dikaji juga akan terbatas kepada tiga perkara sahaja iaitu jenis watak wanita, citra kedudukan watak wanita dan citra perjuangan watak-watak wanitanya seperti yang digambarkan dalam novel terpilih karya M.Ramaiah.

1.8 Sumber Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Untuk kajian yang berjudul "Citra dan Kedudukan Wanita Dalam Novel-Novel Terpilih M. Ramaiah" dua sumber telah digunakan. Sumber pertama ialah sumber primer. Dalam konteks kajian ini tujuh buah novel M.Ramaiah merupakan sumber pertama. Bersesuaian dengan kajian analisis teks, sumber pertama tersebut ialah *Vil-alum Nhi:rum, Ethir Vi:t:u, Cangkamam, Payan:angkal: Mut:ivathillai, Nheruppu Cunai, Mana U:nangkal dan Al-akin A:ra:thanai.* Sumber kedua pula bertindak sebagai landasan untuk melaksanakan kajian ini. Sumber sekunder ini antara lain menggunakan buku-buku berkaitan dengan teori dan novel. Di samping itu, penulisan ilmiah, artikel jurnal dan artikel kritikan serta buku-buku sejarah perkembangan sastera Tamil Malaysia telah digunakan juga untuk melengkapkan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Definisi Konsep

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini akan terdapat beberapa perkataan atau istilah yang perlu difahami oleh para pembaca. Maka pengkaji telah menyenaraikan beberapa istilah serta definisi konsepnya bagi memudahkan pembaca untuk memahami setiap istilah tersebut. Pemberian definisi ini berdasarkan tajuk kajian iaitu "Citra dan Kedudukan Wanita Dalam Novel-Novel Terpilih M. Ramaiah". Berdasarkan tajuk kajian terdapat tiga istilah yang perlu dikaji dan difahami dalam kajian ini. Istilah yang perlu dijelaskan dan dihuraikan maksudnya di dalam kajian ini adalah feminisme, pemikiran dan citra.

1.9.1 Feminisme

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemikiran feminisme adalah suatu pemikiran memodenkan kaum wanita. Berkurun-kurun lamanya kaum wanita yang hidup sebagai hamba, harus bebas daripada belenggu perhambaan. Mereka harus diberi kesedaran melalui pendidikan dan menikmati hidup sama rata dengan golongan lelaki dalam bidang sosial. Sifat murni ini merupakan tunjang utama pemikiran feminisme. Kaum lelaki dianggap musuh kepada kaum perempuan apabila mereka menjadi penghalang dalam mencapai objektif ini.

Perkataan feminisme berasal dari perkataan bahasa Inggeris yang dipinjam daripada perkataan Latin iaitu *'Femina'*. Femina bermaksud sifat atau peribadi kaum wanita. Pada tahap awal, perkataan ini digunakan untuk tujuan memerihalkan sifat kewanitaan. Dalam zaman serba moden ini, perkataan tersebut mula digunakan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

konteks yang lebih luas yakmi untuk membincangkan hak asasi kaum wanita. Pemikiran feminisme merujuk kepada cara kaum wanita dipaksa untuk hidup bersandarkan kaum lelaki. Akibatnya, mereka tidak diberi keutamaan untuk hidup berdikari dan dijadikan alat pemuas hawa nafsu kaum lelaki serta menjadi pelengkap hamba kepada kehendak kaum lelaki . Untuk kajian ini feminisme akan dilihat dari tiga sudut sahaja iaitu cara pengarang mencitrakan watak-watak wanita. Kedua, cara pengarang memberi kedudukan kepada watak-watak wanita ini dalam perkembangan plot ceritanya. Di samping itu perjuangan-perjuangan yang dilakukan oleh watak wanita ini juga akan dilihat.

Dalam kajian ini feminisme adalah suatu gerakan emansipasi wanita yakni gerakan yang memperjuangkan kedudukan wanita dan menolak perbedaan antara wanita dan lelaki serta memiliki kepercayaan terhadap kesamaan sosial, politik dan ekonomi.

1.9.2 Pemikiran

Perkataan pertama ialah pemikiran. Pemikiran ini sebenarnya berasal dari kata bahasa Arab *'fik'r'*. Dalam bahasa Arab berfikir merujuk kepada proses berfikir. Menurut Mohd Yusof Othman (1995) pemikiran mempunyai pengertian yang luas dan boleh diterangkan dalam pelbagai pendekatan. Namun berfikir yang pastinya suatu usaha atau proses untuk meningkatkan pengetahuan atau ilmu seseorang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemikiran yang tersembunyi dalam novel dikaji untuk melihat keupayaan dan keunggulan pengarangnya meluahkan perasaan mereka. Mana Sikana (1988) menjelaskan pemikiran sebagai gagasan atau persoalan induk. Pemikiran ialah peristiwa yang tersurat dan tersirat dari peristiwa yang hendak dikemukakan. Dengan demikian, apa-apa yang ingin disampaikan oleh pengarang merupakan pemikiran iaitu proses menyampaikan mesej yang terkandung dalam fikiran penyair atau pengarang. Oleh itu pemikiran dalam novel juga dapat dilihat melalui watak-watak yang beraneka ragam.

1.9.3 Citra

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Satu lagi istilah yang penting dalam kajian ini ialah konsep citra. Menurut Maniyaman (2005) perkataan citra sebenarnya dikatakan berasal daripada bahasa Inggeris iaitu perkataan *image*. Secara ringkasnya, untuk kajian ini, citra merujuk kepada kesan tanggapan seseorang pembaca tentang gambaran yang dilukiskan oleh pengarang serta terselit dalam sesebuah karya melalui kata-kata. Tuntasnya, citra wanita merujuk kepada gambaran mental, spiritual dan tingkah laku yang dizahirkankan oleh watak wanita dalam berbagai-bagai aspek. Kedudukan wanita dalam kajian ini bermaksud gambaran pemikiran yang dimiliki oleh sesuatu watak seperti yang telah dilakarkan oleh penulis dalam karyanya itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Kesimpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab 1 secara umumnya membincangkan latar belakang kajian dan permasalahan yang menyebabkan kajian ini perlu dijalankan. Selain itu, tujuan, skop serta kepentingan kajian juga akan dibincangkan secara ringkas dalam bab ini. Di samping itu, batasan kajian dan definisi juga akan disentuh secara ringkas dalam bab ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini menerangkan kajian literatur tentang pemikiran dan feminisme dalam kajian secara umum. Secara ringkas bab ini memberi latar belakang tentang kajian. Seterusnya feminisme dan pemikiran tentang citra dan kedudukan tentang feminisme turut dikupaskan sebagai sandaran untuk perbincangan. Bahagian pertama tinjauan ini akan mengupaskan konsep dan kepentingan tentang penggunaan pemikiran feminisme.

Bahagian kedua pula meliputi perbincangan tentang kajian-kajian lepas. Kajian lepas ini terbahagi kepada tiga bahagian yang utama. Yang pertama kajian tentang citra dan kedudukan wanita dalam novel-novel Tamil. Seterusnya pula kajian lepas tentang feminisme di Malaysia akan dikupaskan. Pembicaraan berikutnya pula akan menjurus kepada kajian-kajian feminisme dalam kesusasteraan Tamil yang akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dibincangkan dalam dua perspektif iaitu kajian luar negara dan kajian tempatan. Tinjauan literatur ini diharapkan dapat memberikan kita latar belakang untuk perbincangan yang mampu membina kajian ini bersandarkan kajian-kajian lepas yang mempunyai kaitan dengan bidang penyelidikan ini yang bertajuk Pemikiran Feminisme Dalam Novel Karya M. Ramaiah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Pemikiran, Feminisme dan Pemikiran tentang Feminisme

Dalam bahagian ini tiga aspek akan dikupaskan. Aspek pertama ialah konsep pemikiran yang menjadi perspektif utama dalam kajian ini. Perbincangan seterusnya berkisar tentang feminisme secara umum yang memberikan kerangka teori kepada kajian ini. Aspek ketiga ialah beberapa pemikiran yang dirumuskan daripada beberapa kajian feminisme yang akan membantu kupasan kajian ini dibincang untuk membina landasan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.1 Pemikiran

Pemikiran merupakan satu kegiatan dan proses penggunaan akal manusia untuk pelbagai motif dalam kehidupan (Mohd Yusof Hasan, 2007). Dalam bidang kesusasteraan, soal pemikiran merupakan antara perkara yang kerap diperkatakan (Nahari Mastono Arukin, 2008). Apakah sebenarnya pemikiran? Menurut Zainal Kling (1993) pemikiran boleh dilihat sebagai kegiatan yang membentuk sesuatu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sistem tanggapan yang akan menjadi rangka berfikir yang wajar bagi semua anggota masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks kesusateraan pula Hashim Awang, (1997) berpendapat pemikiran boleh dibahagikan kepada dua jenis. Pemikiran yang pertama ditimbulkan oleh pelbagai watak dalam sesuatu cerita, lakonan dan sajak. Manakala pemikiran yang kedua pula terhasil daripada perkembangan tema utama atau hasil makna daripada keseluruhan karya tersebut. Ringkasnya kedua-dua pemikiran yang telah disebutkan ini sebenarnya berasal daripada diri penulis itu sendiri. Semasa membaca kita perlu berhati-hati supaya segala tindak tanduk watak tertentu dalam sesebuah karya tidak disimpulkan sebagai satu nilai yang benar oleh seseorang pembaca. Hal ini kerana, ada yang berlandaskan realiti dan ada pula yang terhasil akibat ilham atau rekaan pengarang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut S.Othman Kelantan (1997) pula pemikiran yang terselit dalam sesebuah novel sebenarnya membantu kita melihat keupayaan dan keunggulan seseorang pengarang meluahkan perasaan mereka yang beragam dan kompleks itu. Seiring dengan ini, pemikiran dalam novel didukung oleh pelbagai watak yang beraneka ragam dalam karya tersebut. Menurut Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi,

> pemikiran dalam novel dapat dilihat apabila pengarang mendedahkan dan menghubungkan pertalian antara sesuatu peristiwa atau situasi. Seterusnya, pengarang mencari sebab akibat yang menyebabkan sesuatu peristiwa untuk memahami punca sesuatu kejadian. Sesudah menilai, pengarang mula menggerakkan sesuatu yang baru diperolehnya dan dikongsi bersama agar mendapat manfaat kepada pembaca. Lantaran itu, idea yang diperoleh dicernakan ke dalam karya dengan cara yang kreatif serta dapat dilihat secara tersirat dan tersurat. Dari sini pembaca atau pengkaji sastera akan dapat melihat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> bagaimana pengarang menggunakan kebijaksanaan akalnya dalam memperlihatkan sesuatu fenomena.
> (Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, 2005: 3)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Wellek (1962) telah menjelaskan bahawa sebenarnya kesusasteraan dapat menampilkan gambaran tentang kehidupan yang dalam erti kata sebenarnya sebuah kenyataan sosial. Walaupun kenyataan sosial dalam kesusasteraan ini ialah kenyataan sosial rekaan yang direka oleh seseorang pengarang namun dalam kenyataan tersebut ini tersuguh pandangan pengarang. Pendapat ini merumuskan bahawa kita tidak dapat menafikan hakikat pengarang itu sendiri merupakan anggota masyarakatnya yang melalui karyanya menzahirkan semula apa yang disaksikannya terjadi pada masyarakat pada zaman tersebut.

Mohd Yusof Hasan (2009) pula berpendapat bahawa sesebuah karya kesusasteraan, sama ada novel, sajak atau drama adalah merupakan cerminan sesuatu bangsa atau masyarakat. Dalam menerangkannya dengan lebih lanjut Mohd Yusof Hasan menegaskan bahawa bangsa itulah melahirkan masyarakat, dan masyarakat itu pula kemudiannya melahirkan pengarangnya. Seterusnya, pengarang itu pula akhirnya menghasilkan karya kesusasteraan. Karya yang dihasilkan itu seterusnya menjadi bahan dan alat penyampaian pemikiran sesuatu bangsa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks ini sesebuah karya sastera dilihat mengandungi falsafah ilmu dan pemikiran sesuatu bangsa yang harus juga dikaji dari sudut falsafah ilmu dan pendidikan (Mohd Yusof Hasan, 2009:18).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya pemikiran dalam novel dapat dilihat sebagai pertalian antara sesuatu peristiwa atau situasi yang digerakkan oleh penulis untuk dikongsi bersama agar mendapat manfaat kepada pembaca. Dari sini pembaca atau pengkaji sastera akan dapat melihat bagaimana pengarang menggunakan kebijaksanaan akalnya dalam memperlihatkan sesuatu fenomena.

2.2.2 Feminisme

Kajian penelitian ini yang bertajuk Citra dan Kedudukan Wanita Dalam Novel-Novel Terpilih M.Ramaiah ini meneliti pemikiran feminis yang terlakar dalam novel penulis Tamil Malaysia yang tersohor ini. Siti Khariah Mohd Zubir (2009) menegaskan bahawa teori feminisme merupakan perkembangan yang boleh dikira mutakhir dalam sejarah perkembangan kritikan sastera. Teori lama dikatakan bermula sejak zaman Virginia Woolf yang mempertikaikan kedudukan wanita sekitar penghujung abad ke-19 hingga awal abad ke-20. Mana Sikana pula (2005) melihatnya sebagai sebuah teori yang baharu, teori feminis ini kerap dipandang serong dan disalah mengertikan.

Perjuangan tentang kedudukan wanita atau kesedaran perempuan ini dikatakan bermula di Eropah sejak abad ke-16 lagi. Pada asalnya gerakan ini telah dipelopori di Eropah dan kemudiannya mendapat momentum semasa Revolusi Amerika pada tahun 1776 dan Revolusi Perancis tahun 1792. Dasar perjuangan feminisme ini bersandarkan pemikiran bahawa secara umumnya kedudukan kaum wanita adalah lebih rendah berbanding dengan kaum lelaki dari segi sosial.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada abad ke-20, pergerakan ini mula berkembang akibat munculnya beberapa pemimpin perempuan yang berwibawa dan amat berpengaruh (Siti Khariah Mohd Zubir, 2007). Kehadiran mereka ini dirancakkan lagi oleh kewujudan serta kemunculan pertubuhan-pertubuhan wanita yang menuntut hak perempuan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pada peringkat awalnya, kumpulan pendesak ini menumpukan perhatian kepada isu-isu politik sahaja. Secara evolusi pergerakan ini mula menular ke dalam dunia kesusasteraan dan melahirkan teori sastera feminis. Sehingga hari ini Elaine Showalter dianggap sebagai perintis kepada teori sastera feminis (Mana Sikana, 2005).

2.2.3 Pemikiran tentang Feminisme

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Apabila kita menyentuh tentang feminisme dalam sebuah novel kita tidak dapat terlepas daripada mengupas watak wanita yang tersuguh di dalamnya. Hal ini demikian kerana watak dan perwatakan yang dicipta oleh pengarangnya dalam sesebuah teks merupakan elemen intrinsik novel yang mempunyai jalinan erat dengan sudut pandangan seseorang pengarang. Dalam membugar sudut pandangan pengarang terdapat pelbagai pendekatan yang boleh digunakan untuk melakukannya. Pada umumnya, kajian tentang watak wanita kebiasaannya menggunakan pendekatan feministik.

Salah satu agenda pemikiran feminisme yang sering menagih perhatian ialah peranan dan kedudukan wanita dalam sesuatu bangsa. Hal ini demikian kerana menurut Simone yang dipetik oleh Shahrom T. M. Sulaiman (2013) wanita terpinggir

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam kuasa dunia. Peranan mereka dalam sejarah politik dan pemerintahan bangsa besar dilupakan atau dipinggirkan kerana dikarang oleh golongan lelaki.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Memperkatakan tentang feminisme Md.Salleh Yapaar (2003) merumuskan bahawa feminisme ini sebagai satu fenomena yang meliputi pemikiran atau fahaman dan praktis atau amalan interdisiplinari berasaskan pengalaman wanita. Feminisme ini memperjuangkan dua hal iaitu hak persamaan golongan wanita dengan lelaki seperti autonomi untuk menentukan apa-apa yang difikirkannya baik bagi dirinya. Gagasan pemikiran ini bemula di Barat seawal kurun ke-18 dan mendapat momentum baharu pada tahun 1960-an dan 1970-an. Gelombang ini seterusnya mula menular ke seluruh dunia. Menurut Siti Khariah Mohd Zubir (2007) perasaan tertekan dan resah gelisah dalam kalangan wanita di samping berasa terhina dan kecewa telah menjadi faktor yang mencetuskan gerakan feminsime dalam sastera. Malah Rosnah Baharuddin (2003) turut berpendapat bahawa mengajukan watak contoh yang dapat diteladani sangat penting dalam karya-karya feminis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Salah satu pemikiran yang tersuguh tentang feminisme ialah tentang falsafahnya. Antaranya ialah pendapat Md. Salleh Yapaar. Menurutnya falsafah pemikiran feminisme ini memperjuangkan hak dan martabat golongan wanita di samping memperkasa golongan wanita untuk berdikari dan hidup bahagia (Md. Salleh Yapaar, 2003).

Ahmad Kamal Abdullah (2003) pula merumuskan bahawa penulis lelaki pada umumnya dianggap bias kerana kecenderungan dengan semangat *patriarchal* dalam penulisan mereka. Halimah Mohamed Ali dan Mohamad Luthfi Abdul Rahman(2014)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggaitkan hal ini akibat wujud perbezaan antara imaginasi wanita dan lelaki disebabkan aspek biologi. Dunia lelaki dan wanita yang kontras seringkali menimbulkan pelbagai fenomena. Mana Sikana, (2005) berpendapat bahawa wanita melihat perbezaan biologi ini memberi ruang dan peluang kepada golongan lelaki untuk menguasai atau memerintah wanita. Lantaran itu, lelaki dilihat sebagai musuh wanita. Malah Soenarjati Djajanegara yang dipetik oleh Mana Sikana (2005) menggagaskan bahawa perkataan wanita itu sendiri seolah-olah difahami oleh kebanyakan feminis sebagai manusia yang sentiasa ditindas atau dianiaya oleh sistem kuasa lelaki.

Mana Sikana (2005) merumuskan bahawa feminisme sebenarnya merujuk kepada perjuangan golongan wanita untuk mendapat status yang sama dengan golongan lelaki. Dalam konteks ini mereka memperjuangkan hak-hak yang telah lama dipinggirkan selama ini. Ada pandapat yang menyatakan bahawa wanita di Malaysia tidak ditindas oleh lelaki tetapi sebaliknya mereka ditindas oleh golongan wanita itu sendiri. Malah Michel yang dipetik oleh Rosnah Baharuddin (2003) berpendapat bahawa dalam kehidupan mereka wanita menderita kerana kaum wanita itu sendiri. Kedua-dua pendapat ini memberikan kita satu lagi andaian yang wujud dalam kajian feminisme ini.

Woolf, seorang penggiat feminisme Barat, pernah menyatakan bahawa gender sebenarnya sesuatu yang diacuankan oleh masyarakat tertentu (Selden, Widdowson dan Brooker, 1955). Sebenarnya pemikiran ini muncul kerana konsep feminin selalu dikelirukan dengan konsep female. Dalam konteks ini kita atau feminis memberikan maksud sosialisasi kepada konsep ’feminisme' dan konsep ’female’ pula merujuk

kepada jantina. Lantaran itu, feminin sebenarnya merujuk kepada sesuatu yang dipelajari hasil sosialisasi dari masyarakat dan kebudayaan kita. Hal ini yang dikatakan oleh Simone de Beauvoir, bahawa seseorang wanita sebenarnya belajar menjadi wanita (Mana Sikana, 2005). Mengikut kaca mata pandangan ini setiap individu yang dilahirkan sebagai wanita akan belajar menjadi wanita menerusi proses sosialisasi. Hal ini demikian kerana masyarakat telah menetapkan satu set tingkah laku atau norma dan peranan yang harus diikuti oleh seseorang yang dilahirkan sebagai wanita. Menurut Moi (1986) golongan yang tidak menepati kriteria lazim ini dianggap tidak feminin dan tidak lazim atau sebagai individu yang devian. Jika dihalusi akan ciri-ciri yang telah ditentukan oleh tradisi atau kebudayaan, kita akan dapat lihat dengan jelas bahawa ciri-ciri yang digariskan itu lebih bersifat patriaki dan melengkapi kehendak golongan patriaki ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berhubung dengan isu pandangan lelaki ini salah satu masalah yang sering dibangkitkan ialah sejauh mana seorang penulis seorang lelaki mampu menghayati perjuangan feminis yang sebenarnya. (Moi, Toril, 1986) berpendirian mereka tidak boleh berfikir seperti seorang wanita. Baginya analogi seorang yang berkulit putih boleh berpendirian *anti-racist* tetapi pada realitinya tidak boleh menjadi seorang kulit hitam. Pendapat Moi ini mempersoalkan penulisan lelaki dan lantaran itu wujud kemungkinan dari segi lakaran wanita dalam karya-karya penulis lelaki akan wujud perbezaan.

Di samping itu, sesebuah karya sastera yang menepati keperluan feminis perlu menonjolkan semangat persaudaraan atau *'sisterhood'* nya. Wanita-wanita yang dikemukakan perlu bekerjasama, memupuk dan menjalin persaudaraan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mewujudkan sikap saling memahami. Menurut Rosnah Baharuddin (2003b) niat untuk merebut perhatian lelaki sepenuhnya hingga merosakkan semangat persaudaraan perlu dipinggirkan dalam karya-karya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ringkasnya, dalam bahagian ini pemikiran merujuk kepada kegiatan yang membentuk sesuatu sistem tanggapan yang akan menjadi rangka berfikir anggota masyarakat dan dalam konteks kesusasteraan dilihat daripada pembangunan unsur intrinsik novel tersebut seperti watak, persoalan dan temanya. Feminsime pula melihat pengalaman golongan wanita. Dalam dunia kesusasteraan telah wujud beberapa tanggapan tentang wanita dari segi peranan dan kedudukan terpinggir dalam kuasa serta dunia yang tidak menjadi miliki golongan wanita. Lantaran itu, novel yang menganjurkan gagasan feminisme perlu mengajukan watak contoh yang dapat diteladani untuk memperkasa golongan wanita untuk berdikari dan hidup bahagia. Dikatakan juga bahawa imaginasi wanita dan lelaki berbeza dan sentiasa ditindas atau dianiaya oleh sistem kuasa lelaki. Malah ada juga yang berkata bahawa golongan wanita dimusuhi oleh golongan wanita itu sendiri. Turut ditegaskan bahawa ciri-ciri wanita telah ditentukan dalam masyarakatnya dan wanita perlu mempelajari dan menurutinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Kajian-Kajian Terdahulu

Dalam bahagian ini kajian-kajian lepas berhubung dengan kajian ini akan dikupaskan. Perbincangan akan terbahagi kepada tiga bahagian iaitu kajian terdahulu yang membincangkan pemikiran dalam novel-novel Tamil Malaysia. Kajian tentang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

feminisme yang dilakukan di negara kita juga akan dibincangkan secara ringkas. Akhir sekali beberapa kajian feminisme dalam kesusasteraan Tamil akan disentuh untuk memberikan latar belakang bagi kajian yang bertajuk Citra dan Kedudukan Wanita Dalam Novel-Novel Terpilih M. Ramaiah.

Sebelum memulakan kajian secara lebih terperinci, pengkaji telah melakukan pembacaan awal bagi mengetahui sejauhmana bidang kajian ini telah dibincangkan. Pengkaji mendapati banyak kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tempatan mahupun pengkaji-pengkaji dari luar negara yang dapat dikaitkan dengan kajian yang dijalankan ini.

2.3.1 Kajian Pemikiran Novel Tamil di Malaysia

Tinjauan tentang kajian dimulakan dengan kajian pemikiran. Kajian analisis pemikiran terhadap novel-novel Tamil Malaysia merupakan satu ruang yang masih baharu. Boleh dikatakan bahawa belum ada ramai pengkaji yang mendekati kaedah ini untuk menggulati bidang kajian ini. Namun demikian dalam kelompangan ini Sagar Narayanan telah melakukan kajian beliau berjudul *Corak Pemikiran Sosial Masyarakat India dalam Novel Tamil Malaysia (1957-1985).* Dalam kajian Doktor Falsafah ini pembicaraan tertumpu kepada novel-novel yang telah diterbitkan dari tahun 1957 hingga 1985. Aspek kajian pula berkisar tentang corak pemikiran masyarakat India seperti tersuguh dalam novel-novel tersebut. Tumpuan diberikan dalam aspek sosial menggunakan kaedah kualitatif dan teori analitikal. Dapatan kajian ini ialah corak pemikiran masyarakat India dalam novel-novel Tamil berbeza-

beza mengikut pandangan pengarangnya itu sendiri. Selain itu, era penulisan novel itu juga mempengaruhi penulisan sesebuah novel. Kajian ini mendapati kebanyakan novel yang muncul itu berkisar tentang isu-isu seperti dasar-dasar kerajaan, pergolakan politik, keperluan masyarakat dan idea-idea positif untuk kemajuan masyarakat. Namun demikian era 1960-an dan 1970-an mula memperlihatkan kupasan isu-isu yang lebih dekat dengan kehidupan masyarakat India di Malaysia. Kajian ini telah memberi kita tiga perkara yang penting tentang novel-novel Tamil Malaysia. Yang pertama penulis mempengaruhi karyanya. Era turut mempengaruhi hasil karya dan isu-isu yang disentuh lebih dekat dengan kehidupan masyarakat India Malaysia.

Antaranya ialah gambaran kehidupan masyarakat ladang yang luntur sifat perpaduannya. Pada era 70-an dan 80-an pula pemikiran yang tersuguh dalam novel lebih cenderung kepada gejala sosial bertujuan untuk membuka kotak pemikiran masyarakat itu sendiri dengan rasional. Kajian ini tidak memberikan tumpuan yang menyeluruh kepada pola pemikiran dalam novel-novel yang dikaji. Tumpuan kajian ini lebih cenderung untuk melihat teks dan penulis seterusnya menarik rumusan berdasarkan kedua-dua aspek ini. Namun demikian apa yang dibincangkan hanyalah berdasarkan tema dan karya sahaja. Salah satu kekuatan kajian ini ialah penegasan terhadap faktor penulis terhadap karyanya.

Sababathy telah menjadi perintis kepada kajian novel Tamil di Malaysia. Terdapat dua buah kajian yang telah dilakukan oleh Sababathy. Kajian pertama bertajuk *Malaysian Tamil Novels Before Independence* (1999) yang merupakan kajian untuk ijazah sarjananya. Manakala kajian kedua Sababathy bertajuk *Malaysian Tamil Novels After Independence* (1996). Sehingga hari ini kedua-kedua kajian beliau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merupakan kajian rintis yang berjaya merakamkan sejarah perkembangan novel Tamil di negara kita. Secara umumnya, usaha awal ini hanya menyentuh aspek-aspek seperti aspek politik, ekonomi dan sosial yang ada hubung kaitnya dengan kaum India yang tinggal di ladang-ladang di Malaysia. Namun demikian usaha awal ini lebih cenderung ke arah pembicaraan kaedah pensejarahan novel yang diselitkan dengan kajian pendekatan struktural (Manomani Devi, 2008). Satu lagi kelemahan dalam kajian ini ialah kajian ini tidak menggunakan sebarang teori kesusasteraan yang berkaitan untuk membuat kupasannya. Boleh dikatakan bahawa kajian ini lebih cenderung untuk membincangkan kandungan novel menggunakan pola-pola tertentu.

Secara ringkasnya, kajian Sababathy ini memberikan sumbangan dari segi aspek perkembangan sejarah novel. Kajian awal ini menjadi asas kepada kajian novel Malaysia yang lebih menyeluruh. Kajian ini sebenarnya hingga sekarang menjadi rujukan untuk mendapat gambaran umum tentang novel-novel Malaysia. Namun demikian tafsiran Sababathy dilihat sebagai tidak menepati bacaan feminisme kerana lebih mementingkan pandangan yang lebih mengikut kaca mata lelaki. Kupasan tentang nasib wanita agak terbatas dan disentuh dengan sedikit sahaja dalam kajian ini. Kajian ini membantu kerana pada dasarnya memberikan sedikit latar belakang untuk kajian ini.

Kajian seterusnya yang menyentuh pemikiran dalam novel Tamil Malaysia ialah kajian Kumarasamy Thannimalai. Kajian tesis 2011 ini berjudul ”*Isu-Isu Sosial Yang Digambarkan Oleh Novel-Novel Tamil Malaysia Sekitar 1990-an”*. Kajian ini memilih novel yang ditulis di sekitar tahun 1990-an. Jika dilihat dari sudut teori pula, Kumarasamy telah menggunakan teori sosial yang ada kaitan dengan kajian

feminsime ini. untuk melihat novel-novel tempatan yang dikarang sekitar 1990-an. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan, kaedah kritikan sastera dan kaedah pensejarahan. Dapatan kajian menegaskan bahawa pandangan dan pemikiran penulis tentang sosial dan kehidupan. Antara aspek yang dikaji ialah tentang masyarakat, amalan, kebudayaan dan keadilan yang harus dikritik oleh penulis. Seperti yang dikatakan kajian ini juga hanya bersifat kupasan yang merumus isu-isu sosial secara umum sahaja dalam novel-novel Tamil tahun 1990-an. Kumarasamy merumuskan bahawa usaha murni akhbar *Va:nampa:t:i* dapat melahirkan novelis-novelis Tamil yang berwibawa serta menyumbangkan hasil sastera yang bermakna kepada perkembangan novel-novel Tamil Malaysia**.** Pengkaji ini juga memberi cadangan kepada bakal pengkaji untuk meneruskan kajian perbandingan terhadap tema dan persoalan dalam novel-novel *Va:nampa:t:i* dengan novel-novel Tamil moden**.** Lantaran itu, kajian Kumarasamy menyediakan asas awal kepada kajian ini.

Kajian pemikiran dalam novel Tamil di negara kita kelihatan agak menjurus kepada kupasan tentang isu sosial masyarakat India Malaysia. Lantaran itu, hasil-hasil kajian ini membantu kita memahami rakaman tentang masyarakat India di Malaysia. Namun demikian kajiani ini kelihatan terbatas dari segi kupasannya dalam dunia kesusasteraan. Keadaan ini menagih perhatian dan tumpuan daripada pengkaji-pengkaji. Namun demikian pembicaraan tentang feminsime disentuh secara ringkas tetapi tidak mendalam. Hasil dapatan ini memberi pola untuk kajian ini. Kajian-kajian ini memberi ruang untuk pengkaji meneliti dengan lebih mendalam citra wanita dalam novel-novel terpilih ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.2 Kajian Novel Malaysia dari Luar Negara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam bahagian ini beberapa kajian dari India akan ditinjau. Tinjauan ini hanya berfokus kepada kajian novel Malaysia yang dikaji oleh pengkaji dari India.

Kajian pertama ialah kajian yang telah dibuat oleh Ira Manikkavalli sebagai kajian tesis ijazah kedoktaran yang dihasilkan pada tahun 2011. Kajian ini berjudul *Male:ciya Nha:t:t:il Kat:anhtha paththu A:n:t:ukal:il Vel:i Vanhthul:l:a Thamil-Nha:valkal:in Val:arcci Nhilai-O:r A:ivu* (Senario Perkembangan Novel Tamil di Negara Malaysia dalam Jangkamasa Sepuluh Tahun-Satu Kajian). Dalam kupasannya, pengkaji telah telah memilih novel-novel yang telah dikaryakan oleh penulis tempatan Malaysia. Dalam kajian ini pengkaji membincangkan isu-isu sosial**,** penglibatan masyarakat India dalam bidang ekonomi dan politik seperti yang tersuguh dalam novel-novel yang dipilih**.** Sebanyak 25 buah novel yang dihasilkan dalam dekad yang sama dijadikan teks kajian. Namun kelemahan yang agak ketera ialah, kajian ini tidak menggunakan sebarang teori sastera sebagai landasan kajiannya. Kupasan juga hanya berkisar tentang perkembangan novel di Malaysia. Perbincangan kelihatan umum dan tidak mendalam.

Manakala Mathiyalagan dari Universiti Pondicherry**,** India pula pada tahun 1985 turut mengkaji novel-novel Malaysia untuk ijazah Doktor Falsafah. Kajian ini berjudul *male:ciyath thamil- nhavalkal:-o:r atimukam (Novel Tamil Malaysia – Satu Pengenalan)***.** Dalam kajian ini skop kajian masih berkisar tentang novel-novel yang dihasilkan di Malaysia. Secara ringkasnya, kajian ini juga seperti kajian Ira Manikkavalli turut membincangkan masalah sosial**,** ekonomi dan politik. Kajian ini

juga masih kelihatan umum dan mengupaskan isu sosial**,** ekonomi dan politik sahaja. Didapati kajian kaedah kualitatif ini masih terlalu umum dari segi kupasan dan perbincangannya. Ringkasnya, hubungan gender dibincang secara umum dalam kajian ini dan merintis untuk kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mogan**.** V (2012) telah membuat kajian yang bertajuk *re.ka:rththike:cuvin anhthima ka:lam o:r a:yvu (Novel Anhthima Ka: lam -Satu Kajian)* pada tahun 2012**.** Dapatan kajian ini lebih tertumpu kepada gambaran masyarakat India Malaysia. Secara umumnya, kajian ini terikat kepada tiga skop yang dikaji oleh pengkaji terdahulu iaitu dari segi politik**,** sosial dan ekonomi**.** Kajian ini juga tidak memperlihatkan ada usaha untuk mengaplikasikan teori sastera dan menggunakan kaedah kualitatif**.** Tumpuan lebih kepada kandungan cerita dalam membuat rumusan gambaran masyarakat India Malaysia**.** Dalam kajian ini pengkaji memberi saranan kepada golongan pelajar untuk menghargai jasa guru. Kajian ini memperlihatkan kekuatan tema yang tersirat dalam novel ini. Dalam pada itu, aspek watak wanita yang agak berani menentang tradisi yang diamalkan dalam masyarakat dikupaskan. Kajian ini memberi ruang kepada pengkaji untuk membuat perbandingan dengan karya M.Ramaiah yang merupakan salah seorang novelis yang terkenal di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

R.Thilgavathy (2012) turut memilih kajian tentang novel Malaysia. Kajiannya berjudul *cokkalingkaththin, ci.vallamai tha:ra:yo: o:r a:yvu (Novel Vallamai Tha:ra:yo: -Satu Kajian)* dibuat pada tahun 2012**.** Kajian ini mengkaji keseluruhan novel yang dihasilkan oleh penulis S**.**Sockalinggam. Novel yang berkisar tentang kehidupan seorang doktor. Dalam novel ini keikhlasan persahabatan antara dua insan yang terdiri daripada lelaki dan perempuan dilakarkan**.** Pengkaji ini telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan kaedah kualitatif untuk melakukan kajian ini. Secara ringkasnya kajian ini juga merupakan sebuah kajian umum dan tidak mempunyai kaitan dengan feminisme tetapi masih menjadikan genre novel Tamil sebagai fokus kajian seperti kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian seterusnya dihasilkan oleh M.Kalai Selvi **(**2002) bertajuk *em.ra:maiya:vin payan:angkal: mut:ivathillai nha:val o:r a:yvu (payan:angkal: mut:ivathillai Novel - Satu Kajian**).*** Kajian ini turut memilih salah satu novel yang dihasilkan oleh pengarang yang menjadi subjek kajian ini. Kupasan kajian lebih cenderung ke arah gambaran tentang masalah sosial masyarakat India di Malaysia berdasarkan teks novel yang dipilih itu. Seperti kajian yang dibincangkan di atas, kajian ini juga tidak ada penerapan teori. Dalam kajian ini pengkaji cuba melihat novel ini secara umum. Kajian kualitatif ini turut melihat tentang citra dalam novel ini tetapi citra yang dikupaskan lebih kepada citra latar masyarakat India. Kajian M.Kalai Selvi mempunyai persamaan dengan kajian ini kerana mengupaskan salah satu novel yang dipilih untuk kajian ini. Perbincangkan novel ini mngupaskan masalah sosial masyarakat India di Malaysia. Antaranya ialah masalah sosial seperti ketamakan kuasa, penipuan, minuman keras, masalah kasta yang terdapat dalam novel ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang berjudul "*pa:lako:pa:lan nhampiya:rin kanavuk ko:langkal: o:r a:yvu **(**Novel Kanavuk Ko**:**langkal**:-** Satu Kajian) telah* dihasilkan oleh T.Abinaya (2012**).** Kajian ini memilih salah satu novel pasca Perang Dunia Kedua di negara kita. Kajian yang juga menggunakan kaedah kualitatif turut mengabaikan teori dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajiannya. Cuma kajian ini mengupaskan genre novel yang turut menjadi genre tumpuan kajian ini. Kajian ini melihat novel yang menjadi tumpuan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

S.Rajeswari**,** membuat kajian dengan tajuk***:*** *nhil thuyil nha:valil varala:ttup pathivukal* ***(****Kesan Sejarah dalam Nhil Thuyil Novel* ***)*** pada tahun 2012**.** Kajian yang melihat unsur sejarah membuat perbandingan dengan novel sejarah India hasil nukilan penulis seperti Kalki dan Sandilyan(penulis dari India). Pengkaji mendapati bahawa bilangan novel yang dihasilkan sebelum kemerdekaan adalah amat sedikit dan meningkat selepas kemerdekaan. Pengkaji memilih novel ini adalah kerana novel ini adalah sebuah novel berunsurkan sejarah nukilan seorang penulis wanita iaitu Kalyani Maniam. Kajian ini masih menggunakan novel yang menjadi genre kajian dan memberikan gambaran tentang sejarah kehidupan masyarakat Malaysia. Perbincangan lebih menjurus kepada rakaman peristiwa sejarah yang berlaku di negara kita. Kajian ini tentang pengembaraan Raja Seran semasa kegemilangannya. Penulis novel ini merupakan seorang wanita iaitu Kalyani Maniam iaitu seorang penulis tempatan yang banyak menghasilkan karya- karya seperti novel dan cerpen. Pengkaji ini tidak menggunakan mana-mana teori dan beliau memilih bahan yang sama dengan kajian ini iaitu genre novel. Kajian ini didapati tidak mempunyai persamaan dengan tajuk pilihan kajian ini namun demikian memberikan pemahaman secara umum tentang masyarakat India di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya**,** ialah kajian T.Vettri Chelvan (2011) yang bertajuk *nhinaivu cinnam na:val val-i male:ciya thamil-ar thakavu (Gambaran Masyarakat Tamil Menerusi Novel Nhinaivu Cinnam)***.** Novel ini memberi fokus kepada sebuah novel dan membugar gambaran masyarakat India Malaysia. Kajian ini masih kelihatan

umum dan tidak mengaplikaskan sebarang teori serta merupakan kupasan tentang kehidupan pada Zaman Jepun yang melihat kesan pembinaan Landasan Kereta api Maut ke atas masyarakat India di Malaysia. Walaupun kajian ini menggunakan genre novel tetapi wujud perbezaan kerana tidak mempunyai kaitan yang langsung dengan kajian ini. Namun demikian gambaran tentang pemikiran masyarakat India seperti yang terakam dalam novel Vettri Chelvan membantu pengkaji mendalami citra masyarakat India terutamanya berhubung dengan wanita dalam kajian ini

Satu lagi kajian terdahulu yang mengkaji novel Tamil ialah kajian Illayaraja(2006) yang berjudul *Puihiyalho.r Ulagam-0:r A:ivu (Novel Pulhiyaiho.r Ulagam-Salu Kajian.)* Dalam tesis ini beliau telah menerangkan bahawa penulis berjaya dalam tujuan beliau dengan menggambarkan kezaliman tentera Jepun. Kaum India terpaksa menjalani kehidupan yang susah. Pengkaji juga mendapati novel ini merupakan sebuah novel sejarah. Pengkaji ini berjaya dalam menghasilkan sebuah kajian yang mantap dengan isu-isu yang sepatutnya diketengahkan oleh beliau menerusi kajian ini. Namun demikian kajian ini tidak mempunyai persamaan dengan kajian ini dari sudut latar masyarakat.

Kajian terakhir yang akan ditinjau ialah kajian K.Babu (2004). Kajian ini berjudul*: elupathukal:il male:ciyath thamil- nha:valkal: (Novel Tamil Malaysia Tahun 70-an)* dihasilkan pada tahun 2004**.** Walapun pengkaji ini berjaya meluahkan isi-isi hati penulis-penulis tempatan pada tahun-tahun 1970-an. Perbincangan kajian ini bersifat umum dan cenderung kepada isu-isu sosial. Pengkaji lebih mengupaskan tema dan persoalan yang mendominasi kehidupan masarakat India Malaysia telah dibincangkan iaitu seperti masalah penjualan ladang, kemiskinan, pengangguran dan

kewarganegaraan. Kajian ini memberi ruang untuk pengkaji memahami gambaran kehidupan masyarakat India dalam era 1970-an. Hal ini demikian kerana M. Ramaiah juga berkarya dalam era ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.3 Kajian Feminisme Malaysia

Banyak kajian yang telah dikupaskan berhubung dengan feminisme di negara kita lewat beberapa tahun kebelakangan ini. Antara yang mengupaskan isu feminisme ini lebih tertumpu kepada kajian dalam dunia kesusateraan Melayu. Banyak pendekatan yang telah digunakan untuk melihat feminisme ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Salah satu daripadanya ialah kajian Rahmah Ahmad H.Osman yang bertajuk "Citra Wanita dalam Cerpen-cerpen Wanita Jordan dan Malaysia (1970-1995). Kajian Ijazah Sarjana di *University of Jordan* ini memberikan tumpuan kepada perbincangan gender berdasarkan sastera bandingan.

Selain itu Siti Khariah Mohd Zubir juga telah membuat kajian tentang citra perempuan yang berjudul "Citra Wanita Dalam Novel-Novel Melayu Daripada Perspektif Pengarang Wanita". Tesis ini telah disempurnakan pada tahun 2004 di Universiti Putra Malaysia. Secara ringkasnya kajian melihat kepada tiga aspek iaitu menganalisis, mengenal pasti dan memperlihatkan citra perempuan yang terdapat dalam novel-novel yang dipilih dari sudut sosiopolitik, sosioekonomi dan sosiobudaya. Pengkaji menerapkan pendekatan moral bagi menganalisis watak-watak perempuan yang terdapat dalam novel-novel yang dikaji. Dapatan menunjukkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa citra perempuan dalam sosiopolitik yang memaparkan gambaran citra berwawasan, berkarisma dan berwibawa manakala citra perempuan dalam sosioekonomi pula dikaji berdasarkan gambaran empayar perniagaan, inovatif, kreatif dan efisien diguna pakai untuk menggambarkan citra seorang usahawan, guru dan pekerja pejabat yang rajin, bersungguh-sungguh, cekap, amanah dan mengikut peraturan apabila menjalankan tugas. Seterusnya citra perempuan dalam sosiobudaya pula memperkatakan hubungan perempuan dengan aktiviti masyarakat yang berkaitan dengan hak kebebasan, berusaha ke arah kecemerlangan, moral negatif dan bertanggungjawab.

Siti Khariah Mohd Zubir (2004) turut melakukan satu lagi kajian dengan menggunakan pendekatan kajian perbandingan. Kajiannya bertajuk "*Perjuangan Perempuan Dalam Karya Pengarang Perempuan Malaysia dan Indonesia Di Awal Abad Ke-21: Sebuah Kajian Bandingan"*. Perbincangan dalam kajian ini berkisar dalam tiga aspek iaitu persoalan perjuangan perempuan dalam bidang sosial, persoalan perjuangan perempuan dalam bidang politik dan persoalan perjuangan perempuan dalam bidang ekonomi. Kajian ini telah menggunakan empat teori, iaitu teori feminisme, teori psikologi, teori sosiologi dan teori Islam (kebebasan perempuan) sebagai landasan kajiannya. Objektif kajian ini dibahagikan kepada empat, iaitu mengenal pasti dan menganalisis watak-watak perempuan yang terdapat dalam novel, memperlihat dan membuktikan keterlibatan watak perempuan memperjuangkan emansipasi, membandingkan perjuangan atau emansipasi yang ditonjolkan oleh pejuang-pejuang perempuan Malaysia dan Indonesia. Kajian ini merupakan lanjutan dan perluasan kepada kajian terdahulu beliau.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Satu lagi kajian yang agak penting tentang feminisme di Malaysia ialah kajian Norhayati Binti Ab. Rahman (2005). Kajian Tesis Doktor Falsafah Universiti Sains Malaysia ini berjudul *"Puitika Sastera Wanita Dalam Novel-Novel Pengarang Wanita Indonesia Dan Malaysia: Satu Bacaan Ginokritik"*. Kajian perbandingan ini menggunakan kaedah teori ginokritik yang diperkenalkan oleh Elaine Showalter berdasarkan empat model dalam kaedah bacaan ginokritik, iaitu model penulisan wanita dan biologi wanita, penulisan wanita dan bahasa wanita, penulisan wanita dan psikologi wanita serta penulisan wanita dan budaya wanita. Sebanyak lapan novel iaitu empat dari Malaysia dan empat dari Indonesia telah digunakan. Kajian ini mendapati wujud perbezaan yang ketara dalam cara dan gaya penerapan setiap unsur tersebut oleh pengarang wanita di Malaysia dan Indonesia. Perbezaan tersebut dipengaruhi oleh latar sosiobudaya, politik dan latar belakang pengarang di kedua-dua buah negara berkenaan. Hasil kajian tesis ini menunjukkan cara-cara pengarang wanita memanfaatkan kebijaksanaan mereka dalam menghasilkan makna teks, dengan menentukan sejarah, tema, genre dan struktur penulisan mereka yang tersendiri. Kajian ini lebih bertumpu kepada penyelidikan puitika penulisan penulis wanita.

Kajian oleh Rosnah Baharudin (1995) bertajuk *"Wanita Dalam Novel A. Samad Said"* untuk tesis Doktor Falsafah di Universiti Kebangsaan Malaysia dilihat sebagai antara kajian terawal tentang feminisme di negara kita. Tumpuan kajian beliau lebih kepada penulis lelaki yang melihat persoalan perempuan dalam masyarakat yang dari suasana latar tempat dan zaman. Kajian ini ada persamaan dengan kajian ini yang turut menilai penulis lelaki sebagai pengarang pilihan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian seterusnya ialah kajian Membunga @ Siti Meriam Yaakub, 2004 yang berjudul *"Tanggapan Terhadap Wanita Dalam Hamzah dan Keris Mas"*. Tesis sarjana ini melihat dua orang penulis lelaki iaitu Keris Mas dan Hamzah. Tumpuan perbincangan lebih menjurus kepada gambaran persamaan imej perempuan dalam karya yang dikupaskan, dan melihat kekuatan dan kelemahan yang terdapat dalam karya mereka. Kajian ini mendapati bahawa dua orang penulis yang dikajinya itu mempunyai tanggapan tersendiri terhadap perempuan dan mereka memberikan imej yang kurang menyenangkan terhadap watak perempuan dalam karya mereka.

Siti Hajar Bt**.** Che Man (1999) pula menghasilkan kajian peringkat kedoktoran di Universiti Kebangsaan Malaysia yang bertajuk *"Feminism Dalam Kesusasteraan Melayu: Analisi Kaedah Bacaan Showalter"***.** Kajian ini menekankan teori yang dikemukakan oleh Elaine Showalter iaitu kritik feminis dan ginokritik**.** Kritik feminis tertumpu terhadap karya pengarang lelaki**,** manakala ginokritikan memfokuskan karya penulis wanita.

Selain itu terdapat banyak lagi kajian dalam dunia kesusasteraan Melayu yang telah menggunakan teori feminisme ini. Antaranya ialah kajian sarjana seperti kajian Chin Hai Leng yang berjudul *"Perbandingan Citra dan Peranan Di Antara Watak Wanita dan Lelaki Dalam Novel-Novel Arena Wati*", Universiti Kebangsaan Malaysia, 1990. Dalam kajiannya Chin menggabungkan aspek citra dan peranan. Hasil gabungan ini pula dibahagikan kepada dua iaitu citra perempuan di sisi masyarakat dan citra perempuan di sisi keluarga. Kajian membahagikan citra perempuan kepada dua iaitu satu daripada perspektif Barat yang menggunakan pengkategorian Mary Anne Ferguson yang melihat perempuan sebagai ibu, isteri dan perempuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

simpanan. Manakala pengkategorian kesusasteraan Melayu pula menggunakan citra mengikut pandangan Siti Aishah Mat Ali yang membahagikan perempuan sebagai ibu, isteri dan ditambah perempuan yang sedar akan tanggungjawab dan gigih. Pengkaji mendapati bahawa novel-novel Arena Wati menampilkan watak perempuannya dengan berbagai-bagai variasi sebagai ibu, isteri, janda, perempuan tabah, perempuan rendah moral dan perempuan progresif.

Satu lagi kajian perbandingan ialah kajian yang dilakukan oleh Norbaini Ahmad Daud yang berjudul Kajian Citra Wanita Dalam Novel-Novel Pilihan karya Novelis Wanita dan Lelaki: Satu Analisis Perbandingan oleh Norbaini Ahmad Daud di Universiti Putra Malaysia, 2003. Dalam kajiannya, Norbaini menumpukan kepada perbandingan citra perempuan dalam novel pilihan karya Norhayati Berahim, iaitu Sentuhan Kasih (2003) dan Abdul Rahim Awang, iaitu Meterai (2003). Kajian feminisme ini menggunakan kaedah kualitatif, yang menggunakan penganalisisan dan penilaian berdasarkan fenomena citra perempuan dari perspektif teori feminisme. Tumpuan kajian ialah citra perempuan secara perbandingan berdasarkan pandangan novelis perempuan dengan novelis lelaki. Kajian ini mengupaskan citra perempuan mengikut aspek peranan sebagai isteri, ibu, anak perempuan dan berkerjaya dalam novel-novel tersebut. Beliau mendapati wujud perbezaan atau persamaan gambaran citra perempuan.

Satu lagi kajian tentang feminisme ialah kajian Siti Aisah Murad (1998) yang berjudul "*Citra Wanita Dalam Novel-Novel Arena Wati*". Dalam kajiannya, Siti Aishah Murad membahagikan watak perempuan kepada citra tertentu seperti perempuan progresif, insaf dan memperjuangkan nasib kaumnya, perempuan merana,

citra perempuan tabah dan sanggup menerima tanggungjawab demi kebahagiaan keluarga dan citra perempuan yang rendah moral, sempit fikiran dan peramah seperti Tinah dalam novel Lingkaran (1965).

Kajian berikut ialah kajian tentang feminisme ialah kajian Faridah Haji Shamsuri berjudul "Imej dan Peranan Watak Wanita Dalam Novel-Novel Melayu Tahun Enam Puluhan" Universiti Kebangsaan Malaysia, 1983. Pengkaji telah membuat kajian tentang imej perempuan dalam novel Melayu. Dapatan kajiannya menegaskan bahawa sebahagian penulis lelaki amat kurang menyorot konflik dan pergolakan jiwa watak-watak perempuan dengan wajar dan mendalam sebagai mahkluk yang rasional dan memperjuangkan agar kaum perempuan tidak dijadikan sebagai bahan kecaman oleh kaum lelaki. Hasil kajian turut menunjukkan watak perempuan memperjuangkan hak untuk memilih atau menentukan pasangan hidup mereka. Kajian ini menyimpulkan bahawa perjuangan kaum perernpuan ternyata gagal dan kurang rnendapat sirnpati daripada kaum sejenisnya. Kegagalan ini disebabkan oleh ketiadaan perancangan yang teratur, sikap kaum perempuan sendiri yang lebih kepada perasaan dendam. Kajian ini perlu dibandingkan dengan kajian ini yang mengkaji tentang M. Ramaiah yang juga merupakan seorang penulis lelaki.

2.3.4 Kajian Feminisme dalam Kesusateraan Tamil Malaysia

Dalam kesusasteraan Tamil kajian tentang feminisme bermula dengan kajian S.Ahchee. Kajian Sarjana Sastera (1995) ini berjudul "Wanita Dalam Novel Tamil Malaysia (1910-1970)". Kajian yang melihat genre novel Tamil yang telah dihasilkan

dalam 60 tahun terawal itu mengkaji gambaran wanita dalam novel-novel Tamil Malaysia. Perbincangan kajian ini mengikut novel satu demi satu tanpa membuat perbandingan. Membincangkan hal ini, Manomani Devi (2008:7) berpendapat pendekatan S.Ahchee yang menolak faktor penulis, telah menyebabkan gambaran watak wanita yang dikupaskan tidak menyeluruh dan tidak lengkap. Malahan kajian ini hanya mengupaskan perbincangan mengikut pendekatan intrinsik iaitu aspek watak dan perwatakan sahaja yang dilihat mengikut watak utama, watak penting dan watak sampingan. Dalam kajian awal S.Ahchee didapati perbincangan imej watak wanita terikat kepada pandangan tradisional dan konvensional iaitu mengikut peranan golongan wanita.

Kajian kedua yang menggunakan kaedah feminisme dalam novel Tamil Malaysia ialah hasil usaha Manonmani Devi. Kajian berjudul "Citra Wanita dalam Novel-Novel R.Kartigesu" ini lebih menjurus kepada karya tulisan pengarang lelaki dan menilai sejauh mana R.Karthigesu dalam novel-novelnya iaitu *va:naththu ve:likal: anhthima ka:lam, the:t:i irunhtha tharun:angkal:* dan *ka:thalina:l alla* mencitrakan imej wanita dalam ceritanya. Alasan penulis dipilih pula dinyatakan kerana penulis merupakan satu-satunya novelis Tamil yang mempunyai latar belakang pendidikan akademik yang tinggi. Kajian ini ingin melihat sejauh mana imej wanita Tamil berjaya dihidupkan oleh pengarang yang memiliki kelebihan latar belakang akademik. Pola perbincangan kajian ini tertumpu kepada pencitraan jenis watak wanita, pola pemikiran watak wanita, watak wanita sebagai imej keghairahan dan pola hubungan gender dalam empat buah novel R.Karthigesu. Lantaran itu, tumpuannya lebih cenderung ke arah kelainan karya penulisan lelaki dan pengalaman serta pencitraan identiti diri wanita itu sendiri, baik yang bersifat biologi, psikologi,

budaya, mahupun peranannya. Dapatan menunjukkan R.Karthigesu masih bais kepada simpati patriaki dan membataskan wanita-wanita dalam dunia pengkaryaannya berbanding perwatakan-perwatakan lelaki.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ketiga tentang feminisme pula hasil usaha Ilangkumaran Sivanadhan pada tahun 2009 juga dari Fakulti Sains Sosial Universiti Malaya. Tajuk kajian ini ialah "*Kedudukan Wanita Dalam Karya-Karya Kreatif M.A Ilanchelvan: Dari Perspektif Feminisme".* Ringkasnya kajian ini mengupaskan kedudukan wanita yang digambarkan dalam karya-karya penulis Ilanchelvan. Kajian ini menggunakan empat kaedah iaitu kaedah temu duga, kaedah analitikal, kaedah perbandingan dan kaedah deskriptif. Watak wanita didapati masih terikat dengan pemikiran dan kepercayaan lama. Namun dalam kajian ini pengkaji turut dipengaruhi oleh pandangan patriakial kerana memberi saranan bahawa wanita India di Malaysia yang bergaul dengan pelbagai kaum, bangsa dan agama harus menjaga maruah diri serta bangsa untuk menjalani kehidupan yang baik dan terpuji. Menurutnya walaupun pembaharuan prestasi kendiri adalah suatu yang penting untuk wanita, mereka diseru untuk menjaga maruah serta kepentingannya. Pengkaji telah memberi pendapatnya bahawa jika sekiranya kita inginkan perubahan yang positif, perlu wujud kesedaran yang menuntut golongan lelaki harus menghormati kaum wanita setaraf dengan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Satu lagi kajian tentang feminisme ialah kajian Kamachy Chelian yang berjudul "Stereotaip Wanita dalam Cerpen-Cerpen Tamil Malaysia" untuk disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Fokus kajian ini adalah tentang stereotaip wanita Tamil dalam cerpen-cerpen Tamil Di Malaysia. Stereotaip merupakan satu fenomena yang wujud dalam semua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masyarakat. Dalam konteks ini wanita merupakan golongan yang kerap distereotaipkan dalam masyarakat Tamil. Pengkaji telah memilih 15 buah cerpen yang mewakili tiga dekad iaitu dari tahun 1970 hingga 2000. Petikan teks dalam cerpen-cerpen pilihan ini dijadikan data kajian. Data ini telah dianalisis dan dirumuskan bagi menjawab soalan-soalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa memang wujud unsur-unsur stereotaip wanita dalam cerpen-cerpen yang ditulis oleh penulis Tamil Malaysia. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa cerpen-cerpen yang terhasil pada lewat tahun 90-an, menampakkan dengan jelas unsur-unsur perubahan stereotaip wanita Tamil di Malaysia. Hal ini dapat dilihat melalui perlakuan yang melanggar stereotaip wanita Tamil oleh watak wanita dalam cerpen-cerpen tersebut. Pengkaji juga telah mengkaji unsur-unsur bahasa tertentu yang digunakan oleh penulis dalam menampilkan stereotaip wanita dalam cerpen-cerpen yang dipilihnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Premavathi Nallapan turut telah membuat kajian yang cenderung ke arah kritikan feminis pada tahun 2005 dengan judul *'Stereotaip watak wanita dalam cerpen Bahasa Tamil'* di Universiti Malaya. Namun demikian kajian ini lebih cenderung kepada kajian linguistik. Walaupun genre cerpen dijadikan sebagai bahan kajian dan tumpuan lebih kepada penggunakan bahasa tetapi kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian ini.

Selain itu, satu lagi tesis yang turut menyentuh tentang citra wanita dalam cerpen Tamil telah dilakukan oleh Mahaletchumi Ramakrishnan (2008). Kajian ini juga seperti dua kajian yang terdahulu juga bersifat kajian bahasa Kajian tersebut berjudul *"Stereotaip wanita dalam cerpen Tamil tiga dekad (1971-2000): satu kajian*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perbandingan". Pengkaji membuat perbandingan berdasarkan bahasa yang digunakan dalam cerpen-cerpen tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian tentang pemikiran feminisme turut dijalankan oleh Deve Krishnan. Tajuk kajiannya ialah ***"Pemikiran Feminisme dalam Novel-Novel Civacankari".*** sebagai kajian latihan Ilmiah Jabatan Pengajian India Universiti Malaya**.** Kajian yang merangkumi masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum wanita di India dilihat mengikut aspek pendidikan**,** masyarakat**,** keluarga dan perkahwinan**.** Dalam kajian ini pengkaji mendapati bahawa kebebasan golongan wanita dalam masyarakat India berada pada tahap kurang memuaskan**.**

Kajian berikut ialah kajian Pama Periasamy dari Universiti Malaya. Tajuk tesis sarjana sastera beliau ialah Sterotaip Gender dalam Novel Terpilih Ramani Chandran. Tesis ini telah disempurnakan pada tahun 2013. Secara ringkasnya kajian ini membincangkan tentang unsur-unsur stereotaip wanita, perubahan stereotaip wanita dan unsur-unsur bahan khusus yang memperlihatkan stereotaip wanita. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif mudah untuk menjelaskan adanya penggunaan stereotaip gender dalam novel-novel novelis Ramani Chandran. Pemilihan lapan novel Ramani Chandran iaitu dua daripada setiap dekad adalah sesuai untuk mengkaji unsur, perubahan dan bahan khusus stereotaip gender.

Kajian tentang feminisme dalam penulisan R.Karthigesu dikaji oleh Puspa Nathan A/L Naharajah (2012) tetapi melihatnya melalui genre cerpennya. Kajian Puspa Nathan berjudul *"Wanita Dalam Cerpen-Cerpen R.Karthigesu"* mengaplikasikan kaedah analitikal untuk menganalisis dan mengolah maklumat**.** Dari

segi perkaitan, kajian ini turut membicarakan penulis lelaki. Namun demikian perbicaraan tentang feminisme menggunakan cerpen sebagai bahan kajian dan hal ini kelihatan berbeza dengan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Satu lagi kajian tentang feminisme dalam Cerpen Tamil Malaysia telah dikaji oleh Neelamalar Tangakrishnan (1991/2001) sebagai Latihan ilmiah Jabatan Pengajian India Universiti Malaya**.** Kajian ini menerangkan tentang pengaruh pemikiran feminisme barat dan pengaruhnya terhadap perkembangan kesusasteraan Tamil di India dan Malaysia**.**

Palani Krishnasamy turut menyumbang kepada kajian feminisme Tamil Malaysia. Namun demikian beliau telah menggunakan kaedah feminisme ini dalam genre sastera puisi Tamil. Kajiannya bertajuk *"Pemikiran feminism dalam sajak Tamil Moden Malaysia"***.** Tesis ini tahun 2011 di Universiti Malaya mengupaskan peranan wanita dan gambaran mereka dalam sajak-sajak nukilan penyajak moden tempatan Malaysia. Kajian ini merumuskan bahawa penyajak yang dipilih berjaya menonjokan watak-watak wanita yang berjaya dalam hidup mereka**.** Hal ini memberi anjakan paradigma kepada peranan wanita seperti yang terdapat dalam sajak-sajak yang dikaji. Kajian ini berbeza kerana menggunakan puisi sebagai bahan kajian dengan kajian pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Satu lagi kajian yang didapati membincangkan feminsime ialah hasil kajian Devapoopathy Nadarajah (1969**:** 54) melalui buku yang bertajuk *Women In Tamil Society-The Classical Period.* Buku ini secara umum menyentuh tentang unsur-unsur dan pemikiran feminisme yang telah diamalkan oleh masyarakat India pada zaman

klasik**.** Namun demikian buku ini hanya memberikan gambaran masyarakat klasik dan lebih cenderung mengupaskan apa yang diinginkan daripada golongan wanita seperti kesempurnaan kewanitaan**,** wanita dalam upacara perkahwinan dan peranan wanita dalam bidang ekonomi dan politik**.**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jika dihalusi akan kajian-kajian lepas yang dilakukan didapati tumpuan lebih menjurus kepada perbincangan feminisme yang mudah tentang citra wanita dalam sastera Tamil. Dengan demikian untuk mendapatkan kesimpulan yang lebih jitu, maka pengkaji cuba mengupaskan citra wanita dalam karya-karya seorang penulis sahaja ataupun secara umum sahaja. Penerapan teori kritikan feminisme yang dilakukan juga didapati tidak bersifat terperinci dan menyeluruh. Perbincangan seumpama ini, walaupun berusaha meneliti karya dengan teori feminisme tetapi kajian-kajian tersebut tidak mengaplikasikan kaedah pemikiran feminisme secara khusus. Oleh hal yang demikian, kajian ini cuba meneliti novel M. Ramaiah bersandarkan pendekatan kritik feminis khususnya terhadap seorang karya novelis lelaki Tamil yang terkenal di Malaysia. Diharapkan pendekatan ini lebih bersifat menarik dan sealiran dengan perkembangan semasa yang melihat penulis sebagai komponen terpenting dalam membicarakan sesebuah karya. Di samping itu, penggunaan pendekatan feminis dapat memberikan prespektif yang baharu kepada kajian novel Tamil Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Kesimpulan

Dalam bab ini, sorotan kajian lepas telah dijalankan merangkumi kajian tentang wanita. Pelbagai isu yang telah dikenal pasti melalui kajian lepas ini. Pembacaan ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memberi peluang kepada pengkaji memahami isu pencitraan wanita, serta gambaran tentang kedudukan dan perjuangan golongan wanita. Dua aspek telah dikupaskan iaitu perkembangan yang dikesan dalam kajian kesusasteraan Melayu dan kajian dalam kesusasteraan Tamil. Ada kajian yang dilakukan di negara kita dan ada pula yang telah dilakukan di luar negara. Ke semua kajian ini memberikan latar belakang kepada kajian ini serta membantu pengkaji mendekati kajian M. Ramaiah secara lebih mendalam lagi. Rakaman tentang khalayak sosial, emosi, ekonomi dan pemikiran watak-watak dalam kajian lepas memberikan kita sedikit landasan untuk merangka kajian ini dengan lebih mendalam dan mengikut acuan kajian ini.

Kajian-kajian ini dibahagikan kepada dua iaitu kajian yang dikaji dalam negara dan kajian yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji dari luar negara**.** Berdasarkan tinjauan literatur bagi tajuk pilihan pengkaji sebanyak 11 kajian tempatan Malaysia dan 10 kajian India telah dikupaskan. Walaupun demikian setakat ini tidak ada pengkaji yang telah membuat kajian yang sama dengan tajuk yang dipilih oleh pengkaji**.**

Didapati bahawa kajian-kajian yang disenaraikan di atas ialah kajian yang bersifat umum dan tidak menjurus kepada pemikiran feminisme watak wanitia**.** Memandangkan hal ini, wujuda alasan yang meyakinkan untuk membuat kajian ini iaitu pemikiran feminisme dalam novel karya M**.** Ramaiah. Hal ini memandangkan belum lagi ada kajian mengenai aspek feminisme dalam novel karya M**.** Ramaiah**.** Lantaran itu, kajian ini akan membuka lembaran baharu dalam penyelidikan. Diharapkan kajian ini akan memberi sumbangan terhadap idea feminisme dalam novel Tamil untuk memberi manfaat kepada generasi akan datang**.**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara ringkasnya bab ini akan mengupaskan tentang teori yang menjadi landasan kajian ini. Di samping itu dalam bab ini juga perbincangan dan penjelasan gambaran yang terperinci mengenai metodologi**,** kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan akan diterangkan**.** Kerangka kajian serta reka bentuk kajian juga akan disentuh.

3.2 Reka bentuk kajian

Kajian tentang novel M.Ramaiah ini bertujuan untuk mengupaskan pemikiran feminisme berdasarkan objektif-objektif kajian. Keadah yang digunakan ini berbentuk kualitatif. Dalam kajian ini pendekatan yang digunakan ialah kualitatif deskriptif. Kaedah penelitian kualitatif deskriptif iaitu menganalisis bentuk deskripsi dan tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


berupa angka. Secara umumnya format penelitian kaedah kualitatif amat berbeza dengan keadah kuantitatif. Reka bentuk kajian kualitatif ini agak mencabar kerana penelitian ini tidak berpola. Kaedah ini sebenarnya terdiri daripada tiga model, penelitian yang berbentuk deskriptif, penelitian format verifikasi, dan format *grounded research.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini penelitian yang digunakan ialah keadah kualitatif dengan reka bentuk deskriptif, kerana penelitian seumpama ini memberi gambaran secara teliti tentang individu atau kelompok tertentu tentang sesuatu keadaan atau gejala yang terjadi. Penelitian kualitatif menurut Bogdan dan Taylor (1975) metodologi kualitatif merupakan prosedur penelitian yang menghasilkan data deskriptif berupa kata-kata tertulis atau lisan dari orang-orang dan perilaku yang dapat diamati.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.1. Reka Bentuk Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Kerangka Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini secara ringkasnya akan mengupaskan setiap novel yang dipilih untuk melihat pemikiran dalam novel-novel M.Ramaiah. Berdasarkan tujuan tersebut kajian ini akan mengikut pola berikut untuk setiap novel yang didekati.

1. Bagaimanakah citra jenis watak wanita digambarkan dalam novel karya M.Ramaiah?
2. Bagaimanakah citra kedudukan watak wanita dalam novel karya M.Ramaiah**?**
3. Bagaimanakah citra perjuangan watak wanita digambarkan dalam novel karya M. Ramaiah ?

Jadual 3.1

05-4504422 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kerangka Kajian

Soalan Kajian	Skop Pencitraan	Instrumen
Bagaimanakah citra wanita digambarkan dalam novel karya M**.**Ramaiah?	Gambaran Jenis Watak	a. Wahab Ali b. Ungku Maimunah
Bagaimanakah citra kedudukan wanita digambarkan dalam novel karya M**.**Ramaiah**?**	Citra Kedudukan	• Kritik Feminis Showalter • Naomi Wolf a. Feminisme Mangsa b. Feminisme Kekuasaan
Bagaimanakah citra perjuangan wanita digambarkan dalam novel karya M**.**Ramaiah?	Tahap Pemikiran Sosial, budaya pendidikan dan politik	Perbincangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Kaedah Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara ringkasnya kajian ini berbentuk kajian perpustakaan dan kajian teks. Kedua-dua kaedah ini diterangkan secara terperinci dalam bahagian di bawah.

3.4.1 Kajian Perpustakaan

Memandangkan kajian ini berdasarkan teks-teks serta bahan-bahan yang sudah diterbitkan maka kaedah perpustakaan didapati lebih sesuai. Untuk memastikan kajian yang dibuat berjalan dengan lancar dan bersistematik**,** pengkaji telah memilih kaedah perpustakaan sebagai kaedah penyelidikan bagi tujuan penyelidikan ini. Kaedah ini digunakan untuk mengumpul segala maklumat yang berhubung dengan bidang kajian ini secara umum. Rujukan yang meluas diperlukan untuk mengumpul maklumat serta mereka bentuk kajian ini. Setiap aspek kajian ini dikupas, diperdalam serta diperjelas sebaik mungkin menggunakan kaedah ini. Rujukan yang luas ini membantu kajian terperinci ini dapat dijalankan.

Pelbagai sumber rujukan telah digunakan. Antaranya ialah buku-buku ilmiah, jurnal, kertas-kertas kerja, majalah dan rencana yang menyentuh secara langsung atau secara tidak langsung tentang topik kajian ini. Hujah, pendirian serta pendapat penulis telah dikaji untuk disimpulkan, dan menjelaskan serta memperkukuhkan aspek-aspek tertentu dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Untuk melaksanakan kajian perpustakaan ini, penyelidik telah melawat tujuh buah perpustakaan iaitu Perpustakaan Negara, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Abdul Razak, Ipoh, Muttamil Padippagam, Perpustakaan Peringatan Za'ba, dan Perpustakaan Pendidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris untuk mendapatkan maklumat. Penyelidik memilih perpustakaan tersebut kerana perpustakaan ini mempunyai koleksi yang berkaitan dengan penyelidikan yang dilakukan.

Bahan-bahan yang telah digunakan adalah seperti buku, bahan ilmiah, tesis, majalah, bahan internet, dan bahan-bahan rujukan daripada sumber yang lain. Kajian perpustakaan ini membantu pengkaji mendapat latar belakang kajian, definisi istilah, kajian lalu tentang feminisme, serta bacaan-bacaan yang berkaitan dengan tajuk ini. Pelbagai buku telah digunakan oleh pengkaji. Pengkaji juga berkesempatan untuk membuat rujukan terhadap latihan ilmiah yang telah dijalankan dalam bidang yang berkaitan. Secara ringkasnya rujukan bahan-bahan ini telah membantu pengkaji dari segi ilmu dan memberi panduan kepada penulis untuk menyiapkan kajian ini. Selain itu, pengkaji juga akan menggunakan bahan-bahan rujukan sampingan melalui laman internet. Kebanyakan bahan yang diperoleh ini bersifat data sekunder. Data ini sebenarnya sebagai data untuk menyokong sumber primer. Teknik pengumpulan data diperoleh dari hasil pembacaan yang dilakukan oleh penulis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.2 Kajian Teks

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Untuk tujuan kajian ini, tujuh buah teks novel telah dikenal pasti sebagai sumber kajian. Memandangkan kesukaran dan ketandusan karya, dalam kajian ini tumpuan diberikan kepada novel-novel yang dipilih ini sahaja. Senarai novel yang digunakan ialah:

1. *Vil-alum Nhi:rum*
2. *Ethir Vi:t:u*
3. *Cangkamam*
4. *Payan:angkal: Mut:ivathillai*
5. *Nheruppu Cunai*
6. *Mana U:nangkal:*
7. *Al-akin A:ra:thanai*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan. Kaedah ini memudahkan kajian ini dilakukan secara objektif, sistematik dan kualitatif. Strategi ini digunakan untuk mencungkil citra wanita dalam novel terpilih karya M**.**Ramaiah.

Dalam mempermudahkan kaedah analisis kandungan untuk tujuan kajian, beberapa langkah telah dibentuk. Terdapat lima langkah yang telah dibentuk. Langkah-langkah tersebut ialah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Pembacaan Data

ii. Pemilihan data-data yang berkaitan dengan feminisme

iii. Pembahagian mengikut skop feminisme

iv. Penganalisisan makna kandungan

v. Pembentukan ciri citra umum dan membuat rumusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.1 Pembacaan Data

Teks-teks novel yang dipilih telah dibaca secara menyeluruh bagi memahami kandungannya. Langkah ini diperlukan untuk membuat pembahagian mengikut acuan kajian. Untuk memahami teks, bacaan secara ekstensif serta kritis diperlukan. Langkah ini bukan sahaja menekankan ketelitian dan pemahaman malah telah menyentuh aspek-aspek kekritisan berfikir dan keterampilan dalam memahami data-data yang dikaji. Makna tersirat menjadi fokus dalam langkah ini. Melalui kaedah ini pencitraan feminisme dalam novel-novel M.Ramaiah telah dikaji dan didekati.

3.5.2 Pemilihan Data-Data yang berkaitan dengan Feminisime

Langkah seterusnya ialah pemilihan data-data yang sesuai untuk kajian ini. Pemilihan tersebut dibuat mengikut skop kerangka kajian yang telah dibentuk. Kajian dan penelitian seterusnya ialah membentuk satu kesatuan dari data yang dikumpul mengikut skop serta subtopik. Aspek feminisme tersebut dikelompokkan mengikut kategori yang telah dibentuk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.3 Pembahagian Mengikut Skop Feminisme

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah ketiga pula ialah pembentukan satu kumpulan pembahagian yang mengikut kerangka kajian yang telah dibentuk. Pembahagian mengikut komponen ini dibuat menggunakan pertimbangan-pertimbangan sewajarnya. Komponen pembahagian ini dibuat mengikut jadual di bawah ini.

i. Jenis citra wanita dalam novel karya M.Ramaiah.
ii. Kedudukan citra wanita dalam novel karya M.Ramaiah.
iii. Citra perjuangan wanita dalam novel karya M.Ramaiah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.4 Penganalisisan Makna Kandungan

Data Primer adalah data dalam bentuk verbal atau kata-kata yang diucapkan secara lisan, gerak-gerik atau perilaku yang dilakukan oleh subjek yang dapat dipercaya, yakni subjek penelitan atau informan yang berkenaan dengan variabel yang diteliti atau data yang diperoleh dari responden secara langsung. Bersesuaian dengan kajian ini kaedah penyelidikan tentang pemikiran dalam novel-novel M.Ramaiah ini telah mengaplikasikan kaedah analisis teks. Antaranya ialah kaedah analisis kandungan**.** Kaedah analisis teks dipilih kerana sesuai dengan subjek kajian ialah novel. Kaedah ini telah digunakan untuk melihat pemikiran feminisme dalam novel Tamil di Malaysia**.** Memandangkan kajian ini mengkaji teks novel yang telah diterbitkan**,** maka untuk melaksanakan kajian ini sumber teks asal iaitu novel-novel nukilan M.Ramaiah yang diterbitkan digunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Setiap data yang diperoleh daripada bacaan teks novel setelah dikelompokkan dan disatukan mengikut komponen kerangka kajian. Kemudiannya data tersebut diselami dengan lebih mendalam lagi untuk memecahkan makna tersirat yang terselit di dalamnya. Kerja-kerja ini memerlukan pengkaji membuat pelbagai rujukan bahan sumber sampingan yang berkaitan dengan feminisme. Bacaan secara ekstensif ini diperlukan untuk membantu penginterprestasian data demi mencari satu gambaran umum tentang pemikiran wanita dalam novel-novel M.Ramaiah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.5 Pembentukan Ciri Citra Umum

Langkah terakhir ini membantu kita mencari satu gambaran pemikiran feminisme dalam novel M.Ramaiah. Hal ini penting bagi membolehkan kita melihat secara jelas tentang pemikiran tentang wanita seperti yang tersuguh dalam novel-novel terpilih ini. Berikut ialah rumusan reka bentuk kajian ini dalam bentuk carta aliran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.2. Aliran Metodologi Kajian

3.6 Teori Kajian

Pengkaji menggunakan dua teori feminisme dalam kajian ini iaitu teori kritik feminisme Showalter dan teori Naomi Wolf. Kedua-dua teori ini sesuai untuk kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.1 Teori Kritik Feminisme Showalter

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Feminis merupakan satu bentuk ideologi yang memberi penekanan kepada kebebasan golongan wanita dengan andaian bahawa wujud ketidakadilan kerana perbezaan dalam gender. Dalam konteks ini golongan feminis ini menolak apa-apa sahaja yang meletakkan golongan wanita dalam keadaan marginal atau direndahkan oleh budaya dominan. Kritik sastera feminis digunakan untuk mengkaji citra wanita dalam karya sastera dalam era yang didominasikan oleh budaya patriarki. Kritik ini juga merupakan pendekatan akademik yang mendekati kajian sastera yang mengaplikasikan pemikiran feminis untuk menganalisis teks sastera.

Patriarki pula merujuk kepada kebudayaan yang menempatkan laki-laki sebagai pusat kuasa atau dominan. Wanita pula dilihat sebagai objek yang menjadi korban kepada golongan lelaki dan kumpulan yang menderita.Wanita pula amat bergantung kepada lelaki. Pendominasian yang terlalu kuat ini menyebabkan wujudnya persaingan.

Dalam kajiannya, Elaine Showalter membahagikan sejarah perkembangan penulisan dan kritikan yang dihasilkan oleh wanita kepada tiga tahap, yang dikaitkan dengan istilah-istilah *feminine, feminist,* dan *female* (Mana Sikana, 2005). Tahap yang digelar oleh Showalter sebagai feminin digunakan untuk dekad-dekad 1840-80. Mengikut Showalter, pada tahap ini penulis wanita masih dipengaruhi oleh andaian kaum lelaki tentang wanita, dengan tujuan untuk setanding dengan pencapaian intelektual kaum lelaki. Pendek kata, pada tahap ini penulis wanita masih menggunakan kayu ukur kebudayaan dominan lelaki sebagai garis panduan seni

mereka. Selain itu, ramai penulis wanita pada tahap ini sering menyembunyikan identiti mereka dengan menggunakan nama pena yang terdiri dari nama lelaki.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tahap kedua digelar Showalter sebagai feminis yang wujud sekitar 1880-1920. Dekad-dekad ini sungguh penting kerana hak mengundi bagi wanita diperoleh selepas suatu protes perjuangan yang sungguh pahit. Lantaran itu, kaum wanita berani menolak beberapa sikap yang dianggap feminine. Pengarang wanita menggunakan kesusasteraan sebagai media untuk memaparkan ketidakadilan yang dialami oleh mereka. Pada tahap ini, penulis wanita juga bertanggungjawab memupuk semangat perpaduan dalam kalangan kaum sejenisnya

Tahap ketiga dalam sejarah perkembangan pergerakan feminis digelar oleh Showalter kerana ingin menegaskan bahawa perkataan female bukan digunakan untuk merujuk kepada makna biologi sahaja. Pada tahap yang bermula pada tahun 1920 dan masih berterusan sehingga kini, para feminis ingin menolak peniruan pola pemikiran lelaki seperti yang diamalkan dalam tahap feminin dan protes, iaitu nada penulisan tahap feminis. Dalam tahap female, feminis dengan yakin beralih kepada pengalaman wanita yang autonomi dan berdikari. Pelopor-pelopor female aesthetic ini termasuk Dorothy Richardson dan Virginia Woolf.

Wacana feminis mengikut Showalter (1973) terbahagi kepada dua iaitu kritik feminis atau *feminist critique* dan kritikan ginokritik. Dalam perbincangan ini hanya kritik feminis yang ada kaitan dengan kajian ini akan dikupaskan. Kritik feminis memberi fokus kepada wanita sebagai pembaca dan pengguna karya dan penulis karya pula ialah lelaki. Pendekatan ini mendedahkan andaian-andaian yang berdasarkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

idealogi dalam fenomena sastera. Dalam pendekatan ini pembaca perlu mengesan signifikan kod-kod seksual dalam teks sastera yang dianalisis. Kaedah ini cenderung mengkaji bagaimana wanita dalam kesusasteraan kerap kali ditonjolkan dengan citra stereotaip dan tidak menggambarkan kompleksiti jiwa wanita. Showalter melihat ini sebagai pendedahan projeksi atau mekanisme bela diri kaum lelaki. Lantaran itu, kritik feminis ini bertujuan untuk mengkaji semula usaha-usaha pengkritik sastera dalam mengemukakan ciri-ciri salah anggap kritikan sastera tentang watak-watak perempuan tersebut. Tumpuan juga diberikan kepada kajian yang melihat wanita sebagai golongan yang dieksplotasi dan dimanipulasi. Kritik ini dipandang bernada politik dan berbentuk polemik serta kerap kali meminjam idea-idea teori sosiologi berdasarkan Marxisme (Wong Soak Koon, 2000).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Showalter telah membahagikan kritikan kepada wacana dan perspektif feminisme kepada dua bahagian (1986). Pertama, feminist critique, kritikan feminis iaitu menumpukan perhatian kepada wanita sebagai pembaca dan pengguna, *women as reader and consumer* karya yang dihasilkan oleh kaum lelaki. Pengkritik yang mengamalkan *feminist critique* cuba mendedahkan andaian yang berdasarkan ideologi dalam fenomena sastera (Mana Sikana, 2005)

Dengan mengetengahkan seorang pembaca wanita, kritikan sastera feminis menyedarkan kita betapa signifikannya kod-kod seksual di dalam sesebuah teks yang dianalisis. Kritikan feminis juga mengkaji bagaimana citra wanita dalam stereotaip tcntang wanita dan sedikit pun tidak mencerminkan kerumitan dan kompleksiti jiwa wanita tetapi lebih mendedahkan projeksi atau mekanisme bela diri kaum lelaki. Kritikan feminis juga mengkaji semula usaha pengkritik sastera dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengemukakan salah anggap dalam kritikan sastera tentang watak wanita. Dalam menyelidik semula sejarah kritikan sastera yang dilahirkan oleh kaum lelaki, kritikan feminis cuba menarik perhatian kita kepada isu serta pengarang wanita yang tidak dimasukkan ke dalam sejarah. Dengan usaha begini, kritikan sastera feminis mendedahkan rekahan-rekahan dalam struktur kritikan sastera kaum lelaki yang selama ini tersergam kukuh(Mana Sikana, 2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kritikan feminis juga menganalisis wanita yang dieksploit dan dimanipulasi, terutama dalam media popular. Di media popular sudah begitu lama filem-filem dan televisyen menggunakan unsur-unsur kejantinaan wanita untuk diperalatkan bagi tujuan komersial bagi meraihkan keuntungan besar. Wanita dengan sikap bergaya memperaga kecantikan dirinya untuk ditonton sebagai alasan eksploitasi tersebut. Penentangan terhadap fenomena ini menggunakan dan meminjamkan kaedah marxisme yang mengarah kepada aspek kekuasaan dan politik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Prinsip pertama yang digunakan ialah istilah koda. Menurut Mana Sikana (2005) koda merupakan konsep tentang sesuatu yang telah dipersetujui akan keciriannya. Koda pertama dalam kritikan ini ialah koda biologi. Selain itu terdapat kod lain seperti koda bahasa, koda budaya, koda ekonomi dan lain-lain yang dibina melalui dimensi sosial.

Menurut Showalter feminis harus memikirkan kembali perbezaan biologi dan hubungannya dengan penulisan tentang watak wanita. Penulisan perlu berfikir lebih jauh daripada faktor biologi dan melihat fungsi biologi wanita itu dengan tugas mereka seperti ibu, isteri, kakak dan sebagainya. Golongan lelaki hanya melihat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

biologi wanita sebagai bahan tontonan, alat pemuas nafsu dan untuk melahirkan anak. Fungsi wanita kurang dibincangkan oleh kaum lelaki. Malahan kaum lelaki hanya sentiasa menggambarkan wanita sebagai insan yang negatif, lemah, pesimis, tidak boleh hidup berdikari, sentiasa menjadi mangsa kepada golongan patriaki.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.2 Teori Naomi Wolf

Teori Naomi Wolf lebih bersifat Feminisme Liberal. Fahaman ini menempatkan golongan perempuan memiliki kebebasan secara penuh dan individual. Aliran ini menyatakan bahwa kebebasan dan persamaan berakar pada rasional dan wujud perpisahan antara dunia 'private' dan 'publik'. Setiap manusia dilihat oleh fahaman ini mempunyai kemampuan untuk berfikir dan bertindak secara rasional. Hal yang sama juga berlaku kepada golongan wanita. Menurut fahaman ini penindasan dan keterkebelakangan yang dialami oleh golongan wanita disebabkan oleh kesalahan perempuan itu sendiri. Fahaman ini menyuguh golongan wanita mempersiapkan diri agar mereka mampu bersaing di dunia dalam kerangka persaingan bebas dan memiliki kedudukan setara dengan golongan lelaki.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Feminis Liberal memiliki pandangan bahawa sesebuah negara sebagai penguasa tidak memihak kepada kepentingan kelompok. Namun demikian akibat golongan lelaki yang menguasai dunia politik maka keadaan ini merefleksikan kepentingan yang bersifat "maskulin". Golongan wanita yang berada dalam lingkungan "di dalam" negara hanya memiliki kuasa yang terbatas sebagai warga negara tetapi tidak berkuasa untuk mempengaruhi kuasa politik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Wolf (1994) teori feminisme merupakan sebuah teori yang mengungkapkan harga diri peribadi dan harga diri golongan wanita. Bagi beliau lagi istilah " Menjadi feminis", harus diertikan sebagai "Menjadi Manusia". Dengan ini golongan wanita akan percaya pada diri mereka sendiri. Jika dilihat pada istilah emansipasi dan feminism wujud perbezaan. Emansipasi yang digunakan pada kata perempuan, tersebut lebih cenderung untuk menekankan kepada penglibatan golongan wanita tanpa mempersoalkan ketidakadilan gender, sedangkan feminisme pula lebih cenderung untuk mempersoalkan hak serta kepentingan perempuan yang selama ini dinilai tidak adil.

Wolf (1994) melihat feminisme sebagai sebuah teori yang memberi perhatian kepada harga diri peribadi dan harga diri wanita. Malahan menjadi feminis, bagi Wolf bermaksud seseorang wanita itu menjadi manusia dalam erti kata yang sebenarnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Wanita yang telah kehilangan haknya mempunyai tanggungjawab yang tersendiri untuk menegakkan keadilan. Mereka harus menuntut hak tersebut untuk dirinya dan orang lain. Antara langkah awalnya ialah wanita harus berbincang tentang penganiayaan sebagai landasan ke arah tindakan konkrit untuk membetulkan balik keadaan. Dalam keadaan ini seseorang wanita akan mula yakin dan percaya pada dirinya. Hal ini seterusnya akan menggalakkan mereka ke arah emansipasi yang lantang mempersoalkan hak serta kepentingan wanita yang selama ini ditidakkan.

Dalam konteks ini Wolf (1994) telah memperincikan pendekatan feminism kepada dua jenis. Yang pertama ialah feminisme mangsa (*victim feminism*). Dalam pendekatan ini wanita dilihat melalui peranan seksual mereka yang murni dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mistik. Peranan ini pula dikatakan dipandu oleh naluri yang bermatlamat untuk mengasuh dan memelihara, serta menekankan kezaliman-kezaliman yang berlaku ke atas mereka sebagai jalan untuk menuntut hak-hak mereka yang sepatutnya. Manakala yang kedua pula feminisme kekuasaan (*power feminism*). Dalam pendekatan ini gender wanita dilihat sebagai gender yang sama dan tidak ada sebarang kekurangan berbanding lelaki. Perjuangan mereka bersandarkan andaian bahawa secara logiknya wanita itu mempunyai haknya. Berpaksikan andaian yang sedemikian, wanita dilihat sebagai golongan yang tidak perlu mengemis kepada sesiapapun untuk untuk menuntut hak hakikinya kerana mereka percaya wanita mempunyai kesetaraan dan bukannya golongan minoriti (Wolf, 1994). Pendekatan ini menegaskan meritokrasi hierarki sosial, tanggungjawab peribadi, kejayaan awam dan individu wanita. Citra tentang feminisme mangsa ialah citra yang mendorong ke arah aksi agresif, kesatuan, dan halangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan dengan itu Wolf (1994) menggagaskan bahawa lewat dekad 1990-an sudah jelas kelihatan pencitraan wanita sebagai golongan yang mampu bertindak sebagai pemegang kekuasaan. Mereka berjaya membebaskan persepsi wanita sebagai bahan atau makhluk yang menarik dan mendambakan keinginan untuk dirinya disayangi, kepada golongan yang boleh menimbulkan rasa hormat di samping kegerunan, bahkan rasa takut. Bagi pendekatan feminisme kekuasaan wanita pula beberapa prinsip telah digagaskan.

i. Wanita dan lelaki adalah sama dalam konteks kehidupan manusia.
ii. Wanita berhak menentukan nasib dirinya
iii. Setiap pengalaman yang dilalui oleh seseorang wanita itu mempunyai makna

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Wanita berhak mengungkapkan kebenaran tentang pengalaman mereka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

v. Wanita berhak untuk menerima segala-galanya seperti rasa hormat dari orang lain, rasa hormat terhadap diri sendiri, pendidikan, keselamatan, kesihatan, perwakilan dan kewangan dan bukan ditidakkan semua hak ini kerana mereka wanita (Wolf, 1994).

Sebagai rumusan, pendekatan feminisme kekuasaan ini tidak memusuhi golongan lelaki dan mereka turut mempunyai peranan mereka untuk memperjuangkan hak wanita demi kesetaraan sosial. Kekuatan pendekatan ini ialah pendekatan ini memberi persepsi wanita dan lelaki adalah sama. Setiap manusia sama ada lelaki ataupun wanita dilihat mempunyai autonomi serta dipimpin oleh akal sehingga manusia mampu memahami prinsip-prinsip moral dan kebebasan individu, serta memberi keutamaan kepada hak politik dan bukannya ekonomi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Kerangka Kajian Citra Feminisme

Teori sastera feminis berakar dari andaian bahawa wanita ini lebih inferior daripada lelaki. Lantaran itu, fokus utama feminis adalah untuk memperjuangkan kesetaraan antara lelaki dengan wanita di samping menobatkan martabat wanita itu sendiri. Teori ini turut mengkaji tentang nilai-nilai budaya yang menjadi pegangan suatu masyarakat atau suatu kebudayaan. Dalam konteks sastera kajian sastera feminis ini, faktor kelamin atau gender membawa kepada perbezaan pada diri pengarang, pembaca, perwatakan, dan pada faktor luar yang mempengaruhi situasi karang-mengarang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Salina Siabu (1991) pendekatan feminis dalam kesusasteraan adalah sebahagian daripada kaedah menganalisis karya sastera daripada persepsi sosial.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.1 Kajian Citra Wanita

Dalam bahagian ini akan dikupaskan bagaimana watak dan pemikiran tentang wanita dilihat dalam kajian-kajian kesusasteraan. Dalam merumuskan tentang gambaran wanita dalam kesusasteraan Abdullah Tahir (2003) pernah menegaskan bahawa pemikiran tentang wanita dalam teks penulisan pada asasnya berbeza-beza mengikut kematangan pemikiran pengarang dan situasi sosial, politik dan ekonomi. Lantaran itu, dalam meninjau pemikiran wanita dalam novel M.Ramaiah kedua-dua aspek ini wajar diberi perhatian. Aspek pertama ialah aspek pemikiran. Manonmani Devi (2008) berpendapat bahawa wujud dua cabang psikologi dalam kesusasteraan yakni psikologi pengarangnya dan psikologi watak-watak yang terdapat dalam sesebuah karya. Menurut Mana Sikana (2005) psikologi watak-watak dalam teks kesusasteraan dapat dilihat melalui pemikiran watak, imaginasi watak, keinginan watak, cita rasa watak dan tekanan perasaannya manakala melalui perwatakan ini kita dapat menarik kesimpulan tentang psikologi kepengarangannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.2 Jenis Watak Wanita

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perbincangan tentang imej wanita merupakan tumpuan kritikan feminisme Barat yang terawal (Donovan, 1989). Imej wanita yang dibentuk oleh penulis lelaki semuanya berlandaskan imaginasi mereka dan menyebabkan wujud penyelitan yang tidak benar dan tidak adil dalam karya mereka (Moi, 1985). Hal mencemari imej wanita ini juga wujud dalam cerpen dan novel di tanah air kita. Dalam karya lelaki, watak wanita selalu dibahagikan kepada dua sahaja iaitu yang baik dan yang buruk (Anis Sabirin, 1969) Penulis lelaki lazimnya menonjolkan watak wanita sebagai watak sampingan yang tidak memaparkan keperibadian wanita secara menyeluruh. Menurut A. Wahab Ali (1989) pada tahun-tahun 1960-an wujud perubahan sikap dan hal ini mendapat perhatian daripada penulis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Untuk meninjau pemikiran wanita beberapa pendekatan akan digunakan. A.Wahab Ali (1989:1) dalam membincangkan watak wanita membahagikannya kepada tiga golongan iaitu citra wanita tradisi (tidak berpelajaran, kurang rasional, statis, terlalu bergantung kepada lelaki, tidak bebas dan terikat dengan adat, kekeluargaan dan nilai agama secara dogma). Golongan ini terdiri daripada mereka yang masih terikat kepada tradisi yang menjadi ikutan dan diterima sebagai norma dalam masyarakat tersebut. Citra wanita moden (pengaruh kebudayaan barat yang mempunyai ciri-ciri antaranya berpelajaran dan mementingkan pelajaran, rasional, tidak statis, ingin maju, tidak terlalu bergantung kepada lelaki, lebih mementingkan kebendaan, bebas daripada ikatan adat dan agama secara dogma kurang ikatan kekeluargaan, bersifat individual dan tidak mementingkan ajaran agama) dan wanita

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

transisi yakni (mereka yang memiliki ciri-ciri peralihan di antara dua golongan yang

disebut di atas). Citra wanita transisi ialah wanita yang mempunyai ciri-ciri antara tradisi dan moden. Misalnya, seorang ibu yang tidak berpelajaran tetapi mengambil berat tentang pelajaran anaknya atau sudah moden tetapi masih kuat ikatan kekeluargaannya (Zaiton Ajamain dan Mariam Omar, 2000). Lihat rumusan ciri-ciri tentang wanita dalam Jadual 3.2 di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2

Menunjukkan Rumusan Ciri-Ciri tentang Citra Wanita

Wanita tradisi	Wanita transisi	Wanita Moden
• tidak berpelajaran • kurang rasional • statis • terlalu bergantung kepada lelaki • tidak bebas • terikat dengan adat, • terikat dengan kekeluargaan • terikat dengan nilai agama secara dogma.	• Ciri-ciri peralihan	• berpelajaran • mementingkan pelajaran rasional • tidak statis • ingin maju • tidak terlalu bergantung kepada lelaki • lebih mementingkan kebendaan • bebas daripada ikatan adat • bebas daripada ikatan agama secara dogma • kurang ikatan kekeluargaan • bersifat individual • menyeleweng daripada ajaran agama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala Ungku Maimunah Mohd Tahir (1994) pula menjeniskan watak wanita kepada tiga jenis iaitu jenis watak positif, watak tragis dan watak pemberontak. Menurutnya dalam menggambarkan watak-watak ini penulis-penulis tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggambarkan watak wanita sebagai individu tetapi sebagai wakil golongan wanita. Watak-watak wanita ini boleh dikatakan watak stereotaip.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penulis menulis novel untuk mendidik para pembaca. Oleh itu semasa mencorakkan watak, wujud kecenderungan untuk membezakan watak yang baik dengan watak negatif. Watak positif merangkumi ibu yang berani, guru yang dedikasi, pekerja sosial, pelajar yang rajin serta kakak dan isteri yang bertanggungjawab.

Watak tragis pula merujuk kepada golongan yang menjadi mangsa keadaan. Hal ini berlaku di luar kawalan mereka. Mereka bukan manusia yang gagal dalam hidup tetapi cuma menjadi mangsa keadaan. Penulis mencipta watak sedemikian untuk mendapat simpati dan persetujuan daripada para pembaca melalui watak-watak ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Watak negatif merupakan mereka yang menjadi watak sampingan. Penulis menggunakan sifat-sifat dan kelakuan mereka untuk menonjolkan sifat baik hati dan kesempuranaan watak utama. Kekurangan yang wujud dalam watak-watak ini akan menyebabkan para pembaca mengubah kekurangan diri dengan mencontohi watak-watak utama.

Watak positif dicipta untuk memberi pengajaran. Penulis menulis novel untuk mendidik para pembaca. Oleh itu semasa mencorakkan watak, wujud kecenderungan untuk membezakan watak yang baik dengan watak negatif. Watak positif merangkumi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ibu yang berani, guru yang dedikasi, pekerja sosial, pelajar yang rajin serta kakak dan isteri yang bertanggungjawab.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Watak tragis pula merujuk kepada golongan yang menjadi mangsa keadaan. Hal ini berlaku di luar kawalan mereka. Mereka bukan manusia yang gagal dalam hidup tetapi cuma menjadi mangsa keadaan. Penulis mencipta watak sedemikian untuk mendapat simpati dan persetujuan daripada para pembaca melalui watak-watak ini.

Watak negatif merupakan mereka yang menjadi watak sampingan. Penulis menggunakan sifat-sifat dan kelakuan mereka untuk menonjolkan sifat baik hati dan kesempurnaan watak utama. Kekurangan yang wujud dalam watak-watak ini akan menyebabkan para pembaca mengubah kekurangan diri dengan mencontohi watak-watak utama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3

Jenis Watak

Jenis Watak	Keterangan	Jenis watak
Positif (Positive character)	• Untuk mendidik para pembaca • Dicorakkan jelas berbeza dengan baik dan buruk	• Ibu yang berani, guru yang dedikasi, pekerja yang sosial pelajar yang rajin kakak atau isteri yang bertanggungjawab
Watak Tragis (Tragic Character)	• Menagih simpati daripada pembaca	• Gagal dalam hidup • Menjadi mangsa keadaan di luar kawalan mereka
Watak negatif (Negative Character)	• Untuk menyedarkan pembaca mencontohi atau menghargai watak utama	• Watak Sampingan • Menonjolkan sifat negatif • Untuk melebihkan watak utama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8 Kesimpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam menelusuri lakaran perwatakan wanita dalam karya-karya sastera, salah satu aspek yang sering diberi perhatian ialah peranan wanita ini sendiri. Menurut Abdullah Tahir, (2003) gambaran wanita dalam teks kesusasteraan ini dilihat dengan melihat kekuatan atau dominasi ciri-ciri kewanitaannya. Hal ini akan memberikan kita gambaran yang bermakna tentang wanita seperti yang terselit dalam garapan pengarang tersebut. Perlukisan wanita dalam teks bermaksud kita melihat gambaran wanita sama ada dari segi fizikal, peranan dan penglibatannya sebagai tokoh yang menggerakkan cerita tersebut. Dalam konteks kajian pula, Mana Sikana (2005) berpendapat bahawa ruang penelitian tentang wanita ini secara umumnya adalah luas dan panjang. Namun demikian penelitian tersebut perlu teliti dan berfokus kepada watak-watak wanita dan menjurus kepada usaha membayangkan realiti wanita yang sebenar.

Terdapat tiga perkara yang harus diberi perhatian semasa kita mengaplikasikan kaedah feminis dalam kajian kita. Pengkaji harus berhati-hati kerana teks yang dikaji mempunyai pertalian yang erat dengan masyarakatnya yang dengan sendirinya merakamkan penentangannya terhadap ketidakadilan sistem masyarakat, politik serta kuasa. Kajian feminis ini juga harus cenderung untuk meninjau peranan watak-watak wanita untuk memberontak terhadap segala kezaliman yang dilakukan ke atas mereka dan usaha memerdekakan diri wanita ini serta mengecapi kebebasan dalam hidup (Mana Sikana, 2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Dalam bab dapatan kajian**,** pengkaji akan menghuraikan dapatan mengikut aspek-aspek yang telah disenaraikan dalam objektif dan soalan kajian berdasarkan novel-novel pilihan pengkaji**.** Tumpuan dapatan kajian akan mengikut pembahagian berikut:

i. Analisis jenis citra wanita

ii. Analisis kedudukan wanita

iii. Analisis tentang perjuangan watak wanita

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Analisis Jenis Watak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam bahagian ini secara ringkas akan dibincangkan tentang jenis watak yang telah dicitrakan oleh M.Ramaiah dalam tujuh buah novel yang telah dipilih untuk kajian ini.

4.1.1 Jenis Citra Wanita Mengikut A. Wahab Ali

Dalam membincangkan watak jenis wanita A.Wahab Ali (1989) telah membahagikannya kepada tiga golongan iaitu citra wanita tradisi (tidak berpelajaran, kurang rasional, statis, terlalu bergantung kepada lelaki, tidak bebas dan terikat dengan adat, kekeluargaan dan nilai agama secara dogma), citra wanita moden (pengaruh kebudayaan barat yang mempunyai ciri-ciri antaranya berpelajaran dan mementingkan pelajaran, rasional, tidak statis, ingin maju, tidak terlalu bergantung kepada lelaki, lebih mementingkan kebendaan, bebas daripada ikatan adat dan agama secara dogma kurang ikatan kekeluargaan, bersifat individual dan menyeleweng daripada ajaran agama) dan citra wanita transisi (mereka yang memiliki ciri-ciri peralihan di antara dua golongan yang disebut di atas). Berdasarkan ciri ini watak wanita dalam tujuh novel ini telah dikupaskan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1.2 Watak Wanita Moden

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Watak Latha dalam novel *Al-akin A:ra:thanai* memperlihatkan ciri wanita moden seperti berpelajaran dan menjawat jawatan guru di sebuah sekolah menengah, tidak statis, ingin maju, tidak terlalu bergantung kepada lelaki, mementingkan kebendaan, bersifat mementingkan kehendak individunya dan bebas daripada ikatan adat serta tidak akur kepada aturan agamanya. Namun demikian salah satu ciri wanita moden yang tidak kelihatan dalam dirinya ialah sikap rasionalnya. Akibatnya dia telah terpesong daripada landasan kehidupannya.

Seorang lagi wanita yang moden dalam cerita ini ialah gadis Serani yang Ragunathan berjumpa di Singapura. Gadis ini kelihatan bebas dalam tindakannya. Hal ini ketara apabila dia telah meluahkan pendiriannya tentang Latha yang tidak layak memenangi pertandingan ratu cantik tersebut. Dia sedar akan keputusan hakim tetapi dia berpendirian bahawa Latha tidak layak untuk meraih gelaran Ratu Cantik Asia dalam pertandingan tersebut kerana memiliki kekurangan. Cara dia bersosial juga memperlihatkan kematangan pada watak wanita ini. Gadis ini juga tidak bergantung kepada teman lelakinya dan mampu bertindak mengikut kehendak hatinya.

> *“¿£í¸ ¿¢¨Éì¸¢È Á¡¾¢Ã¢ ´ñÏÁ¢ø¨Ä ÃÌ. Ê°õÀ÷*
> *Á¡¾ò¾¢§Ä ¿¼ì¸ô §À¡¸¢È ¬º¢Â «Æ¸¢ô*
> *§À¡ðÊÂ¢§Ä ¸ÄóÐì¸ ÓÊ×¦°ö¾¢Õì¸¢§Èý”*
>
> (மா.இராமையா:1992:19)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Tak dah apa-apa seperti yang kamu fikir Ragu. Saya mengambilkeputusan untuk menyertai pertandingan kecantikan Asia yangakan berlangsung pada bulan Disember.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(M.Ramaiah**:**1992**:**19)

Mathavamegalai dalam novel *Nheruppu Cunai* juga kelihatan sebagai seorang wanita moden. Walaupun pada mulanya dia tidak merestui pilihan ibunya tetapi setelah dipengaruhi dan diberikan rasional dia telah berkahwin dengan sepupunya. Malahan perkahwinan itu begitu dihargainya. Yang lebih menarik ialah dia menceritakan pengalaman dirinya yang telah jatuh cinta kepada seorang lelaki sebelum berkahwin dengan suaminya. Hal ini jelas membuktikan bahawa watak ini dalam tangan M.Ramaiah kelihatan begitu moden. Dia tidak menangisi takdir yang menimpa dirinya tetapi menggunakan apa-apa sahaja cabaran dalam hidupnya untuk keperluan hidupnya. Pada awalnya dia dilakarkan sebagai wanita yang lemah tetapi selepas perkahwinan dia begitu matang dan berjiwa terbuka dalam mengharungi kehidupan selepas perkahwinannya di Melaka itu.

þÅ÷ ±ý ¸½Å÷. ±ý «õÁ¡Å¢ý «ñ‚ý Á¸ý. ¦ÀÂ÷ «ÕÇÃÍ. ±ýÛ¨¼Â ¸¡¾ø ¸¨¾ þÅÕìÌ ¦¾Ã¢Ôõ.±ý¨ÉþÅ÷ÁÉôâ÷ÅÁ¡É Á¨ÉÅ¢Â ²òÐ¸¢ð¼ À¢ÈÌ, ¿¡ÚõþÅ¨Ã àö¨Á ¯ûÇò§¾¡Î ¸½ÅÉ¡ ²òÐ¸¢ð§¼ý.

(□□.□□□□□□□:2009:114)

> Ini suami saya. Anak kepada Pak Cik saya. Arulrasu. Dia mengetahui ke semua tentang cinta saya. Dia menerima saya secara terbuka. Saya juga telah menerimanya sebagai suami saya.
>
> (M.Ramaiah, 2009**:**114)

Dalam novel *Nheruppu Cunai* watak Kamalaveni, dilakarkan oleh M.Ramaiah sebagai seorang gadis moden. Dia berpendirian serta berpelajaran tetapi bebas dan gigih. Dia merupakan seorang gadis yang bekerja dan bebas serta tidak bergantung kepada

sesiapapun. Dia juga mampu mengambil sebarang tindakan secara bebas dan tidak dipengaruhi oleh orang lain. Malahan dalam keadaan tertentu dia mampu mengambil tindakan yang berani memenuhi keinginan dirinya. Kamalaveni juga berani menegakkan pendiriannya walaupun dia tahu tindakannya itu tidak dipersetujui. Hal ini ketara melalui peristiwa dia ke Melaka untuk mencungkil rahsia tentang kehilangan Mathavamegalai. Dia bertindak secara berahsia kerana dia tahu niatnya akan dihalang oleh kakaknya. Bagi Kamalaveni dia tidak mempedulikan pandangan orang lain tetapi lebih mempercayai niatnya dalam melaksanakan sesuatu dalam kehidupannya. M.Ramaiah jelas lebih selesa menonjolkan Kamalveni sebagai seorang wanita moden yang berkebolehan untuk membuat keputusan untuk dirinya serta tidak takut kepada sesiapapun dalam mengharunginya. Dia belajar dengan bersungguh-sungguh dan berjaya menjawat jawatan yang tinggi dengan gaji yang lumayan. Dia bekerja sebagai seorang pegawai tinggi di sebuah syarikat. Hal ini memberikannya kuasa dan digeruni oleh pekerja bawahan malahan dalam keluarganya pun Kamalaveni dianggap sebagai gadis yang sombong dan angkuh.

Namun kita dapat lihat bahawa M.Ramaiah telah mewarnakan watak Kamalaveni sebagai seorang gadis yang baik dan menghormati orang yang lebih tua daripadanya. Kamalaveni telah kehilangan ibu bapanya. Dia dididik dan dibesarkan oleh kakaknya. Dia belajar dengan bersungguh-sungguh dan berjaya menjawat jawatan yang tinggi dengan gaji yang lumayan. Sebahagian daripada gajinya digunakan untuk keluarga kakaknya. Dia juga telah membeli sebuah rumah dan hidup sekeluarga dengan selesa. Dia belum berkahwin. Selepas berkenalan dengan Annapurani baru dia menyedari kepentingan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perikatan perkahwinan. M.Ramaiah telah menyemai kegusaran dalam diri Kamalaveni tentang keperluan seorang gadis berkahwin dalam hidupnya melalui gossip dalam kalangan pekerja bawahannya. Watak Kamalaveni memiliki ciri-ciri berdikari tetapi dia masih menjunjung nilai kekeluarganya. Dia masih mengenangkan jasa kakaknya Valarmathi serta mengabadikan hidupnya untuk kakaknya yang mempunyai dua orang anak. Dia sedar setelah kehilangan ibu bapa kakaknya, Valarmathi telah mengambil alih tanggungjawab membesarkan dan mendidiknya. Lantaran itu, dia mementingkan keluarganya.

Watak moden yang terdapat dalam *Cangkamam* ialah watak Sugumari. Dia merupakan seorang gadis yang begitu cantik dan mampu mempengaruhi sesiapa sahaja mengikut kehendaknya. Hal ini ketara apabila dia berjaya membawa Sam Seng dan Rokiah yang malu untuk berhadapan dengan Selvamani setelah memberi pengakuan yang bertentangan dan memberi kesan kepada kedudukan Selvamani dalam syarikatnya. Malahan kebolehannya juga jelas apabila dia mampu menundukkan Vellu dan menjadikan dia ketagih kepada dadah dengan memperalatkan kecantikannya. Malahan dia juga tidak kisah dengan nasibnya yang telah menjadi korban kepada nafsu Selvamani sehingga melahirkan anak luar nikah. Dengan licik dia mengugut Selvamani untuk menerimanya sebagai isteri kedua.

Dia juga pandai untuk menundukkan lelaki. Hal ini jelas melalui peristiwa dia menolak kehendak Vellu untuk mengahwininya dengan tanpa rasa bersalah. Walaupun dia menjadi perempuan simpanan dia dihormati oleh mereka yang mengelilingi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selvamani dan ini jelas melalui panggilan Kakak Ipar yang sering digunakan oleh mereka. Sugumari juga kelihatan seperti seorang wanita yang rasional dan tidak hanya menangisi nasib malangnya malah mencari jalan untuk keluar daripada masalah yang mencalar maruahnya itu. Hal ini jelas apabila dia meyakinkan kedua-dua ibu bapanya bersetuju untuk perkahwinannya dengan Selvamani. Dia juga pandai menggunakan kedudukannya dengan mendekati Annapoorani iaitu isteri Selvamani yang sah semata-mata untuk menutup kepincangan dalam dirinya. Namun demikian dia kelihatan begitu setia kepada Selvamani yang telah merampas kegadisannya sehingga dia melahirkan seorang anak luar nikah itu.

Dalam novel *Ethir Vi:t:u* terdapat beberapa watak wanita yang moden. Antaranya ialah dua orang kawan Porkodi iaitu Sunthari serta Malliga. Mereka berpelajaran dan jelas memiliki kebebasan utnuk menentukan hidup mereka. Hal ini jelas apabila mereka bebas memilih teman lelaki mereka dan tidak berasa takut untuk merahsiakannya. Malahan Sunthari sanggup ke perbicaraan yang diketuai oleh Porkodi sebagai memberi sokongan moral kepada kawannya. Mereka kelihatan mementingkan persahabatan dan pada masa yang sama memuliakan hubungan kekeluargaan.

Selian itu dalam novel *Ethir Vi:t:u,* Mohini dan Sally atau Chellamah turut memperlihatkan ciri-ciri wanita moden. Namun demikian M.Ramaiah mengambarkan mereka sebagai golongan wanita yang telah terpesong pendirian akhlak mereka dan tidak wajar dicontohi. Sally sanggup bertindak bebas dan menjadi gadis yang memperjudikan maruahnya demi kedudukan dan dipuja oleh golongan lelaki. Malahan Mohini pula

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengambil kesempatan terhadap Kannan yang telah merosakkan hidupnya dengan memberi bantuan kepada Porkodi sebagai saksi untuk menjerat Kannan ke penjara.

Kayalvizhi dalam novel *Vil-alum Nhi:rum* merupakan watak wanita yang moden. mudah menerima pandangan orang lain walaupun dia itu tahu apa yang dia buat itu salah. Dia melihat keluarga itu sebagai penghalang kepada keperluan hidupnya itu. Dalam konteks pemilihan pasangan juga dia mampu membuat pilihan tanpa mengambil kira pendapat keluarganya malahan dia telah berkahwin secara berdaftar tanpa pengetahuan ibu bapanya. Buktinya,

□□□□□□□□□□ □□□□□□□□□□
□□□□□□□□□□□□□□□□ □□□□□□□□□□□□□□□□,
□□□□□□□□□□ □□□□□□□□□□
□□□□□□□□□□□□□□
□□□□□□□□□□□□□□□□□□.

*(*மா.இராமையா*:1976:110)*

> Jawatan Kumarevelu bukan orang yang berpendapatan tinggi**,** namun dia mendapatkan seorang kekasih yang yang tinggi berpendapatan**.**
>
> (M**.**Ramaiah, 1976**:**110)

Namun demikian sebagai seorang pegawai lulusan jurusan ekonomi di syarikat dia begitu disegani dan digeruni. Pekerjaan memberikan dirinya kebebasan untuk tidak bergantung kepada keluarganya dan hidup tanpa kongkongan. Namun demikian dia mudah menerima pendapat dan cadangan rakan-rakannya berbanding diri sendiri. Dalam konteks kehidupan berkeluarga dia telah membuat langkah yang salah dengan mempercayai Kumaaravelu yang menipunya dengan mengatakan bahawa dia seorang

jurutera. Kayalvizhi terperangkap dalam cinta Kumaaravelu dan selepas mengetahui kebenaran tentang Kumaaravelu, Kayalvizhi menghadapi pergolakan dalam hatinya tetapi Kayalvizhi sanggup meninggalkan keluarganya untuk hidup bersama lelaki yang dicintai. Namun setelah dia mendapat tahu bahawa Kumaaravelu mencintainya hanya semata-mata untuk membolos hartanya, Kayalvizhi sanggup meninggalkan dan menuntut cerai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rakan Kayalvizhi yang menjadi penyewa bersama juga telah bertindak sebagai wanita moden. Mereka tidak memikirkan akan kesan tindakan mereka kepada rakannya. Matlamat mereka ialah untuk mencapai cita-cita mereka untuk menyingkirkan Kayalvizhi dari bilik tersebut dan memberi peluang kepada rakannya. Mereka sanggup mengungkitkan tindakan Kayalvizhi yang membawa teman lelaki ke bilik sewa mereka untuk mendapat sokongan tuan rumah mereka bagi menyingkirkan Kayalvizhi dari rumah sewa mereka. Tidak banyak yang diperkatakan tetapi watak ini menunjukkan wanita lebih memikirkan diri sendiri sahaja tanpa mempedulikan keperluan orang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tambahan lagi, aspek penipuan juga diterangkan dalam dalam karya *Vil-alum Nhirum***,** seperti berikut**,**

ॐÂø ²§¾¡ Å¢ÕóÐìÌô §À¡È¡§Ç. ¯ý¸¢ð¼
¦°¡ýÉ¡Ç¡? þø¨Ä ¯ý¨Éò¾¡ý ÜôÀ¢ð¼¡Ç¡?

«ò¨¾ þò¾¨É ¿¡Ùõ ±ýÉ¢¼õ ±ùÅÇ×
ÀùÅ¢ÂÁ¡¸ ¸ñ½¢Âò§¾¡Î ÀÆ¸¢É¡í¸.±ý
«õÁ¡¨ÅÅ¢¼ ¿øÄÅí¸Û ¿ÉîºÐ ¾ÅÈ¢ô §À¡îÍ. ±ý¨É
Á¾¢îºÐõ ÁÃ¢Â¡¨¾ ¦¸¡Îò¾ÐõÞ ¦ÅÚõ¿ÊôÒ¾¡É¡?
(□□.□□□□□□□:2009:170)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Kayal**,** pergi ke jamuan**.** Adakah dia beritahu kamu? Atau dia turut menjemput kamu ke**?** Selama ini, Mak sangat mesra dengan saya**.** Tanggapan sayabahawa ibu seorang baik itu sebenarnya tidak betul. Dia berpura-pura rupanya. (M.Ramaiah:2009:177-170)

Vedha dalam novel *Mana U:nangkal* yang merupakan isteri Pasupathi merupakan seorang wanita yang moden. Hal ini dapat kita lihat dalam lakaran watak ini. Watak ini telah memilih Pasupathi sebagai suaminya. Sebagai seorang gadis dia memiliki kebebasan untuk memilih pasangan hidupnya. Selain itu setelah mengetahui akan tabiat Pasupathi yang suka menjalinkan hubungan dengan gadis dia telah berusaha mencari jalan penyelesaian. Namun setelah gagal dalam usahanya dia tidak mendiamkan dirinya. Vedha sanggup meninggalkan Pasupathi dan keluarga mereka kerana baginya itu adalah jalan yang terbaik. Apa yang lebih menarik ialah dia sanggup untuk meninggalkan kesemua anaknya dengan Pasupathi kerana dia tidak mahu Pasupathi bebas daripada tanggungjawab. Hal ini menunjukkan bahawa Vedha sangat berfikiran jauh dan moden dalam tindakannya. Dia tidak membiarkan lelaki yang telah menghancurkan hidupnya untuk hidup tanpa sebarang rasa bersalah dan tanggungjawab. Secara bijak dia mengalihkan kesemua tanggungjawab menjaga anak dan rumah tangga mereka kepada Pasupathi. Hal ini menunjukkkan Vedha merupakan seorang wanita yang radikal dan tidak tunduk kepada cabaran kehidupan dengan mudah dan mencari ruang untuk menyedarkan lelaki yang telah mengecewakannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai* watak Thilagavathi digambarkan sebagai seorang wanita moden. Dalam novel ini M.Ramaiah telah melakarkannya

sebagai seorang wanita yang bekerja sebagai seorang guru. Dia merupakan seorang guru Bahasa Inggeris. Thilagavathi dan suaminya Manavazhager mempunyai kedudukan dalam bidang politik. Dalam bidang politik juga dia telah menapakkan dirinya. Dalam kehidupannya dia mengalami pelbagai dugaan. Sejak dari kecil dia terpaksa bergelut dengan kemiskinan dan membesarkan adiknya yang kurang waras. Malahan dia juga terpaksa berkahwin kepada lelaki yang sudah berumah tangga namun tidak dikurniakan anak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Imej Thilagavathi digambarkan sebagai seorang wanita yang baik hati. Thilagavathi seorang wanita yang bekerja. Thilagavthi digambarkan sebagai seorang wanita yang cekal dalam menghadapi pelbagai perjuangan dalam kehidupannya. Malahan Thilagavathi yang sedar akan peranannya sebagai ahli politik melaksanakan tugasnya dengan penuh bertanggungjawab. Dia juga membantu golongan miskin. Dia dihormati oleh semua orang. Selepas mengetahui dan mengenali sifat kejujuran Kathirvel, Thilagavathi telah melantiknya sebagai setiausaha negeri. Dia telah membuktikan golongan wanita juga berkebolehan dalam bidang politik. Dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai* dia menjadi kuasa yang menentukan arah perkembangan partinya. Walaupun Thilagavathi tidak dikurniakan dengan cahaya mata namun dia mendapat kepuasan melihat kegembiraan di air mata orang yang dibantu olehnya. Dalam konteks kehidupan masyarakat Thilagavathi mempunyai kedudukan di mata masyarakat. Dia merupakan ketua wanita dan suka menolong orang yang memerlukan. Masyarakat menyanjung dirinya dan dia didekati oleh golongan lelaki demi mendapat bantuannya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk kelangsungan masa depan politik. Hal ini menunjukkan kepada kita bahawa Thilagavathi merupakan wanita yang agak moden dalam novel M.Ramaiah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1.3 Wanita Transisi

Dalam novel *Al:akin A:rathanai* ini watak Malliga lebih menepati ciri wanita transisi. Dia menjawat jawatan kerani sekolah dan memiliki sedikit kebebasan untuk mengutarakan pendapatnya. Selain itu, dia juga kelihatan terikat dengan tradisi apabila menerima perkahwinan yang diatur oleh keluarganya. Di samping itu, dia masih menghormati pendapat suaminya walaupun adakalanya diketahui pendirian suaminya itu tidak berasas. Jelaslah bahawa dalam novel ini dia mewakili golongan wanita transisi yang memiliki ciri-ciri peralihan.

Jika kita melihat perlukisan watak wanita M.Ramaiah dalam novel *Nheruppu Cunai* dengan menggunakan kerangka A.Wahab Ali (1989) ini didapati bahawa dalam lapan watak wanita dalam novel *Nheruppu Cunai* Kavitha, Annapurani, Valarmathi, dan Kalavathi yang terdapat dalam kelihatan sebagai watak tradisi. Mereka jelas bertindak sebagai wanita yang kurang rasional. Umpamanya watak Kavitha apabila mengetahui akan tomahan tentang dirinya di tempat kerja dia sanggup berfikir untuk bertukar kerjanya kerana ingin mengelakkan dirinya daripada dicemuh oleh rakan-rakannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam novel *Nheruppu Cunai* juga terdapat watak transisi. Dalam kontek ini M.Ramaiah melakarkan watak Valarmathi sebagai seorang watak transisi. Dia berperanan sebagai seorang kakak, ibu dan isteri. Sebagai seorang kakak dia sanggup mengabadikan hidupnya untuk menyara adiknya yang yatim piatu untuk berjaya dalam kehidupannya. Malah dia bergaduh dengan suaminya demi adik kandungnya. Valarmathi berjuang untuk membina kehidupan yang sejahtera buat adik perempuannya dengan cuba mengubah perangai suaminya yang tidak bertanggungjawab. Hal ini jelas apabila Valarmathi mengambil keputusan utnuk berpisah dengan suaminya selepas mengetahui niat buruk suaminya terhadap Kamalaveni. Dia juga berusaha untuk menjodohkan adiknya dengan Nyanasegaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks wanita yang dikategorikan sebagai wanita transisi dalam novel kita dapat melihat ciri ini pada watak Mullai dan Puan Chee Khon. Watak Mullai @ Lean Moi digambarkan sebagai seorang gadis yang baik hati dan berasal dari keluarga yang baik serta kaya. Dia merupakan anak kacukan India dan Cina. Nama Tamil Lean Moi ialah Mullai. Dia merupakan isteri yang bertanggungjawab. Mullai mengamalkan budaya masyarakat Tamil. Walaupun ibu Mullai berketurunan Cina, namun dia mengikut ayahnya yang berketurunan Tamil. Mullai mencintai Gunalan. Walaupun berasal daripada keluarga yang berada, Mullai tetap merendah diri. Mullai berperanan sebagai seorang isteri dan berusaha untuk memajukan diri Gunalan. Selepas berkahwin dia begitu disenangi oleh keluarga mentuanya kerana sikap baik hatinya. Namun begitu dia memuliakan hubungan kekeluargaannya. Dia menjadi seorang anak, isteri, pekerja, cucu, menantu dan kakak ipar yang sangat bertanggungjawab. Malah dia sanggup melepaskan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerjayanya setelah berkahwin. Dia sedar akan peranannya dan melaksanakan tanggungjawab dengan baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Puan Chee Khoon juga merupakan seorang wanita yang boleh dilihat sebagai golongan wanita transisi. Dia boleh mempengaruhi keputusan suaminya dan berjaya melakukannya dengan bijak dan tanpa menjejaskan sesiapapun. Hal ini jelas apabila dia berjaya memberikan Gunalan kerja di syarikat suaminya dan membela Gunalan apabila suaminya termakan dengan hasutan Selvamani. Dia merupakan seorang wanita yang penuh dengan sifat keibuan. Budi Gunalan dikenang dan dia membantu Gunalan serta memiliki kebolehan untuk menafsir apa juga yang berlaku di sekitarnya. Dia sangat mengambil berat terhadap suami dan keluargannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam novel *Ethir Vi:t:u* ini M.Ramaiah telah mencitrakan beberapa watak wanita sebagai wanita transisi. Watak Porkodi yang berasal dari keluarga miskin tetapi sangat berminat untuk belajar tetapi hasratnya sentiasa dihalang oleh ayahnya Vellapan. Namun demikian ibu Porkodi, Alamelu memberikan sokongan moral dan berusaha dengan tungkus lumus untuk membiayai pendidikan anaknya. Porkodi berjaya menamatkan pelajarannya dalam jurusan perundangan. Pendidikannya dibiayai oleh emaknya. Walaupun dia bermastautin di bandar namun dia tidak terpengaruh dengan suasana sekelilingnya. Menyedari kekangan yang melanda keluarganya, dia sentiasa berjimat cermat dan menumpukan sepenuh perhatiannya dalam pelajaran. Akhirnya, Porkodi berjaya merealisasikan hasrat ibunya. Walaupun berpelajaran apabila ayahnya melarang dia ke bandar setelah kematian ibunya, dia menurut sahaja. Malahan peristiwa semasa dia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

di gerabak kereta api dalam perjalanan untuk menghadiri upacara kematian ibunya jelas menunjukkan dia begitu beremosi walaupun berpelajaran dan terpaksa bergantung kepada lelaki di tepinya itu. Malahan setelah berkahwin juga dia takut untuk mendapat kebenaran daripada suaminya untuk bertugas sebagai seorang peguam. Hanya setelah dia terdesak baharulah dia mula beraksi sebagai seorang peguam. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun berpelajaran, Porkodi masih terikat dengan ciri-ciri tradisi dan dia selayaknya dikategorikan sebagai wanita yang berada dalam kategori transisi.

Kanniamma dalam novel *Vil-alum Nhi:rum* pula dilakarkan sebagai seorang wanita transisi. Walapun dia tidak berpelajaran dia dapat mempengaruhi anak dan suaminya yang lumpuh itu. Dia menggalakkan percintaan anaknya selepas mengetahui kedudukan Kayalvizhi tetapi pada masa yang sama melarang anak gadisnya bercinta kerana lelaki pilihannya itu seorang teruna yang tidak matang dan kurang berada serta tinggal di kawasan penempatan haram. Pada masa yang sama dia mempunyai empat orang anak dan pandai menguruskan keluarga menggunakan wang yang diberikan oleh anak-anaknya. Dia juga boleh memanipulasi Kayalvizhi setelah mendaftar perkahwinannya dan memberi layanan yang. Watak ini juga jelas mempamerkan kemampuan seorang wanita yang mengawal kesemua ahli keluarga dalam rumah tangga tersebut. Kanniamma juga kelihatan sedikit berani apabila mengadakan hubungan sulit dengan lelaki lain sehingga melahirkan anak luar nikah. Dia ialah wanita transisi yang ingin memperbaiki kedudukan dirinya dengan pelbagai muslihat kerana dia terperangkap dengan masalah dalam setiap sudut kehidupannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Watak Tamarai dalam *Vil-alum Nhi:rum* juga merupakan salah satu watak transisi yang dilukiskan oleh M.Ramaiah dalam cerita ini. Dia ialah kakak kepada Kayalvizzhi dan merupakan seorang kakak yang sangat bertanggungjawab. Dia masih memaafkan adiknya yang menghalaunya dan terpaksa tidur di luar akibat tindakan adik yang tidak bertanggungjawab. Dia juga menjadi tempat untuk adik lelakinya menumpang kasih dan meluahkan masalah dirinya. Sebagai seorang anak yang bertanggungjawab dia tetap mendahulukan kehidupan keluarga dan keperluan keluarga serta cuba memahami kehendak setiap ahli keluarga. Dia sanggup ke luar negara semata-mata untuk mencari peluang untuk memperbaiki diri dan keluarganya.

Vasugiamma dalam *Vil-alum Nhi:rum* juga merupakan satu lagi watak wanita transisi. Dalam *Vil-alum Nhi:rum* dia merupakan seorang isteri dan ibu yang baik. Dalam diri setiap anaknya dia menyemaikan kepentingan pendidikan dan dia sanggup berhutang demi pendidikan dan masa depan anak-anak mereka. Kesemua anaknya pula diberikan pendidikan tinggi yang mampu memberi jaminan masa depan. Ketiga-tiga anak perempuannya berjaya menjadi siswazah. Vasugiamma juga inginkan ketiga-tiga anak perempuannya hidup berdikari. Hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan kewangan keluarga, penjagaan anak-anak, semuanya ditanggung oleh Vasugiamma. Dari segi pengurusan keluarga, Vasugiamma memperuntukkan lebihan belanja untuk pendidikan anak-anaknya. Vasugiamma sedar akan kepentingan pendidikan untuk hidup berdikari kepada anak-anak perempuannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam novel *Mana U:nangal* watak transisi telah diwakilkan oleh watak Sellamma. Sebagai seorang wanita watak Sellamma digambarkan oleh M.Ramaiah sebagai seorang ibu tunggal. Dia mempunyai seorang anak perempuan yang bernama Purani. Sellamma menyara dan membesarkan anak perempuannya dengan bekerja di ladang. Dia mengorbankan kehidupannya untuk menjamin kesejahteraan Purani. Segala-galanya tertumpu kepada kehidupannya. Dalam cerita ini sebagai seorang janda dia terpaksa tunduk kepada keadaan yang memaksanya mencari jodoh untuk melengkapkan kehidupan anak gadisnya dan ini merupakan tanggungjawab utamanya. Sebagai seorang ibu itu adalah motif utamanya dalam hidup. Dalam keadaan inilah dia sanggup menghantar anak gadisnya ke Kuala Lumpur untuk memohon kad pengenalan biru dengan bantuan Pasupathi kerana Sellamma tidak dibenarkan untuk mengambil cuti di tempat kerjanya. Namun dia tidak menghiraukannya, malah bekerja dengan penuh gigih bagi memenuhi keperluan anaknya. Sellamma menjalinkan hubungan dengan Pasupathi yang merupakan seorang guru. Sellamma meminta bantuan Pasupathi untuk menukar kad pengenalan merah anaknya. Hal ini demikian kerana Sellamma menghadapi kesukaran mencari lelaki yang besedia mengahwini Purani yang tidak mempunyai status kewarganegaraan. Pasupathi yang bersetuju menghulurkan bantuan rupa-rupanya berniat jahat. Dia menggunakan peluang tersebut dan mengambil kesempatan atas Purani. Pasupathi yang telah menghamilkannya dan enggan bertanggungjawab. Sellamma menangis dan meratapi nasib buruk yang telah menimpa diri dan anaknya. Sellamma merupakan seorang ibu yang baik hati. Kemurahan hatinya jelas tergambar apabila dia membawa Pasupathi yang telah jatuh sakit ke hospital. Dalam keadaan yang lain dia sanggup menjalinkan hubungan dengan Pasupathi untuk mengisi kesunyian hidupnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

selepas kematian suaminya. Dalam hal ini dia kelihatan lebih berani kerana sanggup menghadapi risiko dan mengetahui akan larangan norma masyarakat namun dia mampu memungkinkan hubungan yang tidak direstui itu.

Satu lagi watak transisi dalam novel ini ialah Parimalam yang kehilangan ibu dibesarkan oleh neneknya. Parimalam bekerja sebagai seorang guru. Parimalam bersimpati melihat anak-anak Pasupathi. Dia ingin mencurahkan kasih sayang kepada mereka. Parimala meluahkan niatnya kepada nenek. Namun, pada saat-saat yang akhir barulah dia mendapat tahu bahawa ayah kandungnya ialah, Pasupathi. Kini, dia memikul tanggungjawab sebagai seorang kakak. Parimalam merupakan gadis pemurah dan penyayang. Dia suka membantu orang lain. Dalam konteks ini kita dapat melihat watak ini merupakan watak wanita dalam kategori transisi. Bagi dirinya kasih sayang dan keperluan orang lain adalah lebih penting daripada hidupnya. Hal ini telah menyebabkannya sanggup untuk menjadi isteri kepada Pasupathi yang sudah berkahwin demi anak-anaknya. Walaupun dia seorang yang terpelajar tetapi dia masih tidak dapat berfikir secara rasional dan sanggup untuk menentang nenek yang telah membesarkannya kerana terlalu bersimpati dengan keadaan keluarga anak-anak Pasutpathi terutamanya nasib Punitha.

Watak nenek Parimalam dalam cerita ini juga digambarkan sebagai seorang wanita yang berada dalam kategori wanita transisi. Nenek tidak berputus asa apabila anak gadisnya telah menjadi korban kepada nafsu lelaki. Dia telah ditipu oleh Pasupathi yang bekerja sebagai seorang guru sehingga melahirkan anak luar nikah. Setelah anaknya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

meninggal dunia, nenek telah membesarkan Parimalam dan memberikan pendidikan. Dalam memberi pendidikan dia telah mendapat bantuan daripada Cikgu Tambusamy yang membimbing Parimalam dan memberi bantuan apabila diperlukan. Setelah mengetahui cucunya, Parimalam berhasrat untuk berkahwin dengan seorang lelaki yang tua dan telah berumah tangga dia telah menentang, Namun apabila dia sedar lelaki tersebut merupakan lelaki yang menghancurkan kehidupan anaknya dan bapa kepada cucunya itu dia telah menerangkan kepada cuucnya. cucunya mengambil keputusan untuk menjaga keluarga Pasupathi sebagai kakak yang bertanggungjawab nenek yang kecewa itu telah meninggalkan Parimalam tanpa bersuara walaupun dia tidak merestui tindakan cucunya itu.

Jika ditinjau dari sudut citra wanita transisi, Pongkoothaitai, Valli, dan Purani dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai* diketengahkan sebagai watak wanita transisi. Pongkoothaitai dilihat sebagai seorang wanita yang tidak berpelajaran dan mementingkan keluarganya. Dia mengambil berat terhadap suami dan anak-anaknya. Hal ini menjadikan Pongkoothaitai akur kepada kepentingan keluarga daripada pendapatnya. Walau bagaimanapun dia juga mampu mempengaruhi suaminya dalam keadaan-keadaan tertentu. Umpamanya dalam keadaan terdesak untuk menyerahkan anak mereka yang bakal lahir itu dia memberikan pendiriannya terlebih dahulu walaupun akhirnya mengakui bahawa dia sanggup menurut kemahuan suaminya. Hal ini menjadikan Pongkoothaitai sebagai seorang yang berada dalam zaman transisi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala Watak Purani juga dapat dilihat sebagai seorang wanita yang boleh dikategorikan sebagai wanita transisi. Dia begitu memuliakan pelajaran kepada anak-anaknya terutama anak gadisnya. Demi pelajaran tersebut dia sanggup menebalkan mukanya untuk berdepan dengan pelbagai pihak untuk mendapatkan bantuan biasiswa. Malahan dia sanggup menggadaikan kesemua barang kemasnya demi pelajaran anak-anaknya. Dalam konteks ini kita boleh mengangkatnya sebagai watak transisi kerana dia masih terikat dengan nilai-nilai tradisi masyarakat India dan pada masa yang sama memikirkan masa depan untuk anak gadisnya.

Valli juga kelihatan sebagai wanita transisi. Walapuan dia sedar suaminya seorang kaki botol dan suka mencari pasal, dia tetap memaafkan suaminya. Semasa suaminya ditahan oleh polis dia sanggup berdepan dengan pelbagai pihak untuk membebaskan suaminya. Malahan dia juga mendesak Katirvel membantunya kerana walaupun suaminya menjadi masalah kepadanya tetapi dia perlu memperbetulkan keadaan. Akhirnya dia berjaya melenturkan suaminya dan telah berusaha untuk mencari peluang seperti bantuan rumah untuk keluarga mereka.

4.1.4 Wanita Tradisi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jika kita melihat perlukisan watak wanita M.Ramaiah dalam novel-novel terpilih ini dengan menggunakan kerangka A.Wahab Ali (1989) ini didapati bahawa dalam enam watak wanita yang terdapat dalam novel *Al-akin A:ra:thanai* tiga watak iaitu Vasugi, Tharmambal dan Sarala kelihatan sebagai watak tradisi. Mereka kurang rasional, statis, terlalu bergantung kepada lelaki, tidak bebas dan terikat dengan adat, mementingkan nilai kekeluargaan dan nilai agama. Umpamanya watak Vasugi yang hanya ingin kesemua anak gadisnya berkahwin dalam kehidupan meeka. Dia juga begitu mementingkan maruah keluarga dan hal ini jelas kelihatan apabila dia memarahi Latha setelah dia mencemarkan maruah keluarga mereka. Begitu juga dengan Tharmambal yang teliti dalam pemilihan bakal menantunya yang terlalu mementingkan nilai moral dan kekeluargaan. Sarala pula kelihatan menerima jodoh yang diatur oleh keluarganya walaupun baru menamatkan pelajarannya di Tingkatan Enam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jika ditinjau dari sudut watak tradisi kita dapati dalam novel *Nheruppu Cunai* Thirumeni, dan Annapurani mewakili golongan yang berpendirian wanita tradisi. Mereka dilakarkan sebagai ibu yang begitu mengambil berat terhadap anak-anak mereka. Mereka sanggup melakukan apa sahaja untuk mencari jodoh kepada anak kandung mereka. Dalam kehidupan mereka perkahwinan merupakan suatu perkara yang sangat penting dalam kehidupan anak-anak mereka. Annapurani merupakan ibu yang sangat mengambil berat terhadap anak lelaki tunggalnya. Dia sangat bergantung kepada anak lelakinya itu selepas suaminya meninggal dunia. Rutin hidupnya juga berlegar di sekitar hidup anaknya. Malah dia juga begitu mementingkan gadis yang mulia dari segi tingkah laku dan budi perkerti dalam hidup. Hal ini ketara apabila dia menjodohkan Kamalaveni

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada anak lelakinya. Watak Annapurnai juga kelihatan begitu statis, terlalu bergantung kepada lelaki. Dia terlalu bergantung kepada anaknya setelah suaminya meninggal dunia. Anak tunggalnya Nyanasegaran menjadi tempat bergantungnya yang penting. Keseluruhan hidupnya diabadikan kepadanya demi kebaikannya. Malahan dia juga berusaha mencari jodoh kepada anaknya untuk melaksanakan tugas seorang ibu India yang tradisonal. Annapurani juga digambarkan oleh pengarang tidak bebas dan terikat dengan adat, mementingkan nilai kekeluargaan dan nilai agama.

Sumathi yang merupakan pekerja bawahan Nyanasegaran pula watak wanita yang suka menjaga tepi kain orang. Bagi dirinya sebagai seorang gadis, dia perlu mengambil kesempatan untuk merapati lelaki yang bujang dan yang gagal dalam cinta untuk memerangkap mereka sebagai bakal suaminya. Dia begitu cemburu akan gadis lain. Kesemua ini menunjukkan bahawa dia merupakan seorang wanita yang sangat cemburu dan iri hati kepada kedudukan orang lain.

Watak Kalavathi pula kelihatan dalam novel ini sebagai seorang anak gadis biasa. Dia tidak menunjukkan ciri-ciri watak wanita moden. Kalavathi lebih menjurus kepada watak anak tradisi yang patuh kepada ibu dan keluarganya.

Manggalam merupakan ibu kepada Gunalan dan boleh dikatakan memiliki ciri-ciri seorang wanita tradisi. Selepas pemergian suaminya, dia memikul tanggungjawab membesarkan anak-anak dengan bekerja sebagai seorang penoreh getah. Sebagai seorang ibu tunggal, Manggalam bersusah payah memelihara dan membesarkan anak-anaknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Beliau menoreh getah di ladang. Beliau berjalan kaki sepanjang lima kilometer. untuk menoreh getah. Perwatakannya digambarkan sebagai seorang ibu dan ibu mertua yang baik. Beliau juga sentiasa memberikan nasihat kepada anaknya supaya Gunalan sentiasa mengikut jalan yang baik. Beliau berkenaan dengan gadis yang dicintai oleh anaknya serta mengahwinkan mereka. Manggalam juga tinggal sebumbung bersama anak dan anak mertuanya dan mementingkan adat serta kemuliaan dalam diri wanita.

Satu lagi watak tradisi ialah Rokiah yang merupakan seorang gadis Melayu yang berambut panjang. Dia bekerja sebagai kerani dan penterjemah Bahasa Melayu. Dia memperlihatkan ciri wanita tradisi yang mudah dipengaruhi dan diperalatkan oleh orang. Malah dia mempunyai pemikiran yang dangkal dan selalu mengambil langkah yang menjeratkan dirinya. Watak ini dilukisakan sangat statik. Dia sengaja menganggu Gunalan dengan harapan untuk mendekatinya. Namun demikian cintanya tidak dibalas. Oleh itu, dia berpakat dengan Sam Seng dan Selvamani serta berniat jahat untuk menimbulkan masalah kepada Gunalan. Rokiah mengambil kesempatan dan mempergunakan Velu, kawan baik Gunalan untuk menimbulkan masalah kepada Gunalan.

Annapoorani juga seorang watak wanita yang tradisi dalam novel *Cangkamam* ini. Dia ialah isteri kepada Selvamani dan kerana lebih tua daripada suaminya dia begitu takut untuk mengawal perbuatan suaminya walaupun dia mengetahui semua perbuatan suaminya. Dia sanggup menghadapi kecurangan suaminya dengan sabar walaupun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

suaminya bermain kayu tiga di depan matanya dengan setiausaha sulitnya. Hal ini demi memelihara keharmonian keluarganya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ibu Vellu juga kelihatan sebagai seorang wanita tradisi. Apabila dia termakan dengan hasutan Selvamani dia bertindak kasar dan mencabar Gunalan. Dia lupa akan jasa Gunalan yang telah memberikan anaknya kehidupan baharu di bandar. Sebelum dipengaruhi oleh Selvamani dia begitu menghormati Gunalan dan meminta jasa baiknya untuk menasihati anaknya tetapi apabila anaknya jatuh sakit kerana kesan dadah dia telah berpaling tadah tanpa mengetahui kebenarannya. Dia mudah diperalatkan oleh Selvamani dan lebih mementingkan duit yang ditabur oleh Selvamani daripada mendengar penjelasan Gunalan yang dikenalinya sejak kecil lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jika ditinjau dari sudut citra wanita tradisi, Pongkoothaitai, Valli, dan Purani dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai* diketengahkan sebagai watak wanita transisi. Pongkoothaitai dilihat sebagai seorang wanita yang tidak berpelajaran dan mementingkan keluarganya. Dia mengambil berat terhadap suami dan anak-anaknya. Hal ini menjadikan Pongkoothaitai akur kepada kepentingan keluarga daripada pendapatnya. Walau bagaimanapun dia juga mampu mempengaruhi suaminya dalam keadaan-keadaan tertentu. Umpamanya dalam keadaan terdesak untuk menyerahkan anak mereka yang bakal lahir itu dia memberikan pendiriannya terlebih dahulu walaupun akhirnya mengakui bahawa dia sanggup menurut kemahuan suaminya. Hal ini menjadikan Pongkoothaitai sebagai seorang yang berada dalam zaman tradisi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala Watak Purani juga dapat dilihat sebagai seorang wanita yang boleh dikategorikan sebagai wanita tradsisi. Dia begitu memuliakan pelajaran kepada anak-anaknya terutama anak gadisnya. Demi pelajaran tersebut dia sanggup menebalkan mukanya untuk berdepan dengan pelbagai pihak untuk mendapatkan bantuan biasiswa. Malahan dia sanggup menggadaikan kesemua barang kemasnya demi pelajaran anak-anaknya. Dalam konteks ini kita boleh mengangkatnya sebagai watak tradisi kerana dia masih terikat dengan nilai-nilai tradisi masyarakat India dan pada masa yang sama memikirkan masa depan untuk anak gadisnya.

Valli juga kelihatan sebagai wanita tradisi. Walapuan dia sedar suaminya seorang kaki botol dan suka mencari pasal, dia tetap memaafkan suaminya. Semasa suaminya ditahan oleh polis dia sanggup berdepan dengan pelbagai pihak utnuk membebaskan suaminya. Malahan dia juga mendesak Katirvel membantunya kerana walaupun suaminya menjadi masalah kepadanya tetapi dia perlu memperbetulkan keadaan. Akhirnya dia berjaya melenturkan suaminya dan telah berusaha untuk mencari peluang seperti bantuan rumah untuk keluarga mereka.

Dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai* watak Vellama merupakan imej wanita tradisi. Dia telah kehilangan suaminya dan hidup dalam kesusahan. Setelah suaminya meninggal dunia dia tidak mampu menyara hidupnya tetapi hasil berkat Thialagavathi, dia telah menyesuaikan dirinya setelah kehilangan suaminya yang merupakan tiang utama keluarga mereka. Keterikatannya kepada orang lain jelas kelihatan dalam sikap dan pemikirannya dalam novel ini. Malahan dia juga bertegas untuk menghantar anak

lelakinya yang berjaya mendapat keputusan yang baik dalam SPM untuk bekerja dan menyara keluarga mereka. Walaupun pihak lain menasihatinya dia tetap dengan pendirian untuk menghantar anaknya ke alam pekerjaan. Namun demikian setelah didesak baharulah dia sanggup menerima nasihat yang telah diberikan kepadanya itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Isteri Sangkaralingam dan anak Sangkaralingam dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai* turut menjadi watak wanita tradisi. Mereka menjadi golongan wanita yang tidak berani menghadapi ketidakadilan yang berlaku ke atas mereka. Selain itu, mereka juga menerima kezaliman itu sebagai nasib dan takdir mereka. Mereka tidak berusaha untuk menentangnya. Malahan apabila ada pihak yang membantu membela mereka, kedua-dua mereka takut untuk mengambil risiko kerana risau akan keselamatan. Akhirnya mereka memilih untuk mendiamkan diri sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam novel *Ethir Vi:t:u* golongan wanita tradisi diwaikili oleh Alamelu, Valli, dan Vasugi. Mereka memperlihatkan ciri-ciri wanita tradisonal. Mereka ialah wanita yang sering berpegang kepada tradisi. Bagi mereka keluarga adalah yang terpenting dalam kehidupan mereka. Umpamanya watak Vasugi yang merupakan isteri kepada seorang peguam yang terkenal. Dia mudah menerima pendapat suaminya walaupun suami itu ingin menutup kelemahan dirinya. Hal ini jelas apabila Vellapan, ayah Porkodi datang untuk menyatakan hasratnya untuk memutuskan usaha mereka untuk menjodohkan anaknya dengan anak saudara Vasugi. Sungguhpun mereka mengetahui akan anak saudara mereka telah berkahwin mereka menyalahkan Porkodi untuk kegagalan usaha perkahwinan tersebut. Vasugi yang sedar akan niat suaminya cuba bersuara tetapi dia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

didiamkan oleh suaminya yang tidak mahu kesalahan terletak di bahu mereka. Malahan apabila Porkodi dan ayahnya ingin memohon bantuan guaman suaminya, Vasugi hanya sependapat dengan suaminya yang enggan membela orang yang tidak berada. Malahan dia juga begitu memuliakan keperluan keluarga mereka dan mengutamakan budi pekerti yang baik dalam kehidupan seorang gadis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks ini Alamelu dalam novel *Ethir Vi:t:u* ini turut digambarkan sebagai seorang wanita yang tergolong dalam kategori wanita tradisi. Bagi Alamelu keluarga adalah sangat penting dalam kehidupannya. Dia sanggup bekerja keras hingga memudaratkan kesihatannya semata-mata demi anaknya. Dia berkorban segala-gala yang ada padanya demi masa depan anaknya. Hasratnya untuk melihat anaknya berpelajaran dan menjadi peguam tidak sempat dikecapinya sepanjang hayatnya. Dia juga sanggup bertolak ansur dengan suaminya yang tidak memberi kerjasama dan berpendapat bahawa pelajaran adalah tidak penting kepada seorang gadis. Namun demikian dia begitu menekankan kepentingan pelajaran kepada anak gadisnya.

> "அம்மா.. நீ எந்த இலட்சியத்துக்காக உன் வாழ்வைப் பணயம் வைத்தாயோ அந்த இலட்சியம் இன்று நிறைவேறப் போகிறது. என்னை ஆசீர்வதித்து அனுப்பும்மா "பொற்கொடியின் கண்களிலிருந்து ககண்ணணீர் கடகலடவென்று உருண்டோடியது. பொற்கொடி தன் முந்தானையால் கண்ணீரைத் துடைத்துக் கொண்டாள். *(*மா.இராமையா*:1967:107)*

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Segala pengorbanan ibu dalam kehidupan kamu akan menjadi kenyataan hari ini. Restu dan hantarkan saya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> mak. Air mata Porkodi berlinangan di pipinya. Dia mengesat air matanya dengan penghujung sarinya. (M.Ramaiah:1976:107)

Valli pula digambarkan oleh M.Ramaiah sebagai seorang gadis tradisi. Sebagai seorang pembantu rumah yang telah jatuh hati kepada tuannya dia sanggup berbuat apa-apa sahaja untuk mendapat perhatian Suntheresan. Hal ini demikian kerana dia ingin berumah tangga dan hidup sebagai seorang isteri. Akibat didorong oleh keinginan tersebut dia cuba menabur fitnah dan tomahan terhadap Suntaresan sehingga mengatakan bahawa mereka memiliki anak luar nikah menjelaskan keinginannya yang begitu kuat untuk memiliki Suntaresan setelah Suntaresan mula menunjukkan minat terhadap Porkodi. Malahan perbuatan mendera Malligai juga memperlihatkan dirinya sebagai seorang gadis yang dikuasai oleh nafsu dan cemburu semata-mata.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu terdapat juga watak wanita tradisi juga terdapat novel *Vizhalum Neerum*. Hal ini ketara melalui watak Sita. Sita digambarkan sebagai seorang anak gadis yang baik. Dia berpelajaran setakat SRP (Sijil Rendah Pelajaran). Sita dilukiskan sebagai seorang gadis yang sentiasa menurut nasihat dan perintah ibu bapanya. Dalam kehidupannya Sita mencintai Dharmabalan tetapi takut akan reaksi ibunya sekiranya beliau mendapat tahu percintaanya. Setelah dia tiada pilihan untuk berjumpa dengan kekasihnya dia ke kelas jahitan milik bapa kekasihnya untuk bertemu kekasihnya. Namun dia tetap bertegas bahawa dia hanya akan berkahwin dengan restu kedua ibu bapanya. Dalam *Vil-alum Nhi:rum* Sita ialah wanita tradisi yang takut kepada kedua ibu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bapanya serta tidak berpelajaran dan mempunyai pemikiran yang bergantung kepada golongan lelaki.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Adik bongsu Kumaaravelu dalam novel *Vil-alum Nhi:rum* juga menjadi contoh wanita tradisi. Dia mematuhi apa sahaja yang ditetapkan dan mementingkan keperluan keluarga. Dia juga membantu kakaknya dalam hal menyembunyikan percintaannya kerana dia sayang akan kakaknya. Watak Kavita yang mementingkan hubungan kekeluargaan dan Vishalini yang sangat memberi penegasan kepada adab dan kesopanan kelihatan sebagai watak tradisi dalam novel ini.

Purani ialah anak Sellamma kelihatan sebagai watak tradisi dalam novel ini. Dia telah kehilangan ayahnya. Kehidupan Purani ibarat katak dibawah tempurung. Purani tidak mempunyai kad pengenalan biru. Dia mendengar nasihat ibunya dan mengikuti Pasupathi ke bandar. Pasupathi sudah lama menantikan peluang untuk bersama Purani. Dia mengambil keputusan untuk bermalam di hotel bersama Purani dengan alasan keretanya telah rosak dan hanya boleh dibaiki keesokan harinya. Pasupathi menggunakan peluang tersebut dan mengambil kesempatan atas diri Purani serta menghamilkannya. Purani tidak dapat mempertahankan dirinya. Dia juga tidak mempunyai kekuatan dan keberanian untuk memberitahu kepada Sellamma mengenai kejadian yang menimpa dirinya. Purani dalam novel *Mana U:nangal* sangat lemah dan lebih cenderung kearah watak negatif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

¬Á¡õ, âÃ½¢ìÌ ÌÊÔÃ¢¨Á þøÄ¡¾ º¢ÅôÒ «¨¼Â¡Ç «ð¨¼
Åî º¢Õì¸¢È¾¡Ä ±ÅÚõ¸øÂ¡½ô Ãñ½¢ì¸ ÅÃ
Á¡ð§¼í¸¢È¡ý. «Å¦Çºì Ì Õ ÌÊÔÃ¢¨Á ±ÎòÐì
¦¸¡Îòеð¼¡ «Å ¸øÂ¡½Óõ ¿¼óÐÎõ.

*(*மா.இராமையா*:2001:27)*

> Ya**.** Disebabkan Purani tiada sijil kewarganegaraan**,** tiada sesiapapun yang hendak mengahwininya**.** Kalau dia sudah mendapat sijil kewarganegaraan baru**,** perkahwinannya tidak menjadi kenyataan**.**
>
> (M**.**Ramaiah**:**2001**:**27)

Pavalam dalam novel *Mana U:nangal* juga mempunyai ciri-ciri gadis tradisi India yang tinggal di ladang. Dia telah merelakan dirinya menjadi bahan pemuas nafsu Pasupathi semasa Pasupathi mengajar di ladang tersebut. Akibatnya dia telah ditipu oleh Pasupathi dan menyebabkan gadis ini berbadan dua dan melahirkan anak luar nikah. Gadis ini telah meninggal dunia selepas melahirkan anaknya. Dia tidak melawan untuk menegakkan keadilan dan hanya menerima takdir yang menimpa dirinya tanpa sebarang usaha.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai* watak Vellama merupakan imej wanita tradisi. Dia telah kehilangan suaminya dan hidup dalam kesusahan. Setelah suaminya meninggal duniaa dia tidak mampu menyara hidupnya tetapi hasil berkat Thialagavathi, dia telah menyesuaikan dirinya setelah kehilangan suaminya yang merupakan tiang utama keluarga mereka. Keterikatannya kepada orang lain jelas kelihatan dalam sikap dan pemikirannya dalam novel ini. Malahan dia juga bertegas untuk menghantar anak lelakinya yang berjaya mendapat keputusan yang baik dalam SPM untuk bekerya dan menyara keluarga mereka. Walaupun pihak lain menasihatinya dia tetap dengan pendirian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk menghantar anaknya ke alam pekerjaan. Namun demikian setelah didesak baharulah dia sanggup menerima nasihat yang telah diberikan kepadanya itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Isteri Sangkaralingam dan anak Sangkaralingam dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai* turut menjadi watak wanita tradisi. Mereka menjadi golongan wanita yang tidak berani menghadapi ketidakadilan yang berlaku ke atas mereka. Selain itu, mereka juga menerima kezaliman itu sebagai nasib dan takdir mereka. Mereka tidak berusaha untuk menentangnya. Malahan apabila ada pihak yang membantu membela mereka, kedua-dua mereka takut untuk mengambil risiko kerana risau akan keselamatan. Akhirnya mereka memilih untuk mendiamkan diri sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1.5 Rumusan Jenis Watak

Secara ringkasnya terdapat enam watak wanita dalam novel *Al-akin A:ra:thanai* ini iaitu Latha, Vasugi ibu Latha, Malliga, Tharmambal, ibu Ragunathan, Sarala dan gadis Serani. Manakala terdapat lapan watak wanita dalam Novel *Nheruppu Cunai* iaitu Kavitha, Thirumeni, Mathavamegalai, Kamalaveni. Annapurani, Valarmathi, Sumathi dan Kalavathi. Dalam novel *Cangkamam* terdapat lapan watak iaitu Sugumari, Mullai @ Lean Moi, Puan Chee Khoon, Manggalam, Rokiah, Annapoorani dan Ibu Vellu. Novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai* pula terdapat lapan watak wanita. Mereka terdiri daripada Thilagavathi, Vellama, Kavita, Valli, Pongkoothai, Purani anak Sangkaralingam dan isteri Sangkaralingam. Dalam novel *Ethir Vi:t:u* ini M.Ramaiah telah mencitrakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sepuluh watak wanita. Mereka ialah Porkodi, Alamelu, Mogini, Valli. Malligai, Vasugi, Cellammah, tuan rumah sewa Porkodi di Kuala Lumpur dan Sunthari serta Malliga. Terdapat sembilan watak wanita dalam cerita ini novel *Vil-alum Nhi:rum* iaitu Kayalvizhi, Kanniamma, Sita, Vasugiamma, Tamarai, Kalaiselvi, Kavita, Sin Moi, dan Vishalini. Terdapat tujuh watak dalam novel *Mana U:nangkal:*. Watak wanita tersebut ialah Sellamma, Purani, Parimalam Vedha, Puntiha. Nenem Parimalam dan Pavalam. Dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai* pula terdapat lapan watak wanita. Mereka terdiri daripada Thilagavathi, Vellama, Kavita, Valli, Pongkoothai, Purani anak Sangkaralingam dan isteri Sangkaralingam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1

Jenis Watak Wanita dalam Setiap Novel

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Novel	Jenis	Watak	Bilangan	Peratusan
Al:akin A:rathanai	Moden	Latha gadis Serani	2	33.50%
	Transisi	Malliga	1	16.50%
	Tradisi	Vasugi Tharmambal Sarala	3	50.00%
Novel Nheruppu Cunai	Moden	Kamalaveni Mathavamegalai	2	25.00%
	Transisi	Valarmathi Annapurani Kavitha	3	37.50%
	Tradisi	Thirumeni Sumathi Kalavathi	3	37.50%
Cangkamam	Moden	Sugumari	1	14.29%
	Transisi	Mullai @ Lean Moi Puan Chee Khoon	2	28.57%
	Tradisi	Manggalam Rokiah Annapoorani Ibu Vellu.	4	57.14%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Payan:angkal: Mut:ivathillai	Moden	Thilagavathi	1	12.50%
	Transisi	Kavita Valli Pongkoothai Purani	4	50.00%
	Tradisi	Vellama anak Sangkaralingam isteri Sangkaralingam	3	37.50%
Ethir Vi:t:u	Moden	Mogini Cellammah	2	20.00%
	Transisi	Porkodi	1	10.00%
	Tradisi	Alamelu Valli Malligai Vasugi tuan rumah sewa Porkodi Sunthari Malliga	7	70.00%
Vil-alum Nhirum	Moden	Kayalvizhi Sin Moi	2	22.20%
	Transisi	Kanniamma Tamarai Vasugiamma	3	33.35%
	Tradisi	Sita Kalaiselvi Vishalini Kavitha	4	44.45%
Mana U:nangal	Moden	Vedha	1	14.29%
	Transisi	Sellamma Parimalam Puntiha Nenem Parimalam	4	57.14%
	Tradisi	Pavalam Purani	2	28.57%


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara umumnya terdapat 55 watak wanita dalam kesemua tujuh buah novel yang telah dikaji. Daripada 55 watak wanita tersebut terdapat 11 watak wanita yang boleh dikategorikan sebagai watak wanita moden. Selain itu, seramai 18 watak wanita yang telah dicitrakan oleh M.Ramaiah dalam tujuh buah novel ini ialah watak wanita transisi. Selebihnya 26 watak pula menepati ciri watak wanita tradisi. Jika ditinjau dari dari sudut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peratus pula 45.27 peratus watak wanita yang yang dilukiskan dalam novel-novel M.Ramaiah terdiri daripada watak wanita tradisi. Watak transisi pula merangkumi 32.73 peratus manakala 20 peratus pula wataknya menepati jenis watak wanita moden mengikut kerangka A. Wahab Ali.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.1. Peratusan Jenis Watak Wanita Dalam Tujuh Buah Novel

Daripada perbincangan ini jelas kelihatan bahawa jika ditinjau dengan menggunakan jenis watak wanita mengikut kerangka A.Wahab Ali, jelas kelihatan bahawa watak wanita dalam novel M.Ramaiah lebih cenderung kepada watak tradisi. Hal ini agak mengecewakan kerana golongan wanita dalam M.Ramaiah tidak ramai yang terdiri daripada wanita moden walaupun ada yang berpelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebagai kesimpulannya, novel-novel M.Ramaiah ini sarat dengan gambaran kehidupan masyarakat India di Malaysia. Carta pai berikut menunjukkan peratusan kedudukan jenis watak dalam ketujuh-tujuh buah novel ini.

Jadual 4.2

Perincian Jenis Watak Wanita dalam Setiap Novel

Novel	Moden	Transisi	Tradisi	Jum Watak Wanita
Al:akin A:rathanai	2	1	3	6
Novel Nheruppu Cunai	2	3	3	8
Cangkamam	1	2	4	7
Payan:angkal: Mut:ivathillai	1	4	3	8
Ethir Vi:t:u	2	1	7	10
Vil-alum Nhirum	2	3	4	9
Mana U:nangal	1	4	2	7
Jumlah	11	18	26	55
Peratusan Jenis Watak	**20.00%**	**32.73%**	**47.27%**	**100%**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Salah satu masalah yang diangkat dalam novel ini ialah perlukisan citra wanita sebagai golongan yang subordinat. Citra M.Ramaiah kelihatan menempatkan lelaki sebagai orang yang kuat dan tegar, manakala golongan wanita pula ditempatkan sebagai manusia kerdil yang lemah dan lembut. Walaupun watak wanita dilakar oleh M.Ramaiah sebagai tokoh utama tetapi mereka kelihatan pasrah kepada nasib yang menimpa diri mereka. Dalam beberapa novel M.Ramaiah watak wanita lazimnya digambarkan sebagai tokoh yang terpaksa mengorbankan kepentingan dirinya sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1.6 Jenis Wanita Mengikut Ungku Maimunah Mohd Tahir

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara umumnya, Ungku Maimunah Mohd Tahir (1994: 2) pula menjeniskan watak wanita kepada tiga jenis watak wanita iaitu jenis watak positif, watak tragis dan watak negatif. Dalam bahagian ini secara ringkasnya watak-watak wanita daripada tujuh buah novel pilihan akan dikupaskan secara ringkas. Jika ditinjau dari kaca mata Ungku Maimunah pula watak-watak yang digarap oleh M.Ramaiah pelbagai.

4.1.6.1 Jenis Watak Positif Mengikut Ungku Maimunah Mohd Tahir

Watak wanita positif sebenarnya dibentuk untuk mendidik pembaca mengambil iktibar akan kekuatan sesuatu watak. Dalam novel *Al-akin A:ra:thanai* watak Malliga digambarkan oleh pengarang sebagai watak positif. Pembaca dapat mengambil iktibar daripada pendirian dan padangan tajamnya tanpa berkompromi kepada nilai dan norma yang telah diatur oleh masyarakat. Dia juga berani mengutarakan pendapatnya walaupun kebenarannya menyakitkan hati orang yang mendengar. Malahan dia juga digambarkan sebagai seorang anak, isteri dan ibu yang bertanggungjawab. Ibu Ragunathan iaitu Tharmambal juga digambarkan sebagai watak sampingan yang memperlihatkan ciri jenis watak positif. Watak lain yang terdapat novel ini yang juga menunjukkan watak positif ialah watak Tharmambal, ibu Ragunathan, Sarala dan gadis Serani. Mereka merupakan watak-watak yang memiliki kekuatan yang tersendiri dalam kehidupan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam novel Nheruppu Cunai watak Kavita, Kamalaveni, Mathavamegalai Valarmathi dan Annapurani kelihatan sebagai watak positif di tangan pengarang. Masing-masing menonjolkan citra wanita positif. Kamalaveni yang telah ditolak oleh Nyanasegaran telah berusaha untuk mencari kekasih lamanya untuk menebus kesalahan dirinya yang telah menyebabkan Nyanasegaran sedih dengan pilihan ibunya. Dia sanggup ke Melaka untuk bersemuka dengan kekasih lama tunangnya untuk menjernihkan keadaan. Dia juga tidak berdendam dengan tunangnya setelah mengetahui akan cerita sebenarnya. Pembaca cuba diberi didikan oleh M.Ramaiah untuk bersikap sederhana dalam kehidupan kerana jika kita reda dengan cabaran pasti ada hikmahnya.

Mathavamegalai juga seorang watak yang positif. Dia tidak terus mendera dirinya apabila hasratnya untuk menghawini Nyanasegaran terbantut. Dia menerimanya sebagai satu takdir dan tidak menyalahkan sesiapapun. Mathavamegalai turut tidak menyembunyikan sejarahnya kepada suaminya dan bersikap terbuka dengan menceritakan segala-galanya. Dia juga memperkenalkan tunang Nyanasegaran kepada suaminya. Dalam konteks ini M.Ramaiah telah menonjolkan wanita sebagai golongan yang progresif dan meneruskan hidup mereka walaupun keinginan mereka sering terbantut akibat desakan hidup. Setelah Thirumeni telah membawa Mathavamegalai ke Melaka dia mencari calon lelaki yang baik dan sesuai untuk anak dan menjodohkannya kepada anak saudaranya sendiri. Mathavamegalai menuruti keputusan ibunya dan menjadi isteri yang taat kepada suaminya. Dia juga menyedari kepentingan ikatan perkahwinan. Mathavamegalai sedar akan peranannya sebagai seorang anak dan isteri. Dia menjadi seorang anak dan isteri yang baik dan taat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Watak Kamalaveni juga dilukis oleh M.Ramaiah sebagai seorang gadis yang positif seorang gadis yang baik. Dia menghormati orang yang lebih tua daripadanya. Dia bekerja sebagai seorang pegawai tinggi di sebuah syarikat. Kamalaveni telah kehilangan ibu bapanya. Dia dididik dan dibesarkan oleh kakaknya. Dia belajar dengan bersungguh-sungguh dan berjaya menjawat jawatan yang tinggi dengan gaji yang lumayan. Sebahagian daripada gajinya diperuntukkan untuk keluarga kakaknya. Dia juga telah membeli sebuah rumah dan hidup sekeluarga dengan kakaknya. Dia belum berkahwin. Selepas berkenalan dengan Annapurani baru dia menyedari kepentingan perikatan perkahwinan. Annapurani meluahkan niatnya untuk mengahwinkan Kamalaveni dengan anaknya. Kamalaveni menerima lamaran tersebut. Namun selepas mengetahui bahawa Nyanasegaran mencintai gadis lain Kamalaveni berusaha untuk menyatukan mereka. Akan tetapi dia gagal dalam usahanya. Hal ini kerana, gadis tersebut telah berkahwin dengan orang lain. Kesopanan Kamaleveni telah menarik perhatian Nyanasegaran. Dia berubah hati dan bersetuju untuk mengahwininya. Kamalaveni merupakan seorang gadis yang baik serta disenangi oleh ibu mentuanya. Selain itu, dia seorang gadis yang positif dan tidak melatah apabila keinginannya tersekat. Hal ini jelas selepas dia mengetahui niat Nyanasegaran yang telah terpikat dengan seorang gadis lain.

Satu lagi watak wanita yang positif dalam novel Nheruppu Cunai ialah watak Annapurani. Sebagai seorang janda dia begitu berprinsip dalam kehidupannya. Hal ini jelas melalui pemilihan orang gajinya. Selain itu, dia juga membantu golongan yang memerlukan bantuan. Hal ini jelas apabila dia membantu Valarmathi setelah suaminya ditahan oleh polis kerana bersama dengan kumpulan samseng. Malahan dia juga seorang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ibu yang bertanggungjawab dan cuba membantu anaknya mengharungi kekecewaan setelah dia membuat keputusan yang tidak memihak kepada anaknya itu. Namun demikan dia tidak menentang anaknya tetapi mencari jalan untuk membantu anaknya yang ditimpa kesusahan itu. Berkat usahanya dia berjaya mempengaruhi anaknya untuk menerima gadis pilihannya sebagai bakal isteri anaknya itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Watak yang menunjukkan sifat positif dalam novel *Cangkamam* ialah Mullai, Puan Chee Khoon, dan Manggalam. Mullai juga seorang watak yang positif. Sebagai seorang gadis yang yatim dan penuh dengan budi bahasa dia begitu dihormati dan disayangi. Watak Lean Moi digambarkan sebagai seorang gadis yang baik hati dan berasal dari keluarga yang baik. Dia seorang gadis yang berkerjaya dan berada tetapi tidak menunjukkan sebarang keangkuhan. Mullai juga menunjukkan ciri-ciri positif yang perlu dicontohi oleh seorang gadis. Setelah dia berkenan dengan Gunalan dia sanggup membela dan memberikan tempat dan pengaruh kepada Gunalan. Setelah berkahwin juga dia menjadi menantu yang baik sehingga menambat hati mentuanya. Malahan adik iparnya begitu mengasihinya. Dia juga memelihara hubungan dengan semua orang tanpa mengira batasan. Malahan kepada Rokiah yang selalu menderanya juga dia bertimbang rasa. Banyak ciri positif yang ditonjolkan oleh M.Ramaiah melalui watak ini lebih merupakan norma yang disenangi oleh golongan lelaki dalam kehidupan mereka.

Watak Puan Chee Khoon juga kelihatan sebagai watak yang positif. Dia melihat akan kebolehan yang ada pada Gunalan dan membantunya untuk berjaya dalam kehidupannya. Malahan suaminya juga sedar akan kenyataan ini setelah melihat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

komitmen Gunalan dalam pekerjaan. Malah dia juga positif dalam menghadapi sebarang cabaran. Dia memberi nasihat dan pendapat apabila perlu dan mampu menagih perhatian kerana dia sangat dihormati.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manggalam juga merupakan watak ibu yang sangat positif. Dia memberi rangsangan kepada anaknya Gunalan untuk terus berusaha mencari pekerjaan. Malah dalam didikan juga dia begitu tegas tetapi bertempat. Sebagai seorang balu dia tidak pernah berputus harapan tetapi lebih senang memikul tanggungjawabnya untuk membesarkan anak-anak dengan bekerja sebagai seorang penoreh getah. Sebagai seorang ibu dia sentiasa memberikan nasihat kepada anaknya Gunalan dan setiap nasihat itu dihormati oleh anak-anaknya. Manggalam juga merupakan seorang ibu mertua yang sangat baik dan perlu dicontohi demi kesejahteraan keluarga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Annapporani dalam novel ini juga kelihatan sebagai watak yang positif. Dia yang sabar dan pandai sehingga akhirnya berjaya menangani masalah rumah tangganya. Dia tidak menentang suaminya yang bermata keranjang itu dan menunggu peluang untuk mendapat bukti yang kukuh. Dalam novel ini dia tidak berputus asa dalam membantu suaminya dan tidak mempedulikan cabaran yang menjelang dalam hidup demi kebaikan rumah tangga. Selain itu, watak isteri ini juga menyedarkan kepada kita tentang keperluan untuk kita bijak menangani masalah rumah tangga.

Daripada 10 watak yang dilukis dalam novel *Ethir Vi:t:u*, Porkodi, Sunthari, Malliga, Malligai dan Vasugi digambarkan oleh M.Ramaiah sebagai watak positif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengikut kaca mata Ungku Maimunah. Perjalanan hidup Porkodi yang bercita-cita untuk menjadi seorang peguam tercapai di penghujung cerita ini. Malahan Porkodi walaupun ditimpa pelbagai masalah dalam kehidupan, dia tidak pernah berputus asa. Jelas dia sanggup mencari jalan keluar untuk menghadapinya dengan berani. Bermula daripada larangan ayahnya untuk belajar di Kuala Lumpur hingga menyelamatkan suaminya yang diperangkap oleh rakan sepejabatnya itu, dia begitu positif mengharunginya. Hal ini jelas semasa dia keluar untuk bersemuka dengan Mohini untuk mendapat bantuan bagi membebaskan suaminya itu.

Watak-watak lain juga jelas memperlihatkan diri mereka itu positif. Vasugi pula begitu positif dalam menerima kejayaan Porkodi walaupun dia mengalahkan suaminya yang merupakan seorang peguam yang terkenal. Dia juga tidak bertolak ansur dengan mereka yang memperjudikan maruah untuk mendapat sesuatu dalam kehidupan mereka. Kawan Porkodi, Sunthari dan Malliga juga watak yang positif. Mereka mewakili golongan generasi muda yang mampu hidup berdikari dan pada masa yang sama memberi sokongan kepada rakan mereka yang ditimpa masalah. Adik Suntaresan juga merupakan watak yang positif. Hal ini dapat dilihat dalam ujarannya yang berpandangan jauh dan dia dapat menilai yang mana intan dan yang mana kaca dalam usia mudanya. Hal ini jelas apabila dia meluahkan kepada abangnya tentang Porkodi sebagai pilihan kakak iparnya berbanding dengan Valli yang sering menderanya itu.

Novel *Vil-alum Nhi:rum* watak yang positif digambarkan oleh watak Kayalvizhi, Sita, Vasugiamma, dan Thamarai. Kayalvizhi yang terperangkap dalam perangkap cinta

Kumaravelu yakin dirinya dapat mengatasi halangan keluarganya. Walaupun dari satu sudut keputusannya bertentangan kepada nilai keluarga, dia berpendapat bahawa keluarganya tidak akan menjadi penghalang kepada hubungannya. Selepas mengetahui kebenaran dan sedar akan penipuan Kumaravelu, dia turut mengambil keputusan untuk keluar dari ikatan perkahwinan kerana dia tahu bahawa itu ialah jalan penyelesaian yang terbaik untuk dirinya. Malahan ketegasannya jelas apabila dia enggan menjamah sebarang makanan di rumah tersebut. Keputusan ini memberi tamparan kepada Kumaravelu dan Kanniamma yang berpendapat selepas berkahwin Kayalvizhi tidak ada pilihaan dan perlu akur kepada keputusan mereka. Di samping itu, dia juga berani menetap di rumah kekasihnya sebelum mereka berkahwin walaupun hal ini bertentangan dengan tradisi kerana dia berpendapat itu ialah jalan terbaik untuk membantu keluarga Kumaravelu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Watak Vasugiamma juga merupakan seorang wanita yang positif. Setelah mengetahui perbuatan anak gadisnya dia tidak pernah berputus asa dan berusaha untuk bersemuka dan memberikan dia sedikit teguran. Malahan dia juga seorang wanita yang mengambil berat terhadap keperluan hidup seorang wanita. Hal-hal yang positif jelas terpancar dalam watak ini kerana demi pendidikan dia sanggup berhutang dan bersusah memandangkan pendidikan sangat penting untuk meneruskan keluarga mereka. Malahan dia juga percaya didikan yang tegas sangat diperlukan dalam mendidik anak-anak mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Thamarai, kakak Kayalvizhi juga merupakan seorang wanita yang positif. Dia sanggup pergi ke luar negeri untuk mencari peluang pekerjaan demi memajukan kelurganya. Dia tidak mengambil berat terhadap kerenah adiknya yang sering melihatnya sebagai orang luar yang mengganggu kebebasannya. Dia reda dan menerima adiknya itu sebagaimana dirinya dan memahami perilakunya.

Dalam cerita ini Sita juga seorang wanita yang positif. Watak Sita digambarkan sebagai seorang gadis yang berpegang kepada tradisi dan tidak mudah menolak keluarganya. Sita mencintai Dharmabalan dan takut akan reaksi ibunya. Apabila abangnya mengetahui hubungan cintanya, abangnya tahu akan perangai Dharmabalan dan menasihati Sita supaya menjauhinya. Namun demikian Sita enggan mendengar nasihat tersebut kerana yakin bahawa dia dapat mengubah sikap Dharmabalan. Dalam realitinya dia berjaya membetulkan kekasihnya itu. Malah cinta Sita menonjolkan kemampuan wanita mengubah sikap lelaki yang dicintai. Nilai positif perwatakan Sita sebagai anak gadis yang baik dapat dilihat ketika Sita menyatakan yang dia tidak akan mengahwini Dharmabalan tanpa persetujuan ibunya. Selain itu, sikap baiknya juga terbukti apabila dia menyatakan keengganannya melarikan diri dari rumah sekiranya keluarganya tidak merestui perhubungannya dengan Dharmabalan. Sita juga sanggup menerima penderaan fizikal seperti pukulan daripada Kanniamma demi cintanya. Akirnya, cinta Sita telah direstui dan diterima oleh ibu bapanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

À¢Êì¸§ÄýÉ¡ ¿¡ «ôÀ¡, «õÁ¡Å «Æ¨Åì¸¡¾¢í¸.
«õÁ¡×ìÎô À¢Êì¸§ÄýÉ¡ ¿¡ý ¾÷ÁÁ¡Ä¨É
ÁÈó¾¢Î§Èý. (மா.இராமையா:*1976:215*)

Ayah jangan buat ibu menangis. Kalau ibu tidak suka, jangan paksa dia. Jika ibu tak suka, saya akan lupakan Dharmabalan.
(M.Ramaiah:1976:215)

Nenek dalam novel *Mana U:nangal* lebih menepati watak positif. Dalam novel *Mana U:nangal* nenek cuba memberikan pendidikan kepada cucunya untuk memajukan dirinya. Walaupun cucunya itu merupakan seorang anak luar nikah dia tidak pernah menidakkan peluang untuk mendapat pelajaran kepada cucunya. Dalam hal ini dia sedar akan kepentingan pelajaran kepada gadis. Malahan setelah mengetahui cucunya ingin berumah tangga dengan lelaki yang sudah berkahwin dia tidak menentang secara keras tetapi meminta untuk bersemuka dengan lelaki pilihan cucunya. Setelah mengetahui hasrat Parimalam dia telah beredar dari Parimalam dan mencari jalan sendiri kerana tidak mempersetujui dan merestui pilihan Parimalam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seorang lagi watak positif dalam novel *Mana U:nangal* ialah watak Vedha isteri Pasupathi. Dalam novel *Mana U:nangal* dia telah menunjukkan ciri-ciri positif. Dia tidak menangisi nasib yang menimpa dirinya malahan telah mencari jalan penyelesaian untuk masalahnya dengan bertindak bijak. Cara Vedha memutuskan hubungannya dengan suaminya bukan sahaja agak matang dan menarik malah menjadi satu pengajaran kepada golongan lelaki yang bebas mencari hubungan di luar ikatan rumah tangga seperti Pasupathi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jika ditinjau dari sudut watak positif kita dapati bahawa terdapat banyak watak yang dilakarkan dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai* yang menepati watak positif. Yang pertama ialah watak Thialagavthi. Dia merupakan seorang wanita yang telah menghadapi banyak cabaran dalam hidupnya tetapi berkat kesabarannya dia dapat mengharunginya dengan tabah. Dia yang hidup sunyi tanpa sebarang tujuan dalam hidup cuba mendapatkan anak angkat dan meminta Kathirvel menyerahkan anak yang dikandung oleh isterinya. Akhirnya hasrat tersebut juga tidak kesampaian kerana Pongkothai telah keguguran. Dalam menghadapi golongan lelaki juga dia kelihatan begitu positif dan berhati-hati. Hal ini kerana sebagai seorang pemimpin wanita, dia terpaksa bekerja dengan golongan kaum lelaki tetapi Thilagavathi dapat menundukkan pihak lain dengan mudah sahaja kerana kelicikan dan dapat memperteguhkan kuasanya dengan mempengaruhi ketua mereka yang juga merupakan suaminya. Walaupun ditimpa pelbagai cabaran dia tidak pernah berpatah hati atau menyesal akan takdirnya.

Imej Poongkothai dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai* digambarkan sebagai isteri kepada Kathirvelu menjadi wanita yang bercitra positif. Sebagai seorang ibu dia begitu reda dengan cabaran yang dihadapi oleh suaminya. Pada suatu ketika dia turut mencemburui hubungan suaminya dengan Thilagavathi tetapi apabila mengetahui kebenarannya dia telah menerima dengan baik. Walaupun dia tidak begitu menyukai malah takut dengan penglibatan suaminya dalam bidang politik tetapi dia sanggup membantu suaminya dalam hal-hal tersebut. Umpamanya dia akan menguruskan surat-menyurat untuk suaminya yang telah dilantik sebagai setiausaha bahagian. Malahan Poongkothai yang mempunyai empat orang anak bertindak sebagai pendorong untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memajukan keluarga. Poongkothai merupakan seorang suri rumah yang baik. Dia sentiasa menunggu kepulangan suaminya dari tempat kerja. Selain itu, Poongkothai juga menjadi penasihat kepada suaminya. Dia mendidik dan memelihara keempat-empat anaknya. Sebahagian tanggungjawab keluarga dipikul oleh Poongkothai. Walaupun menghadapi kesusahan namun hal ini tidak pernah menjadi penghalang kepada Poongkothai untuk menguruskan keluarganya. Poongkothai sentiasa berada di sisi suaminya tatkala suka dan duka. Kedudukan Poongkothai mencerminkan dia merupakan seorang isteri yang taat kepada suaminya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *‘‘*என்னங்க அதுக்குள்ளே எழுந்திரிச்சிட்டிங்க*?”* அடுபடியில் இருந்த பூங்கோதை கேட்டாள்.*“* மணி ஆறாகலையா*?”*
>
> *(*மா.இராமையா*:2009:146)*

> “Kenapa sudah bangun” Poongkothai menyuara dari dapur. “Masih awal ini atau lambat? (M.Ramaiah:2009:146)

Watak Valli juga merupakan seorang wanita yang positif dalam novel ini. Dia begitu gigih untuk memulihkan akhlak suaminya yang telah terpengaruh dengan perkara negatif. Berkat kesabaran dan usahanya dia berjaya membimbing suaminya menjadi manusia yang berguna dalam kehidupannya. Tindakan Valli mencerminkan dia seorang isteri yang positif kerana dia tidak lari dari masalah tetapi menghadapinya dengan penuh ketabahan dan kecekalan.

Purani juga dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai* kelihatan sebagai wanita yang positif. Walaupun dia ditimpa masalah kewangan dia dan suaminya tidak pernah berputus harapan. Malahan apabila suaminya hilang kesabaran dan cuba meninggikan

suaranya kepada Yang Amat Berhormat itu, Purani begitu bijak menangani keadaan tanpa menggoreskan perasaan orang lain. Setelah permohonan untuk bantuan mereka ditolak, dia tidak berputus asa malah terus mendesak Kathirvel untuk membantu mereka. Akhirnya dengan bantuan Kathirvel dia berjaya mendapat bantuan kewangan untuk pelajaran anaknya. Sebagai seorang suri rumah juga dia kelihatan begitu positif dalam memperjuangkan hak untuk mendapat pelajaran kepada golongan wanita iaitu untuk anak gadisnya. Pandangan ini juga mendedahkan kepada kita bawah Purani sebenarnya merupakan seorang wanita yang positif dan mengetahui keperluan yang sebenar untuk kehidupan anak-anakanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara ringkasnya terdapat pelbagai watak positif yang telah dilakarkan oleh M.Ramaiah dalam novel-novel beliau. Watak-watak positif ini digunakan oleh pengarang untuk mendidik para pembaca tentang kehidupan. Sebagai pembaca kita dapat melihat watak-watak wanita ini sebenarnya menjadi ibu yang berani, guru yang dedikasi, pekerja yang sosial pelajar yang rajin kakak atau isteri yang bertanggungjawab. Cara perlukisan watak-watak ini berbeza-beza dan mengikut peranan mereka dalam novel.

4.1.6.2 Jenis Watak Negatif Mengikut Ungku Maimunah Mohd Tahir

Dalam cerita *Nheruppu Cunai* watak Sumathi yang kelihatan seperti watak negatif. Dia telah melemparkan tomahan dan pelbagai pandangan ynag serong terhadap Nyanasegaran dan Kavita. Hal ini jelas apabila dia mengakui bahawa dia sanggup menggoda lelaki

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang berjawatan jika berpeluang mendekati mereka. Malahan dia turut cuba mempengaruhi Kavita untuk mengambil kesempatan untuk mendekati Nyanasegaran yang kesunyian. Selain itu, dia juga tidak mahu percaya kepada penerangan yang diberikan oleh Kavita dan berpendapat Kavita cuba menutup kesalahannya itu.

Seorang lagi watak yang negatif dalam novel *Nheruppu Cunai* ini ialah ibu Mathavamegalai, Thirumeni. Dia menjadi seorang ibu yang bengis dan tidak percaya kepada pilihan anaknya. Di menentang percintaan anaknya kerana berpendapat golongan berada senantiasa mencari alasan untuk memperalatkan dan mengambil kesempatan terhadap gadis yang bekerja di bawahnya. Thriumeni juga menjadi seorang wanita yang tidak mempercayai akan cinta dalam hidupnya. Dia turut memarahi Kavita yang dituduhnya menjadi punca anaknya terperangkap dalam percintaan. Thirumeni dalam novel *Nheruppu Cunai* tidak mahu bertolak ansur dan akhirnya dia berjaya memutuskan hubungan percintaan anaknya dengan membawanya lari ke Melaka. Anaknya, Mathavamegalai juga akhirnya akur dengan pilihan ibunya dan menerima pilhan tersebut setelah mengetahui akan niat ibunya itu adalah demi kebaikannya. Dalan hal ini kita dapati bahawa Thirumeni telah menjatuhkan hukuman kepada Nyanasegaran, Kavita dan Mathavamegalai tanpa memahami mereka.

±ýÉÊ ¦¾Ã¢Â¡¾ Á¡¾¢Ã¢ ¿Êì¸¢§È?§Á¸¨Ä¨Â ¯ý
§Á§ÉƒÕìÌì ÜðÊì¦¸¡Îì¸§Ä? «×í¸¦ÃñÎ§ÀÕõ ¦ºÅý
þ¦ÄÅÉ¢§Ä º ó¾¢ì¸¢ÈÐìÌòÐ¨½§À¡¸§Ä! ¦ºöÂ¢È¨¾Ôõ
¦ºï º¢ðÎò ¦¾Ã¢Â¡¾ Á¡¾¢Ã¢ ¿Êì¸¢§È?
(மா.இராமையா :2009:29)

" Kenapa kamupura-pura tak tahu apa-apa. Kamu yang menjadi dalangan kepada perjalinan hubungan Mathavamegalai dengan pengurusnya. Bukan ke

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> kamu menjadi orang tengah untuk mereka berdua untuk berjumpa di 7. Eleven. Dahlah buat semua ini tetapi berpura-pura alim**”.** (M**.**Ramaiah**:**2009**:**29)

Dalam novel *Cangammam,* wanita yang negatif diwakili oleh watak Rokiah. Dia menjadi wanita yang suka berfoya-foya tetapi terpikat kepada Gunalan. Akibat kegagalannya untuk menambat hati Gunalan dan tertewas kepada Mullai, dia sanggup bersubahat dengan Sam Seng dan menjadi orang suruhan Selvamani untuk memerangkap Gunalan. Dia tidak berhenti setakat itu, setelah Gunalan menjadi pengurus, dia masih meneruskan hasratnya sehingga meletakkan jawatannya. Rokiah dicirikan seorang pekerja yang tidak berdisiplin dengan mengambil cuti yang panjang dan tidak bertanggungjawab terhadap kerjanya. Malah sebagai seorang rakan dia juga tidak setia dan tidak memihak kepada kebahagiaan Mullai. Malahan dia begitu mendewa-dewakan kecantikan dan berbelanja secara boros tanpa memikirkan kesannya kepada orang lain. Malahan bagi dirinya penampilan diri lebih penting dan perlu diutamakan. Malahan dia juga begitu pandai dalam pertuturannya sehingga boleh menundukkan sesiapa sahaja terutamanya golongan lelaki. Contohnya watak Vellu yang mudah terpengaruh dengannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat beberapa watak negatif dalam novel *Ethir Vi:t:u*. Nasib Valli dalam novel ini juga agak malang. Dia sanggup bertindak berani mendedahkan tubuhnya kepada Suntaresan semata-mata untuk memikatnya tetapi hal ini menjadi punca dirinya dihalau oleh tuannya itu. Dia gagal dalam cita-cita dan walaupun bekerja kepada pasangan peguam masih cemburu dengan perkembangan Porkodi. Apabila Porkodi ditimpa masalah dia begitu gembira dengan keadaan itu. Hal ini demikian kerana dia berpendapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pasangan tersebut telah menganiya dirinya. Dia bergembira dengan masalah orang lain. Jelas sekali M.Ramaiah melukiskan watak ini sebagai watak negatif dalam novel *Ethir Vi:t:u* ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malahan Mohini dan Sally juga digambarkan sebagai golongan wanita yang negatif. Salllу menukarkan namanya daripada Chellamah kepada Sally semata-mata untuk memberi imej yang baharu kepada dirinya. Hal ini memperlihatkan betapa punahnya pendirian watak ini yang sanggup menyembunyikan identiti diri untuk mengaburi pandangan orang lain. Malahan dia juga suka minum arak dengan golongan lelaki. Mogini dalam novel ini menjadi bukti yang kukuh bagi menunjukkan kecurangan juga diterangkan dalam karya *Ethir V:t:u***,** seperti dalam petikan berikut,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *"அவன் கடைசியாகக் கொடுத்துச் சென்ற இரண்டாயிரம்*
> *வெள்ளியையும் மறுநாளே வாங்கிச் சென்று விட்டான். ஆத்திரம்*
> *கொண்ட மோகினி அவனைப் பழிவாங்க காத்திருந்தாள்*
> *ஏற்றாற்போல் பொற்கொடியும் வந்து சேர்ந்தாள்".*
>
> ***"****Pada hari keesokan,Dia telah mengambil wang yang diberi kepada Mogini iaitu sebanyak dua ribu. Kemarahahan Mogini terhadap kelakuan Kannan telah menyebabkan Mogini menunggu masa untuk membalas dendam terhadap Kannan****".*** (M.Ramaiah,1976:108)

Mohini pula digambarkan sebagai seorang watak negatif kerana dia sanggup meninggalkan suaminya demi cintanya terhadap Kannan. Namun demikian M.Ramaiah menghukumnya kerana tindakan tersebut dengan menjadikannya sebagai seorang pelacur untuk mencari rezeki dalam mengharungi kelangsungan kehidupannya. Akibat perbuatan negatifnya dia terpaksa menghadapi cabaran ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks novel *Vil-alum Nhi:rum* watak negatif jelas melalui watak Kanniamma digambarkan sebagai seorang wanita yang individualistik. Kanniamma juga suka mengambil kesempatan atas usaha orang lain. Hal ini ketara apabila anak sulungnya mendaftarkan perkahwinan mula menunjukkan belang dirinya kepada anak mentuanya. Kanniamma yang tidak suka setelah mengetahui percintaan anaknya Sita telah dipukulnya. Dia sedar akan kesilapannya setelah dinasihati oleh suaminya. Dia juga sedar akan kesalahan yang dilakukannya selepas anak mentuanya Kayalvizhi meninggalkan rumah. Kanniamma berubah hati dan mula bercakap dengan anaknya dengan penuh kasih sayang. Kanniamma sedar akan kepentingan kasih sayang. Dia juga dapat memahami perasaan orang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kawan Kayalvizhi seperti Sin Moi juga menunjukkan merupakan watak negatif dalam cerita ini. Mereka cuba menangguk di air keruh untuk mencapai kehendak hati mereka. Mereka tidak memikirkan akan kesannya kepada orang lain. Hal ini jelas dalam plot yang dicipta oleh mereka untuk menyingkirkan Kayalvizhi dari rumah sewanya.

Jika ditinjau dari sudut watak negatif dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai* hanya watak Kavita yang kelihatan sebagai watak negatif. Dia telah menggunakan peluang yang ada pada dirinya untuk mencapai kepentingan dirinya. Malahan dia tidak memikirkan kesan perbuatannya terhadap orang lain. Dia berbuat apa sahaja demi mendapat habuan untuk dirinya. Watak ini tidak mempedulikan orang lain selain diri-sendirinya itu sahaja. Dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillaihanya* watak Kavita telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjadi gadis yang diperalatkan oleh ahli-ahli parti politik untuk tujuan mereka. Malah Kavita yang termakan dengan pujukan dan habuan yang diberikan sanggup menentang Kathirvel untuk mendapat habuan yang telah dijanjikan. Hal ini menjadikan Kavita seorang gadis yang mementingkan materialistik dan sanggup membuat apa sahaja untuk mendapat habuan. Semata-mata mendapat tawaran untuk bercuti dia sanggup mendedahkan maklumat kepada pihak yang tidak bertanggungjawab.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

M.Ramaiah dalam ketujuh-tujuh novelnya menyuguhkan kepada kita tentang beberapa watak wanita yang negatif. Pelakaran watak-watak ini didorong oleh keinginan pengarang untuk menyedarkan pembaca untuk mencontohi atau menghargai watak utama. Kebanyakan mereka ini terdiri daripada watak sampingan seperti watak Rokiah dalam novel Cangkaman dan menonjolkan sifat negatif seperti watak Valli dalam novel *Ethir Vi:t:u.* Jika diteliti kewujudan watak ini bertujuan untuk melebihkan watak utama. Hal ini dapat dilihat melalui watak Kanniamma dalam novel *Vil-alum Nhi:rum*.

4.1.7 Jenis Watak Tragis

Watak Latha pula dalam novel *Al-akin A:ra:thanai* jelas menepati ciri-ciri watak tragis. Dia digambarkan sebagai seorang gadis yang gagal dalam hidup serta menjadi mangsa. Dia tidak dapat mengawal hidupnya kerana terpaksa akur kepada keadaan di luar kawalannya. Malahan pengarang telah melukiskan watak Latha ini sebagai watak yang menagih simpati daripada pembaca kerana akibat yang menimpa kehidupannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

M.Ramaiah mungkin ingin mendidik pembaca supaya tidak terlalu bebas dalam fikiran dan tindakan mereka kerana untuk masyarakat India perwatakan seumpama ini tidak akan membuahkan hasil malah akan menjerat diri kita sendiri. Manakala ibu Latha, Vasugi juga digambarkan sebagai seorang ibu yang tragis kerana terpaksa menerima hinaan akibat anak gadisnya. Dia tidak dapat berbuat apa-apa dan akur dengan nasib yang menimpa diri anaknya yang terpesong daripada landasan kehidupan.

Dalam novel *Cangkamam* juga terdapat beberapa watak wanita yang tragis. Annapoorani yakin bahawa muslihat suaminya, Selvamani akan terbongkar pada akhirnya. Dia rela membutakan dirinya semata-mata untuk menunggu masa untuk suaminya terperangkap. Hasilnya pada penghujung ceirta ini dia berjaya mengecapai hasratnya itu. Dia tidak bertindak terburu-buru dan bersabar menghadapi dugaan yang diharunginya. Berkat kesabarannya dia memperoleh apa yang dihajatinya itu. Namun demikian suaminya telah ditangkap oleh pihak berkuasa.

Satu lagi watak tragis dalam novel *Cangkamam* ialah watak Sugumari. Dia juga licik menggoda lelaki dan menggunakan kecantikannya itu sebagai alat untuk menundukkan lelaki. Vellu tersungkur dan bersetuju bersubahat dengan mereka kerana jatuh cinta kepada perhatian dan kecantikan Sugumari. Namun demikian setelah mencapai hasratnya dia menolak dan menghindari Vellu. Walaupun pandai dia tetap ingin menjadi isteri kedua walaupan sedar hal ini akan menggugat imej dan rumah tangga Selvamani. Hal ini demikian kerana dia berpendapat Selvamani harus bertanggungjawab terhadap perbuatannya. Setelah bertindak dengan begitu berani akhirnya hasratnya untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkahwin dengan Selvamani gagal kerana dia ditangkap polis. Ibu Vellu juga seorang wanita yang mengalami nasib diri yang tragis. Dia telah terpengaruh kepada Selvamani dan akhirnya anak lelakinya telah terkorban angkara orang kepercayaannya itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam novel *Ethir Vi:t:u* juga terdapat jenis watak wanita tragis mengikut Ungku Maimunah. Watak yang mewakili golongan ini ialah Alamelu ibu kepada Porkodi. Dia tidak dapat melihat anaknya menjadi seorang graduan seperti yang diimpikannya. Dia terpaksa berusaha dengan gigih dan bekerja dengan sedaya upaya demi pelajaran ananknya tetapi tidak sempat melihat kejayaan anaknya. Malahan dia terpaksa bertikam lidah dengan suaminya untuk mempertahankan keputusannya untuk membenarkan anaknya itu melanjutkan pelajarannya. Kematiannya bersama hasrat yang dipendamkannya itu begitu menyedihkan.

Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara umumnya, kesemua watak yang ditonjolkan dalam novel *Mana U:nangal* kelihatan tidak begitu bebas dan terikat kepada dominasi lelaki. Sellamma yang merupakan janda beranak tunggal terpaksa bergantung kepada bantuan Pasupathi dan lebih menepati citra seorang wanita tragis. Hal ini jelas melalui peristiwa mendapatkan bantuan untuk menukar kad pengenalan merah anaknya. Malahan dia sanggup menjadi tempat Pasupathi meleraikan nafsunya setelah isterinya meninggal dirinya. Walaupun terikat dengan hubungan sulit tetapi dia sering dipergunakan oleh Pasupathi yang mengambil kesempatan terhadap keadaan Sellamma ini.

Keadaan ini jelas apabila Sellamma terpaksa dan sanggup melangsaikan hutang yang telah dipinjam oleh Pasupathi. Dia mementingkan keluarganya dan begitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengambil berat tentang anaknya. Hal ini jelas melalui usaha dalam mencarikan jodoh kepada anak tunggalnya itu. Sellamma menghadapi kesukaran untuk mencari lelaki yang bersedia mengahwini Purani yang tidak mempunyai status kewarganegaraan. Pasupathi yang bersetuju menghulurkan bantuan rupa-rupanya berniat jahat. Dia lebih memperlihatkan ciri wanita tragis.

Purani juga merupakan watak yang tragis dalam novel *Mana U:nangal*. Dia tidak mampu melawakan kehendak Pasupathi. Malahan dia mendiamkan dirinya daripada apa yang menimpa kehidupannya kerana sangat takut. Hal ini menunjukkan bahawa watak Purani ini kelihatan sebagai watak yang sangat tragis dalam novel *Mana U:nangal*. Dia telah menjadi mangsa lelaki yang telah merogolnya dan hasilnya dia mengandung. Malahan lelaki tua itu tidak mahu bertanggungjawab dan telah mengugutnya untuk tidak membocorkan rahsia itu. Hal ini hanya terbongkar apabila Purani yang berbadan dua diketahui oleh ibunya.

Satu lagi watak tragis dalam novel *Mana U:nangal* ialah watak Pavalam. Dia juga telah menjadi mangsa Pasupathi dan telah meninggal dunia. Malahan dia telah melahirkan anak luar nikah dan tidak dapat berbuat apa-apa pada lelaki yang telah merosakkan hidupnya itu. Hal ini telah menjadikan kehidupan Pavalam begitu tragis dan tidak mendapat sebarang pembelaan dalam novel *Mana U:nangal*.

Punitha dalam cerita ini juga dilakarkan sebagai seorang watak yang tragis dalam novel *Mana U:nangal*. M.Ramaiah telah menggambarkan gadis yang berusia 11 tahun ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terpaksa menghadapi pelbagai cabaran kehidupan dan terpaksa menguruskan keluarganya setelah ibunya meninggalkan mereka. Dia terpaka berhenti sekolah untuk membantu bapanya. Sebagai seorang anak kepada guru, peluang untuk mendapat pelajaran bagi dirinya telah dihalang oleh bapa kandungnya sendiri. Dia juga kehilangan bapanya dan terpaksa bergantung hidup kepada kakak tirinya Parimalam dalam cerita ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai* terdapat watak tragis. Hal ini ketara melalui watak Vellama yang merupakan janda. Dia menjadi janda dalam usia yang muda dan terpaksa memikul tanggungjawab untuk menyara kehidupannya dengan bergantung kepada orang lain. Selain itu dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai* dia dilakarkan sebagai seorang wanita yang lemah dan tidak mampu membuat keputusan sendiri. Hal ini jelas apabila Thilagavathi menghadiri upacara pengkebumian suaminya dan dia menangisi mengenangkan nasibnya serta masa depan anak-anaknya. Hidupnya selepas itu bergantung kepada bantuan yang diberikan oleh Thilagavathi tersebut. Malah dia tidak bercita-cita tinggi dan hanya menurut arus sahaja. Hal ini jelas apabila dia meminta anak lelakinya mengambil alih urusan keluarga selepas menamatkan pelajarannya.

Dalam cerita ini juga isteri dan anak gadis Sangkaralingam turut menepati watak tragis. Anak gadis tersebut telah menjadi korban nafsu dua orang anak Veerasamy. Mereka telah merogol gadis yang berusia muda itu dan gadis tersebut telah ditempatkan di hospital. Namun demikian keluarga Veerasamy telah mengugut keluarga Sangkaralingam dan isterinya supaya tidak membawa isu ini ke muka pengadilan. Akhirnya anak gadis tersebut dan keluarganya tidak mendapat pembelaan kerana keluarga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tersebut telah menjadi mangsa kepada ketakutan kerana Veerasamy dan anak-anaknya telah menakutkan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tuntasnya, watak-watak tragis ini berperanan untuk pelbagai tujuan. Ada watak yang dicipta untuk menagih simpati daripada pembaca seperti watak Alamelu dalam novel *Ethir Vi:t:u*. Mereka ini juga dilakarkan sebagai golongan yang gagal dalam hidup seperti Pavalam dalam novel *Mana U:nangal*.

Selain itu, terdapat novel yang memperlihatkan kepada kita bahawa tindakan watak wanita yang tragis itu sebenarnya terjadi kerana mereka menjadi mangsa keadaan di luar kawalan mereka seperti watak Sugumari dalam novel *Cangkamam*. Kewujudan watak wanita yang tragis ini turut berperanan untuk mendedahkan iktibar kepada pembaca untuk menghindari tingkah laku yang merugikan diri kita.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1.8 Rumusan Jenis Watak Positif, Negatif dan Tragis

Secara ringkasnya dalam tujuh buah novel ini terdapat 26 watak wanita yang positif. Dalam novel *Al:akin A:rathanai* terdapat empat watak positif, lima dalam novel *Nheruppu Cunai* dan novel *Ethir Vi:t:u*, empat watak dalam novel *Cangkamam* dan *Payan:angkal: Mut:ivathillai*, dua watak wanita positif dalam novel *Vil-alum Nhi:rum* dan *Mana U:nangal*. Jika dilihat dalam bentuk peratusan 47.27 peratus watak wanita dalam kesemua novel ini dapat dikategorikan sebagai watak positif. Seramai 18.18

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peratus watak lain pula terdiri daripada watak negatif. Dalam novel *Nheruppu Cunai* terdapat dua watak negatif, novel *Cangkamam* dan *Payan:angkal: Mut:ivathillai* satu manakala *Vil-alum Nhi:rum* dan *Ethir Vi:t:u.* Tidak ada sebarang watak negatif wanita dalam novel *Mana U:nangal* dan *Al:akin A:rathanai.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3

Jenis Watak Positif, Negatif dan Tragis Wanita dalam Setiap Novel

Novel	Jenis	Watak	Bilangan	Peratusan
Al:akin A:rathanai	Positif	Malliga gadis Serani Tharmambal Sarala	4	67.67%
	Negatif	-	0	0 %
	Tragis	Latha Vasugi	2	33.3%
Novel Nheruppu Cunai	Positif	Kamalaveni Mathavamegalai Valarmathi Annapurani Kavitha	5	62.50%
	Negatif	Thirumeni Sumathi	2	25.00%
	Tragis	-	0	0%
	Tidak Jelas	Kalavathi	1	12.50%
Cangkamam	Positif	Mullai @ Lean Moi Puan Chee Khoon Manggalam Annapoorani	4	57.14%
	Negatif	Rokiah	1	14.29%
	Tragis	Sugumari Ibu Vellu.	2	28.57%
Payan:angkal: Mut:ivathillai	Positif	Thilagavathi Valli Pongkoothai Purani	4	50.00%
	Negatif	Kavita	1	12.50%
	Tragis	Vellama anak Sangkaralingam isteri	3	37.50%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

		Sangkaralingam		
Ethir Vi:t:u	Positif	Porkodi Sunthari Vasugi Malligai Malliga	5	50.00%
	Negatif	Valli Mogini Cellammah	3	30.00%
	Tragis	Alamelu	1	10.00%
	Tidak Jelas	tuan rumah sewa Porkodi	1	10.00%
Vil-alum Nhi:rum	Positif	Kayalvizhi Tamarai Vasugiamma Sita	2	22.22%
	Negatif	Kanniamma Sin Moi	3	33.33%
	Tragis	-	0	
	Tidak jelas	Kalaiselvi Vishalini Kavitha	4	44.45%
Mana U:nangal	Positif	Vedha Nenek Parimalam	2	28.53%
	Negatif	-	0	0%
	Tragis	Parimalam Pavalam Purani Sellamma Puntiha	5	71.43%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jika dilihat akan jenis watak tragis pula terdapat dua watak wanita dalam novel *Al:akin A:rathanai* dan *Cangkamam*, tiga watak dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai*, satu dalam *Ethir Vi:t:u* dan lima watak wanita tragis dalam novel *Mana U:nangal*. Peratusannya ialah 23.64 peratus. Novel *Nheruppu Cunai* dan *Vil-alum Nhi:rum* tidak memperlihatkan jenis watak tragis. Terdapat enam watak yang tidak dapat dikesan jenis wataknya kerana pelakarannya tidak jelas dan watak tersebut tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkembang dengan baik dalam novel tersebut. Umpamanya dalam novel *Nheruppu Cunai* watak anak buah Kamaleveni, Kalavathi juga tidak berkembang dengan baik dalam cerita ini dan kita tidak dapat mengesan jenis wataknya dalam perkembangan cerita.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4


Perincian Jenis Watak Positif, Negatif dan Tragis Wanita dalam Setiap Novel

Novel	Positif	Negatif	Tragis	Tidak Jelas	Jum Watak Wanita
Al:akin A:rathanai	4	0	2	0	6
Novel Nheruppu Cunai	5	2	0	1	8
Cangkamam	4	1	2	0	7
Payan:angkal: Mut:ivathillai	4	1	3	0	8
Ethir Vi:t:u	5	3	1	1	10
Vil-alum Nhirum	2	3	0	4	9
Mana U:nangal	2	0	5	0	7
Jumlah	26	10	13	6	55
Peratusan Jenis Watak	47.27%	18.18%	23.64%	10.91%	100%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun pt

Berikut merupakan peratusan jenis-jenis watak wanita dalam tujuh buah novel pilihan M.Ramaiah dalam bentuk rajah. Kebanyakan wataknya terdiri daripada watak positif. Hal ini mungkin terjadi kerana pengarang ingin mendidik pembaca tentang watak wanita yang diinginkan oleh golongan lelaki dan agak menonjol dalam pemikiran masyarakat India.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.2. Peratusan Jenis Watak Positif, Negatif Dan Tragis Wanita Dalam 7 Buah Novel

Daripada perbincangan jelas kelihatan bahawa jenis watak yang menggunakan kerangka Ungku Maimunah kelihatan lebih menarik. Peratusan wanita bersifat positif adalah lebih daripada 47 peratus. Hal ini menarik kerana sebagai seorang penulis lelaki gambaran ini memberi petanda kepada kita akan keinginan M.Ramaiah untuk menunjukkan golongan wanita sebagai golongan yang positif. Hal ini mungkin didorong oleh keinginan penulis untuk memberi didikan positif kepada golongan pembaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Analisis Citra Kedudukan Wanita

Jika ditinjau dari sudut Teori Wolf novel *Al:akin A:rathanai* ini memberi perhatian kepada harga diri peribadi dan harga diri wanita. Namun demikian penekanannya dalam

sudut yang negatif. Sebagai seorang penulis lelaki, M.Ramaiah telah memberi didikan kepada pembaca bahawa betapa pentingnya wanita memelihara harga dan maruah diri. Latha digambarkan kehilangan haknya dalam masyarakatnya setelah didapati mengandung. Latha cuba menuntut hak tersebut untuk dirinya tetapi dia gagal untuk menegakkannya ataupun membetulkan balik keadaan. Jelaslah bahawa Latha dicitrakan sebagai wanita yang mencari emansipasi yang lantang mempersoalkan hak serta kepentingan diri tetapi dia kecundang dalam kehidupannya. Secara ringkasnya, berikut ialah ciri-ciri watak wanita yang tersuguh dalam novel ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5

Perincian Jenis Watak Wanita dalam Novel Al:Akin A:Rathanai

Watak	Feminisme mangsa	Feminisme kekuasaan
Latha	/	**X**
Malliga	/	/
Vasugi	/	**X**
Tharmambal	/	**X**
Sarala	/	**X**
Gadis Serani	**X**	/
Jumlah	**5**	**1**

/ Ada ciri ini
x Tiada ciri ini

Daripada jadual ini jelas kelihatan bahawa lima watak wanita yang dilukiskan oleh M.Ramaiah dalam novel *Al:akin A:rathanai* ini jelas cenderung ke arah feminisme mangsa. Kesemua mereka memperlihatkan bahawa mereka itu menjadi mangsa. Latha dicitrakan menjadi mangsa kepada kerakusan nafsu lelaki. Manakala Vasugi pula

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terpaksa akur dengan keadaan dan menagih simpati dengan Ragunathan untuk menerima anaknya yang sedang mengandung itu. Tharmambal pula terpaksa mengikut rentak keinginan anak lelakinya. Dia tidak dapat berbuat apa-apa dan mempengaruhi anaknya malah terpaksa menerima hakikat semua keputusan itu terletak di tangan anaknya itu. Sarala walaupun tidak digambarkan secara terperinci, menunjukkan kepada kita bahawa dirinya turut menjadi mangsa keadaan kerana menerima perkahwinan yang diatur oleh keluarganya.

Malliga juga tunduk kepada suaminya Sivabalan walapun dia mengetahui perkara sebenar itu. Dia tidak dapat menentang pendirian dan pendapat suaminya itu. Hal ini ketara semasa suaminya yang takut dengan ketajaman mulutnya mengambil keputusan untuk meninggalkannya di rumah semasa pergi ke rumah Ragunathan. Malliga menyatakan hasratnya untuk mengikutnya bersama tetapi dilarang oleh suaminya itu. Namun demikian adakalanya dia kelihatan menunjukkan kuasanya terhadap suaminya. Suaminya Sivabalan pula sering takut kepada pendapat yang dilontarkan oleh isterinya itu. Berikut ialah rumusan perwatakan watak wanita.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4. 6.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rumusan Perwatakan Watak Wanita dalam Novel Al:Akin A:Rathanai

Perincian	Latha	Malliga	Vasugi	Tharmambal	Gadis Serani	Sarala
Wanita dan lelaki adalah sama.	/	**x**	**x**	**x**	*	*
Wanita berhak menentukan nasib dirinya	/	**x**	**x**	**x**	/	**x**
Setiap pengalaman yang dilalui mempunyai makna	/	/	**x**	**x**	*	*
Wanita berhak mengungkapkan kebenaran pengalaman	**x**	/	**x**	**x**	/	*
Wanita berhak untuk menerima segala-galanya hak mereka wanita	/	**x**	**x**	**x**	/	*

/ *Ada ciri ini*
x *Tiada ciri ini*
* *Tidak ada ciri ini*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jika ditinjau dari sudut watak-watak dalam novel *Al:akin A:rathanai* ini kelihatan menjadi mangsa melalui lakaran M.Ramaiah mengikut konteks Wolf (1994). Peranan mereka terutamanya watak Latha dipandu oleh matlamat untuk menegakkan pendirian dirinya serta menekankan kezaliman-kezaliman yang berlaku ke atasnya dalam proses dia menuntut hak-hak dirinya itu. Malahan dalam novel ini, M.Ramaiah telah menekankan peranan wanita sebagai golongan yang lemah dan hanya digunakan untuk memenuhi naluri lelaki. Wanita seolah-olah tidak mempunyai hak dan perlu mengemis kepada lelaki untuk bertanggungjawab. Hal ini jelas menunjukkan bahawa bagi M.Ramaiah percaya bahawa golongan wanita tidak mempunyai kesetaraan dengan lelaki. Mereka tewas kepada meritokrasi hierarki sosial yang dikuasai oleh golongan lelaki.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal inilah yang mendorong kepada aksi agresif Latha untuk menundukkan golongan lelaki tersebut dalam cerita ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan watak wanita dalam novel ini M.Ramaiah menggesa pembaca membuat perbandingan tentang kedudukan wanita dalam masyarakat yang tidak bersuara dan selalu dijadikan mangsa kepada keadaan. Hal ini amat ketara melalui watak Latha. Dalam novel ini Latha mewakili golongan wanita yang menjadi mangsa keadaan. Watak ini juga menjadi lambang kebangkitan wanita melawan dan bersuara lantang menolak kemahuan dan mengikut telunjuk lelaki.

Dalam konteks novel *Al-akin A:ra:thanai* watak Latha ingin membuktikan kepada kekasihnya yang dia boleh berjaya. Wujudnya prinsip-prinsip "*disobedience*" atau ingkar yang secara tidak langsung meletakkan wanita pada tahap yang lebih berani bersuara berbanding wanita lain di dalam novel ini. Konsep ini bersifat politik kerana dengan mencabar wacana patriarki jelas kepada kita watak M.Ramaiah dalam novel *Al-akin A:rathanai* lebih terbuka terhadap pembentukan dan perwatakan wanita kontemporari. Ramaiah menekankan keperluan individu wanita itu lebih penting daripada kesannya semasa mereka menghadapi cabaran serta mengambil langkah untuk menuju ke arah keinginan peribadi mereka. Pendekatan feminis menegaskan bahawa kekuatan wanita dikaitkan dengan kecekalan dan keras hati. Latha yang menolak tanggapan Ragunathan dan mengharungi keinginannya tanpa sebarang kekesalan. Pendekatan Feminisme melihat kekuatan M.Ramaiah melalui watak ini dalam usaha meneguhkan kekuasaan dan autonomi dalam merealisasikan impiannya. Namun demikian secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sinisnya pengarang mengkritik watak wanita yang telah dijadikan boneka dalam aspirasi mereka untuk mengukuhkan kedudukan mereka. Watak Latha dalam novel ini telah menunjukkan bahawa wanita telah diperalatkan oleh lelaki untuk kepentingan, kedudukan dan keinginan mereka. Malahan tindakan Ragunathan yang meminta doktor supaya tidak menggugurkan kandungan Latha untuk mengajar Latha menyuguhkan hakikat ini.

Watak wanita dalam novel *Al-akin A:ra:thanai* ini terpaksa akur kepada keadaan patriaki dan tersungkur demi memenuhi tuntutan mereka demi tanggungjawab sosial kepada negara serta masyarakat. Doktor Gurumurthi telah menggunakan keadaan Latha demi memenuhi nafsunya. Latha dalam novel ini digambarkan sebagai contoh penolakan wanita terhadap penindasan dan konvensional. M.Ramaiah menyelitkan watak wanita yang berani dan tidak akur kepada dominasi patriarki. Namun begitu di sebalik imej positif tersebut akhirnya pengarang masih terikat kepada pandangan patriaki yang menjatuhkan hukuman kepada watak Latha yang telah mempersoalkan dan menentang tanggapan tradisi. Watak Latha telah tewas kepada lelaki dan hal ini, memaparkan serta mengungkapkan kepada kita perihal penindasan wanita yang sering kali diperalat dan ditindas oleh patriarki. Takdir Latha dimanipulasikan dan dia mewakili imej sebagai wanita yang menerima nasib seadanya kerana berani dan lantang bersuara terhadap aturan tradisi.

> *“Ä¾¡, ´Õ ¸¡Äò¾¢ø ¯ý¨É ¿¡ý Å¢ÕõÀ¢ÂÐ ¯ñ¨Á.*
> *Á¨ÉÅ¢Â¡ ²òÐì¸ò ¾Â¡Ã¡ þÕó¾Ðõ*
> *¯ñ¨Á. ¬É¡ø,þô§À¡ ¿£ «ÐìÌ«Õ¸¨¾Â¡Å¡*
> *þÕì¸¢§È? ¯ý¨É ´Õ ¾Ì¾¢ÔûÇ Á¨ÉÅ¢Â¡ ¬ì¸¢ì¦¸¡ûÇ*
> *¿£ ¿¢¨Éîº¢Õó¾¡ ±ý§É¡Î µ÷ þÃ¨Åì ¸Æ¢îº¢ÕôÀ¢Â¡?*
> *«Ð×õ ²§¾¡ý Ú ì¸¡ (ɒπ.@ɾπ∞ɒɯɯπ:1992: 161)*

Latha, pada satu ketika saya cintakan kamu. Saya bersedia untuk

> Menerima kamu sebagai isteri saya. Tetapi, sekarang adakah kamu layak untuk itu? Jika kamu ingin menjadi seorang isteri yang terhormat, adakah kamu sanggup bermalam satu hari dengan saya.
>
> (M.Ramaiah:1992:161)

Novel *Al-akin A:ra:thanai* ini secara ringkasnya melihat wanita sebagai golongan yang membawa didikan kepada pembaca. Malahan dalam novel ini jelas kepada kita M.Ramaiah telah meneguhkan kepada kita tentang stereotaip terhadap watak wanita. Mereka kelihatan tidak mempunyai pilihan mahupun hak membuat keputusan sendiri. Akibatnya mereka terpaksa "merelakan paksaan" kuasa patriaki dalam kehidupan mereka. Ternyata peristiwa Latha dijadikan alat pemuas nafsu sekali lagi menjadi tanda aras yang meletakkan kedudukan wanita sebagai alat atau barang yang diperdagangkan demi kepentingan golongan lelaki. Malahan isu Latha mengandung di luar ikatan perkahwinan meletakkan kedudukan wanita sebagai subordinasi. Masa depannya terpaksa digadaikan kerana wujud tanggapan tertentu terhadap wanita. Novel ini secara ringkasnya menyuguhkan kepada kita bahawa wanita tetap menghambakan diri demi kepentingan patriaki.

Melihat dari sudut Teori Wolf novel *Nheruppu Cunai* telah melihat wanita dalam keadaan yang masih inferior. Bagi M.Ramaiah wanita masih terikat kepada ketentuan takdir yang ditentukan oleh lelaki dan masyarakatnya. Hal ini memberi ruang kepada golongan wanita itu luntur harga diri peribadi dan harga diri wanita. Namun demikian M.Ramaiah telah menegaskan bahawa golongan wanita harus menerimanya demi kesejahteraan hidup. Hal ini jelas apabila Mathavamegalai terpaska akur kepada pandangan ibunya dalam pemilihan pasangan hidupnya. M.Ramaiah telah memberi

didikan kepada pembaca bahawa seorang gadis perlu mematuhi kehendak orang tuanya dalam membuat keputusan dalam hidupnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.7

Perincian Jenis Watak Wanita dalam Novel Nheruppu Cunai.

Watak	Feminisme mangsa	Feminisme kekuasaan
Mathavamegalai	/	/
Kamalaveni	**X**	/
Annapurani	/	**X**
Valarmathi	/	**X**
Sumathi	**X**	**X**
Kalavathi	**X**	**X**
Kavitha	/	/
Thirumeni	**X**	/
Jumlah	**4**	**4**

/ *Ada ciri ini*
x Tiada ciri ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada jadual ini jelas kelihatan bahawa empat watak wanita yang dilukiskan oleh M.Ramaiah dalam novel mempelihatkan feminisme mangsa. Mereka menjadi mangsa keadaan dalam perkembangan cerita ini. Mereka terdiri daripada Kavitha, Mathavamegalai, Annapurani, dan Valarmathi. Mathavamegalai telah menjadi mangsa kepada keadaan dalam isu perkahwinannya. Manakala Kavitha pula menjadi mangsa pandangan seorang kerana membantu kawannya dalam percintaannya. Annapurani pula menjadi mangsa kerana menantu pilihannya tidak menepati kehendak anaknya pada permulaan dan Valarmathi pula mangsa perangai suaminya itu. Akibat daripada keadaan ini mereka menghadapi masalah dalam kehidupan mereka. Mereka kelihatan tidak dapat mengatasi masalah ini dalam kehidupan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jika dilihat dari sudut kekuasaan, empat watak dalam cerita ini mendedahkan kepada kita, wujud feminisme kekuasan dalam novel *Nheruppu Cunai*. Hal ini ketara dalam watak Mathavamegalai apabila dia berani untuk menolak usaha kawannya setelah berkahwin. Dia juga tidak takut untuk menyatakan kepada suaminya tentang sejarah percintaan dirinya. Hal ini memperlihatkan dia sebagai seorang wanita yang progresif dan tidak gentar kepada apa-apa dalam hidupnya.

Malahan satu lagi watak yang menunjukkan kekuasan ialah watak Kamalaveni yang dari awal hingga akhir cerita jelas memberikan pembaca gambaran bahawa dalam hidup dia tidak terpaut kepada mana-mana pihak. Malahan dia berada dalam keadaan untuk menonjolkan kekuasan dirinya dalam novel *Nheruppu Cunai*. Hal ini jelas apabila dia bertindak dengan berani dan tidak mudah menerima cemuhan pekerjanya. Malahan di rumah pun dia begitu berkuasa terhadap anak buahnya dengan mengarahkan dan memantau pergerakan dan perbuatan mereka. Kavitha juga boleh dikatakan sebagai wanita yang berani dalam cerita ini. Dia sanggup ke Melaka dan berdepan dengan Thriumeni dan Annapurani demi kawan rapatnya.

Jadual 4.8

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perincian Jenis Watak Wanita dalam Novel Nheruppu Cunai .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perjian	Kavitha	Kamalaveni	Mathavamegalai	Annapurani	Valarmathi	Thirumeni	Sumathi	Kalavathi
Wanita dan lelaki adalah sama.	**x**	**/**	**x**	**x**	**x**	**x**	*	*
Wanita berhak menentukan nasib dirinya	**/**	**/**	**x**	**x**	**x**	**x**	**/**	*
Setiap pengalaman yang dilalui mempunyai makna	**/**	**/**	**/**	**/**	**/**	*	*	*
Wanita berhak mengungkapkan kebenaran pengalaman	**x**	**/**	**x**	**x**	*	*	*	*
Wanita berhak untuk menerima segala-galanya hak mereka wanita	**/**	**/**	**x**	**x**	**x**	*	*	*

/ *Ada ciri ini*
x *Tiada ciri ini*
* *Tidak ada ciri ini*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual di atas jelas menunjukkan watak-watak dalam novel *Nheruppu Cunai* kelihatan menjadi mangsa melalui lakaran M.Ramaiah mengikut konteks Wolf (1994). Dalam novel *Nheruppu Cunai* hanya tiga watak yang dapat dilihat ada perlakaran yang mampu melihat wanita sebagai individu yang positif. Wanita dalam novel *Nheruppu Cunai* lebih cenderung kepada golongan yang akur kepada norma masyarakat dan tidak mampu melahirkan keperibadian individu mereka dengan jelas dan lantang. Suara-suara mereka tenggelam dalam kehendak masyarakat yang membataskan wanita sebagai golongan yang perlu akur dan setia kepada prinsip dan tradisi yang diwarisi dalam masyarakat mereka. Mereka disarankan tidak menentang kerana penentangan mungkin akan menimbulkan masalah. Malahan golongan yang akur kepada ketentuan-ketentuan ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diwarnakan sebagai golongan yang berjaya dan hidup dengan gembira. Hal ini sangat jelas melalui watak Methavamegalai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam novel *Nheruppu Cunai* M.Ramaiah menggesa kepada kita bahawa wanita adalah golongan yang perlu mengikut arus dan kehendak tradisi masyarakat mereka. Hal ini jelas melalui tindakan watak-watak yang digambarkan dalam novel *Nheruppu Cunai*. Umpamamanya, watak Mathavamegalai yang diwarnakan sebagai seorang anak yang mentaati ibunya. Mathavamegalai berasal dari keluarga yang miskin. Dia mencintai Nyanasegaran yang bekerja sebagai seorang pegawai. Ibu Mathavamegalai memarahinya selepas mendapat tahu percintaan anaknya dan tidak merestui hubungan tersebut. Dia memberitahu anaknya bahawa orang berada hanya bercinta untuk memenuhi masa lapang. Mathavamegalai menuruti keputusan ibunya dan menjadi isteri kepada suami yang dipilih oleh ibunya. Dalam cerita ini watak ini menyuguhkan kepada kita tentang kepentingan pemilihan pasangan dalam ikatan perkahwinan. Mathavamegalai sedar akan peranannya sebagai seorang anak dan isteri. Dia menjadi seorang anak dan isteri yang baik dan taat. Walaupun dia menjadi mangsa keadaan, dia kelihatan menerima itu sebagai takdirnya dengan mematuhi kemahuan ibunya dan mengikut kehendaknya. Hal ini amat ketara melalui watak tersebut. Sekali lagi dalam novel *Nheruppu Cunai* M.Ramaiah mencitrakan golongan wanita yang menjadi mangsa keadaaan.

Beban psikologi akibat cemburu juga dilahirkan dalam diri watak wanita. Hal ini ketara melalui watak Sumathi dalam novel *Nheruppu Cunai* yang terlalu cemburu akan kedudukan Kavitha yang mendapat perhatian istimewa ketua mereka kerana dia dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kekasihnya adalah rakan yang baik. Akibatnya dia melontarkan pelbagai tohmahan dan desakan kepada Kavitha yang keterlaluan. Hasilnya wanita menjadi mangsa kepada diri wanita itu sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, persepsi wanita menjadi mangsa wanita lain juga jelas melalui watak Thirumeni yang cuba menyogokkan kehendaknya kepada anaknya. Akibatnya anaknya terpaksa menuruti kehendak ibunya. Walaupun pada mulanya kelihatan yang anaknya menyesali perbuatan ibunya tetapi akhirnya dia telah melihat tindakan ibunya itu sebagai satu rahmat kepada hidupnya. Suara-suara wanita sebagai golongan yang menghalang wanita lain jelas kelihatan dalam novel *Nheruppu Cunai.*

Novel *Nheruppu Cunai* juga menunjukkan kepada kita bahawa wujud pertembungan ego antara lelaki dengan perempuan. Hal ini ketara dalam watak Kamalaveni dengan abang iparnya. Abang iparnya kurang menyenangi Kamalaveni kerana dia jelas dapat melihat kekurangan dalam dirinya kerana Kamalaveni begitu berkuasa dalam kehidupannya. Akibatnya dia tidak membenarkan Kamalaveni mengharungi cita-cita untuk berkahwin dengan mudah dan mencari pelbagai helah untuk memutuskan hubungan mereka. Seorang gadis juga ditonjolkan dalam novel *Nheruppu Cunai* sebagai golongan yang mampu menerima apa jua yang telah ditentukan oleh orang lain. Keadan ini telah diselitkan oleh pengarang dalam diri watak yang berpelajaran. Contohnya, Annapurani meluahkan niatnya untuk mengahwinkan Kamalaveni dengan anaknya. Kamalaveni menerima lamaran tersebut. Namun demikian selepas mengetahui bahawa Nyanasegaran mencintai gadis lain, Kamalaveni berusaha untuk menyatukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka. Namun demikian dia gagal dalam usahanya. Hal ini kerana, gadis tersebut telah berkahwin dengan orang lain. Kesopanan Kamaleveni telah menarik perhatian Nyanasegaran. Dia berubah hati dan bersetuju untuk mengahwininya. Kamalaveni merupakan seorang gadis yang baik serta disenangi oleh ibu mentuanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari perspektif yang berbeza jika novel *Cangkamam* ditinjau dari sudut Teori Wolf novel *Cangkamam* turut menyentuh maruah golongan wanita. Pembaca kelihatan dididik oleh M.Ramaiah untuk memelihara kewanitaan dan perlu menjaga hubungan dengan golongan lelaki. Hal ini demikian kerana wanita yang terbabas dari landasan ini akan menemui kegagalan dan menerima musibah jika tidak menghayati hal ini. Dalam novel *Cangkamam,* Rokiah, Sugumari, Annapoorani dan Ibu Vellu menjadi mangsa kerana tidak mampu menghadapi asakan golongan lelaki. Mereka juga terlalu tunduk kepada golongan lelaki sehingga mereka dijadikan sebagai mangsa oleh golongan lelaki. Jelas kelihatan feminisme mangsa dalam novel *Cangkamam* dalam empat watak wanita ini. Mereka menerima pelbagai kesan daripada pendominasian dunia lelaki dalam kehidupan mereka. Mereka kecundang dan tertewas akibat kerakusan golongan lelaki.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mullai, Puan Chee Khoon, Manggalam pula menunjukkan mereka ini tergolong dalam kategori watak feminisme kekuasaan. Mereka menunjukkan diri mereka ada kuasa untuk menentukan pendirian mereka. Manggalam dapat mengawal anak lelakinya dan pendapat serta nasihat yang diberikan itu diterima oleh anaknya, Gunalan. Mullai juga dapat mempengaruhi bapa tiri, datuk dan abangnya untuk memberi peluang kepada Gunalan untuk menjawat jawatan dalam syarikat mereka. Puan Chee Khoon juga dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempengaruhi pendirian suaminya setelah dia mendengar hasrat dan termakan hasutan Selvamani. Malahan Watak Sugumari juga menunjukkan kekuasanan dalam novel Cangkamam dengan mempengaruhi ramai lelaki menerima dan tunduk kepada kehendaknya namun kuasa itu ditonjolkan dari aspek negatif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.9

Feminisme Mangsa dan Feminisme Kekuasaan dalam Novel Cangkamam

Watak	Feminisme mangsa	Feminisme kekuasaan
Mullai	**X**	/
Manggalam	**X**	/
Sugumari	/	/
Rokiah	/	**X**
Puan Chee Khoon	**X**	/
Annapoorani	/	**X**
Ibu Vellu	/	**X**
Jumlah	**4**	**4**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

/ Ada ciri ini
x Tiada ciri ini

Daripada jadual ini jelas kelihatan bahawa tujuh watak wanita yang dilukiskan oleh M.Ramaiah dalam novel ini mempunyai kecenderungan yang pelbagai. Mereka menjadi mangsa dan juga menunjukkan kekuasaan dalam novel *Cangkamam.*

Jadual 4.10

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perincian Jenis Watak Wanita dalam Novel Cangkamam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perincian	Mullai	Manggalam	Sugumari	Rokiah	Puan Chee Khoon	Annapoorani	Ibu Vellu
Wanita dan lelaki adalah sama.	**x**	**x**	**x**	**x**	**x**	**x**	**x**
Wanita berhak menentukan nasib dirinya	**/**	**x**	**/**	**/**	**/**	**/**	*****
Setiap pengalaman yang dilalui mempunyai makna	**/**	**/**	**/**	**x**	**/**	*****	*****
Wanita berhak mengungkapkan kebenaran pengalaman	**x**	**x**	**/**	**x**	**x**	**x**	**x**
Wanita berhak untuk menerima segala-galanya hak mereka wanita	**x**	**x**	**/**	**x**	**x**	**x**	*****

/ *Ada ciri ini*
x *Tidak ciri ini*
* *Tidak ada ciri ini*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam novel *Cangkamam* watak wanita kelihatan terikat dengan norma masyarakat. Hanya Sugumari yang kelihatan cuba memberi kelainan dalam novel *Cangkamam* tetapi akhirnya pengarang telah menggagalkan watak ini kerana dia tidak mengikut arus yang ditentukan oleh pihak masyarakat. Selain itu, wanita juga cuba bertindak terhadap sesuatu yang diinginkan oleh mereka tetapi telah bertindak secara zalim dalam kehidupan mereka. Dalam proses ini mereka sanggup berbuat apa-apa sahaja demi mencapai cita-cita mereka. Hal ini ketara dalam watak Sugumari.

Dalam novel *Cangkamam* juga jelas kelihatan kepada kita bahawa M.Ramaiah berpendirian wanita tidak mempunyai kesetaraan dengan lelaki. Mereka tewas kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kuasa golongan lelaki. Bagi mereka, hidup yang bahagia adalah di domain rumah tangga dan mereka agak selesa dan melihat ini sebagai sesuatu yang sangat penting dalam kehidupan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam novel *Cangkamam* M.Ramaiah telah melihat watak wanita sebagai golongan yang hidup dalam dunia keluarga sahaja. Bagi mereka hidup di persekitaran rumah tangga adalah syurga. Lantas mereka perlu memelihara serta memuliakan kehidupan mereka dalam hal-hal yang berkaitan dengan rumah tangga. Berdasarkan watak wanita dalam novel *Cangkamam* M.Ramaiah menggesa pembaca mendukung nilai mulia ini demi kesejahteraan hidup golongan wanita. Hal ini jelas melalui watak Mullai dalam novel ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam novel *Cangkamam* juga M.Ramaiah menegaskan bahawa wanita yang bangun menentang golongan lelaki dan norma masyarakat akan menemui kegagalan. Hal ini jelas melalui watak Sugumari dan Rokiah. Rokiah yang cuba memikat Gunalan sanggup bersubahat dengan Sam Seng dan Selvamani tetapi hasratnya tidak kesampaian. Begitu juga dengan Sugumari yang juga menjadi lambang kebangkitan wanita melawan dan bersuara demi keinginan mereka.

Dalam novel ini juga watak Sugumari digambarkan mempunyai semangat perjuangan yang tinggi dan kuat setanding dengan golongan lelaki. Mereka tidak tunduk kepada kehendak tetapi lebih memikirkan pendirian mereka terhadap pembelaan semangat. Sugumari umpamanya telah berjuang dengan golongan lelaki untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempertahankan hak dirinya untuk mendapat pengiktirafan daripada Selvamani. Jika dinilai secara jelas, pengarang sememangnya ingin menonjolkan watak wanita sebagai pejuang dan membela nasib dirinya tetapi perjuangan yang dilakukan secara bergolok gadai itu tersungkur dalam kongkongan pemikiran yang bertentangan dengan tradisi masyarakat yang tidak mampu ditandinginya.

Dalam novel *Cangkamam* juga M.Ramaiah berpendapat bahawa individu wanita itu lebih penting semasa mereka menghadapi cabaran serta mengambil langkah untuk menuju ke arah keinginan peribadi mereka. Sepatutnya kekuatan wanita dilihat sebagai hasil kecekalan dan keras hati. Hal ini jelas melalui watak Sugumari yang begitu berani dan lantang meneguhkan kekuasaan dalam merealisasikan impiannya. Namun demikian secara sinisnya pengarang mengkritik watak wanita yang telah dijadikan boneka dalam memperjuangkan keinginan mereka.

Ringkasnya, dalam novel *Cangkamam* juga kita dapat melihat andaian bahawa watak wanita pada dasarnya ditindas. Dalam konteks ini pengarang mungkin ingin mendedahkan kepada kita bahawa kebebasan yang diinginkan oleh wanita bukanlah perjuangan perempuan terhadap golongan lelaki tetapi lebih kepada transformasi sistem dan struktur yang adil mengikut konstruksi sosial melalui proses sosial dan budaya sesuatu masyarakat.

Novel *Ethir Vi:t:u* juga agak menarik untuk dibicarakan dan ditinjau dari sudut Teori Wolf. Banyak yang dapat dikupaskan tentang watak wanita yang ditulis oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seorang penulis lelaki, M.Ramaiah. Wanita masih lagi dilihat sebagai simbol maruah dan terikat kepada domain rumah tangga mereka. Hak mereka banyak ditentukan oleh watak lelaki yang menjadi ketua keluarga mereka. Berikut merupakan rumusan tentang watak-watak wanita dalam novel *Ethir Vi:t:u*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.11

Feminisme Mangsa dan Feminisme Kekuasaan dalam Novel Ethir Vi:t:u

Watak	Feminisme mangsa	Feminisme kekuasaan
Porkodi	/	/
Alamelu	/	/
Mogini	/	/
Valli	/	**X**
Malligai	**X**	/
Vasugi	/	**X**
Cellammah	/	/
Sunthari	**X**	/
Malliga	**X**	/
tuan rumah sewa Porkodi	**X**	/
	6	**8**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

/ Ada ciri ini
x Tiada ciri ini

Watak Porkodi memperlihatkan kepada kita tentang watak feminisme mangsa dan feminisme kekuasaan. Dia telah menjadi mangsa ayahnya ynag tidak percaya bahawa wanita perlukan pendidikan dalam hidupnya. Malahan suaminya juga turut menyebabkan dia memendamkan keinginannya untuk bekerja dan memenuhi hasrat ibunya itu. Malahan feminisme kekuasaan jelas apabila dia sanggup ke rumah Mohini yang merupakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seorang pelacur untuk menyelamatkan suami. Dia juga berjaya memujuk Mohini untuk menjadi saksi bagi pihak suaminya yang tidak bersalah. Kekuasaannya jelas apabila dia sanggup berdepan dengan seorang peguam yang terkenal kerana keadaan memaksanya untuk membela suaminya yang telah diperangkap oleh Kannan. Namun feminisme kekuasaan yang ditunjukkan oleh Porkodi perlu lebih lantang kerana dia seorang wanita yang terpelajar dan merupakan seorang peguam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *þÐ ±ý Å¡úì¨¸§Â¡Î þ¨½ó¾ ºõÀÅÁ¡Â¢ü§È. þ¾üÌ ¿¡ÉýÈ¢§ÅÚ Â¡÷¾¡ý «ì¸¨È ±ÎòÐì ¦¸¡ûÅ¡÷¸û.¾ý ¸½Å¨É º¢¨ÈÂ¢ø þÕóÐ ¦ÅÇ¢Â¡ìÌ¸¢È¡û.* (மா.இராமையா*:1976:110)*
>
> Ini adalah situasi yang berhubung dengan kehidupan saya**.** Selain saya**,** siapa yang akan mengambil berat**.** Dia mengeluarkan suaminya dari penjara**.** (M**.**Ramaiah**:**1976**:**110)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Alamelu, Mogini, Valli, Malligai, dan Cellammah turut menjadi citra wanita yang menjadi mangsa. Alamelu menjadi mangsa kemiskinan akibat tidak memiliki pelajaran dalam hidupnya. Manakala Mohini pula menjadi mangsa kerana terperangkap kepada cinta Kannan sehingga ditipu untuk meninggalkan suaminya. Malligai pula menjadi mangsa kepada penderaan pembantu rumah yang melihat dirinya itu satu bebanan. Watak Cellamah pula menjadi mangsa kerana terpengaruh dengan kehidupan bandar dan ingin kelihatan seperti seorang wanita bandar. Dalam novel *Ethir Vi:t:u* watak Sally, Mohini dan Valli menyuguhkan kepada kita tentang betapa pentingnya wanita India memelihara harga dan maruah diri. Tanpa hak ini mereka dilihat sebagai golongan yang sumbang dan tidak dihormati oleh masyarakat. Valli terpaksa dipecat kerana tindakannya yang di luar batas norma masyarakat yang sanggup mendedahkan tubuhnya kepada lelaki.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akibatnya dia telah dihalau dari rumah Suntareshan.Valli cuba menuntut perhatian kekasih hatinya tetapi tindakannya gagal untuk menarik perhatian lelaki yang dicintainya malah dia dilihat sebagai wanita yang tidak memiliki maruah.

Watak Alamelu, Mogini, Malligai,Vasugi, Cellammah, Sunthari dan Malliga turut memperlihatkan kepada kita tentang watak wanita dalam novel *Ethir Vi:t:u* ini menunjukkan ciri-ciri wanita yang ada kekuasaaan. Alamelu dengan lantang menentang hasrat suaminya yang ingin memberhentikan pelajaran anak perempuan mereka. Dengan lantang dan berani dia sanggup menentang suaminya serta terpaksa menanggung keseluruhan kos pelajaran anaknya. Hal ini menunjukkan bahawa wanita mengikut M.Ramaiah perlu berjuang dengan kepentingan pelajaran. Malligai juga menentang Valli yang cuba menderanya walaupun dia menjadi mangsa pukulan Valli. Akhirnya dia berjaya membongkar perbuatan Valli ini kepada abangnya sehingga Valli dipecat. Begitu juga dengan Vasugi yang menunjukkan kuasanya terhadap Vellapan, Porkodi dan Valli yang kemudiannya menjadi pembantu rumah. Kekuasaan yang ada pada watak Vasugi ini merupakan tempiasan daripada kedudukan suaminya sebagai seorang peguam terkenal. Hal ini memberikan kuasa kepada Vasugi. Kuasa yang diberikan oleh M.Ramaiah ini kepada watak Vasugi jelas kelihatan sebagai ehsan daripada kedudukan suaminya.

Watak Porkodi dicitrakan sebagai wanita yang mencari emansipasi tetapi mengikut acuan budaya masyarakat India. Dia tidak menentang suaminya mahupun ayahnya. Kesabarannya telah menjadi pemangkin untuk dirinya mengecapi kebebasan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tersebut. Apabila maruah suaminya tercagar dengan lantang dia mempersoalkan ketidakadilannya itu. Akhirnya dia berjaya kerana perjuangannya tidak menentang norma masyarakat. Dalam konteks ini M.Ramaiah lebih selesa jika seseorang wanita menggunakan kebebasan yang ada padanya untuk kepentingan diri dan keluarga mereka apabila terdesak sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.12

Perincian Jenis Watak Wanita dalam Novel Ethir Vi:t:u

Perincian	Porkodi	Alamelu	Mogini	Valli	Malligai	Vasugi	Cellammah	Sunthari	Malliga	tuan rumah sewa Porkodi
Wanita dan lelaki adalah sama.	**X**	**X**	**X**	**X**	**X**	**X**	**X**	*	*	*
Wanita berhak menentukan nasib dirinya	**x**	**X**	/	**X**	**X**	**X**	*	/	**X**	*
Setiap pengalaman yang dilalui mempunyai makna	/	/	**X**	**X**	**X**	**X**	**X**	*	*	*
Wanita berhak mengungkapkan kebenaran pengalaman	/	**X**	**X**	**X**	**X**	**X**	**X**	*	*	*
Wanita berhak untuk menerima segala-galanya hak mereka wanita	**X**	**X**	**X**	**X**	**X**	**X**	/	*	*	*

Jika ditinjau dari segi aspek kejiwaan dalam novel *Ethir Vi:t:u* M.Ramaiah menampilkan satu pergelutan jiwa seorang gadis bernama Porkodi. Dirinya sentiasa mendapat cabaran daripada golongan lelaki. Pada peringkat awal dia tidak dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyambung pelajarannya kerana ayahnya tidak merestui keinginannya kerana ayahnya Vellapan berpendirian bahawa seorang gadis tidak perlu belajar tinggi kerana dia perlu menjadi suri kepada seeorang lelaki. Malahan selepas berkahwin dia pula tidak dapat mengaku kepada suaminya kerana memahami hasrat hati mereka yang tidak ingin wanita bekerja. Akibatnya Porkodi sering dibumbui resah jiwa lantaran tersepit antara keinginan dengan memenuhi harapan mereka. Dia terpaksa memendamkan hasrat hatinya untuk meneruskan cita-citanya malah sanggup merahsiakan daripada semua orang sehingga keadaan mendesaknya. Lagi pun dia hanya tampil untuk berhujah di mahkamah selepas usahanya untuk mendapat peguam pembela untuk suaminya terhalang.

Antara pemikiran yang dapat dilihat dalam novel *Ethir Vi:t:u* ialah Alamelu yang merupakan ibu kepada Porkodi mempercayai pelajaran adalah sangat penting untuk seseorang gadis telah berjaya menguruskan perbelanjaan dan memenuhi keperluan keluarganya. Alamelu berhasrat untuk menjadikan anaknya seorang peguam yang termashyur seperti majikannya Vananggaamudi. Untuk memenuhi hasrat hatinya Alamelu telah mempersiapkan diri sejak awal-awal lagi untuk membiayai pendidikan Porkodi agar anaknya tidak perlu berhadapan dengan masalah kewangan ketika belajar di institusi pengajian tinggi. Tindakannya boleh diibaratkan dengan peribahasa sediakan payung sebelum hujan. Gaji suaminya juga dikirim untuk membiayai pendidikan anaknya. Alamelu bekerja dengan gigih tanpa mempedulikan kesihatannya dengan harapan dapat memenuhi hasrat hatinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dia juga tidak menghiraukan pandangan suaminya yang menyatakan wanita tidak perlu diberikan peluang dalam pendidikan. Pengorbanan Alamelu mencapai tahap kemuncak apabila dia enggan memaklumkan kepada anaknya tentang keadaan kesihatannya. Dia bimbang Porkodi akan risau dan tidak dapat menumpukan perhatian dalam pelajarannya. Situasi ini merupakan refleksi perjuangan yang dihadapi oleh Alamelu dalam memberikan yang terbaik dalam kehidupan anaknya. Dia berjuang sehingga nafas terakhirnya bagi melihat hasrat hatinya untuk menjadikan anaknya seorang peguam. Porkodi belajar dengan gigih dan mendapat keputusan yang cemerlang. Dia juga berjaya menjadi seorang peguam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> “அம்மா.. நீ எந்த இலட்சியத்துக்காக உன் வாழ்வைப் பணயம் வைத்தாயோ அந்த இலட்சியம் இன்று நிறைவேறப் போகிறது.என்னை ஆசீர்வதித்து அனுப்பும்மா” பொற்கொடியின் கண்களிலிருந்துக கண்ணணீர் கடகலடவென்று உருண்டோடியது. பொற்கொடி தன் முந்தானையால் கண்ணீரைத் துடைத்துக் கொண்டாள்.(மா.இராமையா*:1967:107)*
>
> “ Mak... segala pengorbanan kamu akan menjadi kenyataan hari ini.Restulah saya mak**.** Air mata Porkodi berlinangan di pipinya**.** Dia mengesat air matanya dengan penghujung sarinya**.**
>
> (M**.**Ramaiah**:**1967**:**107)

Watak Mogini dalam novel *Ethir Vi:t:u* pula watak wanita yang sangat berani. Dia juga telah terpesong dalam kehidupannya dan sanggup mengharungi hidupnya sebagai seorang pelacur kerana keadaan. Malahan dia juga sanggup membantu Porkodi. Akhirnya, hasrat Mogini tercapai. Dia telah berjaya membawa Kannan ke muka pengadilan dan Kannan telah dipenjarakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Watak wanita juga digambarkan oleh M.Ramaiah sebagai golongan yang dahagakan kasih sayang. Hal ini ketara melalui Malligai ialah adik kepada Suntaresan. Dia telah kehilangan emaknya. Selepas kematian Alamelu, Porkodi telah mengambil tempat tersebut. Malligai telah didera oleh orang gajinya. Orang gaji tersebut tidak memenuhi keperluan Malligai. Malligai memberitahu hal ini kepada Porkodi dan juga abangnya. Dia juga telah memberitahu Velappan bahawa orang gaji itu bukan isteri kepada Suntaresan. Dia menganggap Porkodi sebagai kakak iparnya selepas menjelaskan kebenaran mengenai penipuan orang gaji tersebut. Malligai hidup dengan gembira bersama Porkodi. Dia mendapat kasih ibu dalam bayangan Porkodi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, wanita juga digambarkan sebagai golongan yang berani untuk membuat apa-apa sahaja demi mencapai cita-cita mereka. Hal ini ketara dalam watak Valli dan Sally. Valli merupakan orang gaji Suntaresan yang bekerja di rumahnya sepenuh masa. Dia mula tertarik kepada Suntaresan dan bertindak untuk menggoda tuannya dengan pelbagai tingkah laku. Selepas mengetahui niatnya diganggu oleh kehadiran Porkodi, dia telah menabur fitnah kepada Porkodi dan cuba menguburkan niat Porkodi. Akhirnya komplot Valli diketahui oleh Suntaresan dan menghalaunya dari rumah dan ini menginsafkan Valli. Namun demikian dia telah diambil kerja oleh Vasugi dan Vananggaamudi. Semasa bekerja dengan mereka juga dia tidak menghentikan niat buruknya kerana kecewa dirinya telah ditolak oleh Suntaresan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Watak seterusnya ialah Cellammah atau Sally. Sally merupakan rakan sepejabat Suntaresan. Dilakarkan sebagai seorang gadis yang moden dan berfikiran terbuka. Dia sanggup menukarkan namanya untuk memberi imej baharu kepada dirinya.Dia tidak teragak-agak untuk bergaul bebas dengan rakan sepejabatnya. Sally juga dikatakan terlalu obses kepada kemodenan dan mementingkan kecantikan luaran.

Watak wanita juga digambarkan oleh M.Ramaiah sebagai golongan yang mengambil berat kepada masyarakat sekelilingnya. Vasugi dalam novel *Ethir Vi:t:u* yang merupakan isteri kepada Vananggaamudi seorang peguam terkenal. Dia begitu mengambil berat akan Alamelu yang bekerja untuknya. Vasugi digambarkan sebagai seorang wanita yang berhati mulia dan tidak memandang rendah kepada kedudukan orang. Dia telah berusaha untuk menjadikan Porkodi menantu adik iparnya dan senantiasa mengharapkan sesuatu yang baik kepada Porkodi.

Terdapat tiga lagi watak wanita yang tidak begitu menonjol dalam cerita ini. Mereka ialah tuan rumah sewa Porkodi di Kuala Lumpur yang tidak diberikan nama. Watak ini muncul di awal cerita dan digambarkan sebagai tokoh yang mulia dan baik hati. Di samping itu terdapat dua watak kawan Porkodi juga digambarkan dalam novel *Ethir Vi:t:u* iaitu Sunthari dan Malliga. Mereka merupakan rakan universiti Porkodi.

Jika kita meninjau novel *Ethir Vi:t:u* menggunakan Teori Feminisme yang dipelopori oleh Elaine Showalter, kita boleh katakan bahawa M.Ramaiah menulis cerita ini dengan niat untuk memberi pendidikan kepada golongan wanita. Tidak jelas watak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

wanita memperjuangkan untuk mendapatkan tempat yang setaraf dengan golongan lelaki. Hanya sedikit sahaja penentangan yang ditunjukkan oleh golongan wanita terhadap pendominasian patriaki dan seksisme yang menjadi penyebab ketidakadilan, dominasi dan subordinasi terhadap wanita.

Satu lagi unsur yang ketara dalam novel *Ethir Vi:t:u* ialah M.Ramaiah memberikan gambaran yang tidak tepat mengenai wanita. Ketidaktepatan itu berlaku kerana wujudnya salah faham dan '*misrepresentation'* tentang wanita oleh lelaki. Wanita dilihat begitu patuh dan merelakan golongan lelaki ini mendominasi kehidupan mereka. M.Ramaiah juga melihat bahawa wanita telah dijadikan dengan sifat-sifat rendah diri dan perlu menjadi suri teladan seperti yang telah digariskan oleh masyarakat dan sebarang tindakan untuk menentangnya akan membawa mala petaka kepada wanita seperti Mohini dan Valli dalam novel ini.

Dalam novel *Vil-alum Nhi:rum* kebanyakan watak kelihatan menjadi mangsa semata-mata. M.Ramaiah melihat mereka sebagai golongan yang sentiasa menjadi mangsa keadaan. Thamarai, dalam novel *Vil-alum Nhi:rum* iaitu kakak Kayalvizhi merelakan dirinya menjadi mangsa adiknya.

Semasa dia menumpang di bilik adiknya di Bangsar, Kayalvizhi melayannya dengan begitu hina sekali. Kemuncak kepada hal ini jelas apabila dia balik setelah melawat ibu bapanya di kampung. Kayalvizhi telah membuang semua barang kepunyaannya ke luar bilik dan tidak membenarkannya tidur di bilik sewa mereka. Dalam

keadaan ini Thamarai terpaksa tidur di luar dan menangis mengenangkan nasibnya. Malahan apabila ibunya ingin membela dirinya dia memberikan pelbagai alasan untuk meredakan kemarahan ibunya.

Kanniamah juga kelihatan menjadi mangsa keadaan dalam novel *Vil-alum Nhirum*. Dia telah menjadi mangsa pegawai kerajaan setelah suaminya menjadi lumpuh. Walaupun dia tidak merelakan keadaan itu tetapi dia terpaksa juga melaluinya sehingga hubungan luar nikah itu menghasilkan seorang anak kepada Kanniamah.

Kanniamah tidak mampu berbuat apa-apa kerana pada masa itu dia tidak dapat berbuat apa-apa kerana suaminya ditimpa penyakit dan mereka tidak dapat menentang kehendak pegawai tersebut kerana tidak berwang. Hanya kemarahan yang terbuku di hati Kannaimah dan hal ini jelas diluahkan kepada anak luar nikah itu.

Jadual 4.13

Feminisme Mangsa dan Feminisme Kekuasaan dalam Novel Vil-alum Nhi:rum

	Feminisme mangsa	Feminisme kekuasaan
Kayalvizhi	/	/

Tamarai	/	**X**
Yashoda	/	/
Kanniammah	/	/
Sita	/	**X**
Kalaiselvi	/	**X**
Sin Moi	**X**	/
Vishalini	**X**	/
Kavitha	**X**	**X**
Jumlah	**6**	**5**

/ Ada ciri ini
x Tiada ciri ini

Dalam novel *Vil-alum Nhi:rum* kebanyakan watak kelihatan menjadi mangsa.Sita dalam cerita ini juga diceritakan oleh M.Ramaiah menjadi mangsa kepada keadaan. Bagi Sita hidup ini perlu diharungi dengan menghormati norma masyarakat. Walaupun dia bercinta tetapi dia sanggup berusaha untuk mendapatkan restu ibu bapanya dalam hal perkahwinan. Percaturan hidupnya bergantung kepada konstruktusi sosial masyarakatnya yang diutamakan dalam masyarakat India. Malahan dia sanggup menghadapi tentangan ibunya yang lantang dan vokal yang berpendapat bahawa pilihannya itu salah. Malahan dia juga terpaksa mengemis kepada abang keduanya untuk tidak mendedahkan hal percintaannya kepada keluarganya kerana dia takut untuk berhadapan dengan ibunya yang bengis. Malahan setelah dipukul dan diherdik oleh ibunya dia berjanji bahawa dia hanya akan berkahwin setelah mendapat restu ibunya itu.

Kalaiselvi dalam novel *Vil-alum Nhi:rum* juga mengharungi hidup yang traumatik. Dia merupakan anak bongsu dalam keluarganya tetapi sangat rapat dengan kakaknya, Sita. Kalaiselvi merupakan wanita yang menjadi mangsa takdir. Sebagai seorang anak luar nikah dia tidak menerima layanan yang sepatutnya. Ibunya yang

membenci dirinya kerana menyalahkan Kalaiselvi untuk masalah yang menimpa hidupnya serta menjadi bukti kecurangannya itu. Lantaran itu, Kalaiselvi tidak mendapat kasih sayang yang secukupnya daripada ibunya. Malahan dia juga terpaksa menadah telinganya untuk mendengar sejarah hitamnya apabila abangnya telah bersemuka dan mengungkit tingkah laku ibunya yang melahirkan Kalaiselvi kepada lelaki lain. Jiwanya begitu terseksa antara mempercayai atau tidak mempercayai kata-kata abangnya itu.

Yashoda juga menjadi mangsa dalam novel *Vil-alum Nhirum*. Dia terpaksa melayan kerenah anak gadisnya yang terlalu bebas dan degil dengan pendirianya. Sebagai seorang ibu yang bertanggungjawab dan prihatin dia telah menjalankan kewajipannya tetapi dalam konteks anak bongusnya dia tidak dapat melenturkan budi pekerti seperti yang diinginininya. Hasil daripada didikan yang diberi, Kayalvizhi dalam menjawat jawatan yang baik dan hidup mewah. Namun demikian anaknya itu seolah-olah tidak mengenangkan jasa ibu bapa mereka dan menjadi duri dalam daging kepada keluarga mereka. Yashoda menjadi marah dan tidak berdaya membentuk anak gadisnya itu dengan acuan norma masyarakat yang sepatutnya.

Dalam konteks kekuasaan pula kita dapat lihat dalam novel *Vil-alum Nhi:rum* terdapat beberapa peristiwa yang menggambarkan kepada kita tentang kuasa golongan wanita. Kayalvizhi merupakan watak utama yang mempamerkan kuasa ini. Dia begitu bebas dan berdikari dalam tindakannya. Walaupun dalam novel *Vil-alum Nhi:rum* M.Ramaiah berpendapat kebebasan seumpama itu tidak akan menjadi aset kepada golongan wanita tetapi lebih menjadi liabiliti kepada mereka. Hal ini jelas melalui

tindakan Kayalvizhi yang memilih Kumaravellu sebagai suaminya. Akibat sikap terburu-burunya dia telah terperangkap dalam muslihat Kanniamah dan Kumaravellu yang cuba memperalatkannya itu. Namun demikian dia tidak berdiam diri dan berani menentang mereka dengan keluar dari rumah mereka serta memohon untuk mendapat perceraian daripada Kumaravellu. Kuasa Kayalvizhi juga jelas melalui tindakannya terhadap adiknya Saravanan yang tidak diendahkan serta dilayan seperti tidak penting dalam kehidupan. Malahan apabila Saravanan meminta kakaknya membantu ayahnya untuk melangsaikan hutangnya kerana menampung pelajaran, Kayalvizhi begitu berani berkata itu bukan tanggungjawabnya. Malahan pekerjanya Kavita turut takut kepada Kayalvizhi dan hanya mematuhi arahan yang diberikannya itu.

Sin Moi dalam novel *Vil-alum Nhi:rum* juga kelihatan begitu berkuasa. Hal in ketara apabila dia cuba menyingkirkan Kayalvizhi dari bilik sewanya dengan bersubahat dengan penyewa yang lain. Dia berjaya mempengaruhi tuan rumah mereka dan akhirnya menggunakan kuasa yang ada padanya itu untuk menundukkan Kayalvizhi. Pada mulanya Kayalvizhi telah membantunya tetapi dia tidak mengenangkan jasa tersebut tetapi menggunakan keadaan yang sedia ada demi kepentingan dirinya.

Dalam novel *Vil-alum Nhi:rum* Vishalini, tuan rumah sewa Kayalvizhi juga merupakan watak wanita yang menggunakan kekuasaannya. Dia tidak tunduk kepada rayuan Kayalvizhi setelah termakan dengan pujuk dan muslihat penyewa-penyewa yang lain. Vishalini merupakan seorang tuan rumah yang mengambil berat tentang adab dan

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

budi pekerti. Lantaran itu dia telah menggunakan kuasanya sebagai pemilik rumah untuk menghalau Kayalvizhi yang telah mencemarkan nama baik rumahnya.

Kanniamah juga merupakan seorang wanita yang berkuasa dalam novel *Vil-alum Nhirum*. Dia menguasai dengan sepenuhnya semua ahli keluarga di rumahnya. Suaminya yang telah menjadi lumpuh tidak mampu bersuara dan dilayan dengan begitu hina oleh diri Kanniamah. Malahan semua anaknya terpaksa menurut katanya sahaja dan dia tidak membenarkan sesiapapun untuk mempersoalkan kuasanya. Anak-anak gadisnya juga turut mendengar dan mematuhi semua arahan yang diberikan itu. Malahan Kayalvizhi pun pada suatu ketika terpaksa tunduk dengan kehendak Kanniamah kerana kuasa yang ada padanya begitu besar. Hal ini juga jelas apabila tembelang kecurangannya pecah, dia tidak takut tetapi menagih simpati dan menghasut anak sulungnya untuk bertindak liar terhadap anak keduanya yang cuba menentang kuasanya di rumah tersebut. Berikut ialah ciri-ciri watak wanita mengikut Wolf.

Jadual 4.14

Perincian Jenis Watak Wanita dalam Novel Vil-Alum Nhirum

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perincian	Kayalvizhi	Tamarai	Kanniammah	Sita	Yashoda	Kalaiselvi	Sin Moi	Vishalini	Kavitha
Wanita dan lelaki adalah sama.	/	**x**	/	**x**	**X**	**x**	/	*	*
Wanita berhak menentukan nasib dirinya	/	**x**	/	**x**	**X**	**x**	/	*	*
Setiap pengalaman yang dilalui mempunyai makna	/	/	/	**x**	/	**x**	*	*	*
Wanita berhak mengungkapkan kebenaran pengalaman		/	**X**	**x**		**x**	*	*	*
Wanita berhak untuk menerima segala-galanya hak mereka wanita	/	**x**	**X**	**x**	**X**	**x**	/	**X**	**x**

Dalam novel *Vil-alum Nhi:rum* M.Ramaiah cuba menabur bibit-bibit feminisme melalui watak utamanya, Kayalvizhi akan tetapi golongan wanita sentiasa menjadikan perkahwinan sebagai matlamat hidup mereka. Lantaran itu Kayalvizhi snaggup menerima Kumaravelu yang tidak berpelajaran dan memiliki pekerjaan yang tidak setara dengannya. Perjuangan yang cuba dihidupkan oleh Kayalvizhi ini harus difahami daripada intipatinya. Dia juga ingin berumah tangga seperti kawan-kawannya yang lain.

Golongan wanita juga digambarkan oleh M.Ramaiah dalam novel *Vil-alum Nhi:rum* sebagai golongan yang terburu-buru. Dalam novel *Vil-alum Nhi:rum* watak Kayalvizhi, Kanniamah dan Yashoda menunjukkan kepada kita bahawa wanita terlalu terburu-buru. Akibatnya mereka sering menjeratkan diri mereka sendiri dan mengeruhkan keadaan. M.Ramaiah juga secara halus menyarankan kepada golongan wanita untuk berfikir sebelum mengambil tindakan mereka. Perjuangan mereka tanpa memahami intipatinya bakal menjadi senjata yang memakan tuannya di kemudian hari.

Dalam novel ini juga M.Ramaiah cuba menyedarkan pembaca bahawa seorang gadis mampu membentuk seorang lelaki dewasa menjadi manusia yang berguna atau menghancurkan kehidupan lelaki tersebut. Hal ini ketara melalui watak Sita yang berjaya mengubah kekasihnya yang terlalu bebas dan tidak bertanggungjawab menjadi lelaki yang lebih matang dan berprinsip. Kuasa wanita ini digunakan oleh M.Ramaiah sebagai didikan kepada pembaca wanita untuk mengambil iktibar akan hakikat ini dalam memperbaiki golongan lelaki yang sering tersasar dalam hidup mereka. Malah ada juga wanita yang boleh menghancurkan kehidupan dan keharmonian hidup seseorang lelaki. Dalam hal ini M.Ramaiah telah menyedarkan kita betapa Kanniamah telah menghancurkan kehidupan suaminya dengan hubungan sulitnya. Hal ini turut disuguhkan oleh penulis untuk kita mengambil pendirian dalam hidup kita sama ada wanita itu mampu menjadi penjana yang positif atau pelentur kehancuran dalam kehidupan orang lain.

Parimalam dalam novel *Mana U:nangal* pun menunjukkan bahawa dia juga seorang gadis yang memiliki kekuasan untuk memilih pasangan hidupnya. Dalam konteks novel *Mana U:nangal* kuasa yang telah ditonjolkan oleh watak wanita yang terpelajar ini agak memakan dirinya sendiri kerana dia telah terperangkap dalam pilihan yang salah. Namun demikian dia bebas untuk bertindak tetapi dalam konteks novel *Mana U:nangal* tindakannya sebenarnya dimanipulasikan oleh Pasupathi. Sebenarnya watak ini lebih cenderung kepada wanita yang menjadi mangsa kepada golongan lelaki. Dia telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dipengaruhi oleh Pasupathi untuk kepentingan dirinya. Hal ini telah menimbulkan kemarahan neneknya tetapi Parimalam masih ingin membantu keluarga Pasupathi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam novel *Mana U:nangal* watak Punita juga menjadi mangsa golongan lelaki. Dia telah menjadi mangsa bapanya yang tidak bertanggungjawab dan hanya mementingkan dirinya sahaja. Gadis yang berusia 11 tahun ini terpaksa memikul tanggungjawab keluarga mereka dan tidak dapat menikmati peluang untuk mendapat pendidikan. Sebagai mangsa keadaan Punita tidak berusaha untuk membebaskan dirinya kerana dia tidak mampu. Hanya selepas mendapat perhatian Parimalam dia cuba melahirkan pendapatnya untuk mendapat bantuan Parimalam.

M.Ramaiah juga dalam novel *Mana U:nangal* melukiskan bahawa watak Pavalam sebagai mangsa kepada golongan lelaki. Pavalam telah kehilangan maruah dan masa depannya kerana telah dinodai oleh Pasupathi. Hal ini telah menyebabkan Parimala turut merasai tempiasannya sebagai seorang anak luar nikah. Akibatnya dia telah mengharungi pelbagai cabaran dalam kehidupannya. Gadis yang mudah terpengaruh dengan pujukan lelaki ini sebenarnya akan menjadi mangsa golongan lelaki. M.Ramaiah juga menyedarkan pembaca bahawa sebagai wanita mereka harus berhati-hati untuk menghadapi golongan lelaki seumpama ini.

Sellamma juga menjadi mangsa Pasupathi dalam cerita ini. Sebagai seorang wanita yang bekerja di estet dan tidak berpelajaran Pasupathi telah menggunakannya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk pelbagai tujuannya. Umpamanya dia terpaksa menjadi mangsa untuk melangsaikan hutang yang telah diambil oleh Pasupathi dengan menggadaikan barang kemasnya. Malahan dia juga telah menjadi mangsa nafsu Pasupathi yang pandai menggodanya. Dia tidak mampu membuat apa-apa kepada Pasupathi setelah mengetahui perbuatan Pasupathi terhadap anaknya dan sanggup membantu Pasupathi dengan membawanya ke hospital kerana takut masa depan anaknya akan terjejas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Purani juga menjadi mangsa golongan lelaki dalam novel *Mana U:nangal*. Dia telah kehilangan kegadisannya kerana telah diperangkap oleh Pasupathi di Kuala Lumpur. Keadaan ini telah meletakkan beban ke atas dirinya dan dia menjadi murung dan tidak berani untuk meluahkan rahsia itu kepada sesiapapun sehingga terbongkor. Dia menjadi gadis kampung yang tidak mampu menentang muslihat golongan lelaki yang cuba mengambil kesempatan terhadap golongan wanita yang lemah. Malahan Puranai digambarkan menderita akibat ketidakmampuannya itu.

Nenek Parimalam juga kelihatan sebagai wanita yang menjadi mangsa dan juga berkuasa. Dalam awal novel *Mana U:nangal* dia digambarkan sebagai seorang wanita tua yang terpaksa bergantung hidup kepada cucunya. Dia terpaksa tinggal dengan kenalan mereka di Layang-Layang sehingga Parimalam mencari tempat tinggal mereka. Malahan dia juga sudah tidak dapat melihat dengan baik. Hal ini menyebabkan dia terpaksa bergantung kepada orang lain. Dia juga telah menerima nasib yang menimpa anak gadisnnya serta menyara hidup cucunya yang lahir hasil hubungan luar nikah. Dia juga menunjukkan kekuasan dalam masa depan Parimalam. Walaupun kuasanya terbatas, dia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tetap ingin melihat lelaki pilihan Parimalam dan telah mengambil tindakan tidak mahu bersama dengan Parimalam selepas itu. Hal ini menunjukkan bahawa nenek mempunyai pendirian yang tersendiri dan sanggup mencari jalan keluar apabila dia tidak dapat menentukan kehendaknya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15

Feminisme Mangsa dan Feminisme Kekuasaan dalam Novel Mana U:nangkal

Watak	Feminisme mangsa	Feminisme kekuasaan
Parimalam	/	/
Vedha	/	/
Sellamma	/	**X**
Purani	/	**X**
Nenek Parimalam	/	/
Punitha	/	**X**
Pavalam	/	**X**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7 3

/ Ada ciri ini
x Tiada ciri ini

Daripada jadual ini jelas kelihatan bahawa lima watak wanita yang dilukiskan oleh M.Ramaiah dalam novel ini jelas cenderung ke arah feminisme mangsa.

Jadual 4.16

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perincian Watak Wanita dalam Novel Mana U:Nangal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perincian	Parimalam	Vedha	Selllamma	Purani.	Punitha	Pavalam	Nenek Parimalam
Wanita dan lelaki adalah sama.	**x**	**x**	**x**	**x**	**x**	**X**	**x**
Wanita berhak menentukan nasib dirinya	**/**	**/**	**x**	**x**	**x**	**X**	**x**
Setiap pengalaman yang dilalui mempunyai makna	**/**	**/**	**x**	**x**	**x**	**X**	**x**
Wanita berhak mengungkapkan kebenaran pengalaman	**x**	**/**	**x**	**x**	**x**	**X**	**/**
Wanita berhak untuk menerima segala-galanya hak mereka wanita	**x**	**/**	**x**	**x**	**x**	**X**	**x**

/ Ada ciri ini
x Tiada ciri ini
** Tidak ada ciri ini*

Berdasarkan watak wanita dalam novel *Mana U:nangal* M.Ramaiah menunjukkan golongan wanita tidak begitu bebas daripada dunia lelaki. Mereka sering menjadi mangsa kepada golongan lelaki dan perlu berhati-hati dalam hidup mereka. Hal ini disuguhkan oleh watak seperti Parimalam. Pavalam, Sellamma dan Purani dalam novel *Mana U:nangal*. Hal ini memberi pengajaran kepada golongan pembaca supaya berhati-hati dengan golongan lelaki yang selalu mengambil kesempatan terhadap keadaan mereka.

Selain itu, dalam novel *Mana U:nangal* golongan wanita digambarkan bergantung kepada golongan lelaki dalam kehidupan mereka. Akibatnya mereka terpaksa akur kepada golongan lelaki. Dalam hal ini kita dapat lihat betapa Sellamma dan Purani terpaksa bergantung kepada Pasupathi yang berpelajaran untuk mendapat kad pengenalan biru. Akibantya mereka tunduk kepada segala kehendak Pasupathi sehingga mereka

terjerat kepada muslihat Pasupathi itu. Malahan watak terpelajar seperi Parimalam juga dikatakan bergantung dan terhutang budi kepada golongan lelaki seperti Cikgu Tambusamy untuk maju dalam kehidupannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perkahwinan juga dilihat sebagai satu institusi yang mesti bagi diri seorang wanita. Dalam novel *Mana U:nangal* watak Purani dicipta oleh pengarang untuk menegaskan keadaan ini. Ibunya Sellamma cuba berusaha untuk mendapatkan kad pengenalan biru semata-mata Purani tidak mampu mendapat jodoh yang baik dalam hidupnya. Bagi seorang gadis pasangan hidupan dan keluarga merupakan sandaran yang penting Hal ini telah mendorong Sellamma berusaha dengan sedaya upaya untuk mencari jodoh kepada anak gadisnya itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai,* watak Thilagavahti jelas kelihatan memiliki kekuasaan. Dia mampu bertindak bebas dalam dunia politik yang diceburinya itu. Hal ini jelas kelihatan dalam banyak peristiwa yang telah dilakarkan oleh pengarangnya dalam perkembangan plot novel ini. Malahan Thilagavathi yang merupakan isteri kedua kepada ketua parti politik itu mampu mempengaruhi perkembangan dan percaturan politik yang berlaku dalam novel ini. Campur tangannya telah berjaya meningkatkan kedudukan Kathirvel dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai* dalam bidang politik. Malahan keseluruhan perkembangan Kathirvel dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai* berpusat kepada usaha dan pengaruh Thilagavathi. Malahan akhirnya Kathrivel juga berjaya menjadi calon pilihan raya setelah Thilagavathi mendesak ketua mereka mencalonkan Kahtirvel sebagai calon parti mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kekuasaannya jelas kelihatan apabila semua pihak cuba mendekatinya dan mendapat restu Thilagavhti untuk apa-apa jua jawatan yang ingin dimiliki oleh mereka. Hal ini jelas melalui watak Mutiah yang cuba mempengaruhi Thilagavathi untuk mendapat jawatan dalam parti.

Valli dan Pongkoothai pula merupakan wanita yang memiliki kekuasaan yang terbatas dan ada kalanya mereka juga menjadi wanita yang tersungkur kepada keadaan. Pongkoothai kelihatan dapat memberi pendapat dan pandanganya dalam hal-hal rumah tangganya. Malahan suaminya juga kelihatan begitu takut dan akur kepada kehendaknya. Apabila Kathirvel balik lambat dia rasa bersalah kepada Pongkoothai dan agak takut kepadanya. Hal ini jelas apabila dia terpaksa ke rumah Thilagavathi dan mengetahui isterinya itu tidak suka dia ke rumah itu cuba menyembunyikan hal tersebut. Ada juga peristiwa yang menunjukkan bahawa Pongkoothai juga menjadi mangsa keadaan. Hal ini ketara dalam peristiwa dia didesak oleh suaminya untuk menyerahkan anak mereka yang masih dalam kandungan. ia tidak dapat berbuat apa-apa kerana dia mengetahui pengaruh Thilagavathi terhadap suaminya cukup mendalam dan tidak mungkin mereka menolak kehendaknya itu. Dia hanya menangis mengenangkan nasib yang menimpa dirinya itu.

Valli juga kelihatan sebagai seorang wanita berkuasa dalam hal suaminya dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai.* Dia begitu bengis menegur perbuatan suaminya yang tidak mendengar nasihatnya. Hal ini ketara apabila suaminya ditangkap oleh pihak polis kerana mengesyakinya terlibat dalam perbuatan mengedar dadah. Hasil daripada usahanya, dia berjaya menyelamatkan suaminya yang tidak bersalah. Malahan selepas itu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dia mampu mengawal suaminya dan dia berubah menjadi seorang suami dan ayah yang baik. Malah selepas itu dia juga mampu merancang masa depan keluarga mereka. Hal ini jelas apabila dia meminta bantuan Kathirvel untuk mendapatkan rumah kos rendah untuk keluarganya. Pada tahap awal novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai* Valli turut menjadi mangsa keadaan kerana suaminya tidak mahu mendengar cakapnya. Perbuatan suaminya yang menjadi kaki botol dan akibatnya keluarga serta dirinya dicerca oleh masyarakat setempat.

Dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai* Kavita juga menjadi citra wanita yang menjadi mangsa. Dia menjadi mangsa kepada ketamakannya. Akibatnya dia diperkudakan oleh Mutiah untuk kepentingannya. Sebagai wanita yang dikuasai oleh keinginan untuk mengecapi kemewahan, dia sanggup membiarkan dirinya diperalatkan oleh orang lain. Watak anak Sangkaralingam dan isteri Sangkaralingam turut dicitrakan sebagai golongan wanita yang menjadi mangsa dalam novel ini. Mereka menjadi mangsa kepada kuasa lelaki yang mempunyai kedudukan dalam masyarakat mereka. Akibatnya sebarang penindasan tidak dapat ditentang oleh mereka. Malahan setelah diugut oleh konco-konco Veerasamy mereka tidak mahu membawa perbuatan pencabulan itu ke pengetahuan pihak polis.

Jadual 4.17

Feminisme Mangsa dan Feminisme Kekuasaan dalam Novel Payan:angkal: Mut:ivathillai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Watak	Feminisme mangsa	Feminisme kekuasaan
Thilagavathi	/	/
Vellama	/	**X**
Kavita	/	**X**
Valli	/	/
Pongkoothaitai	/	/
Purani	**X**	/
anak Sangkaralingam	/	**X**
isteri Sangkaralingam	/	**X**
Jumlah	**7**	**4**

Dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai* juga pengarang menyuguhkan kepada kita golongan lelaki boleh bertindak mengikut keinginan mereka sahaja. Kathirvel tidak mampu menentang niat Thilagavathi untuk menyerah anaknya walaupun dia tahu bahawa isterinya tidak akan bersetuju dengan keputusannya itu. Dia akhirnya telah mengungkitkan budi yang telah ditabur oleh Thilagavathi untuk menyedarkan isterinya untuk mempertimbangkan keperluan dirinya. Keinginan juga didorong oleh cita-citanya untuk terus bertapak dalam dunia politik. Untuk itu dia memerlukan sokongan pelbagai pihak. Dalam hal ini dia memerlukan Thilagavathi untuk memberikan dia masa depan yang cerah dalam dunia politik. Lantaran itu dia sanggup mendesak isterinya untuk mempertimbangkan hasratnya itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.18

Perincian Watak Wanita dalam Novel Payan:angkal: Mut:ivathillai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perincian	Thilagavathi	Vellama	Kavita	Valli	Pongkoothaitai	Purani	anak Sangkaralingam	isteri Sangkaralingam
Wanita dan lelaki adalah sama.	**x**	**x**	**x**	**x**	**X**	**X**	**X**	**X**
Wanita berhak menentukan nasib dirinya	**/**	**x**	**x**	**x**	**x**	**X**	**X**	**X**
Setiap pengalaman yang dilalui mempunyai makna	**/**	**/**	**x**	**x**	**/**	*****	*****	*****
Wanita berhak mengungkapkan kebenaran pengalaman	**/**	**/**	*****	**x**	*****	**/**	*****	*****
Wanita berhak untuk menerima segala-galanya hak mereka wanita	**/**	**x**	**x**	**/**	**/**	*****	*****	*****

/ *Ada ciri ini*
x *Tiada ciri ini*
* *Tidak ada ciri ini*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai* juga kita didedahkan bahawa golongan wanita menempuh perjalanan hidup yang cukup menyengsarakan. Walaupun mereka mengikut kehendak golongan lelaki tetapi jiwa mereka sebenarnya diisi dengan pelbagai kekecewaannya. Hal ini demikian kerana dalam hidup, mereka terpaksa tunduk kepada kehendak dunia patriaki. Hal ini jelas melalui watak Thilagavathi dan anak Sangkaralingam.

Thilagavahti terpaksa menjadi isteri kedua pemimpin politik kerana dia berjanji untuk menjaga dan membantunya. Akibat termakan dengan pujukan ini akhirnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Thilagavthi sanggup menjadi isteri kedua. Begitu juga dengan anak Sangkaralingam yang hanya berusia 7 tahun terpaksa menerima hakikat yang dia tidak dapat membawa lelaki yang telah merogolnya ke muka pengadilan. Dia akur dan tidak mampu menentang ketidakadilan ini. Golongan wanita dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai* juga tidak berusaha untuk memberontak terhadap nilai budaya yang tidak menguntungkan bagi kaum wanita.

Ringkasnya, golongan wanita dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai* digambarkan sebagai golongan yang sederhana dan lembut. Hal ini ketara melalui watak seperti Thilagavathi dan Pongkoothai. Mereka digambarkan sebagai golongan yang memiliki rasa harga diri yang kuat, penyegan dan sopan santun, serta memiliki kepekaan yang lembut. Hasilnya mereka mampu mempengaruhi golongan lelaki yang wujud di persekitaran hidup mereka dengan bijak. Dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai* M.Ramaiah menyuguhkan kepada kita bahawa sebagai wanita mereka mampu mencapai apa-apa juga cita-cita mereka jika mereka melakukan sesuatu pekerjaan dengan lemah lembut.

Jadual 4.19

Peratus Feminisme Mangsa dan Feminisme Kekuasaan daripada keseluruhan Novel-Novel Terpilih M.Ramaiah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Novel	Feminisme Mangsa	Feminisme Kuasa	Ada Kedua-dua ciri	Tiada Kedua-Dua ciri
Al-akin A:ra:thanai	5	2	1	-
Novel Nheruppu Cunai	4	4	2	2
Cangkamam	4	4	1	-
Payan:angkal: Mut:ivathillai	6	8	4	-
Ethir Vi:t:u	6	5	3	1
Vil-alum Nhi:rum	7	3	3	-
Mana U:nangal	7	4	3	-
Jumlah	39	30	17	3
Peratusan Jenis Watak	68%	53%	30%	5**%**

Daripada jadual di atas jelas kepada kita bahawa dalam kesemua novel yang telah dibincangkan, terdapat 68 peratus daripada keseluruhan watak wanita menjadi mangsa. Hanya 53 peratus dariapda watak-watak wanita ini menonjolkan kekuasaan mereka dalam cerita. Di samping itu, 17 watak daripada 55 watak keseluruhan dalam tujuh buah novel ini menonjolkan kedua-dua ciri feminisme tersebut. Hanya 5 peratus ataupun 3 watak wanita sahaja yang tidak menonjolkan kedua-dua ciri tersebut.


Jadual 4.20

Ciri-Ciri Golongan Wanita dalam Keseluruhan Novel-Novel Terpilih M.Ramaiah

Ciri	Ada	Tiada	Tidak Pasti	Jumlah Watak
Wanita dan lelaki adalah sama.	6	41	8	55
Wanita berhak menentukan nasib dirinya	18	31	6	55
Setiap pengalaman yang dilalui mempunyai makna	22	18	15	55
Wanita berhak mengungkapkan kebenaran pengalaman	11	29	15	55
Wanita berhak untuk menerima segala-galanya hak mereka wanita	12	32	11	55

Jika diteliti daripada rumusan berdasarkan 55 watak wanita dalam tujuh buah novel ini, terdapat 6 watak yang menunjukkan bahawa golongan wanita dan lelaki adalah sama manakala 41 watak pula tidak melihat wanita itu sama dengan lelaki dan selebihnya 8 watak tidak dapat dipastikan ciri ini. Jika dilihat pendapat wanita berhak menentukan nasib dirinya, didapati sebanyak 18 menepati ciri ini, 31 watak wanita tidak memiliki ciri ini dan selebihnya 6 watak tidak dapat dipastikan ciri tersebut. Daripada 55 watak pula sebanyak 22 watak wanita menunjukkan setiap pengalaman yang dilalui mempunyai makna, manakala 18 watak tidak menunjukkan ciri ini dan 15 watak wanita pula tidak dapat dipastikan. Watak wanita yang bersifat wanita berhak mengungkapkan kebenaran pengalaman pula ditonjolkan oleh 11 orang watak dan 29 watak pula tidak menunjukkan ciri ini. Sebanyak 12 watak pula menunjukkan wanita berhak untuk menerima segala-galanya hak mereka manakala 32 watak pula tidak berpendapat sedemikian dan 11 watak pula tidak dapat dipastikan ciri ini. Berikut adalah rumusan ciri ini dalam bentuk graf bar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.3. Kedudukan Wanita dalam Novel-Novel Terpilih M.Ramaiah

Secara ringkas kedudukan wanita kelihatan tidak begitu memberangsangkan. Merek kelihatan lebih lemah dalam tangan M.Ramaiah. Hal ini mungkin kerana M.Ramaiah tidak memberi kepercayaan kepada watak-watak ini dalam dunia lelaki untuk menunjukkan kekuasaannya kerana tradisi masyarakat India tidak mengizinkannya. Terdapat sebilangan kecil wanita yang menggunakan hak untuk menentukan nasib dirinya. Watak wanita juga memperlihatkan bahawa setiap pengalaman yang dilalui mempunyai makna. Mereka bergerak mengikut keperluan mereka dalam dunia lelaki.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah Pustaka_tbainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Analisis Citra Perjuangan Wanita

Dalam bab dapatan kajian, pengkaji akan menghuraikan dapatan mengikut empat klasifikasi iaitu sosial, budaya, pendidikan, dan politik.

Secara umumnya perkataan sosial merujuk kepada nilai-nilai yang berkaitan dengan masyarakat dan kemasyarakatan. Kita harus mengakui bahawa manusia merupakan makhluk sosial kerana manusia tidak boleh hidup tanpa berhubung dengan manusia yang lain. Lantaran itu, mereka perlu hidup dengan menerima bantuan sama ada yang besar ataupun kecil daripada orang lain (Chris, 2004). Kamus Dewan Pustaka edisi terbaru memberi empat maksud kepada perkataan sosial. Maksud pertama sosial ialah semua yang berkaitan dengan masyarakat. Kedua pula merujuk kepada hal yang berkaitan dengan persahabatan, pergaulan dan aktiviti. Maksud ketiga pula, membawa maksud keadaan manusia yang suka dengan pergaulan. Maksud terakhir ialah aktiviti perjumpaan dan keramaian. Jika, dirumuskan keempat-empat maksud sosial ini membawa maksud tentang perkaitan segala elemen penting dalam masyarakat dan interaksi yang berlaku dalam masyarakat. Seterusnya sosial juga merupakan kata yang merujuk kepada hal-hal yang berkaitan dengan masyarakat dan kemasyarakatan.

Menurut Haji Zainal Abidin Safarwan pula (1995), sosial membawa makna sesuatu yang berkaitan dengan pertubuhan dan hubungan antara orang dan komuniti. Manakala ahli falsafah Macliar dan Bage dipetik dari Baskaran (1995), berpendapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa sosial merujuk kepada kebudayaan, pengurusan, kekuasaan, kerjasama antara satu sama lain dalam persatuan, kebebasan individu, penekanan nilai-nilai murni sosial dan segala yang berkaitan dengan masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penglibatan wanita di Malaysia dalam bidang sosial digalakkan, memandangkan banyak faedah yang boleh diperoleh daripada aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan. Walaupun, pelbagai cabaran yang bakal menghambat kaum wanita di Malaysia, mereka tidak ditegah untuk melibatkan diri dalam bidang sosial. Sumbangan wanita amat diperlukan dan mereka perlu mengorak langkah tampil ke hadapan untuk memperjuangkan nasib kaum wanita sendiri, kerana wanita jugalah yang memahami permasalahan yang timbul dalam kalangan wanita. Mereka tidak wajar, hanya akur pada arus yang mengecam mereka. Mereka tidak perlu menjauhkan diri daripada masyarakat dan seharusnya menyumbangkan idea serta kemahiran yang ada untuk meningkatkan taraf kehidupan masyarakat hari ini dan mendepani realiti baru dunia yang pantas berubah dan berkembang.

Semua agama menggalakkan golongan wanita supaya senantiasa berusaha untuk maju dan terus maju ke hadapan. Wanita senantiasa terdedah kepada pelbagai dugaan dan cabaran luar sekiranya tidak mengikut landasan ajaran agama masing-masing. Justeru, untuk melibatkan diri dalam kegiatan sosial, wanita perlu berpegang teguh kepada etika yang telah ditetapkan oleh agama supaya mereka tidak terpesong daripada landasan sebenarnya apabila melangkah dengan seribu kekuatan dan menjadi cerucuk utama pembangunan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jika kita meninjau dari sudut aliran feminisme, sosial berhubung kait dengan penglibatan wanita dalam bidang sosial yang mencerminkan pergerakan yang bertujuan untuk menghapuskan perbezaan yang timbul akibat daripada jantina dan kelas **(**Prema**,** R. 1994**).** Doktrin pemikiran ini sebenarnya berjuang untuk pembebasan kaum wanita**.** Mereka menentang dan menghapuskan sama sekali semua adat yang diamalkan oleh golongan patriaki sejak turun-temurun**,** memperjuangkan kepentingan diri sendiri serta menentang pihak yang suka membeza-bezakan kaum wanita dan kaum lelaki**.** Menurut Prema **(**1994**)** penindasan terhadap golongan wanita berlaku kerana pemimpin dan pertubuhan ekonomi. Lantaran itu, golongan wanita cuba memperjuangkan kedudukan wanita yang lebih menjurus penyangkalan penguasaan dan tradisi ekonomi tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Golongan feminis sosial sebenarnya tidak menentang golongan lelaki secara langsung**,** tetapi penetangan mereka lebih menjurus kepada penentangan terhadap sifat golongan lelaki yang menjadi ketua sesebuah keluarga sejak turun-temurun**,** kedudukan mereka sebagai pemimpin**,** berharta**,** memaksa kaum wanita membuat kerja dan dianggap sebagai kaum yang dipandang mulia dalam strata sosial. Mereka berpendirian bahawa pembebasan kaum wanita dalam bidang ekonomi akan mewujudkan perubahan dalam bidang sosial**.** Lantaran itu, golongan pejuang ini cuba menyemarakkan ideologi kaum wanita dalam semua bidang **(**Prema**,** R**.**1994**).**

Hidup dan cita-cita wanita tidak dapat dipisahkan daripada perkahwinan**,** keluarga dan cinta**.** Karya-karya kesusasteraan selalu berkisar tentang masalah kahwin paksa**,** penderitaan wanita akibat ditinggalkan suami yang tidak bertanggungjawab dan wanita

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang tertindas oleh amalan tradisi kerana kurang berpendidikan. Selepas tahun 60-an, taraf pendidikan wanita meningkat dan mereka mulai menceburi pelbagai bidang dalam masyarakat. Dengan ini kepentingan terhadap masalah mereka juga meningkat (Muthu Sithambaram, 1995).

Menurut Elaine Showalter dalam bukunya, *A Literature of Their Own: British Women Novelist from Bronte to Lessing*, tradisi sastera wanita Inggeris dari akhir abad ke-18 hingga ke-20, dapat dibahagikan kepada tiga tahap penting, iaitu feminine, feminist dan female. Beliau berkata:

> *First, there is a prolonged phase of imitation ot the prevailing modes of the dominant tradition and internalization of its standards of art and its views on sosial roles. Second, there is a phase of protest against these stansards and values and advocacy. Finally, there is a phase of self discovery of opposition, a sesrch for indentity. An appropriate terminology for women writers is to call these, stages, Feminine, Feminist, Female (Elaine Showalter, 1977:13.*

Secara umumnya, sebahagian besar masyarakat Malaysia masih terpengaruh dengan pandangan lama bahawa tugas wanita adalah hanya untuk berkahwin serta melayani suami dan anak-anaknya. Ruang gerak wanita seolah-olah sudah dibatasi dalam lingkungan halaman rumah sahaja. Wilayah di luarnya ialah wilayah milik suaminya. Walaupun dalam realitinya golongan wanita juga ikut ke luar bekerja untuk membantu suami mereka mencari nafkah, pandangan masyarakat tetap menjurus kepada anggapan bahawa dunia di luar rumah bukan dunia wanita.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Novel sebagai salah satu genre kesusasteraan adalah salah satu bidang yang dapat memberi gambaran perjuangan seseorang manusia atau sesuatu masyarakat. Untuk memberikan kesan kepada pembaca, pengarang memerlukan daya imaginasi yang tinggi dan kematangan dalam teknik menulis novel. Citra atau gambaran dapat dilihat melalui dialog watak-watak, penerangan- penerangan, gaya bahasa, pelakuan watak-watak yang boleh dikesan dan semua teknik pembangunan sesebuah novel. Ada waktunya pengarang benar-benar menggambarkan citra wanita yang wujud dalam masyarakat. Dengan ini, jika peneliti mahu membincangkan citra wanita, maka dia perlu jelas tentang peranan wanita itu dalam novel tersebut, sifat fizikalnya, pemikirannya dan sikap serta tanggapan dalam persoalan yang dikemukakan. Jelas di sini, bahawa meneliti citra dalam karya sastera seperti novel adalah satu hal yang menarik kerana kita mengkaji sesuatu di sebalik watak dan perlakuan yang ditonjolkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ramai ahli masyarakat yang boleh menerima kenyataan bahawa wanita juga mampu berkerja, serta mampu mencari nafkah bagi keluarganya. Di luar domain rumah tangga, tenaga kaum wanita sekarang juga mampu dimanfaatkan untuk pembangunan dalam pelbagai bidang, baik sektor informal mampu di sektor formal. Penulis novel pilihan ini juga turut menulis tentang wanita yang mempunyai kerjaya. Watak-watak dalam novel mereka berusaha untuk mencapai hasrat masing-masing namun demikian mereka menghadapi halangan sosial yang berbeza-beza.

Setiap penulis mempunyai persepsi dan tanggapan sendiri terhadap watak-watak yang ditonjolkan dalam karya mereka Namun demikian penelitian citra wanita yang cenderung dicerminkan oleh penulis lelaki dan penulis wanita memiliki pelbagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perbezaan. Citra-citra tersebut terhasil daripada persoalan-persoalan yang ingin disampaikan oleh penulis dalam novel tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebagai permulaan, pengkaji akan mengupaskan dan merungkai perjuangan wanita tentang wanita yang terdapat dalam ketujuh-tujuh novel pilihan pengkaji iaitu *Vil-alum Nhi:rum, Ethir V:t:u, Cangkamam, Payan:angkal: Mut:ivathillai, Nheruppu Cunai, Mana U:nangkal dan Al-akin A:ra:thanai.*

Masalah yang dihadapi oleh masyarakat secara am boleh dikatakan berkait rapat dengan tingkah laku mereka. Semua anggota masyarakat secara tidak langsung akan menerima kesan daripadanya. Para penulis novel Tamil Malaysia turut menggambarkan citra wanita menerusi watak wanita apabila mereka mengharungi masalah dan menghadapi tekanan dari masyarakat yang sering berat sebelah dan dikuasai pemikiran usang. Masalah semasa yang pertama yang dapat diperhatikan dalam novel M.Ramaiah ialah wanita sebagai bahan atau batu loncatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Muslihat politik mendorong seseorang memilih jalan yang salah bagi mendapatkan pangkat yang tinggi. Sunteresan dalam novel *Ethir Vi:t:u* telah dipergunakan dalam muslihat dan telah dipenjarakan walaupun tidak bersalah. Lantaran itu, Porkodi meminta bantuan peguam bela untuk membela kes suaminya. Namun usahanya tidak membuahkan sebarang hasil. Pada masa yang sama dia mendapat tahu bahawa suami Porkodi telah menjadi mangsa penyelewengan Kannan. Lantaran itu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Porkodi telah meminta bantuan Mogini yang seterusnya mempergunakan situasi dan merancang untuk membalas dendam terhadap Kannan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> "ஆத்திரம் கொண்ட மோகினி அவனைப் பழிவாங்க காத்திருந்தாள். ஏற்றாற்போல் பொற்கொடியும் வந்து சேர்ந்தாள்".
>
> Mohini yang dikuasai oleh perasaan marah terus berdendam dan mencari peluang untuk membalas dendam. Kehadiran Porkodi memberi ruang kepadanya untuk mmembalas dendam
>
> (M.Ramaiah, 1976: 81)

Akhirnya**,** Porkodi sendiri turun ke padang dan menjadi peguam bela untuk membela suaminya**.** Dia telah membela dengan bukti yang kukuh dan membuktikan bahawa Suntaresan tidak bersalah**.** Akhirnya**,** Suntaresan telah dibebaskan**.**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara kesimpulannya, boleh dikatakan perjuangan golongan wanita terhadap gejala rasuah wujud di dalam novel ini. Mereka yang terlibat dengan rasuah dan bertindak tanpa segan silu dalam melakukan kesalahan ini demi untuk kesenangan dan kekayaan. Dalam novel *Ethir Vi:t:u* karya M.Ramaiah kita dapat mengesan hal ini melalui watak Kannan. Golongan wanita menjadi mangsa dalam keadaan ini.

Amalan gejalah rasuah ini boleh melibatkan semua orang termasuklah tokoh politik, ahli perniagaan, polis, pegawai kastam, pegawai imigresan. Mereka yang terlibat dengan rasuah tanpa segan silu melakukan kesalahan ini demi untuk kesenangan dan kekayaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam novel *Ala-kin A:ra:thanai***,** Latha digambarkan sebagai seorang guru sekolah menengah**.** Dia merupakan seorang peragawati yang pernah menyertai pertandingan ratu cantik dan memenanginya**.** Kini dia berhasrat untuk menyertai pertandingan ratu cantik sehingga peringkat Asia**.**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

“¿£í¸ ¿¢¨Éì¸¢È Á¡¾¢Ã¢ ´ñÏÁ¢ø¨Ä ÃÌ. Ê°õÀ÷
Á¡¾ò¾¢§Ä ¿¼ì¸ô §À¡¸¢È ¬º¢Â «Æ¸¢ô
§À¡ðÊÂ¢§Ä ¸ÄóÐì¸ ÓÊ×¦ºö¾¢Õì¸¢§ÈÝ”
(மா.இராமையா:1992:19)

“Tak dah apa-apa seperti kamu fikir Ragu. Saya mengambil keputusan untuk menyertai pertandingan kecantikan Asia yang akan berlangsung pada bulan Disember.”
(M.Ramaiah**:**1992**:**19)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Watak utama dalam novel *Al:akin A:rathanai***,** Latha merupakan seorang wanita yang membenci kaum lelaki**.** Latha telah menghadapi pelbagai perjuangan dalam kehidupannya**.** Pertama sekali**,** kekasihnya Ragunathan tidak mengizinkannya menyertai pertandingan ratu cantik**.** Apabila Ragunathan memberitahu bahawa hasratnya bersifat keterlaluan**.**

“§ÁÖõ, «Ð «Ç×ìÌ Á£È¢Â ¬¨º ±ýÚ ÜÈ¢Â
§À¡Ð Ä¾¡ ¬ò¾¢Ãõ ÀÎ¸¢È¡û. ¿£ «¾¢¸ôÀðºÁ¡
¬¨ºôÀÎ§È Ä¾¡” (மா.இராமையா:1992:22)

Malah itu, Latha berasa marah apabila dia memberitahu ini adalah keinginan yang melampau. Kamu berkeinginan sesuatu yang di luar batasan (M**.**Ramaiah, 1992**:**22).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara kesimpulannya, boleh dikatakan wanita diperalatkan dalam konteks gejala rasuah. Doktor Gurumurthi menerima rasuah untuk memenangkan Latha dalam pertandingan ratu cantik. Perkara ini dapat dibuktikan melalui situasi-situasi yang diberikan seperti di atas.

Seterusnya ialah cabaran tentang kecurangan wanita. Kecurangan boleh didefinasikan sebagai perlakuan seorang isteri yang berkelakuan tidak jujur terhadap suaminya. Kecurangan isteri ialah masalah sosial negatif yang turut melanda masyarakat kita. Secara umumnya, hal ini menjadi salah satu masalah utama dan lantaran itu masalah kecurangan diutamakan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam Novel *Ethir V:t:u,* walaupun telah berkahwin, Mogini mempunyai hubungan sulit dengan Kannan. Dia telah meninggalkan suaminya agar dapat hidup dengan lelaki yang dicintai. Namun demikian Kannan menggunakan Mogini untuk memuaskan nafsunya. Selain itu, dalam novel *Ethir V:t:u,* Kannan tidak pernah mengiktiraf dan menghormati Mogini sebagai isteri. Akibatnya, Mogini berikhtiar untuk membalas dendam ke atas perbuatan Kannan. Pada masa yang sama dia mendapat tahu bahawa suami Porkodi telah menjadi mangsa penipuan Kannan.

> "மோகினிக்குக் கண்ணன் மேல் வெறுப்பு உண்டாகச் சில காரனணங்கள் இருந்தன. அவளை மனைவியாக ஏற்றுக் கொள்வதாக ஆசை காட்டி ஏய்த்திருக்கிறான். அவள் அவன் வார்த்தைகளை நம்பி தன் கணவனுக்கே துரோகம் செய்து விட்டு இவனுடன் வந்தும் கண்ணனுக்கு வெறும் இன்பப் பொருளாகவே இருந்து வந்திருக்கிறாள். அவளை நம்பி வந்த

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

அவன் கடைசியாக கணிகையாக வேண்டிய நிலைக்கு வந்து விட்டான்" *(மா.இராமையா:1976:103)*

> "Mogini berasa marah terhadap Kannan atas beberapa alasan. Kannan telah berbohong kepada Mogini bahawa dia akan mengahwininya. Mogini telah mempercayai Kannan sehingga bersedia untuk menolak suaminya. Kannan tidak menganggap Mogini sebagai isteri tetapi sebagai alat untuk memuaskan nafsunya sahaja".(M.Ramaiah,1976:103)

Dalam novel *Ethir V:t:u,* hakikat kecurangan isteri telah digambarkan dan wanita seperti Mogini tidak harus mempunyai niat untuk menjalinkan hubungan sulit apatah lagi setelah berkahwin**.** Sikap Kecurangan ini**,** telah menjejaskan keharmonian institusi keluarga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lihat kutipan berikut yang memperkatakan tentang kecurangan dalam karya *Ethir V:t:u,*

> "அவன் கடைசியாகக் கொடுத்துச் சென்ற இரண்டாயிரம் வெள்ளியையும் மறுநாளே வாங்கிச் சென்று விட்டான். ஆத்திரம் கொண்ட மோகினி அவனைப் பழிவாங்க காத்திருந்தாள் ஏற்றாற்போல் பொற்கொடியும் வந்து சேர்ந்தாள்"
> *(மா.இராமையா:1976:103).*

> **"**Pada hari keesokan**,** dia telah mengambil wang yang diberi kepada Mogini iaitu sebanyak dua ribu**.** Kemarahahan Mogini terhadap kelakuan Kannan telah menyebabkan Mogini menunggu masa untuk membalas dendam terhadap Kannan**".**
> (M.Ramaiah,1976:108)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara kesimpulannya**,** boleh dikatakan aspek kecurangan yang dinyatakan dalam novel *Ethir Vi:t:u* menghancurkan kebahagiaan keluarga**.** Perkara ini dapat dibuktikan melalui situasi-situasi yang diberikan di atas.

Seterusnya**,** dalam novel *Vil-alum Nhi:rum* watak Kanniamah juga turut digambarkan sebagai seorang ibu yang telah mengadakan hubungan dengan lelaki lain setelah suaminya menjadi lumpuh.. Hal ini menyebabkan dia telah melahirkan anak luar nikah dan isu ini telah mencetuskan banyak masalah dalam hubungannya dengan suaminya. Malahan kerana dia sendiri membenci perbuatannya dia tidak menerima anak luar nikahnya itu Kalaiselvi dengan baik dan sentiasa bertindak keterlaluan ke atasnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam novel *Mana U:nangkal*, pula Sellamah turut melakukan hubungan sulit yang telah mencemarkan dirinya. Hubungan dirinya dengan Pasupathi telah menyebabkan ramai yang tidak memandang Sellamah sebagai seorang wanita yang hina.

Di samping itu, M.Ramaiah juga melihat wanita terpaksa berjuang terhadap golongan yang mengambil kesempatan. Watak utama dalam novel *Vil-alum Nhi:rum***,** Kayalvizhi merupakan seorang graduan Ekonomi dari Universiti Malaya**.** Dia bekerja di sebuah syarikat sebagai seorang pengurus peribadi**.** Kayalvizhi seorang graduan yang berasal dari keluarga sederhana**.** Dia tidak suka menaiki bas dan sentiasa menyuruh emaknya untuk membawa dia ke sekolah dengan kereta**.** Dia beranggapan bahawa menaiki bas akan menurunkan status keluarganya**.** Selepas tamat belajar dia mendapat kerja sebagai pengurus peribadi. Seorang pemuda yang bernama Kumaravelu cuba

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memikat Kayalvizhi**.** Dia menipu dengan mengatakan bahawa dia seorang jurutera**.** Buktinya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> "குமாரவேலு கைநிறையச் சம்பாதிக்கிறவன் இல்லை,யென்றாலும்,கைநிறையச் சம்பாதிக்கிற பெண்ணைத்தான் காதலியாகப் பெற்றிருக்கிறான." *(*மா.இராமையா*:1976:110).*

> "Kumarevelu bukan orang yang berpendapatan tinggi**,** namun dia mendapatkan seorang kekasih yang berpendapatan tinggi**.** "
> (M.Ramaiah,1976**:**110)

Akhirnya Kayalvizhi jatuh ke dalam perangkap cinta Kumaravelu**.** Kayalvizhi yakin bahawa keluarganya tidak akan menjadi penghalang hubungannya**.** Selepas mengetahui kebenaran dan sedar akan penipuan Kumaravelu**,** Kayalvizhi tidak berjumpa dengannya selama seminggu**.** Sepanjang masa tersebut dia menghadapi pergolakkan jiwa**.** Setelah mendengar nasihat kawan-kawannya yang mengatakan keperluan pasangan hidup kepada wanita**,** Kayalvizhi telah berubah hati**.**

Oleh itu**,** dia mengambil keputusan dan sanggup meninggalkan keluarganya untuk hidup bersama lelaki yang dicintai**.** Dia berjumpa semula dengan Kumaravelu dan hidup bersamanya**.** Kayalvizhi mendapat tahu bahawa Kumaravelu mencintainya hanya semata-mata untuk membolos hartanya**.** Dia juga mendapat tahu bahawa kasih sayang yang dicurahkan oleh ibu mentuanya adalah hanya sekadar lakonan dan mereka sekeluarga merancang untuk menderanya**.** Kanniamah juga merupakan seorang mata duitan. Selepas mengetahui bahawa anak lelakinya mencintai seorang graduan yang lebih berpelajaran daripadanya Kanniamah berasa sangat gembira. Dia juga berniat buruk untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memutuskan hubungan gadis tersebut dengan keluarganya. Dia seorang individualistik. Kanniamah juga suka mengambil kesempatan atas usaha orang lain. Setelah selesai mendaftar perkahwinan secara rasmi, Kanniamah mula menunjukkan belang dirinya kepada anak mentuanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kayalvizhi juga sedar bahawa ilmu yang diperoleh tidak mencukupi untuk dirinya mengharungi kehidupannya. Pengalaman dan kematangan memainkan peranan dalam menjalani kehidupan yang sejahtera. Kehidupan yang mewah tidak membawa sebarang kebaikan kepada diri dan status sebuah keluarganya. Dia juga sedar bahawa perkara yang dilakukan tanpa persetujuan ibu bapa adalah salah dan tidak akan memberi kebaikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selepas menyedari, kehidupan palsu tidak akan memberikan ketenteraman dia mengambil keputusan untuk berpisah dengan Kumaravelu. Dia menyesali tindakannya yang tidak menghargai usaha ibu bapanya selama ini. Kayalvizhi mengambil keputusan untuk berdikari kerana dia berpendidikan. Namun demikian pengalaman hidup menyedarkanya akan kepalsuan cintanya.

Perjuangan terhadap eksploitasi wanita dalam konteks pekerjaan juga dinyatakan dalam novel-novel M.Ramaiah. Mereka kelihatan menjadi mangsa exploitasi. Penderaan boleh didefinasikan sebagai layanan yang tidak baik terhadap seseorang. Penderaan boleh berlaku dalam bentuk fizikal, seksual, mental atau emosi. Penderaan fizikal boleh berlaku dalam bentuk perlakuan memukul, mencucuh dengan api, menggigit, menampar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan mencekik**.** Penderaan ialah gejala sosial negatif yang turut melanda masyarakat kita**.** Secara luasnya, hal ini menjadi sebab utama masalah penderaan diutamakan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam novel *Ethir V:t:u***,** Malliga ialah adik kepada Suntaresan**.** Dia telah kehilangan emaknya**.** Alamelu telah mencurahkan kasih sayang seorang ibu kepada Malliga**.** Selepas kematian Alamelu**,** Porkodi telah mengambil alih tempat tersebut**.** Malliga telah didera oleh pembantu rumah**.**

Orang gaji tersebut tidak memenuhi keperluan Malliga. Malliga memberitahu hal ini kepada Porkodi dan juga abangnya. Selepas, pulang dari rumah jiran, Malliga ditampar oleh orang gaji. Kemudian Malliga telah jatuh sakit. Malliga terlantar sakit sehingga dua minggu. Malliga takut terhadap sikap pembantu rumah. Petikan di bawah merupakan contoh yang penting bagi membuktikan penderaan pembantu rumah.

> **"**Kakak ipar**,** pembantu rumah ini selalu memerhati kita di sini . Saya balik rumah dahulu…Setelah memberitahu kakak ipar, dia pulang ke rumah. Kedengaran bunyi orang menampar sejurus selepas pintu rumah ditutup". (M.Ramaiah:1976:49)

Penderaan fizikal seperti mana yang berlaku dalam novel *Ethir V:t:u***,** iaitu Malliga telah ditampar oleh pembantu rumah**.** Malliga berasa takut dan keadaan sebenarnya diketahui oleh abangnya**.** Pembantu rumah tersebut telah dipecat oleh abang Malliga**.** Doktor memberi suntikan dan ubat-ubatan untuk menyembuhkan kesakitan Malliga**.** Selepas**,** dua minggu Malliga telah sembuh dengan sempurna**.**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam novel *Ethir V:t:u,* perjuangan terhadap penderaan dapat dilihat dalam muka surat 51. Petikan berikut merupakan bukti penemuan pengkaji,

> *"*டாக்டர் தட்ப அளவை வைத்துப் பார்த்தார். காய்ச்சல் நூற்று மூன்று டிகிரி இருந்தது. டாக்கடர் சுந்தரேசனைப் பார்த்தார். "காச்சல் இவ்வளவு காடுமையாக இருக்கிறதே*"*- வியப்போடு கேட்டார*."*
> *(*மா.இராமையா*:1976:51).*

> Doktor memeriksa Malliga. Dengan melihat Sunteresan doktor berkata demamnya tinggi. (M.Ramaiah:1976:51)

Secara keseluruhannya , boleh dikatakan aspek penderaaan yang dinyatakan pada novel *Ethir V:t:u,* ialah pembantu rumah telah menderakan Malliga untuk merenggangkan hubungan antara Malliga dan Porkodi bagi mengahwinkan abang Malliga. Perkara ini dapat dibuktikan melalui situasi-situasi yang diberikan seperti di atas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Golongan wanita juga digambarkan sebagai menjadi mangsa penderaan. Perlakuan seks bebas ialah kesan pengabaian dalam menjaga kehormatan diri yang boleh membawa kesan buruk kepada kesihatan fizikal, mental, emosi, dan sosial terutamanya remaja. Mengeluarkan kata-kata lucah juga disifatkan sebagai gangguan seksual. Masalah yang lain pula akan timbul jika mangsa menjadi hamil.

Perjuangan ini kelihatan dalam novel *Mana U:nangal,* Purani ialah anak Sellamma. Dia telah kehilangan ayahnya. Kehidupan Purani adalah seperti ibarat katak di bawah tempurung. Seterusnya, Sellamma menghadapi kesukaran untuk mencari lelaki

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang besedia untuk mengahwinkan Purani yang tidak mempunyai status kewarganegaraan**.**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Purani tidak mempunyai kad pengenalan biru**.** Dia mendengar nasihat ibunya dan mengikuti Pasupathi ke bandar**.** Pasupathi sudah lama menantikan peluang untuk bersama Puurani**.** Dia mengambil keputusan untuk bermalam di hotel bersama Puurani dengan alasan keretanya telah rosak dan hanya boleh dibaiki pada keesokan harinya**.** Pasupathi menggunakan peluang tersebut dan mengambil kesempatan ke atas diri Purani serta menghamilkannya**.** Purani tidak dapat mempertahankan dirinya**.** Dia juga**,** tidak mempunyai kekuatan dan keberanian untuk memberitahu kepada Sellamma mengenai kejadian yang menimpa ke atas dirinya**.**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> “என்னடி இது? ரெண்டு கவளம் சோறுதான்
> வயித்துக்குள்ளே பொறதுக்குள்ளே வாந்தி வருது?”
> ஆச்சரியமாகக் கேட்டாள். வார்த்தைகளில்
> அதிர்ச்சியும் கலந்திருந்தது. *(*மா.இராமையா*:2001:77).*

> “Kenapa ini. Baru nak masuk dua sudu nasi, kamu muntah?” Sellamma bertanya dengan hairan. Sellamma jelas kelihatan kehairanan. Nadanya mencerminkan keadaan ini.
>
> (M.Ramaiah:2001:77)

Pasupathi yang bersetuju menghulurkan bantuan rupa-rupanya berniat jahat**.** Dia menggunakan peluang dan mengambil kesempatan atas Purani**.** Pasupathi yang telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menghamilkannya enggan bertanggungjawab**.** Sellamma menangis dan meratapi nasib buruk yang telah menimpa diri dan anaknya**.**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> “பூர்ணி கர்ப்பமா இருக்கிறா செல்லம்மா!” ஏண்டி இதுக்கு யாருடி காரணம்? சொல்லு” மிரட்டினாள் செல்லம்மா” *(*மா.இராமையா*:2001: 79).*

> “ Purani mengandung Sellamma.Siapa yang menyebabkannya? Cakap”. Sellamma Mengugut.
> (M.Ramaiah, 2001:79)

Sellamma merupakan seorang ibu yang baik hati**.** Kesimpulannya boleh menyatakan pada novel *Mana U:nangkal***,** penderaan seksual menyebabkan kehilangan kehidupan seorang wanita. Petikan ini dapat dibuktikan melalui situasi-situasi yang diberikan seperti di atas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Isu tentang keruntuhan rumah tangga juga turut disentuh dalam karya M.Ramaiah. Keruntuhan rumah tangga merujuk kepada keadaan satu unit organisasi keluarga yang terlerai daripada ikatan sama ada secara sah atau tidak. Keruntuhan yang tidak sah merujuk kepada pasangan yang berpisah secara tidak rasmi.

Dalam novel *Ethir V:t:u***,** Porkodi mencintai Suntaresan yang tinggal bertentangan dengan rumahnya**.** Ayah Porkodi bersetuju dengan hubungan tersebut**.** Beliau bersetuju untuk mengahwinkan anaknya dengan Suntaresan**,** tetapi**,** selepas mengetahui bahawa Suntaresan pernah berkahwin**,** Porkodi membatalkan niatnya**.** Dia menangis mengenangkan situasinya**.**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

“நான் ஏமாந்து போயிட்டேம்மா ஏமாந்து போயிட்டேன். சுந்தரேசன் மணமானவராம். மல்லிகை அவர் குழந்தையாம்” அவன் என்றாள் பொற்கொடி. (மா.இராமையா:1976:64)

“Saya sudah ditipu, Suntaresan sudah berkahwin. Malligai Merupakan anak dia.” (M.Ramaiah:1976:64)

Valli, orang gaji Suntaresan telah jatuh cinta terhadapnya. Orang gaji ingin berkahwin dengan tuannya. Lantaran itu, dia telah mereka cerita palsu tentang Suntaresan, iaitu Malligai ialah anak kandungan dan dia ialah isteri Suntaresan. Namun demikian dia akhirnya mengetahui cerita tersebut hanyalah rekaan semata-mata. Penulis, M.Ramaiah tidak lupa untuk menerangkan keadaan wanita sendiri menjadi pemusnah kehidupan kepada golongan wanita lain.Kutipan dari novel ini menjadi bukti yang kukuh bagi menunjukkan aspek ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

அவள் எவ்வளவு பண்பு கெட்டவள். அவளுக்குச் சபலம் தட்டியிருக்கலாம். அதற்கு இப்படியா கதை கட்டுவடுது? நேற்று நடந்து கொண்ட முறையிலிருந்து அவள் மேல் சந்தேகப்பட்டேன் . ஆனால், இவ்வளவு தூரம் சொல்லி வைப்பாள் என்று எதிர்பார்க்காவே இல்லை. ஒரு வாலிபமான் பெண்ணை வேலைக்காரியாக அமர்த்துவதில் எவ்வளவு ஆபத்து இருகிறது என்பதை இப்போதுதான் உணருகிறேன் பொற்கொடி” என்றான் சுந்தரேசன்.

“அவள் சொன்னது வெறும் கட்டுக் கதைதானா?” ஆனால் இவ்வளவு தத்ருபமாகக் கதையைச் சொன்னாதுதான் என்னை நம்ப “வைத்துவி□□டது. நான் அவசரப்பட்டு உங்கமேலே தப்பா நினைத்துவிட்டேன். என்னை கொள்ளுங்கள்” என்றாள் பொற்கொடி. *(மா.இராமையா:1976:61).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Suntaresan menerangkan kepada Porkodi bahawa cerita yang disampaikan oleh pembantu rumahnya kepada Porkodi adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> cerita yang rekaan. Porkodi bertanya kepada Suntaresan untuk mendapat kepastian.
> "Betulkah semua ini cerita rekaan dia?"
>
> Dengan perasaan yang hairan. Suntaresan menjawab "Ya!",
> "Betulkah itu cerita rekaan? Gaya penceritaannya membuatkan saya percaya kepadanya. Saya bersikap terburu-buru dan beranggapan salah terhadap kamu, "Maafkan saya!" kata Porkodi." (M.Ramaiah:1976:61)

Porkodi sedar bahawa cerita yang diberitahu oleh pembantu rumah Suntaresan ialah cerita rekaan. Porkodi akhirnya bersetuju untuk berkahwin dengan Suntaresan.

Secara keseluruhan, keruntuhan rumah tangga boleh berlaku disebabkan oleh pembantu rumah. Contohnya, pembantu rumah itu memberitahu cerita rekaan kepada Porkodi untuk merenggangkan hubungan antara Porkodi dan Suntaresan. Perkara ini dapat dibuktikan melalui situasi-situasi yang diberikan seperti di atas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ketagihan arak dalam masyarakat India sering menjadi topik perbincangan yang hangat. Ketua keluarga iaitu suami jika menjadi kaki botol akan kehilangan pekerjaan dan si isteri terpaksa menanggung beban yang berat untuk mengatasi masalah tersebut. Situasi ini menyebabkan masalah meminum minuman keras diutarakan dalam kajian ini

Merujuk pada novel, *Nheruppu Cunai*, Valarmathi ialah kakak Kamalaveni. Dia merupakan seorang ibu dan kakak yang baik. Valarmathi mempunyai dua orang anak. Dia yang kehilangan ibu bapa mengambil alih tanggungjawab membesarkan dan mendidik adik perempuannya. Valarmathi cuba mengubah perangai suaminya yang tidak bertanggungjawab. Dalam novel ini suaminya tidak pernah mengambil berat tentang keluarga mereka. Dia akan balik ke rumah pada lewat malam dalam keadaan mabuk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perbuatan semuanya yang kurang baik ini telah menghancurkan hati Valarmathi**.** Valarmathi berpisah dengan suaminya selepas mengetahui niat buruk suaminya terhadap Kamalaveni**.** Malah dia bergaduh dengan suaminya**.** Petikan ini menjadi buktinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *"*வேணிக்கு ஒரு வாழ்க்கை அமைய இருந்ததைக் கெடுத்து விட்டீர்களே*!* நீங்க நல்லா இருப்பீங்களா*!"* வளர்மதி அழுதே விட்டாள*. (*மா.இராமையா*:2009:).*
>
> "Kamu sudah menghancurkan peluang kehidupan bahagia Veni**.**
> Kamu mampu hidup bahagia tak**?** Valarmathi bertanya lalu menangis**.**
> (M.Ramaiah, 2009**:**66)

Kamalaveni risau kerana suami kakak tidak bertanggungjawab terhadap keluarga**.** Selama ini**,** Mutharasu tidak ada pekerjaan**,** Mutharasu sentiasa menghabiskan masa bersama kawan-kawannya**.** Pengorbanan Valarmathi jelas melalui petikan ini**.**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> "மாமா!.... நீங்க வேலை ஏதும் செய்யாம இருக்கிறீங்களா அது பற்றி உங்க நண்பர்கள் உங்ககிட்ட எதுவும்மே கேட்பாதில்லையா? "
> "ஓ..நீ அதைக் கேகிறியா? என் கொழுந்தியா கைநிறையச் சம்பாதிக்கிறா. நான் எதுக்கு வேலைக்குப் போகணும்னு அவர்களைத் திருப்பிக்கேட்டேன்" என்றான் பெருமிதமாக *(*மா.இராமையா*:2009:55).*
>
> " Abang!... kamu tidak bekerja. Kawan-kawan kamu tidak bertanya pasal ini tak?"
> Ohh... engkau bertanya tentang itu ke. Adik ipar saya bekerja dengan pendapatan tinggi. Kenapa saya perlu bekerja?" Soalnya balik dengan nada angkuh**.**
> (M.Ramaiah,2009**:**55)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Valarmathi berjuang untuk membina kehidupan yang sejahtera buat adik perempuannya**.** Dia berunding dengan keluarga pihak lelaki untuk Kamalaveni**.** Akhirnya**,** perkahwinan mereka dipersetujui dan dilangsungkan dengan meriah**.** Valarmathi juga telah memaafkan suaminya**.** Valarmathi merupakan seorang kakak dan ibu yang gigih serta memikul tanggungjawab sebagai isteri dalam usahanya menyara kehidupan harian keluarganya**.** Minuman arak merupakan punca masalah sosial dalam rumah tangga**.** Perkara ini dapat dibuktikan situasi-situasi yang diberikan seperti di atas**.**

> **"**Bisa ular hanya membinasakan tubuh**.** Tetapi arak akan memusnahkan nyawa…arak menjadi sumber penyebab kecurian, pelacuran dan masalah sosial yang lain"
>
> (Mahatma Gandhi, 1958:55).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kenyataan ini dipetik dari kata-kata Mahatma Gandhi tentang keburukan arak. Para penulis novel Tamil Malaysia turut menyokong pengharaman minuman arak melalui karya mereka.

Wanita secara semula jadinya mempunyai naluri yang sesuai untuk aktiviti-aktivti sosial kerana hal-hal tersebut sangat memerlukan ketabahan**,** dan kepekaan perasaan serta rasa kasih sayang**.** Jika ingin dibandingkan dengan golongan lelaki**,** potensi ini lebih banyak dimiliki oleh golongan wanita. Hal ini boleh dilihat dalam realiti masyarakat kini**,** iaitu ramai wanita yang berjaya menceburi hal-hal kebajikan masyarakat**.** Golongan wanita tidak hanya menceburi dalam kementerian tetapi juga yayasan-yayasan yang bersifat menguruskan kebajikan masyarakat selalu ditadbir oleh wanita**.** (Siti Khariah, 2007:5)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Siti Khariah Mohd Zubir, dasar wanita negara menjelaskan bahawa penglibatan wanita dalam pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) menjadi aset terpenting untuk menggerakkan sesuatu pertubuhan. Pertubuhan NGO berasaskan ekonomi merupakan pertubuhan yang digemari oleh wanita profesional. Mereka berpersatuan untuk berkhidmat kepada masyarakat. NGO wanita memainkan peranan penting menggerakkan masyarakat dan memajukan kaum wanita. Kekuatan yang disumbangkan oleh NGO wanita membolehkan kerajaan membina kestabilan politik. Sehubungan dengan itu, Dasar Wanita Negara diwujudkan untuk meningkatkan lagi martabat kaum wanita di negara ini. Menurut, Ole Black dan Cramer menerusi bukunya *Atitude Change To Effective Practice*, pula terdapat tiga faktor utama seseorang itu melibatkan diri dalam NGO, iaitu Alturisme, iaitu keinginan melakukan sesuatu untuk orang lain. Yang kedua kepentingan diri, iaitu hasrat mencari manfaat bagi diri seperti minat, pengalaman, ilmu pengetahuan dan pekerjaan. Ketiga keinginan untuk bertemu dan berkenalan dengan orang lain.

Pemikiran tentang budaya turut mendapat perhatian dalam kara-karya M.Ramaiah. Menurut Ismail Hamid (1991) budaya masyarakat Timur secara umumnya adalah penuh dengan adat resam, pantang larang, adab sopan, tatacara dan nilai-nilai murni lagi positif yang telah diperturunkan dari generasi awal nenek moyang mereka. Penghormatan yang tinggi kepada adat budaya ini membawa kepada munculnya bidalan Melayu "biar mati anak jangan mati adat". Secara terperinci sifat-sifat positif, nilai etika masyarakat Timur yang biasanya dikatakan sebagai berbudi dan berbahasa, rendah diri, pemurah, benar, berhati-hati, kesabaran, ketekunan, tolong-menolong, perpaduan berpegang pada janji,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hormati ibu bapa dan orang tua, taati raja, mematuhi adat dan bermacam-macam sifat terpuji dan mulia lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala maksud perkataan kebudayaan berasal dari perkataan Sanskrit iaitu dari perkataan 'buddhayah'. Perkataan ini merupakan bentuk jamak bagi kata dasar 'buddhi' yang membawa maksud budi atau akal. Lantaran itu, kata kebudayaan membawa maksud hal-hal yang bersangkut paut dengan budi dan akal dan akal (Soerjono Soekanto, 1982). Bagi Rohana Yusof (1996:) pula perkataan kebudayaan sebenarnya terbentuk dari dua perkataan iaitu 'budi' dan 'daya' yang membawa maksud akal, jalan fikiran, ciptaan atau bikinan. Ringkasnya, bagi Rohana Yusof kebudayaan merujuk kepada segala hasil daripada akal fikiran manusia yang asli.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Agus Salim yang dipetik oleh Koh Young Hoon juga, berpendapat seperti Rohana Yusof. Baginya, kebudayaan ialah gabungan kata budi dan daya. Budi mengandungi makna akal, fikiran, pengertian faham, pendapat iktibar dan perasaan manakala daya pula bererti tenaga, kekuatan dan kesanggupan. Ringkasnya, kebudayaan merujuk kepada hidupan segala usaha dan daya upaya yang dikerjakan dengan menggunakan hasil pendapat budi untuk memperbaik sesuatu dengan tujuan mencapai kesempurnaan (Koh Young Hoon,1996). Roolvinli (1996) pula berpendapat bahawa perkataan ini merupakan singkatan dan berasal daripada perkataan Jawa iaitu '*budidaya*'. Jika ditinjau dari segi etimologinya kata ini merupakan gabungan kata pinjaman Sanskrit *'buddhi'* dan kata Malayo Polynesia *'daya'*. Kata budi daya ini kemudiannya mengalami proses

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemendekan yang dikenali dalam ilmu linguistik sebagai haplologi menjadi kebudayaan (Asmah Haji Omar, 2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Memandangkan kajian ini akan meneliti hasil karya golongan penulis berketurunan India adalah baik jika kita turut melihat kedudukan kata kebudayaan dalam rakaman ilmu pengetahuan masyarakat India. Jika dihalusi perbendaharaan kata bahasa Tamil, *pan:pa:t:t:u* merupakan perkataan yang boleh dikatakan sinonim dengan perkataan kebudayaan (Kanthasamy, 1997). Perkataan *pan:pa:t:t:u* yang merupakan kata nama terbitan ini sebenarnya berasal daripada frasa kerja, *pan:pa:t:t:u* yang bermaksud yang sesuatu yang dimurnikan (Bharathi, 1997). Jika diteliti pada konteksnya, perkataan, *pan:pa:t:t:u* membawa pengertian kehidupan yang telah dimurnikan. Manakala bagi Vaithialinggam (1996) pula kata, *pan:pa:t:t:u* ini sebenarnya berasal daripada kata akar *pan:pu*. Perkataan *pan:pu* merujuk kepada sifat, taraf semula jadi, tingkah laku, cantik, norma, kebaikan atau warna (*Kamus Anantha Vikatan*, 1935:1789). Manakala menurut Rajantheran dan Kumaran (1998) pula perkataan ini merujuk kepada sifat, kaedah, perbuatan atau tindakan. Walau bagaimanapun kata akar yang lebih sesuai untuk perkataan ini ialah *pan:pu*. Hal ini demikian kerana perkataan pan:pu bererti *pal-amai* yang bermaksud sesuatu yang lama (Kathiraiva Pil:l:ai Tamil-Mol- Akara: thi, 1998).

Berdasarkan pendapat serta pendirian tokoh-tokoh tersebut satu kerangka untuk kebudayaan dapat dibentuk secara kasar untuk kajian ini. Secara ringkasnya kebudayaan dilihat sebagai cara hidup sesebuah ,masyarakat atau bangsa merangkumi segala bentuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aktiviti harian mereka itu. Aspek seterusnya yang akan diberi perhatian ialah pembahagian dalam konsep kebudayaan itu sendiri. Secara umumnya kesemua sarjana yang ditinjau telah membahagikan kebudayaan kepada dua kategori yang umum. Bagi Rohana Yusof kategori tersebut ialah kebudayaan kebendaan dan kebudayaan bukan kebendaan. Manakala Ismail Hussein pula melihatnya sebagai kebudayaan sempit dan kebudayaan luas. Vaithialinggam pula membahagikannya kepada kebudayaan dalaman dan kebudayaan luaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, menurut Edward Burnett Tylor (1968) budaya atau kebudayaan merupakan keseluruhan yang kompleks yang di dalamnya terkandung pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, hukum, adat-istiadat dan kemampuan-kemampuan lain yang diperoleh oleh seseorang sebagai anggota masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah meneliti tentang pentakrifan budaya, pengkaji meneruskan kajiannya tentang wanita-wanita yang mengamalkan kebudayaan di bawah tajuk yang digambarkan oleh penulis-penulis novel Tamil Malaysia menerusi novel-novel yang menjadi pilihan pengkaji. Pengkaji menyentuh citra (imej), perjuangan dan kedudukan.

Pembahagian kerja antara wanita dan lelaki sudah terbudaya. Wanita bertanggungjawab atas urusan rumah tangga, manakala lelaki pula bertanggungjawab atas tugas mencari nafkah. Nilai kebudayaan demikian, tidak selalu menguntungkan kaum wanita kerana perkembangan yang tempang wujud antara sektor rumah tangga dan sektor nafkah. Status kedua-duanya berbeza. Pekerjaan rumah tangga bersifat rutin dan diulang-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ulang, memerlukan waktu yang lama serta tidak mendatangkan hasil secara langsung. Pekerjaan mencari nafkah dilakukan di luar domain rumah tangga, menghadapi situasi yang berubah-ubah, memberi kesempatan interaksi sosial yang luas dan dapat mendatangkan hasil berupa wang untuk keperluan rumah tangga. Jadi, pekerjaan lelaki yang mencari nafkah dianggap lebih penting daripada wanita. Pandangan ini yang mengukuhkan kedudukan kaum lelaki sebagai ketua rumah tangga dan memberikan dasar pengakuan atas kedudukannya yang lebih tinggi daripada wanita.

Pada zaman sekarang ramai wanita bekerja di luar rumah. Mereka tidak selalu hanya bergantung kepada kaum lelaki atau suami mereka. Dalam banyak hal penyelidik mendapati kaum wanita juga boleh menjadi ketua rumah yang baik, dapat mengendalikan rumah tangga tanpa kehadiran orang lelaki atau suami. Mereka juga dapat sekaligus menjadi ibu dan pencari nafkah bagi keluarga. Walaupun begitu, kedudukan mereka harus lebih rendah daripada kedudukan lelaki. Oleh sebab itu kajian ini merangkumi novel-novel Tamil Malaysia yang membincangkan adat dan budaya wanita India maka wajarlah kita mengetahui serba sedikit tentang budaya orang India.

Sejak turun temurun lagi, kaum wanita telah ditindas dan dijadikan hamba. Maka keadaan ini telah mendorong masyarakat untuk mengongkong dan wanita dijadikan hamba bagi kaum lelaki. Hal ini telah bertukar menjadi suatu budaya hidup dalam kalangan masyarakat India. Hal ini juga banyak dirakamkan dalam novel-novel penulis Tamil tempatan dan kaum wanita ditafsirkan sebagai hamba dan tidak diberi kepentingan. Namun demikian, dalam ketujuh-tujuh novel yang dikaji, penulis pilihan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian telah memecahkan tradisi lama tersebut dengan berpandangan jauh dan menyuarakan isu-isu yang dialami wanita melalui karya-karya mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mereka merupakan tokoh-tokoh yang menyuarakan hasrat dan pendapat menentang penindasan kaum wanita. Kaum wanita yang ditindas dari segi cemuhan dan fizikal telah ditentang sekeras-kerasnya dalam karya M.Ramaiah. Suara penentangan terhadap penindasan kaum wanita, dalam karya M.Ramaiah adalah sesuatu yang unik dan unggul serta tidak dapat disangkal. Keunikan yang digambarkan olehnya melalui tindakan dan pendapat drastik mereka dalam cara menangani sesuatu isu. Mereka mempunyai kebolehan menghasilkan dan memberi penerangan tentang isu-isu yang tidak berani dikemukakan oleh kebanyakan karyawan kerana dianggap sebagai isu-isu sensitif. Kaum wanita harus bangkit supaya tidak menjadi hamba kepada kaum lelaki. Penulis pilihan pengkaji berpendapatan bahawa perubahan harus dilakukan supaya keadaan sebegini diatasi melalui kebanyakan hasil karya mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam menjalankan kajian terhadap watak wanita dalam tujuh buah novel iaitu *Vil-alum Nhi:rum, Ethir V:t:u, Cangkamam, Payan:angkal: Mut:ivathillai, Nheruppu Cunai, Mana U:nangkal dan Al:akin A:ra:thanai,* pengkaji telah menerokai wanita dan institusi keluargaan berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, sebagai seorang ibu, isteri, anak dan menantu yang dipengaruhi oleh unsur-unsur kebudayaan.

Pemikiran tentang peranan iIbu turut terserlah dalam karya-karya M.Ramaiah. Syurga terletak di tapak kaki ibu. Peranan ibu adalah menjaga hal-ehwal rumah tangga. Setinggi manapun pendidikan atau jawatan seorang wanita yang bergelar ibu, ia tidak lari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada tanggungjawab menjaga keluarga**.** Daripada sebesar tapak tangan hinggalah dewasa**,** seseorang anak itu dijaga dan dibelai dengan sepenuh kasih sayangnya**.** Ibu berperanan memberi kasih sayang kepada anak**.**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam novel *Ethir V:t:u***,** Suami Alamelu bekerja di jabatan kerja raya**.** Mereka menjalani kehidupan sederhana**.** Sebagai seorang ibu yang prihatin dia telah banyak berkorban demi mendidik anaknya**.** Alamelu bekerja di rumah peguam Vananggaamudi**.** Dia menguruskan perbelanjaan dan memenuhi keperluan keluarganya**.** Alamelu berhasrat untuk menjadikan anaknya seorang peguam yang termashyur seperti majikannya Vananggaamudi**.** Alamelu mempersiapkan diri awal-awal lagi untuk membiayai pendidikan Porkodi agar tidak perlu berhadapan dengan masalah kewangan ketika sampai masanya anak memasuki institusi pendidikan**.** Tindakannya boleh diibaratkan dengan peribahasa sediakan payung sebelum hujan**.**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gaji suami juga dikirim untuk membiayai pendidikan anaknya**.** Alamelu bekerja dengan gigih tanpa mempedulikan kesihatannya dengan harapan dapat memakbulkan niatnya**.** Dia juga tidak menghiraukan pandangan suaminya yang menyatakan wanita tidak perlu diberikan peluang dalam pendidikan**.** Pengorbanan Alamelu mencapai tahap kemuncak apabila dia enggan memaklumkan anaknya tentang keadaan kesihatannya**.**

> “ஆமப்பா, அலமேலுக்கு இந்த உலகத்திலே எதுவுமே முக்கியமா தெரியலே. தன் இலட்சியமாகக்கூடத் கொண்டிருந்தா.” (மா. இராமையா:1976:31)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> "Ya. Alamelu tidak menghiraukan apa-apa di dunia ini. Dia beranggapan ini sebagai visi." (M.Ramaiah,1976:30-31)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dia bimbang Porkodi akan risau dan tidak menumpukan perhatian dalam pelajarannya. Situasi ini merupakan refleksi perjuangan yang dihadapi oleh Alamelu dalam memberikan kehidupan yang sejahtera buat anaknya. Dia berjuang sehingga nafas akhirnya bagi memakbulkan hasrat menjadikan anaknya seorang peguam.

Secara keseluruhan, boleh dikatakan budaya pengorbanan ibu terhadap kejayaan anaknya dapat digambarkan pada novel *Ethir V:t:u*. Perkara ini dapat dibuktikan situasi-situasi yang diberikan seperti di atas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Merujuk kepada novel, *Nheruppu Cunai*, Thirumeni merupakan ibu tunggal yang mempunyai seorang anak perempuan bernama Maathavamegalai. Dia hidup dalam kesusahan. Thirumeni tidak mahu anaknya terpedaya dalam cinta lagi sekali. Oleh itu, dia telah memberi amaran kepada Kavitha untuk menjauhi diri daripada Mathavamegalai. Hal ini kerana, Kavitha pernah membantu dalam hubungan mereka sebelum ini. Pada suatu hari, Ibu Mathavamegalai mendapat tahu tentang percintaan anaknya. Thirumeni berasa sangat marah dan memaki Kavitha. Ini menyakitkan hati Kavitha.

> "Kenapa kamu buat macam tak tahu apa-apa. Kamu jadi dalangan untuk hubungan Mathavamegalai dengan pengurusnya. Bukankah ke kamu menjadi orang tengah untuk mereka berdua untuk berjumpa di 7- Eleven. Dahlah buat semua ini tapi buat macam tak tahu". (M.Ramaiah, 2009:29)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dia kemudiannya telah berpindah ke Melaka bersama anaknya. Thirumeni mengahwinkan Mathavamegalai dengan lelaki pilihannya. Dia gembira dengan kehidupan anaknya. Thirumeni sanggup meninggalkan kampung halaman bagi menjamin kehidupan yang sejahtera buat anak kesayangannya. Kini Thirumeni memiliki rumah dua tingkat dan hidup dengan selesa. Dia juga merupakan ibu yang baik. Secara keseluruhan, boleh dikatakan watak dan pengorbanan Thirumeni sebagai seorang ibu dapat digambarkan novel, *Nheruppu Cunai*. Perkara ini dapat dibuktikan melalui situasi-situasi yang diberikan seperti di atas.

Dalam novel *Cangkamam*, Manggalam merupakan ibu kepada Gunalan. Selepas pemergian suaminya, beliau memikul tanggungjawab membesarkan anak-anak dengan bekerja sebagai seorang penoreh getah. Sebagai seorang ibu tunggal, Manggalam bersusah payah memelihara dan membesarkan anak-anaknya. Beliau bekerja sebagai penoreh getah di ladang. Beliau berjalan kaki sepanjang 5 km untuk menoreh getah. Manggalam mengalami situasi yang terdesak di mana beliau tidak mampu membayar yuran peperiksaan anaknya, Gunalan akibatnya anak Manggalam bekerja di bandar. Wang yang dikirimkan oleh anak Manggalam adalah untuk mengurangkan sedikit bebannya. Perwatakan ini menggambarkan tanggungjawab seorang ibu. Beliau juga sentiasa memberikan nasihat kepada anaknya bahawa Gunalan sentiasa mengikut jalan yang baik. Ibu Gunalan juga dapat tahu tentang percintaan anak dia. Dia juga bersetuju untuk percintaan mereka dan mengahwinkan mereka berdua. Selepas perkahwinan Manggalam juga tinggal bersama dengan anak dia dan anak mentuanya. Beliau juga pandai dalam kemahiran masakan. Manggalam merupakan seorang ibu yang baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Beliau menjalani kehidupan yang selesa disebabkan hati yang baik. Secara keseluruhan, boleh dikatakan peranan ibu yang dapat digambarkan sebagai pengorbanan pada novel, *Nheruppu Cunai*. Perkara ini dapat dibuktikan melalui situasi-situasi yang diberikan seperti di atas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, dalam novel *Mana U:nangkal,* Sellamma merupakan seorang ibu tunggal. Dia mempunyai seorang anak perempuan yang bernama Puurani. Sellamma menyara dan membesarkan anak perempuannya dengan bekerja di ladang. Dia mengorbankan kehidupannya untuk menjamin kesejahteraan Purani. Sellamma tidak dibenarkan untuk mengambil cuti di tempat kerjanya. Namun dia tidak menghiraukannya, malah bekerja dengan penuh gigih bagi memenuhi keperluan anaknya. Sellamma menjalinkan hubungan dengan Pasupathi yang merupakan seorang guru. Sellamma meminta bantuan Pasupathi untuk menukar kad pengenalan merah anaknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal ini demikian kerana Sellamma menghadapi kesukaran mencari lelaki yang besedia mengahwini Puurani yang tidak mempunyai status kewarganegaraan. Pasupathi yang bersetuju menghulurkan bantuan rupa-rupanya berniat jahat. Dia menggunakan peluang dan mengambil kesempatan atas Purani. Pasupathi yang telah menghamilkannya enggan bertanggungjawab. Sellamma menangis dan meratapi nasib buruk yang telah menimpa diri dan anaknya. Sellamma merupakan seorang ibu yang baik hati. Kemurahan hati Sellamma jelas tergambar apabila dia membawa Pasupathi yang telah jatuh sakit ke hospital. Sellamma menolong Pasupathi untuk menyelamatkan nyawa. Walaupun Purani tidak secocok dengan Pasupathi, Sellamma bercadang untuk mengahwinkan anaknya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan Pasupathi. Secara keseluruhan, peranan dan pengorbanan dan perjuangan seorang ibu dalam watak seumpama dapat digambarkan dalam novel**,** *Mana U:nangal***.**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam novel *Vil-alum Nhi:rum***,** Kanniamah tinggal di kawasan penempatan haram**.** Dia mempunyai empat orang anak. Dia pandai menguruskan keluarga menggunakan wang yang diberikan oleh anak-anaknya. Kanniamah tidak bersetuju dengan percintaan anaknya Sita. Oleh itu, Kanniamah meluahkan perasaan marah dia dengan memukul Sita. Kelakuan Kanniamah terhadap Sita telah ditegur oleh suaminya. Selepas itu, dia sedar atas kesilapan dirinya. Dia juga sedar akan kesalahan yang dilakukannya selepas anak mentuanya Kayalvizhi meninggalkan rumah. Kanniamah berubah hati dan mula bercakap dengan anaknya dengan penuh kasih sayang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kini Kanniamah sedar akan kepentingan kasih sayang. Dia juga dapat memahami perasaan orang lain**.** secara keseluruhannya, Kanniamah takut pada percintaan anaknya. Pengorbanan ibu dapat digambarkan dalam novel *Vil-alum Nhi:rum***.** Dalam novel *Vil-alum Nhi:rum***,** Vasugiamma merupakan seorang ibu yang baik**.** Beliau ialah ibu kepada Kayalvizhi**.** Beliau memberikan keutamaan kepada pendidikan**.** Vasugiamma berjimat cermat dalam pengurusan kewangan supaya dapat menunaikan keinginannya mewujudkan tiga orang graduan**.** Ketiga-tiga anak perempuannya berjaya menjadi siswazah**.**

Vasugiamma juga inginkan ketiga-tiga anak perempuannya hidup berdikari**.** Suami beliau menyokong keluarga dalam bentuk material**.** Manakala**,** Vasugiamma menyokong dari segi moral**.** Hal-hal yang lain seperti pengurusan kewangan keluarga**,**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penjagaan anak-anak, semuanya ditanggung oleh Vasugiamma. Beliau memperuntukkan lebihan belanja untuk pendidikan anak-anaknya. Beliau sedar akan kepentingan pendidikan untuk hidup berdikari. Vasugiamma tahu bahawa pendidikan akan menjamin kehidupan yang sejahtera kepada anak-anak perempuannya. Anak perempuannya Kayalvizhi bekerja sebagai seorang pengurus manakala anak keduanya pula bekerja di luar negara.

> Kami tidak dapat mengumpulkan harta benda. Walaupun saya menjadi penghutang, saya tetap menjadikan kamu sebagai seorang graduan. Kamu binakan kehidupan kamu berdasarkan pendidikan kamu. (M.Ramaiah, 1999:34-42)

Secara keseluruhannya,walaupun Kayalvizhi dididik dengan baik namun usaha Vasugiamma bagaikan mencurah air ke daun keladi. Namun dia berasa lega kerana memikirkan ilmu yang diperoleh oleh Kayalvizhi dapat menjamin kehidupan yang sejahtera kepadanya.

Citra perjuangan wanita sebagai anak juga dapat dikaji dalam novel-novel terpilih M.Ramaiah. Anak yang taat ialah anak yang tidak derhaka kepada ibu bapa. Mereka mendengar nasihat dan sopan santun. Komunikasi positif dengan ibu bapa ialah kita mampu untuk berbual dan berbincang masalah dengan ibu bapa. Kita hendaklah menjadikan ibu bapa sebagai guru dan sahabat.

Porkodi merupakan seorang gadis yang baik. Dia berasal dari keluarga miskin. Dia berminat untuk belajar tetapi dihalang oleh ayahnya. Namun demikian ibu Porkodi memberikan sokongan dan membiayai pendidikan anaknya. Porkodi belajar bersungguh-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sungguh dalam jurusan perundangan**.** Pendidikannya dibiayai oleh emaknya**.** Walaupun tinggal di bandar namun dia tidak terpengaruh dengan suasana sekilling**.** Dia sentiasa berjimat cermat**.** Malah dia juga tidak bercinta dan hanya menumpukan perhatian dalam pelajarannya**.** Akhirnya**,** Porkodi telah menunaikan hasrat ibunya**.** Walaupun berasal dari keluarga miskin namun dia mempunyai kawalan kendiri yang kuat**.** Porkodi belajar dengan gigih dan mendapat keputusan yang cemerlang. Dia juga berjaya menjadi seorang peguam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> "Emak... dalam kehidupan kamu segala pengorbanan akan menjadi kenyataan hari ini. Restu dan hantarkan saya mak. Air mata Porkodi berlinangan di pipinya. Dia mengesat air matanya dengan penghujung sarinya.
>
> (M**.** Ramaiah, 1967**:**107)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhan**,** boleh dikatakan peranan anak perempuan dalam menghargai pengorbanan ibunya yang dapat digambarkan pada novel *Ethir Vi:t:u***.** Perkara ini dapat dibuktikan situasi-situasi yang diberikan seperti diatas**.**

Dalam novel *Nheruppu Cunai***,** Mathavamegalai merupakan anak yang mentaati ibunya. Dia mencintai Nyanasegaran yang bekerja sebagai seorang pegawai**.** Mathavamegalai berasal dari keluarga yang miskin**.** Dia mencintai Nyanasegaran**.** Ibu Mathavamegalai memarahinya selepas mendapat tahu percintaan anaknya**.** Dia tidak bersetuju dengan hubungan tersebut**.** Dia memberitahu anaknya bahawa orang berada hanya bercinta untuk memenuhi masa lapang**.**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, Thirumeni telah membawa Mathavamegalai ke Melaka. Setelah mencari calon lelaki yang baik dan sesuai Thirumeni telah mengahwinkannya dengan Mathavamegalai. Mathavamegalai menuruti keputusan ibunya dan menjadi isteri yang taat kepada suaminya. Dia juga menyedari kepentingan ikatan perkahwinan. Mathavamegalai sedar akan peranannya sebagai seorang anak. Dia menjadi seorang anak yang baik dan taat. Bukti kenyataan di atas dapat kita lihat dalam petikan novel *Nheruppu Cunai* yang diperturunkan di bawah ini

> "Kavitha cinta itu adalah berkaitan dengan perasaan dan bukan berkaitan dengan nafsu. Kita yang melahirkan perasaan cinta dalam diri kita. Kalau begitu apa salahnya jika kamu menyingkirkan perasaan itu dari hati kamu. Saya menyingkirkan perasaan cinta saya terhadap Nyanasekaran dan kahwin dengan lelaki laini. Selepas ini tiada apa-apa lagi yang saya perlu ungkitan berhubung hal ini".(M.Ramaiah, 2009:114)

Secara keseluruhan, boleh dikatakan daripada petikan ini kita dapat lihat dengan jelas peranan anak dalam novel *Nheruppu Cu:nai*. Perkara ini dapat dibuktikan situasi-situasi yang diberikan seperti di atas.

Dalam novel *Vil-alum Nhi:rum*, watak Sita anak kepada Kanniamah pula digambarkan sebagai seorang gadis yang baik. Dia berpelajaran setakat SRP (Sijil Rendah Pelajaran) sahaja. Dia juga digambarkan sebagai gadis yang sentiasa menurut nasihat dan perintah ibu bapanya. Sita mencintai Dharmabalan. Dia takut akan reaksi ibunya sekiranya beliau mendapat tahu tentang hal percintaannya. Abang sulung Sita mengetahui mengenai hubungan kasihnya. Namun Sita takut Kanniamah akan

mengetahui jua perhubungannya dengan Dharmabalan. Perwatakan Sita sebagai anak gadis yang baik dapat dilihat ketika Sita menyatakan yang dia tidak akan mengahwini Dharmabalan tanpa persetujuan ibunya. Selain itu, sikap baiknya juga terbukti apabila dia menyatakan keengganannya melarikan diri dari rumah sekiranya keluarganya tidak bersetuju dengan keluarga Dharmabalan. Sita juga sanggup menerima pukulan daripada Kanniamah demi cintanya. Akirnya, cinta Sita telah direstui dan diterima oleh ibu bapanya. Dia bakal menjadi pengantin perempuan dan mengahwini Dharmabalan. Secara keseluruhan, boleh dikatakan Sita sedar akan peranannya sebagai seorang anak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perjuangan wanita juga jelas dalam tanggungjawab mereka sebagai isteri dalam novel M.Ramaiah. Peranan ini juga menarik untuk dikaji. Isteri mempunyai tanggungjawab menjaga suami baik ketika sihat mahupun sakit. Kesetiaan kepada suami adalah ajaran setiap agama. Isteri mempunyai tanggungjawab untuk membimbing suami ke arah amalan yang baik dan menjauhi daripada perkara yang ditegah oleh agama.

Dalam novel *Cankamam*, watak Len Moi digambarkan sebagai seorang gadis yang baik hati dan berasal dari keluarga yang baik. Dia merupakan gadis kacukan India dan Cina. Nama Tamil Len Moi ialah Mullai. Dia merupakan isteri yang penuh bertanggungjawab. Mullai mengamalkan budaya Tamil. Walaupun ibu Mullai berketurunan Cina, namun dia mengikuti ayahnya yang berketurunan Tamil. Mullai mencintai Gunalan. Walaupun berasal daripada keluarga yang berada, Mullai tetap rendah diri. Mullai berperanan sebagai tangga untuk memajukan Gunalan. Sebagai teman hidup,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dia membantu Gunalan dalam pendidikan terutamanya dari segi kewangan. Mullai menjadi tulang belakang dalam setiap pencapaian Gunalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mullai mengahwini Gunalan setelah mendapat persetujuan daripada orang tuanya. Mereka gembira kerana mendapat anak mentua yang baik seperti Gunalan. Tambahan pula, mereka berasa lega dengan kebolehan Gunalan dalam menguruskan syarikat. Mullai membawa ibu mentuanya untuk tinggal bersama dan tidak meninggalkanya di ladang. Mullai menganggap ibu dan adik beradik suaminya sebagai keluarga sendiri. Ibu mentuanya berasa sangat terharu dan bangga dengan sikap Mullai. Mullai juga baik terutamanya dalam menjaga kebajikan pekerja-pekerja di kilangnya.

Poongkothai dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai*, ini digambarkan sebagai isteri kepada Kathirvelu. Dia tidak berapa menyukai malah takut dengan politik. Poongkothai mempunyai empat orang anak. Perjuangan yang dihadapi olehnya itu telah dijadikan sebagai pendorong untuk memajukan keluarga. Poongkothai merupakan seorang suri rumah yang baik. Dia sentiasa menunggu kepulangan suaminya dari tempat kerja. Selain menjadi seorang isteri Poongkothai juga menjadi penasihat kepada suaminya. Dia mendidik dan memelihara keempat-empat anaknya. Sebahagian besar tanggungjawab keluarga dipikul oleh Poongkothai. Walaupun menghadapi kesusahan namun ini tidak pernah menjadi penghalang kepada Poongkothai untuk menguruskan keluarganya. Poongkothai sentiasa berada di sisi suaminya tatkala suka dan duka. Kedudukan Poongkothai mencerminkan dia merupakan seorang isteri yang taat kepada suaminya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebagai rumusannya, peranan wanita sebagai isteri dan dapat ditonjolkan oleh watak dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai* yang menjadi pilihan pengkaji. Poongkothai sebagai seorang isteri yang bertanggungjawab dapat memanikan peranan dengan jayanya. Secara keseluruhan, boleh dikatakan pengorbanan isteri yang dapat digambarkan pada novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai.*

Sebagai rumusannya, peranan wanita sebagai ibu, anak, isteri dan menantu dapat ditonjolkan oleh ketujuh-tujuh penulis novel Tamil Malaysia yang menjadi pilihan pengkaji. Watak-watak wanita yang terlibat dapat memainkan peranan masing-masing dengan jayanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah mengkaji kedudukan wanita dalam budaya, maka bolehlah dikatakan bahawa, pembentukan peranan wanita dibentuk oleh dua faktor yang dominan iaitu budaya atau adat serta agama. Pendekatan ini ditegaskan oleh Roziah Omar (1996) yang menekankan kepentingan agama dan budaya dalam membentuk dan mewarnai peranan wanita dalam masyarakat. Heyzer (1986) dalam buknya yang berjudul *Working Women in South East Asia* juga menegaskan yang faktor budaya merupakan faktor asas yang perlu diambil kira dalam menilai pembentukan peranan wanita. Ternyata peranan yang dijangka dan diterima oleh masyarkat, budaya mempengaruhi pandangan wanita terhadap dirinya sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendidikan dikatakan salah satu wadah yang penting untuk membawa perubahan dalam kehidupan golongan wanita. Lantaran itu pemikiran tentang pendidikan juga akan dikupaskan dalam bahagain ini. Hal ini demikian kerana soal pendidikan menjadi salah satu isu penting yang sering diperkatakan dan dibincangkan apabila menyentuh tentang wanita. Jika dilihat dari segi sejarah, bidang pendidikan terutamanya tentang pendidikan formal, kaum wanita mendapat peluang untuk belajar di sekolah-sekolah formal lebih lewat daripada kaum lelaki. Keadaan ini disebabkan oleh sikap ibu bapa pada akhir abad ke-19. Ramai yang tidak membenarkan anak-anak perempuan mereka untuk keluar dari rumah. Pada pendapat mereka, anak gadis cuma perlu belajar memasak dan mengemas rumah untuk menyediakan diri ke alam rumah tangga. Soal didikan yang berbeza antara lelaki dan wanita membentuk sikap dan tahap pergaulan mereka sama ada dengan kawan-kawan dan masyarakat (Mana Sikana, 2012)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaum wanita hanya diberi latihan tentang hal-hal rumah tangga sahaja. Mereka yang berpelajaran dan keluar untuk bekerja pula dianggap sebagai suatu penghinaan pada kaum lelaki. Kesemua tindakan ini memberi pengajaran kepada kita bahawa kaum wanita diperintah oleh kaum lelaki (Muthu Sithambaram,1995).

Manakala apabila ditinjau tentang wanita India, mereka tidak diberi peluang langsung untuk mendapatkan pendidikan. Selepas mendirikan rumah tangga, mereka seratus peratus akan menumpukan perhatian terhadap keluarga mereka dan menjaga kebajikan kaum lelaki. Pada waktu yang sama, mereka menganggap pendidikan akan meruntuhkan moral kaum wanita. Kononnya untuk menjaga maruah keluarga wujud

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

anggapan bahawa pendidikan tidak memberi sebarang faedah kepada wanita dan oleh hal yang demikian hak untuk mendapatkan pendidikan disekat sama sekali bagi kaum wanita. Maka di sini dapat kita sedar bahawa kaum wanita pada zaman dahulu kala tidak menerima peluang pendidikan sepertimana kaum lelaki yang diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran mereka hingga ke peringkat yang tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soal pendidikan menjadi salah satu isu penting yang sering diperkatakan dan dibincangkan apabila menyentuh tentang wanita. Jika dilihat dari segi sejarah, bidang pendidikan terutamanya tentang pendidikan formal, kaum wanita mendapat peluang untuk belajar di sekolah-sekolah formal lebih lewat daripada kaum lelaki. Keadaan ini disebabkan oleh sikap ibu bapa pada akhir abad ke-19. Ramai yang tidak membenarkan anak-anak perempuan mereka untuk keluar dari rumah. Pada pendapat mereka, anak gadis cuma perlu belajar memasak dan mengemas rumah untuk menyediakan diri ke alam rumah tangga. Soal didikan yang berbeza antara lelaki dan wanita membentuk sikap dan tahap pergaulan mereka sama ada dengan kawan-kawan dan masyarakat (Mana Sikana, 2012)

Kajian ini mendapati terdapat bukti-bukti yang menyatakan bahawa para penulis novel ini amat mementingkan pendidikan kepada kaum wanita. Buktinya, dalam novel *Ethir Vi:t:u*, penulis menggambarkan bahawa anak perempuan Alamelu yang bernama Porkodi merupakan seorang gadis yang baik. Dia berasal dari keluarga miskin. Dia berminat untuk belajar tetapi dihalang oleh ayahnya. Namun, ibu Porkodi memberikan sokongan dan membiayai pendidikan anaknya. Pada masa yang sama juga dapat juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dilihat bahawa Porkodi dalam Novel *'Ethir Vi:t:u'* berhadapan dengan pelbagai perjuangan**.** Porkodi belajar bersungguh-sungguh dalam jurusan perundangan**.** Pendidikannya dibiayai oleh emaknya**.**

Namun usahanya tidak membuahkan sebarang hasil**.** Pada masa yang sama dia mendapat tahu bahawa suami Porkodi telah menjadi mangsa penyelewengan Kannan. Akhirnya**,** Porkodi sendiri turun ke padang dan menjadi peguam bela untuk membela suaminya**.** Dia telah membela dengan bukti yang kukuh dan membuktikan bahawa Suntaresan tidak bersalah**.** Akirnya**,** Suntaresan telah dibebaskan**.**

> "Suntheran yang memperoleh isterinya sebagai seorang penguam sangat bertuah**,"** kata penguam Vanangamudi. (M.Ramaiah, 1967**:**112)

Secara keseluruhan, boleh dikatakan kepentingan pendidikan yang dapat digambarkan pada novel *Ethir Vi:t:u***,.**

Pendidikan dan modenisasi telah menaikkan status seseorang wanita ke tahap yang lebih tinggi**.** Hal ini demikian kerana kesan daripada pendidikan**,** wanita turut bersama-sama dan menyumbangkan kemahiran dan tenaga terhadap pembangunan negara tetapi pada masa yang sama mereka juga merupakan tonggak utama dalam menjamin kebahagiaan sesebuah rumah tangga**.** Walaupun wanita terlibat dalam bidang-bidang yang dianggap berprestij tinggi namun kerangka tradisi masih lagi diikuti**.** Keluarga tetap merupakan pilihan utama walau bidang apapun yang diceburi**.** Pendidikan sebenarnya

telah mengangkat kaum wanita ke tahap *super woman* yang menjadikan wanita seorang manusia yang ‘versatile’**.**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Meneliti kedudukan wanita cenderung dicerminkan oleh penulis setelah mengatasi perjuangan yang dihadapi dalam novel *Ethir Vi:t:u* Porkodi berjaya menjadi seorang peguam**.** Kayalvizhi dalam novel *Vil-alum Nhi:rum***,** berjaya menjadi pengurus pejabat dan Latha dalam novel *Al-akin A:ra:thanai* berjaya menjadi guru sekolah Menengah.

Begitu juga dengan beberapa watak wanita yang ditonjolkan dalam novel M**.**Ramaiah**.** Dalam mencurahkan rasa suka cita para penulis telah menghuraikan peningkatan kedudukan dan taraf hidup wanita menerusi jawatan yang disandang serta menyokong kemajuan dan perkembangan dan tersebut**.** Oleh hal yang demikian para penulis novel Tamil Malaysia amat menyetujui kemajuan wanita menerusi pendidikan**,** maka perkembangan kaum wanita dalam bidang pendidikan seiring dengan pendekatan feminisme terus maju mengikut peredaran zaman dan dapat membebaskan mereka daripada belenggu kejahilan dan kegelapan**.**

Perjuangan dalam bidang politik juga harus dilihat sebagai aspek kajian kerana aspek ini menunjukkan sejauh manakah golongan wanita mampu beraksi dalam dunia publik seperti golongan lelaki. Sebelum abad ke-20 arena politik dikuasai oleh golongan lelaki **t**etapi dalam abad ke-20**,** wanita di dunia ini menikmati hak mengundi**.** Namun begitu kuasa politik mereka masih terhad sedikit**.** Di negara kita**,** pada tahun 1940-an dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1950-an, gerakan politik yang agresif telah muncul dengan memperjuangkan kemerdekaan negara. Walaupun wanita turut terlibat dalam gerakan ini, namun pergerakan mereka yang aktif tidaklah banyak dan antara yang aktif itu terdiri daripada pergerakan wanita Melayu (Rosnah Bahruddin, 1979).

Memandangkan wanita telah bergiat dalam politik sejak dahulu lagi maka, pengkaji ingin memperlihatkan peranan wanita yang mempersoalkan perjuangan sama ada perjuangan politik atau perjuangan menuntut hak yang terdapat dalam novel-novel pilihan pengkaji. Apabila pengkaji mengkaji peranan wanita dalam bidang politik, pengkaji dapati daripada tujuh buah novel pilihan hanya terdapat sebuah novel sahaja yang berjaya memaparkan wanita bercimpung dalam bidang politik. Novel tersebut ialah *Payan:angkal: Mut:ivathillai* karya M.Ramaiah, membawa watak utama iaitu Thilagawathi melibatkan diri dalam arena politik.

Dalam novel *Payan:angkal:, Mut:ivathillai* Thilagavathi digambarkan sebagai seorang wanita yang baik hati. Thilagavathi bekerja sebagai seorang guru. Dia merupakan guru Bahasa Inggeris. Thilagavathi dan suaminya Manavazhager mempunyai kedudukan dalam bidang politik. Thilagavathi menghadapi pelbagai perjuangan dalam kehidupannya. Dia berasal dari keluarga yang miskin. Manavazhager telah mengahwininya dan mengajar segala liku-liku dalam bidang politik. Thilagavathi yang sedar akan peranannya sebagai ahli politik melaksanakan tugasnya dengan penuh bertanggungjawab. Dia juga membantu golongan miskin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dia dihormati oleh semua orang. Selepas mengetahui dan mengenali sifat kejujuran Kathirvel. Thilagavathi telah melantiknya sebagai setiausaha negeri. Dia telah membuktikan golongan wanita juga berkebolehan dalam bidang politik. Walaupun, Thilagavathi tidak dikurniakan dengan cahaya mata, namun dia mendapat kepuasan melihat kegembiraan di air mata orang yang dibantu olehnya. Thilagavathi mempunyai kedudukan yang tinggi dalam kalangan masyarakat. Dia merupakan ketua wanita dan suka menolong orang yang memerlukan. Secara keseluruhan, boleh dikatakan aspek politik yang dapat digambarkan pada novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai.*

M.Ramaiah, berjaya memaparkan realiti kehidupan seorang wanita yang ingin berjaya setanding dengan lelaki. Tanggapan atau beban yang dipukul oleh Thilagavathi ialah gambaran emansipasi wanita kota hari ini. Wanita hari ini merupakan wanita yang kuat semangat perjuangannya. Walaupun diuji oleh ribut dan taufan kehidupan tetapi mereka ini agar sukar untuk tumbang. Kecekalan hati dan semangat yang kuat memberi kekuatan kepada dirinya untuk berjaya dalam kerjaya politiknya. Sokongan daripada pelbagai memberikan satu kekuatan yang luar biasa kepada diri Thilagavathi. Penulis secara sedar atau tidak seolah-olah ingin memberi semangat baharu kepada kaum wanita supaya tabah menghadapi cabaran. Apa yang diperkatakan oleh pengarang sebenarnya datang daripada pengalamannya sendiri dan dunia kewartawanan.

Kesimpulan yang diperoleh daripada keseluruhan perbincangan tentang peranan wanita dalam bidang politik yang telah dikaji oleh pengkaji menunjukkan bahawa wanita

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang menceburkan diri dalam politik merupakan wanita yang benar-benar tabah, cekal dan sabar, dan mereka harus menempuh banyak dugaan untuk berjaya. Contohnya Thilagavaathi dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai,* menjadi bukti wanita sudah mula berkecimpung dalam arena politik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Kesimpulan

Secara ringkasnya. Daripada ketujuh-tujuh buah novel ini boleh dirumusakn bahawa hak kaum wanita selalu sahaja dipertikaikan oleh kaum lelaki tanpa pembelaan dan seterusnya hak mereka diketepikan begitu sahaja. Kaum wanita di Malaysia mulai sedar tentang hak mereka. Bersandarkan realiti ini mereka memperkatakan tentang perjuangan wanita. Tuntutan kaum wanita merangkumi hak kebebasan untuk menuntut ilmu dan juga kebebasan memilih dalam pemilihan jodoh. Kaum wanita menuntut diri mereka diberikan perhatian oleh semua pihak. Apa yang dituntut oleh golongan wanita di Malaysia tidaklah melampaui batas dan tidak terkeluar daripada lunas-lunas undang-undang. Mereka hanya menginginkan diri mereka diberi peluang yang sama dengan golongan lelaki untuk meneroka bidang sosial budaya, pendidikan, dan politik.

Berdasarkan dapatan kajian atau penemuan yang telah dihuraikan oleh pengkaji, jelaslah bahawa peranan wanita dalam ketujuh-tujuh novel pilihan pengkaji, merangkumi ciri-ciri kewanitaan iaitu mengamalkan sikap dan perwatakan yang murni dan jiwa serta emosi seorang wanita. Peranan wanita dalam novel-novel tersebut mudah dikesan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dihayati dengan pengaplikasian pendekatan ataupun teori feminisme. Hal ini demikian kerana watak-watak wanita yang menunjangi novel-novel ini penuh dengan sifat- sifat feminin dan berpsikologi feminin. Wanita dalam ketujuh- tujuh buah novel ini berjaya dalam hidup mereka setelah menghadapi berbagai-bagai cabaran dan liku-liku kehidupan yang penuh dengan pancaroba. Segala kesengsaraan yang mereka alami berkesudahan dengan kejayaan apabila mereka bertindak dengan cara yang betul. Milineum baru ini pasti sahaja sarat dengan muatan dan cabaran reformasi. Mereka akan menjadi cerucuk utama pembangunan untuk menjulang negara ke puncak jagat supaya dapat menuntut setiap anak watan mengotakan aspirasi.

Wanita merupakan sebahagian daripada masyarakat dunia. Mendepani realiti baru dunia yang pantas berubah dan berkembang, sewajarnya wanita diberi satu kepercayaaan dan penghormatan untuk melibatkan diri dalam hal ehwal kemasyarakatan. Kita tidak wajar hanya akur dengan arus yang songsang dengan beranggapan bahawa wanita itu tempatnya hanyalah di ceruk dapur atau mengasuh anak semata-mata. Wanita kini, sudah berubah menyambut gamitan menara impian dan telah banyak mencapai kemajuan dan berani untuk tampil kehadapan menangkis tuduhan yang tidak berasas, seterusnya menyuarakan cetusan idea dan ketidakpuasan hati untuk membangunkan generasi yang berketerampilan, bersahsiah mulia dan berilmu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.0 Pengenalan

Setelah empat bab terdahulu berfungsi mengemukakan pengenalan, tinjauan literatur, methodologi kajian dan analisis, bab ini tampil untuk membuat kesimpulan dan cadangan.

5.1 Citra Wanita dalam Novel-Novel M. Ramiah.

Dalam bahagian ini rumusan tentang tiga objektif kajian akan dikupaskan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1.1 Rumusan Analisis Jenis Watak Wanita dalam Novel-Novel Terpilih M.Ramaiah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam membuat tinjauan tentang jenis watak yang terdapat dalam novel-novel M.Ramaiah, kajian ini menggunakan dua kerangka iaitu kerangka A.Wahab Ali dan kerangka Ungku Maimunah. Kedua-dua kerangka ini memberi gambaran yang berbeza. Karya-karya M.Ramaiah mengikut kaca mata A.Wahab Ali menunjukkan bahawa kebanyakan wataknya hanya menepati jenis wanita tradisional. Mereka masih terikat kepada tradisi dan tidak berani menentang halangan-halangan masyarakat. Lantaran itu, jelas kelihatan bahawa watak-watak wanita M.Ramaiah begitu akur kepada kehendak masyarakat. Sebagai seorang penulis lelaki M.Ramaiah melihat watak wanitanya sebagai golongan yang bergantung kepada golongan lelaki. Walaupun mereka inginkan kebebasan mereka terpaksa bergantung kepada dunia lelaki untuk mendapat restu dalam mengharungi hidup mereka. Ramai antara mereka yang hilang hak mereka kerana terpaksa tunduk kepada kehendak dan keperluan dunia lelaki. Hal ini jelas melalui watak Latha dalam novel *Al:akin A:rathanai*, Kayalvizhi dalam novel *Vil-alum Nhirum*, Pavalam dalam novel *Mana U:nangal* dan Mohini dalam novel *Ethir Veedu*. Rata-rata watak ciptaan M. Ramaiah kecuali beberapa watak wanita sahaja tidak bebas dan bahagia dalam kehidupan mereka. Hal ini mungkin disebabkan oleh keinginan M. Ramaiah untuk memberi pengajaran kepada golongan pembaca supaya menurut acuan yang telah ditentukan oleh masyarakat mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Novel-novel M.Ramaiah juga mendedahkan kepada kita bahawa pandangan Ahmad Kamal Abdullah (2003) yang merumuskan bahawa penulis lelaki pada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

umumnya dianggap bias kerana kecenderungan dengan semangat *patriarchal* dalam penulisan mereka ternyata tepat. Dalam ketujuh-tujuh novel, nada seumpama ini jelas tersuguh dengan jelas. Watak-watak yang dilakarkan oleh M. Ramaiah membuktikan keadaan ini. Latha yang berani dan berfikiran moden turut menjadi mangsa dunia patriaki ini. Akibatnya dia terpaksa mengemis ehsan kepada dua orang lelaki iaitu Dokotr Gurumurti dan Ragunathan demi masa depan dan maruahnya dalam novel *Al:akin A:rathanai*. Kayalvhizi juga menjadi mangsa Kumaravelu yang tamak dengan kedudukannya dalam novel *Vil-alum Nhirum*. Golongan wanita yang tunduk kepada dunia patriaki pula dilakarkan sebagai watak wanita yang berjaya seperti Mullai dalam novel *Cangamam* dan Pongothai dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai.* Ternyata nada bias kelelakian pengarang masih ketara dalam novel ini.

Jika ditinjau mengikut pandangan Ungku Maimunah Mohd Tahir pula watak-watak wanita yang dihasilkan oleh M.Ramaiah ini berada dalam kategori watak positif. Walaupun mereka mengharungi pelbagai masalah tetapi mereka dapat menyelesaikan semua masalah mereka dengan baik dan tidak menjejaskan diri mereka. Hal ini memberi kita satu pengajaran bahawa walaupun wujud pelbagai masalah dalam kehidupan namun jika kita tabah mengharungi masalah itu, nescaya kita dapat menyelesaikannya.

M.Ramaiah memperlihatkan usaha mengangkat watak wanita India dalam masyarakat sebagai wanita moden yang memiliki ciri-ciri ketimuran berlandaskan ciri-ciri tradisi. Novelis juga mengambarkan situasi masyarakat India Malaysia khususnya dalam usaha mengejar kemajuan. Watak-watak yang dikemukakan ialah wanita yang berani memperjuangkan nasib diri, masyarakat dan negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Satu aspek yang positif dalam novel-novel M.Ramaiah ialah kedudukan pendidikan kepada watak-watak wanita. Kebanyakan watak utama dalam novelnya telah melalui sistem pendidikan yang baik. Hal ini jelas melalui watak Latha dalam novel *Al:akin A:rathanai*, Porkodi dalam novel *Ethir Veedu*, Parimalam dalam novel *Mana U:nangal* yang menjadi bukti keadaan ini. M.Ramaiah telah memberikan emansipasi kepada golongan wanita melalui pendidikan. Namun demikian dalam perkembangan novel pendidikan yang diterima tidak mampu untuk menjadikan golongan wanita dalam novel-novelnya bertindak rasional. Hal ini jelas melalui watak Latha dalam novel *Al:akin A:rathanai*, watak Parimalam dalam novel *Mana U:nangal* dan Kayalvizhi dalam novel *Vil-alum Nhirum*. Malah watak wanita dalam novel ini yang tidak memiliki pelajaran turut digambarkan sebagai golongan yang lemah seperti Alamelu dalam novel *Ehtir Vedu*. Akibatnya mereka tidak dapat memperbaiki kedudukan mereka dengan baik walapun sedar akan keperluan pelajaran dalam hidup mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1.2 Rumusan Analisis Kedudukan Wanita dalam Novel-Novel Terpilih M.Ramaiah

Jika dilihat kepada ketujuh-tujuh buah novel yang dihasilkan oleh M.Ramaiah ini, kita perlu menerima hakikat bahawa M.Ramaiah sebenarnya tidak berjaya membongkar realiti pemikiran wanita India tersebut. Golongan wanita seperti Latha dalam novel *Al:akin A:rathanai*, Rokiah dalam *Cangkamam*, watak wanita Valli dalam Ethir Veedu tidak begitu lantang memperlihatkan pemikiran wanita. Ringkasnya, M.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ramaiah tidak berjaya memperjuangkan hak dan martabat golongan wanita dalam dunia ciptaannya untuk menghadapi hidup secara bebas dan bahagia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Md. Salleh Yapaar (2003) falsafah pemikiran feminisme ialah memperjuangkan hak dan martabat golongan wanita serta memperkasa golongan wanita untuk menghadapi hidup bebas dan bahagia. Ternyata apabila kita meneliti hasil nukilan M. Ramaiah hal ini tidak langsung kelihatan.

Dari hasil penelitian terhadap tujuh buah novel M.Ramaiah mendapati perwatakan wanita dalam novel-novelnya menunjukkan perwatakan yang kompleks dari segi kedudukan mereka. Secara ringkas, golongan wanita ini menjadi anak, kakak, adik, isteri, ibu, ibu mentua dan nenek. Perwatakan mereka begitu pelbagai dan memperlihatkan kepada kita tentang pemikiran pengarang tentang golongan wanita ini. Gambaran yang terlakar pula menunjukkan golongan wanita ini ada yang berbudi pekerti untuk menyedarkan pembaca, dan ada pula yang kurang bersopan santun untuk memberi ikthibar kepada pembaca. Di samping itu, golongan watak wanita yang tersuguh dalam novel-novel ini juga memperlihatkan bahawa golongan wanita terdiri daripada perwatakan yang mementingkan material seperti Sally dalam novel *Ehtir Veedu*, suka menghina wanita lain seperti Kanniamah dalam novel *Vil-alum Nhirum,* pintar menangani keadaan seperti Porkodi dalam novel *Ethir Veedu* dan Thilagawathi dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai*, suka bersandiwara seperti Sugumari dalam novel *Cangkamam*, menyerah seperti Purani dalam novel *Mana U:nangal*, gigih seperti Kayalvizhi dalam novel *Vil-alum Nhirum*, golongan yang mudah dipengaruhi seperti Parimalam dalam *Mana U:nangal* dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara ringkasnya, M.Ramaiah menonjolkan watak wanita dalam novelnya tidak berdaya atau berupaya untuk mengubah nasib malang yang diperuntukkan oleh pengarang. Hal ini demikian kerana hasil sosialisasi yang disogokkan oleh masyarakat turut mempengaruhi cara wanita ini berfikir sedemikian. Sikap mereka dilenturkan oleh acuan norma-norma masyarakat mereka. Lantarannya, mereka menjadi golongan yang terkongkong oleh adat dan kebiasaan. Akibat keadaan ini watak-watak wanita yang dicipta oleh M.Ramaiah tidak begitu bebas dalam erti kata yang sebenarnya. Pengarang mungkin menggambarkan hidup masyarakat wanita sedemikian rupa untuk mengajak pembaca melahirkan rasa simpati kepada golongan wanita malang yang tidak berdaya dan perlu dilindungi. Kesimpulannya, wanita yang dicerminkan dalam novel-novel M.Ramaiah masih lagi bersifat stereotaip, tidak ada kompleksiti jiwa dan mekanisme bela diri terhadap kaum lelaki seperti yang didakwa oleh Showalter. Oleh itu, Teori Feminisme yang diwarawarakan oleh orang barat itu tidak dapat dipertahankan sepenuhnya dalam mengkaji novel nukilan M.Ramaiah. Dapatan kajian ini menunjukkan M.Ramaiah melihat wanita sebagai golongan yang dieksplotasi dan dimanupulasi seperti yang dilihat oleh Showalter.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1.3 Rumusan Perjuangan Wanita dalam Novel-Novel Terpilih M. Ramaiah

Sebahagian besar watak yang dilukiskan oleh M. Ramaiah ini menjadi perlambangan perubahan yang terjadi dalam masyarakat India Malaysia. Perlukisan watak dalam novel-novel ini secara terperinci melakarkan gambaran yang berlaku dalam masayarakat estet di Malaysia. Jika dilihat terhadap konflik psikologi pula, golongan watak wanita ini sentiasa terdedah kepada masalah kerana golongan lelaki.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Golongan wanita dalam novel masing-masing mewakili perwatakan wanita yang selalu berada di bawah bayangan kekuasaan lelaki. Dalam novel ciptaan M Ramaiah, kebanyakan watak wanita yang dilakarkan sebagai watak yang menceburi bidang pekerjaan. Namun demikian mereka ini digambarkan sebagai golongan yang sentiasa dikawal oleh golongan lelaki.

Satu lagi aspek yang penting dilihat ialah walaupun wanita berkerjaya, mereka mempunyai dua tanggungjawab yang besar namun ini tidak bermakna mereka gagal untuk melaksanakan tugas mereka. Hal ini demikian kerana bagi lelaki walaupun seorang wanita bekerja mereka tetap diperlukan di domain rumah untuk melaksanakan kerja mereka sebagai seorang suri rumah tangga. Malah ramai wanita yang berkahwin terpaksa memikul tanggungjawab sebagai isteri, ibu anak mertua dan pekerja. Konsep gender ini merupakan suatu sifat yang terbentuk di minda golongan lelaki mahupun wanita tetapi sebenarnya konsep ini terbentuk secara sosial ataupun kebudayaan. Menurut Mansour Fakih (1999) kewujudan jurang dan ketidakadilan gender dimanifestasikan dalam pelbagai bentuk yakni marginalisasi akibat ekonomi, menjadi golongan subordinasi atau dianggap tidak penting dalam membuat keputusan politik, pembentukan stereotaip, mangsa kekerasan, serta beban kerja berlebihan. Hal yang diperkatakan oleh Fakih ini turut jelas dalam kesemua novel M. Ramaiah ini. Hal yang paling jelas ialah kecenderungan untuk membuat stereotaip. Golongan wanita dikehendaki mengawal kesopanan mereka dan jika terlanjur buruk padahnya. Hal ini jelas melalui watak Purani dan Pavalam dalam novel *Mana U:nangal.* Malahan watak-watak wanita dilihat sebagai golongan yang lemah dan lembut berbanding golongan lelaki yang dilakarkan sebagai golongan yang kuat dan perkasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, hipotesis Michel yang dipetik oleh Rosnah Baharudin (2003a) yang berpendapat bahawa golongan wanita menderita kerana wanita turut diperteguhkan oleh M.Ramaiah. Dalam tangan pengarang jelas kelihatan bahawa golongan wanita menjadikan watak wanita sebagai musuh kepada wanita yang lain. Hal ini ketara dalam novel *Vil-alum Nhirum*. Kanniamah telah menjadi watak yang menyusahkan watak utama Kayalvizhi, Sita dan Kalaiselvi. Kanniamah telah merancang segala-galanya untuk menjerat Kayalvizhi sehingga dia meninggalkan keluarganya. Untuk melaksanakan hal ini Kanniamah bertindak dengan licik dan pandai sehingga mereka tidak berani menentangnya termasuk Kayalvzhi yang berani itu. Malah Sita dan Kalaiselvi juga menderita akibat tindakan ibu mereka Kanniamah. Hal yang sama juga berlaku dalam novel *Ethir Veedu*. Dalam novel ini Porkodi dan Malliga menderita akibat watak Valli. Ternyata bahawa M.Ramaiah turut melihat wanita sebagai musuh wanita dalam novel-novel ciptaannya. M.Ramaiah jelas kelihatan terperangkap kepada acuan gender yang telah ditetapkan oleh masyarakat. Kecenderungan M.Ramaiah meneguhkan kepada pembaca tentang keperluan seorang gadis menjaga maruah dan kegadisannya turut ditekankan dalam novel-novelnya. Dalam konteks ini M.Ramaiah telah membawa pandangan yang berakar umbi dalam masyarakat India di Malaysia. Hal ini seiring dengan pendapat Woolf, seorang pengiat feminisme Barat, yang pernah menyatakan bahawa gender sebenarnya sesuatu yang diacuankan oleh masyarakat tertentu (Selden, et.al., 1997). Lantaran itu setiap wanita perlu mempertahankan 'mahkotanya' dengan teliti. Dalam novel-novel ciptaannya, M Ramaiah telah menyuguhklan pendapat ini. Watak Kanniamah yang menjadi bahan hinaan oleh anak kandungnya sendiri dalam *Vil-alum Nhirum*, Puranai dan Sellamah dalam novel *Payan:angkal: Mut:ivathillai*. Mereka terpaksa mengharungi pelbagai masalah dan cacian kerana gagal mempertahankan harga diri

mereka. Ternyata pandangan serta pegangan M.Ramaiah ini selari dengan kehendak dan aspirasi falsafah yang menjadi pegangan masyarakat India itu sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Novel-novel M.Ramaiah yang dipilih memperlihatkan bahawa pengarang lelaki masih lagi mewarisi pegangan tradisi dalam perlukisan perwatakan wanitanya. Watak-watak wanita dibebankan dengan pelbagai tanggungjawab. Secara umumnya boleh dikatakan bahawa imej wanita dalam hasil penulisan kesusasteraan Tamil tidak berkembang dengan sewajarnya. Kebanyakan watak mereka digambarkan sebagai golongan yang malang dan mereka terdedah kepada pelbagai bentuk kekangan dalam mengharungi kehidupan mereka. Golongan wanita masih lagi tidak diberi perhatian yang serius malahan mereka dilihat sangat bergantung kepada 'dunia' lelaki yang berjaya menguasai hidup mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini juga jelas menepati pendapat Milet yang dipetik oleh Todd (1988) Menurutnya sesuatu karya sastera merupakan hasil peniruan, penggambaran dan pemahaman tentang hidup, penafsirannya memudahkan kita mengetahui budaya sesuatu masyarakat yang memberi kemungkinan. Dalam dunia karya M.Ramaiah jelas kelihatan bahawa wanita India Malaysia diekspolitasi. Hal ini masih jelas menonjol dalam karya-karya M.Ramaiah. Sugumari dan Rokiah dalam novel *Cangkamam*, Parimalam, Sellamah, Purani dalam *Mana U:nangal* dan Kayalvizhi dalam novel *Vil-alum Nhirum* membuktikan hakikat ini.

Secara ringkasnya, M.Ramaiah menonjolkan watak wanita dalam novelnya tidak berdaya atau berupaya untuk mengubah nasib malang yang diperuntukkan oleh pengarang. Hal ini demikian kerana hasil sosialisasi yang disogokkan oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masyarakat turut mempengaruhi cara wanita ini berfikir sedemikian. Sikap mereka dilenturkan oleh acuan norma-norma masyarakat mereka. Lantaran itu, mereka menjadi golongan yang terkongkong oleh adat dan kebiasaan. Akibat keadaan ini watak-watak wanita yang dicipta oleh M.Ramaiah tidak begitu bebas dalam erti kata yang sebenarnya. Pengarang mungkin menggambarkan hidup masyarakat wanita sedemikian rupa untuk mengajak pembaca melahirkan rasa simpati kepada golongan wanita malang yang tidak berdaya dan perlu dilindungi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Cadangan Kajian Selanjutnya

Dalam bahagian ini pengkaji telah memberikan beberapa cadangan untuk diberi perhatian dan sekali gus diamalkan dengan berkesan oleh semua pihak. Salah satu cadangan pengkaji ialah kita perlu memperbanyak lagi kajian terhadap feminisme pada masa-masa akan datang. Pengkaji kelak diharap dapat meneruskan kajian mereka dalam bidang ini agar kajian yang mantap tentang feminisme tidak kira sama ada dalam genre novel, cerpen, puisi atau dari aspek kepengarangan atau penulisan sesuatu genre. Hal ini perlu terutamanya dalam bidang kesusasteraan Tamil negara kita.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, pengkaji juga mencadangkan agar pengkaji akan datang dapat memperbanyak kajian tentang peranan wanita agar citra dan kredibiliti wanita mampu menyerlah, sekali gus mengangkat martabat wanita seiring dengan lelaki di kaca mata dunia. Hal ini sekaligus akan membantu dalam usaha membanteras dan menangani masalah penindasan, penderaan dan pengksploitasian wanita. Seterusnya, pengkaji

berharap kajian ini dapat memberikan sumbangan informal dan maklumat serta ilmu kepada segenap lapisan masyarakat. Sehubungan dengan itu, pengkaji juga berharap agar kajian yang telah dihasilkan oleh pengkaji ini akan dapat memberikan manfaat dan mencambahkan idea kepada masyarakat yang berkecimpung dalam dunia kesusasteraan Tamil, khususnya dan masyarakat amnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui penganalisisan dalam kajian, pengkaji juga mencadangkan kepada para pengkaji yang lain untuk cuba meneruskan kajian mereka dalam bidang kajian perbandingan novel Tamil Malaysia dengan novel-novel negara India, terutamanya tentang kedudukan kaum wanita dalam novel Tamil Malaysia dan akhir sekali kesemua topik dalam kajian ini boleh dikenali sebagai topik khusus untuk kajian terperinci. Sehubungan dengan ini kajian mengenai novel Tamil Malaysia yang merangkumi suatu bidang luas mampu membuka lembaran baharu untuk bidang kajian selanjutnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Kesimpulan

Kesimpulannya, pengarang mengajak pembaca berfikir akan nasib wanita mungkin akan menjadi lebih baik dan menarik jika dibantu oleh lelaki yang bertanggungjawab sebagai pelindung dan pembela kaum wanita selamanya. Natijahnya, penulis-penulis lelaki dalam dunia penulisan novel Tamil Malaysia tidak dapat membela kedudukan watak wanitanya ciptaannya. Nampaknya pepatah yang berbunyi ‘hanya jauhari yang mengenal manikam’ mempunyai kebenaran. Mungkin hanya penulis wanita yang sebenarnya dapat menyelami perasaan wanita.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Abdullah Tahir**.** (1989)**.** *Proses Penciptaan Novel***.** Kuala Lumpur**:** Dewan Bahasa dan Pustaka**.**

Abdullah Tahir**. (**2003*)***.** Citra Wanita dalam Cerpen Melayu Mutakhir dalam Zalila Sharif (ed). *femenisme dalam kesusasteraan Malaysia dan Asia Tenggara***.** Kuala Lumpur**:** Dewan Bahasa dan Pustaka**.**

Abinaya, T. (2012). *pa:lako:pa:lan nhampiya:rin kanavuk ko:langkal: o:r a:yvu.* Tesis Sarjana Muda, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ahmad Kamal Abdullah**. (** 2003)**.** Keberangkatan Sungai & Lautan dan Kepompong Sunyi**:** Kewanitaan antara Tradisi dengan Moden *Dlm.* Zalila Sharif (ed**),** Feminisme dalam Kesusasteraan Malaysia dan Asia Tenggara**.** Kuala Lumpur**:** Dewan Bahasa dan Pustaka**.**

Ahcee Subramaniam**. (**1995)**.** *Wanita Dalam Novel Tamil Malaysia* **(**1910-1970**).** Tesis Sarjana Sastera, Kuala Lumpur**:** Universiti Malaya**.**

Ains Sabirin**.** (1969)**.** *Peranan Wanita Baru.* Kuala Lumpur*:* Utusan Melayu Bhd**.**

Anbalakan**. (**2008)**.** *Identiti India di Malaysia***.** Pulau Pinang**:** Universiti Sains Malaysia**.**

Anwar Ibrahim**. (**1997)**.** *The Asian Renaissance***.** Singapore**:** Times Books**.**

Arasaratnam**,** S**. (**1964)**.** *Indian in Malaysia and Singapore***.** London**:** Oxford Univerisity Press**.**

Arasaratnam**,** S**.** (1966)**.** *Indian Festivals in Malaya***.** Kuala Lumpur**:** Univerisiti Malaya**.**

Arasaratnam**,** S**.** (1974)**.** *History, nationalism and nation building the Asian dilemma.* Armidale**:** University of New England.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Arba'ie Sujud. (2008). *Sastera Melayu suatu Pengantar.* Kuala Lumpur: Tinta Press.

Arangganathan, S. (1976). *Tamil llakiyattil Penmai.* Mysore: Inthia Moligal Niruvananam.

Asmah Haji Omar. (2005). "*Budaya dan Bahasa Kiasan" Kertas Kerja Seminar Islam Hadari-Kefahaman Mengenai Keutuhan Budaya: Bahasa Kiasan, Korpus Melayu Islam dan Pembangunan Minda Baru Isam, anjuran bersama Kerajaan Negeri Melaka, Institusi Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Institut Kajian Sejarah & Patriotisme Malaysai (IKESP),* di Melaka International Trade Centre (MITC), Melaka Bandaraya Bersejarah, pada 18-19 Januari(2005).

Asmiaty Amat. (2000). *Hubungan Kaum dalam Novel Melayu Pasca merdeka, (1957-1969).* Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Asraf. (1954). "Nilai Sastera". *Mastika,* Mei (1954) Ahmad Kamal Abdullah. (2003). Keberangkatan Sungai & Lautan dan Kepompong Sunyi: Kewanitaan antara Tradisi dengan Moden *Dlm.* Zalila Sharif (ed.), *Feminisme dalam Kesusasteraan Malaysia dan Asia Tenggara.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Babu, K. (2004). *Ei-upathukal:il Malaysia Tamil-Novelkal.* Tesis Sarjana Sastera, Tanjavur: Universiti Tamil.

Baha Zain. (1991). *Tiga Catatan Perjalanan.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Baktavatsalam, C. (1997). Paanpattil Palamaiyum Puthumaiyum-Manthaviyalar Nokku *Dlm Ulagath Tamilar Panpattu Kalanjiam* . Cennai: Manivaasaker Nuulagam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Baktavatsalam, K. (1977). *Nattrami-l Val:arkum Nha:ran:turaik Kan:n:an.* Chennai: Bha:rati Ma: nha:ttu Malar.

Bogdan, R. and Taylor, S.J. (1975). *Introduction to Qualitative Research Methode*. New York : John Willey and Sons.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Chin Hai Leng. (1990). *Perbandingan Citra dan Peranan Di Antara Watak Wanita dan Lelaki Dalam Novel-Novel Arena Wati*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dhandayudam, R. (1980). *O:r ilakiya a:ivu*. Chennai: Puttagalayam.

Donovan, Josephine, C. (1989). *Feminist Literary Criticism: Explorations in Theory*, Lexington, KY: The University Press of Kentucky.

Deve Krishnan. (2001). *"Pemikiran Feminisme dalam Novel-Novel Civacankari"*. Tesis Sarjana, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Devapoopathy Nadarajah. (1969). *Women In Tamil Society – The Classical Perio*. Hong Kong: Cathay Press.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Eagleton. (1976). *Marxism and Literary Criticism*. Berkeley: University of California.

Edward Burnett Tylor. (1968). *Culture and Evolution*; *Essays in the History of Anthropology*. New York: Free Press.

Fakih, Mansour. (1999). *Analisis Gender dan Transformasi Sosial*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

Faridah Haji Shamsuri. (1983). *Imej dan Peranan Watak Wanita Dalam Novel-Novel Melayu Tahun Enam Puluha*. Sarjana Sastera, Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Haji Zainal Abidin Safarwan. (1995). Kamus besar bahasa Melayu Utusan. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hashim Awang. (1984). *Glosari Mini Kesusasteraan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Hashim Awang. (1987). *Teman pelajar kesusasteraan.* Petaling Jaya: Fajar Bakti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hashim Awang. (1984). *Kesusasteraan Melayu dalam Kritikan dan Sejarah*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.

Halimah Mohamed Ali dan Mohamad Luthfi Abdul Rahman. (2014). *Sastera dalam Budaya dan Media,* Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Heyzer and Noeleen. (1982). From Rural Subsistence to an Industrial Peripheral Work Force: An Examination of Female Malaysian Migrants and Capital Accumulation in Singapore. In Lourdes Beneria, ed. *Women and Development: The Sexual Division of Labor in Rural Societies* New York: Praeger Publishers. (179-202).

Ilanchelvan, M.A. (1999). *Ilanchelvan Cirukataikal*. India: Mithra Veliyidu.

Ilayaraja, A. (2006). *Puthiyatho:r Ulagam- O:r A:ivu* (Malaysia novel). Madurai: University Kamarajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ilangkumaran Sivanadhan. (2009). "*Kedudukan Wanita Dalam Karya-Karya M .A Ilanchelvan: Dari Perspektif Feminism.* Tesis Sarjana Sastera, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ira Manikkavalli. (2011). *Male:ciya Nha:t:t:il Kat:anhtha paththu A:n:t:ukal:il Vel:i Vanhthul:l:a Thamil- Nha:valkal:in Val:arcci Nhilai-O:r A:ivu* (Senario Perkembangan Novel Tamil di Negara Malaysia dalam Jangkamasa Sepuluh Tahun - Satu Kajian.

Janet Wolff. (1990). *Feminine Sentences*. Los Angeles: University Of California Press.

Jayaraman N .V. (1987). Malaysia Tamil Na:Val Valarcci (Perkembangan Novel Tamil Malaysia). Kuala Lumpur: Akhbar Tamil Nesan.

Kamarudin Hj. Husin, Siti Hajar Abdul Aziz. (1998). *Pengajian Melayu 4: Kesusasteraan dan pengajaran*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kalai selvi, M. (2002). *Em.ra:maiya:vin payan:angkal: mut:ivathillai nha:val o:r a:yvu*. Tesis Sarjana, Tanjavur: Universiti Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kumarasamy Thannimalai. (2011). *Isu-Isu SosialYang Digambarkan Oleh Novel-Novel Tamil Malaysia Sekitar 1990-an.* Tesis Sarjana Sastera, Kuala Lumpur: University Malaya.

Kamachy Chelian. (2012). *Stereotaip Wanita Dalam Cerpen-Cerpen Tamil Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya

Loganayagi, N. (1971). *Perkembangan Novel Tamil Malaysia.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mahaletchumi Ramakrishnan. (2008). *Stereotaip wanita dalam cerpen Tamil tiga dekad (1971- 2000): Satu kajian perbandingan*. Tesis Sarjana Sastera, Kuala Lumpur: University Malaya.

Mahatma Gandhi. (1958). *A Biography.* London: George Allen and Unwin Ltd.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manonmani Devi. (2008). *Citra wanita dalam novel-novel R. Karthigesu*. Tesis Sarjana Sastera, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mana Sikana. (2004). *Sastera Melayu Pascamodenisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa.

Mana Sikana. (2005). *Teori Sastera Kontemporari*. Kuala Lumpur: Pustaka Karya.

Manisegaran , A. (1988). *Malaysiayavil tamil-ilakiyam val:arnhtha katai*. Kuala Lumpur: Aravathu Ulaka Tamil Araicci Manatu. Malaysia Malar.

Maniyamin Hj Ibrahim. (2005). *Citra Takmilah : Analisis Terhadap Kumpulan Puisi Islam*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mathiyalagan**.** (*1985). Male:ciyath thamil- nhavalkal:- o:r atimukam.* Tesis Doktor Falsafah, Tamil Nadu: Universiti Pondicherry.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Md. Salleh Yappar**.** (2003)**.** *Feminisme dan Kesusasteraan Bandingan dalam Konteks Asia Tenggara Dlm. Zalila Sharif (ed) Feminisme dalam kesusasteraan Malaysia dan Asia Tenggara.* Kuala Lumpur**:** Dewan Bahasa dan Pustaka**.**

Muhammad Idris Saleh, Che Su Mustafa dan Fauziah Shaffie. (1994). *Sejarah Pembangunan Bangsa dan Negara*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.

Muthu Sithambaram**.** (1995)**.** *Penniyamum Totra Valarciyum.* Chennai**:** Tamil Puttagalayam**.**

Mogan**,** V. (2012) *Re.ka:rththike:cuvin anhthima ka:lam o:r a:yvu.* Tesis Doktor Falsafah, Madurai**:** Universiti Kamarajar**.**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Moi Toril. (1986). *French Feminist Thought, A Reader*. New York: Basil BlackWell Ltd.

Mohamad Mokhtar Hassan. (2005). *Teori konseptual kata kunci.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mohd Yusuf Hasan. (1995). *Penghayatan Fiksyen Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Yusof Hasan. *(2009). Pemikrian Global Sasterwan Negara Shahnon Ahmad.* Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Moi Toril. (1985). *Sexual/Textual Politics : Feminist Literary Theory (New Accents).* New York :Routledge. (57).

Naom Wolf. (1994). *Fire with Fire: The New Female Power and How to Use It*. Ballantine Books: New York.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Neelamalar Tangakrishnan. (2001). *Malaysia Tamil Cirukathaikalil Penniya Cintanaikal.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2005). *Pemikiran Dan Teknik Penceritaan Dalam Novel Komponen Sastera Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu,* Tesis Falsafah Kedoktoran, Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia.

Norhayati Bt.Rahaman. (2005). *Puitikan Satera Wanita dalam Novel- Novel Pengarang Wanita Indonesia dan Malaysia: Satu Bacaan Ginokritik.* Pulau Pinang: University Sains Malaysia.

Norhayati Ab.Rahman. (2006). Pemeriksaan Wanita Dalam Novel-Novel Malaysia dan Indonesia : Pertembungan Antara Tradisi dan Modeniti dlm Puteri Roslina Abd.Wahid (Editor) *Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu*. Akademi Pengajian Melayu: Universiti Malaya. (298-307).

Nurbaini Ahmad Daud. (2003). *Citra Wanita Dalam Novel- Novel Pilihan Karya Novelis Wanita Dan Lelaki: Satu Analisis Perbandingan.* Tesis Sarjana Sastera, Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod.* Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Pama, P. (2013).“*Steretaip Gender Dalam Novel Terpilih Ramani Chandran”*. Sarjana Sastera, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Palani Krishnasamy. (2011). *Pemikiran feminism dalam sajak Tamil Moden Malaysia.* Tesis Sarjana Sastera, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Plato. (1941). *The Republic. (teorj). F.M.* Conford Oxford: Clarendon Press.

Premavathi. (2005). *Stereotaip watak wanita dalam cerpen Bahasa Tamil.* Tesis Sarjana Sastera, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Prema. (1998). *Penniyam Anukumuraikal.* Chennai: Tamil Puthagalayam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Puspa Nathan, N. (2012). *Wanita Dalam Cerpen-Cerpen R. Karthigesu.* Tesis Sarjana Sastera, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rahman Shaari. (2001). *Bimbingan Istilah Sastera*. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd.

Rajeswary Vairan. (2008). *Feminisme Dalam Epik Tamil Malaysia***.** Kuala Lumpur**:** Universiti Malaya**.**

Rajeswari**,** S**.** (2012)**.** *Nhi:l:thuyil novelil varala:ru pathivukal: Vet: ivelli***.** Selangor**:** Sakti Foundation**.**

Raymond Williams. (1977). *Marxism and Literature.* New York: Oxford University Press.

Rohana Yusuf. (1996). *Asas Sains Sosial Dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rahmah Ahmad H. Osman. (2001). *Citra Wanita dalam Cerpen-cerpen Wanita Jordan dan Malaysia.* Ijazah Sarjana, *University of Jordan.*

Rosnah Baharudin. (2003). Mencari Jati Diri Feminisme dalam Karya Novelis Tempatan dalam Zalila Sharif(ed). *Feminisme dalam Kesusasteraan Malaysia dan Asia Tenggara.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rosnah Baharudin. (2003). *Wacana Wanita Melayu dan Sastera***.** Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia

Rosnah Baharudin. (1995). *Wanita Dalam Novel A. Samad Said.* Tesis falsafah Kedoktoran, Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sababathy, V. (1996). *Malaysia Tamil Novel Vaalam.* Chennai: Chitambaram Manivasagar Pathippagam.

Sababathy, V. (1999). *Malays Tamil Novels after Independence.* Kuala Lumpur: Universitu of Malaya Press.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sababathy, V. (*2004*). *Malaysia Tamil Ilakkiyam - Or Arimugam*. Kuala Lumpur: Malaysia Tamil Eluthalar Sangam.

05-4506 nku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sababathy, V. (1996). *Malaysia Tamil Novels After Independence*. Kuala Lumpur: University Of Malaya Press.

Sauriraj, S. (1997). *Sivasangariyin Naavalgalil Pengal.* Chennai: Kaavya Publication.

Sagar Narayanan. (*2011). Corak Pemikiran Sosial Masyarakat India dalam Novel Tamil Malaysia (1957-1985).* Tesis Doktor Falsafah, Kuala Lumpur: Universiti Malaya**.**

Shaharom TM Sulaiman. (2013). *Dunia Pemikiran Intelektual: Menelusuri Karya-karya Intelektual Terpilih.* Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad**.**

Selden**,** R. (1997). *A Reader's Guide to Contemporary Literary Theory*. London: Prentice Hall**.**

05-4506 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Siti Aisah Murad. (1998). *Citra Wanita Dalam Novel-Novel Arena Wati*. Sarjana Sastera, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Siti Hajar Abdul Aziz. (2009). *Bahasa Melayu II*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd

Siti Hajar Bt. Che Man. (1999). *Feminism Dalam Kesusasteraan.* Tesis Doktor Falsafah, Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Siti Khariah Mohd Zubir. (*2009). Citra Wanita dalam Novel Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Malaya.

Siti Khariah Mohd Zubir. (2004). *Citra Wanita Dalam Novel-Novel Melayu Daripada Perspektif Pengarang Wanita.* Tesis Sarjana Sastera, Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia.

Siti Aisah Murad. (1998). *Citra Wanita Dalam Novel-Novel Arena Wati*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

05-4506 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sohaimi Abdul Aziz. (1992). *Mobiliti Sosial: Prespektif Barat dan Islam dalam Novel Terpilih Shahnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Stenson,M.R. (1980). *Class, Race and Colonialism in West Malaysia: The Indian Case.* St. Lucia, Brisbane: University of Queensland Press.

Thilgavathy,T. (2012)**.** *Cokkalingkaththin, ci. vallamai tha:ra:yo: o:r a:yvu.* Tesis Sarjana, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ummadevi, S**.** (2005)**.** *Tun V. T. Sambanthan: Pemimpin Berjiwa Malaysia***.** Kuala Lumpur**:** Penerbit Universiti Malaya**.**

University of Madras**. (**1939)**.** *Tamil Lexicon**, 1936.*** Madras **:** University of Madras Press.

Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (1986). *Women Fiction Writers and Images of Women in Modern Malay Literature, Sojourn: Journal of Social Issues in Southeast Asia Vol. 1, No. 2 (AUGUST 1986),(pp. 155-171)**.***

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (1994). *Dinamika pemikiran sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Kling. (1993). Asas Ketuhanan dalam Pemikiran Sosiopolitik Melayu. *Dlm* Ismail Hussein *Tamadun Melayu. Jil. 2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi